

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 7

Rabu

26 April 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN

LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 40)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai

Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2017

(Halaman 21)

Rang Undang-undang Mahkamah

(Kaedah-kaedah Pemulaan Tindakan Sivil) 2016

(Halaman 28)

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2017

(Halaman 31)

Rang Undang-undang Kebangkrapan (Pindaan) 2016

(Halaman 34)

Rang Undang-undang

Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak

(Halaman 77)

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017

(Halaman 131)

Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017

(Halaman 146)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 26 April 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejahtera dan salam negaraku.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih atas sumbangan Ahli Yang Berhormat pada malam tadi yang sanggup tunggu, berjuang bersama-sama saya hingga hampir pukul 10 malam dan saya teruskanlah. Jadi kita berpaksi kepada yang saya katakan, hidup manusia ini berbakti, hidup pokok berbuah. Dengan tidak membuang masa lagi saya ingin meneruskan pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan. Pertama Yang Amat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib, dipersilakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. YBM Engku Naimah binti Engku Taib minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bilangan kes keganasan terhadap wanita dan penderaan serta pengabaian kanak-kanak bagi tahun 2010 hingga 2017 terkini dan nyatakan sejauh manakah keberkesanan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*] Pindaan 2012 dalam membendung kejadian keganasan terhadap wanita dan penderaan kepada kanak-kanak.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga terhadap wanita termasuk kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Begitu juga dengan kebajikan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 digubal untuk melindungi mana-mana ahli keluarga yang memerlukan perlindungan dan peruntukan-peruntukannya dibaca bersama Kanun Keseksaan.

Statistik Polis Diraja Malaysia dari tahun 2010 hingga ke Mac 2017 menunjukkan bahawa sebanyak 57,519 kes keganasan terhadap wanita telah dilaporkan. Jumlah ini merangkumi bilangan kes keganasan rumah tangga dan kes-kes jenayah di bawah Kanun Keseksaan yang melibatkan wanita sebagai mangsa seperti kes mencabul kehormatan, sumbang mahram, rogol dan kesalahan luar tabii. Daripada jumlah ini 23,212 kes iaitu 40 peratus merupakan kes keganasan rumah tangga yang melibatkan wanita sebagai mangsa.

Bagi kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada JKM bagi tempoh tahun 2010 ke 2016 pula adalah sebanyak 28,365 kes yang mana masing-masing berjumlah 4,982 kes bagi tahun

2016, 4,453 kes bagi tahun 2015, 4,295 kes bagi tahun 2014, 4,119 bagi tahun 2013, 3,831 kes bagi tahun 2012, 3,428 bagi tahun 2011 dan 3,257 kes bagi tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat pindaan pertama ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada 21 Disember 2012 dan dikuatkuasakan pada 20 Februari 2013. Antara pindaan utama pada ketika itu ialah memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga daripada bentuk fizikal untuk turut meliputi penderaan emosi, mental dan psikologi, penggunaan bahan yang memabukkan dan bahan yang menyebabkan delusi kepada mangsa termasuk mangsa kanak-kanak. Selepas pindaan kepada akta tersebut dibuat, semua pegawai yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga telah diberi taklimat yang mana sebanyak 14 sesi taklimat telah diadakan di seluruh negara.

Taklimat ini merupakan program advokasi yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan tentang kaedah pengendalian kes termasuk mangsa keganasan rumah tangga kepada pegawai yang berkaitan dan menyebarkan peranan dan tanggungjawab agensi berkaitan yang mengendalikan kes keganasan rumah tangga.

Sebagai kesinambungan kepada pindaan yang dibuat ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, pada tahun 2012, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama 9 lagi agensi telah membangunkan garis panduan pengendalian kes keganasan rumah tangga. Garis panduan tersebut telah menyatakan dengan jelas akan peranan dan tanggungjawab dalam pengurusan kes keganasan rumah tangga oleh agensi yang terlibat antaranya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan mahkamah.

■1010

Selain Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga juga boleh dilindungi di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan) 2016. Kerajaan juga telah menggubal Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada sesi ini. Perlindungan yang boleh diberikan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan) 2016 adalah bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan contohnya di bawah seksyen 30 iaitu dera dan abai, seksyen 40 untuk pelacuran dan hamil luar nikah dan seksyen 46, tidak terkawal. Manakala Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 pula memperuntukkan hukuman bagi individu yang melakukan mana-mana kesalahan berunsurkan seksual terhadap kanak-kanak termasuklah yang dilakukan oleh ahli keluarga sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] diwujudkan bagi memberi perlindungan undang-undang kepada mangsa keganasan rumah tangga. Keterpakaian akta ini tidak hanya terhad kepada isteri, malah turut merangkumi suami, bekas suami, atau isteri, kanak-kanak, orang dewasa, tidak berkeupayaan dan anggota lain keluarga. Statistik PDRM menunjukkan bahawa jumlah kes yang dilaporkan saban tahun meningkat sebanyak 66 peratus iaitu, 3,488 kes pada tahun 2012 kepada 5,796 kes pada tahun 2016. Peningkatan jumlah kes yang dilaporkan merupakan salah satu *indicator* yang menunjukkan bahawa masyarakat secara umum mengetahui

dan mempraktikkan hak mereka seperti yang digariskan di bawah akta ini. Hal ini juga membuktikan bahawa tahap kesedaran masyarakat terhadap kesalahan keganasan rumah tangga turut meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, KPWKM positif terhadap keberkesanan akta-akta ini dalam membendung kejadian keganasan terhadap wanita dan penderaan serta pengabaian kanak-kanak. Dalam usaha memantapkan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, kementerian turut mencadangkan supaya akta tersebut dipinda untuk menambah baik akta sedia ada dan bagi memastikan akta ini kekal relevan dengan situasi semasa.

Bacaan pertama Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 telah dibuat di Dewan Rakyat pada sesi ini. Cadangan pindaan ini melibatkan lima perkara utama iaitu:

- (i) memperluaskan taksiran keganasan rumah tangga untuk turut meliputi tindakan:
 - (a) menggelapkan harta mangsa sehingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
 - (b) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan pihak ketiga atau mengalami kesedihan; dan
 - (c) berhubung dengan mangsa atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa melalui apa-apa cara, elektronik atau sebaliknya.
- (ii) memperkenalkan perintah perlindungan kecemasan (EPO);
- (iii) pembelian hak penghunian eksklusif bersama kepada mangsa;
- (iv) memperkenalkan program pemulihan; dan
- (v) penambahbaikan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO).

Sebagai kesimpulan, usaha untuk membanteras kes keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak memerlukan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat. Sekian, terima kasih.

YM. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang baik hati atas jawapan yang sungguh memuaskan hati yang telah diberikan. Kita sebenarnya amat tertunggu-tunggu pindaan Rang Undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pindaan 2017 demi menunjukkan kepada mangsa kerajaan bersungguh-sungguh memberi perlindungan bukan sahaja kepada mangsa tetapi juga kepada semua ahli keluarga mangsa keganasan rumah tangga.

Soalan tambahan saya, walaupun telah termasuk dalam beberapa terma tadi dijawab, sejauh manakah perintah perlindungan kecemasan atau *emergency protection order* (EPO) yang boleh dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berbanding perintah perlindungan atau *protection order* (PO), mampu melindungi mangsa keganasan rumah tangga.

Pada masa kini terdapat hanya 11 buah rumah perlindungan selamat bagi kes keganasan rumah tangga di seluruh negara. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan rumah perlindungan selamat bagi setiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur? Apakah langkah kerajaan bagi melindungi mangsa keganasan rumah tangga, memandangkan pelaku boleh menyerang semula mangsa selepas dibebaskan daripada siasatan dan terakhir memandangkan kelemahan oleh agensi yang terbabit bagi menangani kes keganasan rumah tangga, adakah kerajaan bercadang mewujudkan pasukan khas untuk menangani keganasan rumah tangga termasuk mengadakan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, polis dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Walaupun soalan tambahan tu satu sahaja, tetapi telah pun mengemukakan empat soalan. Saya cuba untuk jawab satu demi satu. Untuk makluman Yang Berhormat, EPO merupakan perlindungan sementara yang boleh dipohon secara *ex-parte* daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat. EPO bertindak dalam keadaan kecemasan yang memerlukan perlindungan segera.

Perbezaan antara IPO, PO dan EPO adalah seperti berikut: pertama, *Interim Protection Order* diberikan setelah polis memulakan siasatan, tempohnya untuk sepanjang tempoh siasatan. Untuk *protection order* dia diberikan selepas mahkamah menjatuhkan perintah, tempoh itu adalah 12 bulan dari tarikh mula berkuat kuasa perintah. Sekiranya tempoh perlindungan PO tamat dan masih merasakan memerlukan perlindungan, mangsa boleh membuat permohonan kepada tempat selamat yang diluluskan oleh kementerian atau mendapatkan perlindungan yang di mana-mana tempat berindung.

Emergency protection order (EPO) yang akan dimasukkan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga yang akan dibaca kali kedua pada sesi Dewan Rakyat yang akan datang iaitu adalah satu perintah perlindungan sementara *ex-parte*, diperolehi daripada pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa terhadap kepada dua situasi. Pertama, mangsa dalam keadaan ketakutan dcederakan secara fizikal dan mangsa dcederakan secara fizikal. Tempoh EPO dikeluarkan oleh JKM adalah dua jam selepas menerima laporan daripada mangsa. Ini bermakna mangsa boleh dapat EPO ini dalam masa dua jam dan tidak perlu pergi ke mahkamah atau melalui selepas membuat laporan polis. Selepas EPO itu dikeluarkan 10 jam tempoh untuk JKM mengeluarkan arahan EPO kepada pihak polis dan pihak polis perlu mengemukakan EPO kepada pelaku dalam tempoh 12 jam selepas menerima serahan EPO daripada JKM. Ini bermakna dengan adanya EPO, kita telah mempercepatkan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Untuk makluman Yang Berhormat, tempat selamat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga, dia lebih daripada 11 buah yang telah pun digazet. Pada masa ini terdapat 43 buah tempat selamat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga di seluruh negara iaitu di bawah kerajaan 35 buah dan di bawah NGO adalah tujuh buah. Untuk Kuala Lumpur memang kita telah pun sediakan rumah selamat kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.

■1020

Untuk jawab soalan Yang Berhormat yang ketiga iaitu kita mengakuilah ada kemungkinan pelaku itu dilepaskan sekiranya tidak ada bukti dan dakwaan telah pun diberhentikan. Akan tetapi

pelaku itu memang mungkin akan berterusan mendatangkan ancaman terhadap mangsa itu. Oleh itu, kalau keadaan ini berlaku, kami menasihatkan mangsa membuat laporan polis semula untuk membuka kes siasatan semula bagi mendapatkan perintah perlindungan yang baharu. Sekiranya mangsa merasakan masih tidak selamat selepas tempoh EPO, IPO dan PO, mangsa boleh membuat permohonan untuk ditempatkan di rumah perlindungan atau tempat selamat yang mendapat kelulusan oleh kementerian.

Untuk jawab soalan keempat, kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan semua jabatan yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga dengan mewujudkan garis panduan. Garis panduan ini, pengendalian kes keganasan rumah tangga. Ini bagi memastikan koordinasi dan tindakan setiap agensi yang bertanggungjawab. Agensi yang terlibat adalah Jabatan Peguam Negara, mahkamah, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pelajaran dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dulu ya.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua tunjuk kat saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi Dato' Dr. Johari bin Mat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Dia dulu? Okey.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya tengok semua angka naik dan *latest case* yang diberitahu 57,519 kes yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia. Keganasan rumah tangga naik, angka dadah naik. Semalam kita dengar dalam Dewan, isteri pukul suami pun naik. Jadi, angka-angka ini membimbangkan. Saya rasa kita gagal untuk mengatasi masalah kenaikan perkara-perkara begini.

Saya melihat ada beberapa negara Yang Berhormat Timbalan Menteri, termasuk di Singapura, mereka mengadakan kaunseling mandatori kepada pendera-pendera ini dan *result* atau keputusan daripada kaunseling mandatori ini amat memberangsangkan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Malaysia juga menuju ke arah itu. Kalau sekiranya 57,519 kes ini, maknanya kita kena buka satu universiti untuk kaunseling mereka ini. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun angka kes keganasan rumah tangga itu telah pun menunjukkan peningkatan tetapi apa yang kita dapati ini adalah kerana peningkatan kesedaran di antara orang awam. Sebelum ini bermakna walaupun angka kes keganasan rumah tangga sebelum ini mungkin adalah lebih rendah tetapi itu tidak bermakna tidak ada kes keganasan yang berlaku. Hanya mereka tidak ada kesedaran dan kaum wanita atau mangsa itu, mereka itu tidak faham macam mana mereka boleh dapatkan perlindungan dan juga apakah hak asasi mereka. Oleh itu, kita ambil maklum dan kita rasa itu adalah satu perkembangan yang positif. Oleh kerana bila mangsa buat laporan dengan pihak polis dan juga JKM, itu bermakna kita boleh *intervene* dan kita boleh masuk untuk beri perlindungan dan menyelamatkan mereka daripada mereka diancam atau didera.

Memang betul, sebelum ini angka mangsa kaum lelaki yang kita dapati beberapa tahun yang lepas adalah lima peratus tetapi pada masa kini adalah 26 peratus. Ini bermakna Akta Keganasan Rumah Tangga ini bukan sahaja beri perlindungan kepada kaum wanita tetapi kepada semua ahli keluarga yang mungkin jadi mangsa kes penderaan. Mengenai kaunseling itu, kita di bawah Akta Kanak-kanak dan di bawah akta kita sekarang bukan sahaja kita ada hukuman tetapi kita telah juga bermula untuk mengadakan *community service*. Memang kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, melalui Jabatan Pembangunan Wanita, melalui LPPKN, kami semua agensi di bawah kementerian, kita ada kaunselor untuk beri kaunseling kepada pelaku dan juga mangsa. Sekian. Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baru terima mesej daripada Rantau Panjang mengatakan bila berlaku keganasan, maka berlakulah perceraian, keruntuhan rumah tangga. Ada di kalangan wanita yang ada IC merah dan IC hijau. Jadi, bila sudah berlaku perceraian, keganasan rumah tangga, IC merah, IC hijau ini dia tak boleh pergi ke mana-mana sebab tidak ada IC biru.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang memiliki IC merah, sudah 30-40 tahun IC merah dan IC hijau ini, boleh tak pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini bantu memberi perakuan kah, membuat perakuan kepada KDN untuk membolehkan mereka ini mendapat IC biru? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita memang kita akan beri bantuan kepada wanita-wanita yang berumah tangga dan beranak- ada anak di negara kita. Biasanya kita akan menjalankan siasatan, bila ada permohonan, kita akan ikutlah keadaan kes-kes yang disalurkan kepada kita. Jikalau kes itu adalah benar untuk kebajikan anak-anak warganegara Malaysia, kami akan sediakan dokumen dan kita akan beri surat sokongan. Akan tetapi untuk mengeluarkan IC ini adalah di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

2. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, apakah langkah-langkah pihak kementerian dalam mempromosikan Taman Laut kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Pelancongan dan Kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Malaysia amat bertuah kerana wujud di dalam kedudukan geografi yang strategik, beriklim khatulistiwa dan di kelilingi laut, membantu kepelbagaian hidupan marin untuk hidup di perairan negara, sekali gus kaya dengan khazanah hasil laut. Negara ini juga terletak di dalam kawasan segi tiga terumbu karang menjadikan Malaysia kaya dengan biodiversiti marin. Merujuk kepada data kemasukan pelancong, sebanyak lima peratus ataupun lebih kurang 1.3 juta daripada 26 lebih juta pelancong pada tahun 2016 telah melawat Taman Laut di seluruh Malaysia.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di dalam memelihara dan memulihara flora dan fauna negara ini selaras dengan falsafah kementerian ini iaitu, '*Tourism Protect, Conserve, Preserve Mother Nature, Culture and Heritage*' dan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025. Kementerian telah memberikan peruntukan sebanyak RM4 juta pada tahun 2014-2015 kepada NRE untuk projek menenggelamkan kapal maritim APMM sebagai tapak selam alternatif.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui *Tourism Malaysia* sentiasa memberi penekanan mempromosikan pelancongan berasaskan eko dan taman laut adalah destinasi yang diberi keutamaan. Usaha-usaha promosi bagi memperkenalkan taman laut kepada para pelancong dalam dan luar negara seperti:

- (i) menyertai pameran-pameran pelancongan dan antarabangsa yang relevan;
- (ii) menganjurkan lawatan suai kenal untuk media dan pengusaha pelancongan dengan kerjasama syarikat-syarikat penerbangan;
- (iii) menggunakan saluran media sosial secara meluas dalam mempromosikan keunikan taman laut serta aktiviti yang boleh dilakukan;
- (iv) program-program percutian ke taman laut turut dipromosikan menerusi penyertaan dalam pameran-pameran pelancongan di peringkat negeri dan kebangsaan; dan
- (v) mengembangkan pakej-pakej khas taman laut yang terkandung dalam risalah *Cuti-cuti 1Malaysia 1001 Pakej* dan mempergiatkan promosi domestik melalui kempen *Cuti-cuti 1Malaysia Dekat Je*. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu kita patut mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang telah berjaya menarik lebih ramai pelancong ke negara kita. Sebenarnya negara kita, saya setuju apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri, mempunyai cukup banyak tarikan khususnya tarikan yang berkaitan dengan taman laut.

Kalau kita lihat pelancong-pelancong daripada Eropah khususnya, memang mereka suka sangat untuk beriadah di taman laut ini. Persoalan saya, yang pertama saya perhatikan apabila kita membuat *promotion* taman laut ini agak masih belum berapa kukuh. Contohnya, saya melihat dalam web, di Malaysia kita mempunyai tidak kurang daripada 42 taman laut. Tetapi kita yang diberitahu mungkin yang kita tahu kalau di Terengganu itu, di Redang, di Pulau Kapas, kalau di Pahang di Tioman, padahal banyak lagi taman-taman laut yang lebih dapat menarik minat.

Contohnya, kalau kita lihat di Terengganu saya lihat berbagai-bagai nama, Pulau Paku Besar, Pulau Paku Kecil dan Pulau Susu Dara. Bermacam-macam nama yang lebih dapat menarik minat... [Disampuk] Ada ini dalam web saya baru buka, ini maksudnya ramai orang tidak tahu. Saya rasa kalau dalam promosi kita letak Pulau Susu Dara, saya rasa banyak Ahli-ahli Yang Berhormat, esok juga akan buat *booking* nak pergi ke Pulau Susu Dara [Ketawa]

Begitu juga saya tengok di Pahang, kita sibuk dengan Pulau Tioman, kita ada satu pulau ini Yang Berhormat, Pulau Chebeh. Pulau Chebeh nama dia itu saya baca daripada di sini, Pulau

Chebeh. Saya nak katakan promosi masih berkurangan, persoalan saya apakah tidak Kementerian memperkukuhkan lagi promosi dan juga cadangan saya kalau Kementerian boleh meletakkan di dalam takwim tahunan melawat Malaysia supaya dapat memberikan lebih banyak *information* kepada pelancong-pelancong. Itu soalan pertama.

Soalan saya yang kedua, selain sukan air dan sukan *scuba diving* dan *snorkeling*, apakah tarikan-tarikan terbaru yang boleh kita fikirkan bersama untuk menarik pelancong melancong ke kawasan taman laut ini. Ketiga, apakah perubahan iklim yang tidak menentu pada hari ini memberi kesan kepada kehidupan laut serta mengakibatkan kurangnya tarikan pelancong ke taman-taman laut ini.

Keempat, adakah pelancong ke taman laut ini meningkat ataupun menurun. Kalau ia nya meningkat berapa persen menyumbang kepada sektor pelancongan ke taman laut. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Kementerian Pelancongan minta saya menjawab soalan ini kerana ada kaitan dengan Jabatan Taman Laut Malaysia di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Seperti yang saya sebut tadi memang kerjasama erat antara kedua-dua kementerian ini sentiasa mampan dan di antaranya ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa memberi nasihat kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tentang dua perkara besar.

Pertama tentang pemeliharaan dan pemuliharaan dan pada masa yang sama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa memberi nasihat tentang kapasiti ataupun keupayaan taman-taman laut untuk menerima jumlah pelancong. Pada masa ini sebenarnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang membuat kajian, sejauh mana kapasiti mutakhir yang boleh menerima pelancong. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator tadi iaitu kita perlu memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan taman laut bukan saja tertumpu kepada 42 lokasi tadi, sama ada dalam dua batu nautika ataupun satu batu nautika.

Di antara beberapa pulau yang disebutkan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mengkaji untuk mewartakan lebih banyak kawasan-kawasan taman laut bagi dua tujuan. Pertama, pemeliharaan dan pemuliharaan bagi tujuan keseimbangan biodiversiti dan kedua sudah tentu untuk pelancongan. Tentang cadangan sukan laut ataupun apa-apa aktiviti yang boleh dikembangkan, sebenarnya memang ada dalam perancangan kementerian juga dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Ertinya aktiviti yang di- kalau boleh diteroka yang sesuai dengan taman laut bagi tujuan untuk meningkatkan lagi jumlah pelancong yang minat dengan taman laut. Tentang perubahan iklim, oleh kerana baru-baru ini berlaku perubahan iklim yang luar biasa, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebenarnya akan sentiasa memberi input kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tentang kesan yang berlaku daripada perubahan iklim itu, sama ada aktiviti di taman laut boleh diteruskan atau tidak.

Seperti yang saya sebut tadi tentang jumlah pelancong sama ada menaik atau menurun, yang mampu saya sebut setakat ini ialah jumlah pelancong yang telah melawat Malaysia lebih kurang lima peratus daripada keseluruhan. Jumlah pelancong yang melawat Malaysia kerana ataupun kemasukan

pelancong sebanyak lima peratus daripada 26 juta lebih kurang, telah melawat taman laut di seluruh Malaysia setakat ini untuk 2016.

Angka sebelumnya saya tidak ada, tapi satu maklumat yang saya perlu disebut di sini yang baru saya terima ialah promosi yang dijalankan bagi tujuan menarik pelancong tersebut bukan saja di dalam tetapi juga di luar negeri termasuklah menyertai beberapa pameran dan juga program yang berkaitan dengan promosi pelancong khususnya taman laut di luar negara. Sama ada di London, di Spain, di China dan juga di Korea dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada soalan tambahan? Tidak ada. Saya pergi ke Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

3. Tuan Ramli bin Shariff minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, status semakan pemberian bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang berkecimpung dalam sektor pertanian bagi membantu mereka menangani masalah peningkatan kos sara hidup.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar Tingkatan 6 daripada Sekolah Menengah daripada Daerah Machang, Kelantan... *[Tepuk]* Orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator. Kecaknaan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Senator sesungguhnya adalah bertepatan dengan dasar-dasar yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan. Sejak RISDA ditubuhkan pada tahun 1973 lagi, sememangnya tugas dan tanggungjawab utama RISDA adalah untuk memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil RISDA.

Terutamanya mereka ini bolehlah disifatkan sebagai golongan yang berpendapatan rendah dan ada daripada mereka ini tergolong daripada golongan miskin dan miskin tegar.

■1040

Antara bentuk bantuan yang kita berikan kepada mereka ini ialah seperti program tanaman semula getah dan juga sawit. Selain daripada itu, program-program yang kita susun dan atur bagi tujuan untuk memberi pendapatan tambahan kepada mereka ialah seperti program-program aktiviti ekonomi tambahan bagi membantu mereka untuk memperoleh pendapatan tambahan.

Kita akan bantu daripada segi peralatan contohnya. Selain daripada kita bantu peralatan, kita juga memberikan kursus-kursus kepada mereka termasuklah kepada generasi kedua RISDA juga. Anak-anak pekebun kecil RISDA juga kita bantu. Kalau yang berkemahiran daripada segi bengkel, mekanik, kita akan bantu. Selain daripada itu, kepada suri rumah agar mereka dapat membantu suami mereka, kita bagi kursus dan juga bantuan seperti mesin jahit, alat buat kuih dan macam-macam lagi. Sekarang ini *business online* juga mendapat perhatian di kalangan masyarakat bukan sahaja di kawasan pekan tetapi juga di kawasan luar bandar. Kita juga menyediakan kursus kepada mereka ini untuk mereka memasarkan produk-produk mereka kerana ada di kalangan pekebun-pekebun kecil

RISDA ini yang kita bantu. Contohnya bantuan untuk perusahaan madu kelulut. Sekarang ini madu kelulut memang *famous*. Bagaimana untuk memasarkan madu kelulut mereka yang asli ini. Kita bagi latihan untuk program *online business* ini. Banyak lagi kalau saya hendak sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas *respond* dan juga kerana membawa penyokong-penyokong daripada kawasan sendiri. Tahniah, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, getah dan kelapa sawit adalah menjadi *core business* dengan izin kepada khususnya RISDA. Jadi soalan tambahan saya ialah selain daripada tanaman utama ini iaitu getah dan sawit, adakah pihak kementerian turut menyediakan bantuan-bantuan lain kepada pekebun-pekebun kecil selain dari hasrat menanam getah ataupun mengendalikan tanaman getah dan sawit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat. Sememangnya ada. Selain daripada getah dan sawit, kita sentiasa membuat pemantauan. Contohnya pekebun-pekebun kecil di bawah RISDA ini yang mana kadang-kadang getah mereka ini, mereka tanam getah di kawasan-kawasan yang selalu didatangi oleh banjir. Maka pembesaran pokok getah tersebut akan sentiasa terbantut dan hasilnya juga akan berkurangan. Maka kadang-kadang mereka ini hendak berpindah daripada tanaman getah ataupun sawit ini ke tanaman-tanaman lain. RISDA memberi bantuan. Kerajaan memberi bantuan. Nilainya RM7,500 satu hektar. Antara contoh, untuk makluman Yang Berhormat, seperti hendak tanam kelapa. Dulunya getah kemudian hendak tanam kelapa, koko, kopi, lada hitam, buah-buahan seperti durian, rambutan, ciku, mangga, jambu dan macam-macam buah-buahan.

Bagi kita, bukan sahaja kita bagi bantuan kepada mereka tetapi kita mesti menilai dulu tanah tersebut. Kita akan hantar pegawai-pegawai kita yang mahir dan pakar daripada segi teknikalnya untuk melihat kesesuaian tanah. Contohnya kalau dia hendak tanam kelapa. Adakah tanah daripada kita hendak tebang sawit ataupun getah ini untuk tanam kelapa ini, adakah tanah tersebut sesuai ataupun tidak untuk kita tanam kelapa. Kalau sesuai, kita akan bagi bantuan untuk tanam kelapa. Kalau tidak sesuai, kita akan bagi khidmat nasihat kepada mereka agar mereka dapat memilih jenis tanaman yang sesuai dengan tanah yang dicadangkan tersebut. Terima kasih.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dengan kos sara hidup yang meningkat ini, saya hendak tanya apakah pendapat Yang Berhormat Menteri tentang tanaman guarana yang diperkenalkan oleh RISDA baru-baru ini sebab dikatakan enam bulan sahaja boleh dapat hasil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Kita sentiasa mencari agar ada penemuan-penemuan baru. Bukan sahaja guarana sahaja tetapi apa-apa jenis tanaman kita akan melihat daripada segi pasarannya. Kalau daripada segi pasarannya memang boleh memberi pulangan yang baik kepada petani, kita tahu tanggungjawab ini bukan sahaja di bawah RISDA tetapi di bawah FAMA pun ada. Akan tetapi apa pun, ke

pertanggungjawaban seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada soalan asal tadi. Sememangnya tanggungjawab kita adalah membantu masyarakat luar bandar yang terlibat bukan sahaja getah dan sawit. Sekarang kita sudah perluas lagi ke bidang-bidang lain kerana bagi kita matlamat kita adalah untuk membantu kerajaan di dalam tugas utama kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik ada lagi.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berminat ini kerana bantuan kepada orang kampung ini lebih-lebih lagi RISDA. Dia tidak fokus kepada getah sahaja. Realiti yang berlaku, contohnya kalau di tempat saya, kebanyakannya dalam pokok-pokok getah ini, mereka tanam nanas, pisang, adakah juga kerajaan memberi bantuan? Ini rakyat ada mari duduk dengar ini kerana di sana banyak tanam getah itu dia tanam pisang atau nanas.

Kedua, selepas dia tanam getah, hendak tanam semula ini. Hendak tanam semula tanaman lain. Kemudian, di masa hadapan, dia hendak tanam getah balik apabila harga getah naik sehingga RM10 sekilogram, dia kata tidak mahu tanam pisang dan nanas. Hendak tanam getah balik. Adakah kerajaan juga memberi bantuan?

Ketiga, baru-baru ini kerajaan umum pasal saraan hidup. Bulan November, Disember dan Januari 2017 sebab rakyat dok tanya adakah Januari 2017 ini sudah termasuk dalam bantuan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan tambahan di dalam soalan tambahan. Ini jarang berlaku. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Buat masa ini, kalau pekebun tanam getah, kemudian dia tebang getah ataupun sawit, tanam tanaman lain, kita bagi bantuan seperti yang saya sebut RM7,500 satu hektar. Kemudian, dia hendak kembali tanam getah balik. Maknanya hendak rujuk balik selepas berpisah. Setakat ini kita tidak memberikan bantuan untuk kembali tanam getah balik.

Akan tetapi buat masa ini juga untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membuat kajian tentang keperluan berkaitan perkara tersebut dan saya amat berterima kasih di atas saranan dan cadangan dan kepekaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah sebentar tadi. Maknanya dengan kata lainnya, selepas tanaman getah, mungkin tanaman yang ditanam bagi menggantikan getah ini tidak sesuai untuk kembali kepada tanaman asal iaitu tanaman getah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan saraan ataupun sugu hati sumbangan kepada pekebun-pekebun kecil di musim tengkujuh yang tidak dapat menoreh dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan tersebut diumumkan untuk Belanjawan 2017. Januari baru ini tidak termasuk di dalam Belanjawan 2017. Belanjawan 2017 bererti bermula pada November dan Disember 2017 dan akan disambung ke Januari 2018. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih maka ini...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, pasal tanaman nanas dan pisang itu ada bantuan?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey *last*.

■1050

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Kalau diizinkan untuk menjawab. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, nanas ada. Saya terlupa saya sudah sebutkan atau belum tadi, mungkin saya tidak sebutlah Yang Berhormat tanya itu. Nanas ada tetapi pisang tidak ada, pisang tidak ada. Saya harap orang Rantau Panjang kalau tanam pisang jangan minta dengan RISDA lah sebab Yang Berhormat sebut tadi orang Rantau Panjang sedang mendengar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Pagi ini kita Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Jazlan dia senang hati. Dia telah berbudi kepada orang kawasan dia, penyokong kuat dia daripada kawasan dia itu. Dia telah berbudi dan orang kampung itu mengatakan kepada saya budi baik kamu dikenang jua dia kata... [*Tepuk*] Baik, kata orang Melayu tadi...

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua buat sarang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi yang baik dikenang orang... [*Tepuk*]*

4. **Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** [*Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)*] minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh manakah usaha kerajaan dalam membasmi keciciran pelajar luar bandar, khususnya masalah keciciran dalam kalangan masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa prihatin terhadap pendidikan bagi semua murid termasuk murid di pedalaman Sabah dan Sarawak. KPM menyediakan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 atau K9. Sekolah K9 bertujuan menangani isu keciciran murid sewaktu transisi dari Tahun 6 ke Tingkatan 1. Sehingga 3 April 2017, bilangan sekolah K9 yang beroperasi di Sabah dan Sarawak adalah tiga buah sekolah iaitu SK Pekan Pensiangan, Nabawan; SK Bawang, Beluran, Sabah dan SK Long Bedian, Marudi, Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran murid ke sekolah. Antaranya termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, melaksanakan program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen, Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM melaksanakan inisiatif peningkatan akses daripada peringkat pra sekolah ke menengah atas yang bertujuan menangani masalah keciciran di sekolah. Di samping itu, program transformasi hala tuju murid Bumiputera Sabah dan Sarawak dilaksanakan dengan tumpuan kepada murid di sekolah menengah luar bandar dan pedalaman terutamanya di Pedalaman 1, Pedalaman 2 dan Pedalaman 3 di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Soalan tambahan. Pertama, adakah pihak kementerian bersedia dan merancang untuk mengadakan kemudahan sekolah-sekolah bergerak di kawasan-kawasan yang jauh ke pedalaman bagi mengelakkan keciciran pelajar?

Satu lagi, saya mohon pengesahan daripada pihak kementerian berkait dengan kemudahan elaun perpindahan ataupun elaun kontena yang diberikan kepada guru-guru Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak. Kalau sebelum ini mereka layak untuk memohon elaun kontena apabila berkhidmat lebih daripada 5 tahun tetapi akhir-akhir ini mereka diberi pilihan, diberi pertanyaan jika bersetuju untuk berpindah, adakah mereka bersetuju untuk tidak mendapatkan elaun kontena tersebut seolah-olah ada satu prasyarat baru. Jadi, adakah jawapan ya ataupun tidak kepada soalan ini akan mempengaruhi keputusan perpindahan. Saya mohon jawapan kepada kedua-dua soalan. Terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Dalam perbincangan semasa peringkat kementerian bersama dengan kementerian-kementerian lain termasuk JAKOA yang menjaga Orang Asli, memang kita antara satu subjek yang dibincangkan untuk kita menangani ataupun membasmi keciciran murid khususnya Orang Asli dan peribumi di Sabah dan Sarawak. Cadangan untuk sekolah bergerak seperti mana yang terdapat di Thailand, Vietnam, Cambodia itu telah dikemukakan oleh wakil-wakil Orang Asli.

Sekarang kita telah memasukkan cadangan ini dalam perbincangan akhir peringkat kementerian. Ini kerana pelaksanaan kepada sekolah bergerak ini terutamanya di seberang sungai di mana sebuah bot yang dijadikan sebagai sekolah itu kita membawa murid ataupun guru kita ke seberang perkampungan di tepi-tepi sungai. Itu apa yang dilakukan di negara Thailand. Itu menjadi cadangan tetapi belum lagi diputuskan kerana kita perlu mempunyai kajian yang lebih mendalam kepada kebolehpelaksanaan itu di negeri kita di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan bagaimana dengan elaun kontena, pilihan untuk mereka untuk memohon sama ada mendapat itu, saya akan memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat yang bertanya kerana saya tidak ada maklumat terkini. Terima kasih.

Puan Bathmavathi Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti, bagi Yang Berhormat Senator Datuk Lucas dahulu.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk bertanya dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang amat komprehensif. Saya hanya ingin bertanya satu soalan dan sebelum itu saya telah bangkitkan dalam bahas baru-baru itu sebab ada kaitannya dengan peningkatan sekolah luar bandar iaitu untuk meminta kerajaan melantik salah seorang daripada Timbalan Menteri untuk melihat hal-hal luar bandar, seperti juga ada di kementerian KKLW.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003, kita telah perkenalkan satu program PPSMI iaitu Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Akhirnya, program ini tidak menyebelahi pihak pelajar-pelajar luar bandar sebab mereka menjadi kurang memahami pengajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Kemudian, ditambah pula dengan, ditukar pula dengan MBMMBI untuk perkukuhkan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pencapaian yang telah didapati sehingga pada hari ini untuk pelajar-pelajar di luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak dari segi pencapaian dalam bidang Sains, Matematik dan juga Bahasa Inggeris. Sekian, terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan yang berkenaan dengan pencapaian murid-murid luar bandar dari segi Sains dan Matematik. Walaupun saya tidak ada maklumat sekarang, nanti kita akan memberikan jawapan bertulis terhadap berkenaan dengan pencapaian.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah betul PPSMI itu merupakan dasar dan MBMMBI itu bukanlah program, tetapi dasar kita untuk kita memartabatkan bahasa Malaysia dan untuk kita mempertingkatkan, memperkukuhkan bahasa Inggeris. Kita mempunyai *target* ataupun sasaran supaya meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid-murid kita terutamanya bagi murid-murid di luar bandar. Jadi walaupun kita telah memberhentikan dasar PPSMI, tetapi tidak bermaksud bahawa kita tidak melaksanakan pengupayaan ataupun peningkatan penguasaan bahasa Inggeris. Pada masa yang sama, kita juga melaksanakan DLP dan juga kita mengadakan pelbagai program termasuk latihan semula guru-guru Bahasa Inggeris kita dan penghantaran guru-guru Bahasa Inggeris kita ke luar bandar.

Kita mahu bahawa untuk mencapai sebagai sebuah negara maju, anak-anak Malaysia kita itu perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Jadi, kita perlukan sokongan semua pihak termasuk Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini dan masyarakat umumnya supaya apabila pelaksanaan pengupayaan bahasa Inggeris itu tidak dilihat sebagai untuk mencabar kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di negara kita. Usaha itu akan kita teruskan. Sokonglah usaha kita untuk menguatkan bahasa Inggeris di negara kita. Sekian, terima kasih.

■1100

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, saya mengucapkan tahniah kerana Kementerian Pendidikan prihatin terhadap semua murid. Saya faham kalau semua murid itu termasuk murid-murid OKU juga tetapi ada kalanya murid-murid yang hendak ke sekolah daripada satu tempat ke satu tempat menghadapi masalah yang besar. Contohnya terdapat seorang pelajar yang berdasarkan prestasi cemerlang dalam keputusan peperiksaan, dia dapat tawaran masuk ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Perak tetapi dia tidak dapat menerima tawaran itu sebab Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) itu tidak ada kemudahan akses bagi dia.

Dia seorang OKU fizikal. Jadi, walhal Undang-undang Kecil Seragam Bangunan sudah pun dikuatkuasakan sejak 20 tahun dahulu tetapi ada sekolah-sekolah yang masih belum *accessible*, yang belum ada kemudahan untuk mudah akses bagi murid-murid OKU. Jadi, saya harap Kementerian Pendidikan akan beri perhatian yang sewajarnya berkenaan dengan perkara ini. Terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi yang sangat prihatin terhadap kebajikan orang-orang kurang upaya. Satu, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) tidak di bawah jagaan Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator bahawa semua bangunan pendidikan seharusnya mengambil kira keperluan OKU kerana akses pendidikan itu untuk semua. Itu adalah menjadi satu slogan kita, menjadi satu sasaran kita supaya setiap anak Malaysia tidak kira dia fizikal okey ataupun dia kurang upaya, kita perlu membantu mereka untuk mendapat pendidikan. Sebab itu pendidikan kita sampai ke pedalaman tiga, ke pulau, ke merata tempat di seluruh Malaysia untuk kita memberikan pendidikan.

Jadi, haruslah kita mengambil kira keperluan OKU. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

5. Datuk Jamilah Sulaiman minta Menteri Kesihatan menyatakan, statistik premis perniagaan makanan yang didakwa kerana kegagalan mematuhi peraturan kebersihan. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak penguat kuasa dalam memastikan premis makanan memenuhi piawaian kebersihan yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman. Ini ialah soalan berkenaan dengan premis makanan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia memang memandang serius berkaitan isu tahap kebersihan di premis makanan termasuk berkaitan tahap pematuhan pengendali makanan terutamanya pekerja asing terhadap perundangan makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan peruntukan undang-undang berkaitan, KKM sentiasa menjalankan pemeriksaan secara rutin ke atas premis makanan di seluruh negara di samping menjalankan operasi premis makanan bersih berjadual dengan kekerapan dua kali sebulan di tiap-tiap negeri bersama dengan PBT.

Pada tahun 2015, sebanyak 124,254 premis makanan telah diperiksa dan di antaranya 2,422 ataupun 1.09 peratus daripadanya telah ditutup manakala pada tahun 2016, sebanyak 131,165 premis telah diperiksa dan di antaranya 2,703 ataupun 2.1 peratus premis makanan telah ditutup. Di samping itu, sebanyak 8,201 kompaun telah dikeluarkan pada tahun 2015 terhadap pengendali makanan atau pengusaha premis makanan yang tidak mematuhi keperluan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 di bawah Akta Makanan 1983. Manakala pada tahun 2016, sejumlah 12,770 kompaun telah dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pemantauan yang dijalankan oleh KKM dari Januari hingga Mac 2017 terhadap pekerja asing yang bekerja sebagai pengendali makanan di premis makanan, seramai 4830 orang pekerja asing telah diperiksa semasa pemeriksaan premis makanan dijalankan.

Daripada jumlah tersebut, didapati seramai 905 orang ataupun 18.7 peratus tidak mendapatkan suntikan anti tifoid dan 1,145 ataupun 23 peratus tidak menghadiri latihan pengendalian makanan seperti yang telah diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Makanan 1983. Dalam hal ini juga, sebanyak 309 kompaun telah dikeluarkan kepada pengusaha premis makanan yang gagal memastikan pengendali makanan mereka termasuk pekerja asing untuk mendapatkan suntikan anti tifoid dan menghadiri latihan pengendalian makanan seperti yang telah diperuntukkan di bawah undang-undang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua. Dengan peningkatan aktiviti penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan daripada semasa ke semasa, adalah diharapkan tahap kebersihan premis makanan di seluruh negara akan turut meningkat, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu lengkap. Saya cuma ingin bertanya, apakah langkah dan tindakan bagi mengatasi masalah pembawa penyakit di kalangan pekerja asing di premis

makanan khususnya di restoran dan warung-warung yang didirikan sesuka hati tanpa kebenaran. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja asing yang masuk ke Malaysia secara sah, yang tidak sah lain pula. Yang sah ini mereka terutama sekali kenalah buat pemeriksaan kesihatan di negara masing-masing dan bila sampai ke Malaysia, dia kena buat pemeriksaan semula dalam masa sebulan apabila sampai ke Malaysia dan kalau didapati ada penyakit, memang kita tidak akan terima dan kena hantar balik. Dalam kategori ini ada dua hingga tiga peratus yang gagal menepati piawaian kesihatan kita, maka kita hantar balik. Maknanya yang bekerja di restoran-restoran yang secara sah, memang mereka telah pun dikenal pasti tidak ada penyakit. Akan tetapi walau bagaimanapun bila mereka bekerja di restoran begini, di tempat-tempat premis makanan, mereka hendaklah:

- (i) menjalani latihan pengendali makanan. Kita ada 283 sekolah pengendali makanan yang mereka kena hadir dan fi nya cuma RM50 sahaja Tuan Yang di-Pertua dan mereka diajar bagaimana hendak mengendalikan makanan secara yang terbaik; dan
- (ii) mereka hendaklah mendapatkan suntikan anti tifoid tiap-tiap orang. Tiga tahun sekali kena cucuk. Jadi kalau tidak ada *certificate* itu, maka mereka akan dikenakan tindakan, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya dalam hal ini, kita membuat pemantauan dan kalau mereka didapati tidak menepati peraturan kita, maka kita akan mengambil tindakan ke atas mereka dan juga ke atas tuan punya premis, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya satu lagi soalan.

Apa akan berlaku sekiranya- saya ambil contoh di Pulau Pinang, terdapat sebuah premis perniagaan melebihi dua kali dibuat tangkapan. Selepas ditangkap, tutup selama seminggu atau dua minggu, 14 hari kemudian dia buka balik. Jadi saya rasa selepas itu kena lagi, premis yang sama. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan kementerian. Adakah kalau melebihi dua kali atau tiga kali ditangkap, premis itu harus ditutup terus perniagaannya. Sebab saya rasa tindakan yang tegas harus dikenakan untuk memastikan keselamatan rakyat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini orang Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua. Saya pasti dah ini adalah premis nasi kandar. Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada *prohibition*. Kita kenakan kompaun, tutup 14 hari kenakan kompaun dan kalau dia membersihkan kawasan premis dia dalam masa seminggu pun kita benarkan buka semula.

■1110

Akan tetapi kalau sampai dua tiga kali ini kompaun kita, kita boleh tingkatkan sehingga maksimum RM5,000. Makna kalau dia masih lagi degil, kita akan bawa ke mahkamah Tuan Yang di-Pertua.

6. **Dato' Indera Hoh Khai Mun** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, bagaimana kementerian menggalakkan para pensyarah universiti meningkatkan kolaborasi dengan universiti luar negara terutamanya dari segi '*researcher grants*' atau dana penyelidikan berikutan rasionalisasi bajet ke atas universiti awam.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:

Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun atas soalan yang berkaitan dengan kolaborasi dengan universiti luar negara dalam bidang penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi menggalakkan kolaborasi para penyelidik Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bersama universiti luar negara sebagai salah satu strategi dalam memacu kecemerlangan penyelidikan termasuk membentuk jaringan kolaborasi dalam membantu penghasilan output penyelidikan yang berimpak tinggi melalui geran penyelidikan yang disediakan oleh universiti luar negara.

Bagi tujuan tersebut, program-program penyelidikan KPT melalui peruntukan yang disediakan dalam pusat kecemerlangan pendidikan tinggi atau *high core* telah dilaksanakan bagi mengukuhkan jaringan kolaborasi bersama universiti luar negara. Pencapaian kerjasama ini diukur melalui penerimaan geran penyelidikan, penerbitan bersama, penghasilan harta intelek bersama dan penganjuran persidangan antarabangsa.

Selain *high core*, Kementerian Pendidikan Tinggi juga menggalakkan jaringan kolaborasi IPT bersama universiti-universiti luar negara melalui kerjasama antarabangsa dalam bidang pendidikan tinggi. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Tinggi merupakan peneraju kepada kerjasama antarabangsa Malaysia bersama Jepun, United Kingdom dan Australia.

Kerjasama bersama Jepun dilaksanakan melalui program *Science and Technology Research Partnership for Sustainable Development (SATREPS)*, dengan izin, dan *Japan Society for the Promotion of Science (JSPS)*, dengan izin, *Asian Core* dalam beberapa bidang antaranya iaitu teknologi air, teknologi hijau dan nano teknologi. Manakala kerjasama bersama United Kingdom dilaksanakan melalui *Research Council United Kingdom (RCUK)* dalam beberapa bidang juga. Antaranya seperti *Capacity Building in Big Data and Astronomy, Energy – Food - Water-Environment Nexus and Creative Economy and Cultural Heritage*, dengan izin, yang melibatkan geran padanan atau *matching grant*, dengan izin.

Dengan adanya kaedah geran sebegini, ia bukan sahaja dapat membuka peluang kolaborasi antara para penyelidik tempatan dengan penyelidik dari universiti-universiti di Jepun, *United Kingdom* dan Australia bahkan membolehkan IPT tempatan menjana pendapatan sendiri iaitu melalui insentif geran padanan.

Usaha ini merupakan salah satu strategi KPT bagi meningkatkan kemapanan kewangan atau *financial sustainability*, dengan izin, sebagaimana yang dinyatakan dalam lonjakan lima Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Sekian. Terima kasih.

Dato' Indera Hoh Khai Mun: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang begitu menyeluruh. Maka soalan tambahan saya kepada kementerian ialah apakah peranan kementerian dalam membimbing dan membantu para penyelidik

universiti tempatan memperkukuhkan peningkatan hasil kajian mereka seperti produk buatan tempatan dan sebagainya untuk tujuan menjana pendapatan universiti. Sekian.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun atas soalan tambahan. Inisiatif yang diambil oleh Kementerian Penyelidikan Tinggi untuk mengukuhkan produktiviti adalah di mana Kementerian Pendidikan Tinggi sudah memajukan dari *research* atau penyelidikan *fundamental* atau penyelidikan asas ke *translational research*.

Di sini, kita sudah mengadakan program yang berkaitan dengan di mana kita panggil ini RDCI iaitu *R-research*, *D-development*, *C-commercialization*, dan *I* adalah berkaitan dengan inovasi dan ini adalah dalam bentuk *blockbusters for public good*, dengan izin. Ini sudah mendatangkan impak. Saya memberi beberapa contoh di sini di mana bukan hanya universiti dapat manfaat dari penyelidikan-penyelidikan yang sudah dijalankan tetapi oleh kerana ini sudah memajukan ke *translational research* dengan izin, masyarakat komuniti dapat manfaat.

Saya bagi satu contoh di sini di universiti UPM program atau penyelidikan dalam benih padi Putra sudah berjaya untuk menghasilkan padi 35 peratus lebih tinggi menjelang tahun 2020. Ini mengurangkan kos racun serangga dan sudah memberi manfaat kepada lebih daripada 300 pesawah yang mengusahakan 500 hektar padi di daerah Besut dan Setiu.

UTM mengadakan satu penyelidikan yang mendatangkan faedah kepada *water security*, dengan izin. Ini ada berkaitan dengan UTM membran di mana alat penapisan *ultra-filtration* atau *reverse osmosis*, dengan izin, bersaiz kecil dan mudah membekalkan air bersih kepada mangsa bencana dan telah memberi manfaat kepada 5,000 orang mangsa gempa bumi di Ranau, Sabah dan 1,000 orang mangsa banjir di negeri Kelantan.

Selain daripada ini, ini bukan hanya membawa manfaat di peringkat negara kita tetapi di peringkat antarabangsa juga adalah di mana UKM sudah mewujudkan satu *Langkawi UNESCO Global Geo Park* dan ini sudah menyediakan 60 peratus peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Ini meliputi keseluruhannya Langkawi 99 pulau.

Universiti of Malaya sudah mencipta prostesis tangan atau kaki bionik. Kaki bionik ini sudah dibuktikan bahawa boleh digunakan untuk berlari, berjalan, boleh berbasikal dan sensor serap optik yang merekodkan *data real time*. Memang ini juga sudah masuk dalam *Malaysia Book of Records*.

Selain daripada itu, rakan daripada Kementerian Pendidikan untuk pensyarah-pensyarah melibatkan dalam *research*, kita sudah mencapai satu impak yang begitu membanggakan dan *Malaysia Research Landskap has increase by 594 percent over the past 10 years*, dengan izin.

■1120

Buku *Soaring Upwards* memang ada kejayaan-kejayaan yang sudah diusahakan oleh universiti awam dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Sekian, terima kasih.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bahawa soalan ini berkenaan dengan rasionalisasi bajet ke atas universiti awam. Kita tahu bahawa soal *research* atau penyelidikan kepada pihak universiti ini amat penting terutama sekali dalam proses negara menuju ke arah sebuah negara maju. Kita lihat bahawa kebanyakan negara maju di dunia ini mereka mempunyai dana ataupun geran penyelidikan yang begitu besar bagi membantu kemajuan negara.

Jadi saya lihat perkara ini amat serius di negara kita sekiranya dari tahun ke tahun, bajet ataupun dana penyelidikan ini dikurangkan. Jadi, apakah pada masa akan datang kerajaan bercadang untuk meningkatkan semula dana penyelidikan ini untuk membantu pihak universiti membuat penyelidikan mereka? Sekian. Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima Kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam penggulungan kelmarin, sebenarnya peruntukan bagi tujuan penyelidikan tahun ini sebenarnya ditambah lagi sebanyak RM30 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya peruntukan penyelidikan sebanyak RM400 juta berbanding tahun sebelumnya.

Geran penyelidikan di IPT ini tidak sepatutnya bergantung dari geran dalaman tetapi seperti yang saya sudah bagi tahu bahawa ia juga dari geran antarabangsa. Budaya penyelidikan diteruskan melalui *matching grant* atau geran padanan.

Di sini saya ingin memaklumkan, pada tahun 2011 hingga tahun 2016, geran antarabangsa yang diterima untuk menjalankan penyelidikan adalah sebanyak RM155 juta dan dari pembiayaan swasta iaitu yang berkaitan dengan industri, amaun yang diterima adalah sebanyak RM238 juta. Untuk universiti penyelidikan atau *research university* (RU), kita terima RM300 juta dan untuk geran penyelidikan untuk *fundamental research grant*, dengan izin, adalah sebanyak RM100 juta dan ini bermakna untuk penyelidikan untuk tahun 2017 adalah sebanyak RM400 juta. Jadi, tidak ada kekurangan.

Untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan macam mana universiti boleh menjana dana, sumber pendanaan boleh didapati melalui *unlocking the assets* di universiti, dengan izin. Selain daripada itu, kita boleh kukuhkan jalinan alumni, mewujudkan ekosistem keusahawanan dan mengadakan wakaf dan *endowment* sumbangan syarikat swasta dan *commercialization of product* dari *research*. Di sini sudah membuktikan kejayaan yang diperoleh oleh UA seperti universiti penyelidikan atau RU, sudah memperoleh 25 peratus dari segi menjana dana untuk kegunaan universiti. Jalinan Alumni UPM sudah memperoleh sebanyak RM7.43 juta, manakala USIM sebanyak RM3.96 juta, UKM sebanyak RM340,000, USM sebanyak RM77,000 dan UMP sebanyak RM400,000.

Selain daripada itu, universiti juga dapat sumbangan swasta seperti Air Asia untuk naik taraf Kompleks Sukan Azman Hashim di USM, Yayasan Bukhari bagi Auditorium UKM, ECER Tasik Chini untuk pusat penyelidikan di UKM.

Jadi ini sudah membuat satu bukti bahawa universiti-universiti awam ada kemampuan untuk menjana dana untuk kegunaan dan ini memang selaras dengan lonjakan kelima yang dicatatkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan tinggi iaitu yang berkaitan dengan kemapanan kewangan. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Isa bin Ab. Hamid minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk membaik pulih dan penyelenggaraan projek air luar bandar bagi perkampungan Orang Asli yang bermasalah pada tahun 2016.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, keseluruhan peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan bagi tujuan tersebut adalah berjumlah RM51.6 juta. Daripada jumlah tersebut, RM11.6 juta telah diperuntukkan khusus bagi tujuan penyelenggaraan manakala RM40 juta adalah bertujuan untuk peruntukan pembangunan.

Kerajaan memang sedar bahawasanya masalah bekalan air terawat untuk masyarakat Orang Asli ini adalah merupakan masalah yang paling utama kerana terlalu ramai di kalangan masyarakat Orang Asli, perkampungan mereka yang berada jauh di pedalaman ini masih lagi belum menerima sistem bekalan air terawat sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya yang pertama, berapakah jumlah dan peratus projek bekalan air pelbagai sumber di perkampungan Orang Asli yang mengalami kerosakan serius yang tidak boleh dibaikpulih langsung?

Soalan kedua, berapakah jumlah peratus kampung Orang Asli yang telah menerima bekalan air bersih paip ataupun retikulasi? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, masalah bekalan air pelbagai sumber ataupun sumber alternatif ini yang tidak dapat dibaiki langsung ialah sebanyak, mengikut peratusannya, 0.01 peratus. Satu jumlah yang terlalu kecil tetapi kita tidak memandang ringan. Walaupun jumlah tersebut kecil kerana ia, seperti yang saya sebut di dalam jawapan asal tadi, masalah bekalan air terawat ini adalah merupakan satu masalah utama dan masalah terpenting. Antara kampung-kampung yang saya maksudkan tersebut yang tergolong di dalam satu peratus tersebut ialah seperti Kampung Habu, Sungai Tiang, Chohong, Kabuk, Sungai Mas, Batu Balung, Sungai Ara dan Teluk Gunung. Semua ini, untuk makluman Yang Berhormat, adalah terletak di dalam negeri Pahang.

Manakala soalan tambahan yang kedua daripada Yang Berhormat ialah Yang Berhormat bertanyakan tentang peratusan kampung masyarakat Orang Asli yang menerima air bersih di bawah sistem retikulasi daripada pihak berkuasa air negeri. Kalau tidak silap, itulah soalan yang kedua daripada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kampung masyarakat Orang Asli yang menerima bekalan air bersih sistem retikulasi ini.

■1130

Kalau jumlah kampungnya 258 daripada 853 buah kampung, peratusannya 30 peratus. Kampung-kampung tersebut daripada negeri Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Kedah, Johor dan juga Terengganu. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kawasan yang paling banyak ialah juga yang belum menerima sistem retikulasi air bersih ini ialah daripada negeri Pahang, sebanyak 106 buah kampung masyarakat Orang Asli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI
PERNIAGAAN LABUAN (PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.31 pg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu ala Rasulillah.* Salam sejahtera, salam Malaysia negaraku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang. Pindaan ini hanya melibatkan satu klausa sahaja iaitu seksyen 21(b).

Tuan Yang di-Pertua, selaku negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, Malaysia telah menjadi antara destinasi pelaburan asing yang unggul di rantau ini. Antara faktor yang menyumbang kepada kehadiran pelabur asing ke Malaysia adalah keupayaan Malaysia untuk terus kekal kompetitif serta kemapanan ekosistem pelaburan negara yang responsif terhadap keperluan sebenar pelabur. Ini termasuklah sistem percukaian yang cekap dan efisien serta mematuhi standard percukaian antarabangsa. Untuk itu, Malaysia telah menyertai pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh institusi terkemuka dunia antaranya Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Dan Pembangunan (OECD), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN), Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Dalam konteks percukaian khususnya, Malaysia telah memainkan peranan aktif dan turut merangka standard percukaian bagi memastikan hak mencukai negara serta pembayar cukai dapat dipelihara. Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai, kerajaan telah memberikan komitmen kepada OECD untuk mengadakan pertukaran maklumat berkaitan percukaian secara automatik bermula pada tahun 2018. Amalan ini, akan dilakukan secara berkala setiap tahun bersama-sama pentadbir cukai di negara lain yang turut memberikan komitmen kepada OECD. Antaranya negara G20, Kesatuan Eropah, China, Jepun, India dan lain-lain.

Antara perjanjian yang telah ditandatangani oleh Malaysia termasuklah, dengan izin *Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters, Multilateral Competent Authority Agreement on Common Reporting Standard* dan *Multilateral Competent Authority Agreement Country by Country Reporting*. Menerusi perjanjian-perjanjian ini, dijangkakan kita dapat memperkemas mekanisme pertukaran maklumat dan mewujudkan kerjasama aspek pungutan cukai yang lebih efektif berdasarkan maklumat pembayar cukai yang lebih tepat dan terkini.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan merupakan Wilayah Persekutuan kedua dan telah diisytiharkan sebagai, dengan izin, *International Business and Financial Centre* ataupun Labuan IBFC pada 1 Oktober 1990. Ini merupakan satu usaha untuk mempromosikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir, dengan izin, *offshore* terkemuka di rantau ini. Antara sektor yang digalakkan adalah sektor minyak dan gas. Kewangan luar pesisir merangkumi perbankan, insurans dan *reinsurance* dan

sektor pelancongan. Sehingga Januari 2017, sebanyak 13,326 buah syarikat telah pun didaftarkan di Labuan. Manakala 52 bank sedang beroperasi dan sebanyak 204 lesen insurans juga telah dikeluarkan di Labuan untuk tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan pertukaran maklumat secara automatik berkaitan percukaian dilakukan, terdapat peruntukan khusus di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 yang membolehkan Menteri mengeluarkan subsidiari berkaitan serta memperkenalkan penalti. Menerusi peruntukan berkenaan, obligasi adalah kepada pembayar cukai untuk mengemukakan maklumat berkaitan dan kegagalan boleh dikenakan denda atau hukuman penjara. Secara khususnya, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 merupakan satu akta penting bagi tujuan pengenalan, pentaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh syarikat luar pesisir di atau dari Labuan.

RUU yang akan dibentangkan ini mengandungi pindaan terhadap seksyen 21(b), Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 bagi membolehkan Menteri mengeluarkan peraturan untuk tujuan pertukaran maklumat berkaitan percukaian secara automatik. Pindaan ini juga bertujuan untuk meletakkan had penalti yang lebih tinggi bagi pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan peraturan-peraturan di bawah seksyen ini. Jumlah penalti yang dicadangkan adalah RM1 juta atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya dengan mengambil kira komitmen Malaysia kepada OECD, pindaan terhadap akta ini adalah amat penting bagi membolehkan maklumat berkaitan percukaian bagi syarikat yang berdaftar di Labuan dapat dilaporkan. Ini bagi membolehkan Malaysia melakukan pertukaran maklumat berkaitan cukai secara automatik sepenuhnya bermula dari 2018. Selain daripada itu pindaan ini juga menunjukkan komitmen penuh Malaysia untuk bagi mematuhi standard percukaian antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan.

Diminta Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

11.38 pg.

Datuk Rabiyah binti Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan para pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana inisiatif bagi menggubal pindaan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445].

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang saya ingin bangkitkan di sini adalah ringkas dan di mana saya ingin mengetahui bagaimanakah pindaan akta ini dapat membantu kerajaan dalam mengurus prestasi fizikal negara dan memastikan ketirisan kutipan cukai pendapatan negara dikawal secara optimum. Seiring dengan pelancaran *Digital Free Trade Zone Area* dan komitmen kerajaan menggalakkan penyertaan rakyat dalam perniagaan dalam talian, saya ingin mendapatkan

penjelasan kerajaan, bagaimanakah kerajaan menjalankan penguatkuasaan terhadap kecenderungan profesional bekerja di sini atau menjadi ejen bagi syarikat profesional antarabangsa yang membuka syarikat pesisiran di Labuan mempunyai pejabat di Labuan tetapi yang ada hanya penyambut tetamu dan kerani sahaja. Sedangkan pekerja profesional seperti jurutera, akauntan, arkitek atau geologi berada di Kuala Lumpur ataupun di Lembah Klang. Kerja-kerja perundingan terutama berkaitan dengan kerja-kerja sektor tenaga dan petroleum melibatkan kos barang yang tinggi dan kebiasaannya dibayar dalam USD.

■1140

Persoalan saya adalah, bagaimana Lembaga Hasil Dalam Negeri menyemak dan menguatkuasakan melalui satu perkongsian maklumat yang komprehensif agar inisiatif pengurangan cukai kepada perkhidmatan profesional, pendapatan yang diperoleh oleh seseorang atau pekerjanya atau syarikat daripada perkhidmatan profesional yang berkecualan yang diberi kepada syarikat luar pesisiran di Labuan dikecualikan sehingga 50 peratus daripada pendapatan tersebut.

Justeru saya mohon penjelasan Lembaga Hasil Dalam Negeri agar kecenderungan syarikat atau individu mengelakkan cukai dapat dikawal atau dibendung sepenuhnya di Labuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, silakan.

11.41 pg.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme kutipan cukai negara perlu dikemaskan agar semua perundangan statutori yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tidak di manipulasi oleh segelintir pelari-pelari cukai yang cuba untuk tidak membayar cukai melalui penstrukturan entiti perniagaan subsidiari atau *channeling fund*, dengan izin, ke syarikat-syarikat luar pesisir Labuan kerana sudah mengetahui denda atau penalti Cukai Perniagaan Labuan adalah rendah.

Justeru melalui pindaan menaikkan kadar penalti dan hukuman penjara yang kita pinda pada hari ini, kerajaan perlu memperkemas integrasi maklumat operasi dan transaksi di antara syarikat domestik yang didaftarkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 2016 dengan syarikat-syarikat luar pesisir yang berdaftar dengan pihak berkuasa atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 [Akta 545].

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu percukaian korporat di Labuan, keutamaan layanan cukai di bawah akta ini diberikan kepada syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir dan bukan perdagangan luar pesisir. Sebuah syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir akan di cukai pada kadar 3 peratus daripada keuntungan bersih syarikat yang ditunjukkan di dalam akaun yang telah diaudit atau membayar pada kadar tetap RM20,000 mengikut pemilihan syarikat. Justeru, Labuan dilihat menjadi satu destinasi pilihan syarikat-syarikat

yang mengelak cukai kerana cukai korporatnya hanya pada 3 peratus atau membayar pada kadar tetap RM20,000 setahun.

Justeru sudah sampai masanya kerajaan memastikan satu kerangka kerja sebagaimana LHDN mengambil pendekatan integrasi percukaian di antara Kastam, LHDN dan SSM agar Kutipan Cukai Korporat atau *Company Income Tax* lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah pada masa kini LHDN, SSM, LOFSA selaku pendaftar syarikat-syarikat luar pesisir dan Kastam mempunyai kerangka kerja perkongsian maklumat dengan semua pemilik syarikat luar pesisir sama ada ia melibatkan pemastautin atau bukan pemastautin melalui kerangka MyID dan MyCoID?

Soalan kedua, bolehkah kerajaan menjelaskan bagaimanakah inisiatif yang paling cekap yang LHDN laksanakan untuk berkongsi maklumat dengan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) agar Labuan tidak menjadi *venue* pelari cukai, *venue* penggubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan serta menjadi transit kepada pengalihan keuntungan syarikat domestik dalam kerangka *smart artificial accounting* bagi perakaunan cukai berkanun syarikat domestik dan syarikat luar pesisir.

Soalan ketiga iaitu soalan terakhir, bagaimanakah kerajaan melalui LHDN memeriksa aktiviti-aktiviti pasaran modal dan pelaburan di sektor kewangan apabila melibatkan pembrokeran saham secara pukal, transaksi pengambilan dividen pelaburan syarikat domestik melalui pegangan *share* Syarikat Luar Pesisir di Bursa Malaysia agar ejen cukai atau profesional yang memperoleh keuntungan pelepasan cukai sehingga 65 peratus dari yuran profesional mereka dikenakan cukai berbaloi dengan deklarasi pendapatan berkanun mereka di Labuan dan kerajaan mengawal secara cekap sebarang skim penggubahan akaun percukaian syarikat domestik yang mempunyai pegangan, kepentingan oleh Syarikat Luar Pesisir. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat untuk Rang Undang-undang Mahkamah (Kaedah-kaedah Permulaan Tindakan Sivil) dan Rang Undang-undang Saraan Hakim, tidak ada seorang Yang Berhormat yang memberi nama untuk perbahasan. Kalau ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas, sila berikan nama.

Sekarang Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, silakan.

11.46 pg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya bagi membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kewangan di atas inisiatif meminda penalti denda yang lebih maksimum sehingga RM1 juta dan juga hukuman penjara. Semoga melalui pindaan hukuman ini akan memastikan aktiviti pengelakan cukai dari syarikat besar yang mempunyai kepentingan syarikat domestik atau syarikat pemastautin dapat dikawal dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, insentif cukai pendapatan keuntungan perniagaan di Labuan atau aktiviti perniagaan pesisir yang dihadkan kepada tiga peratus menjadi sasaran minat syarikat-syarikat domestik dan multinasional untuk melakukan perlakuan pengelakan cukai. Persoalan yang saya ingin

dapatkan penjelasan daripada LHDN dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah berkenaan dengan bagaimanakah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengawal dan mengesan kes-kes pembayaran dividen pelabur ke atas entiti perniagaan domestik yang mendapat layanan pengecualian cukai dan hanya dikenakan cukai maksimum tiga peratus di Labuan.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembongkaran oleh Utusan Malaysia dua minggu lalu mengenai tindak tanduk beberapa syarikat tempatan yang menggunakan perkhidmatan kewangan di Labuan terutamanya syarikat-syarikat *trustee* yang menstrukturkan pegangan saham syarikat domestik SSM, agar mereka mendapat layanan pengecualian pembayaran yang penuh kadar cukai korporat di Malaysia. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kawalan-kawalan terhadap dokumen-dokumen transaksi pindahan saham atau kepentingan di antara syarikat luar pesisir dan syarikat domestik kerana aktiviti perniagaan di Labuan mengecualikan surat cara atau dokumen transaksi atau kepentingan syarikat.

Soalan yang kedua saya, adakah dengan meningkatkan hukuman dan penalti dalam Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan ini akan mengurangkan tarikan pelabur untuk melabur di pasaran perniagaan di pesisir Labuan.

Tadi dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang pertukaran maklumat automatik. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah perjanjian untuk pertukaran maklumat automatik ini akan menjejaskan daya saing Labuan dan adakah pematuhan kepada amalan cukai antarabangsa boleh menimbulkan isu kebocoran maklumat berkaitan transaksi perniagaan oleh pelabur di Labuan IBFC.

Seterusnya, apakah Labuan sebagai IBFC akan menjejaskan imej negara iaitu dari segi minat pelabur asing untuk melabur di negara kita dan apakah pelan induk kerajaan Malaysia untuk membangunkan Labuan IBFC. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

■1150

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun, berbahas dan menyokong pindaan ini. Secara ringkasnya saya dapat nyatakan, merujuk kepada beberapa persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada- tidak ada kawasan ya, Senator.

Nama yang pertama, Senator Dato' Hajah Fahariyah berkaitan dengan perjanjian pertukaran maklumat automatik ini, adakah ia akan menjejaskan kedudukan daya saing Labuan sebagai IBFC? Untuk Dewan yang mulia ini, pelaksanaan pertukaran maklumat automatik tidak akan menjejaskan daya saing Labuan IBFC. Matlamat kerajaan sebenarnya semasa menubuhkan Labuan sebagai IBFC adalah untuk menarik pelaburan di kalangan pelabur yang tulen. *We want a genuine investor*. Kita tidak mahu orang yang berniaga broker atas angin apa semua tetapi kita hendak supaya pelabur-pelabur asing.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta celah sikit ya. Saya hendak mengalu-alukan bagi pihak Ahli-ahli Dewan sekalian, kedatangan Persatuan Kebajikan Sosial Taman Kota Impian, Yong Peng, Johor ke Dewan Negara. Adalah diharapkan lawatan ini akan memberi manfaat kepada semua yang

hadir. Terima kasih. Seterusnya, apabila pertukaran maklumat secara automatik ini, ia akan memastikan pelabur-pelabur patuh kepada perundangan cukai antarabangsa dan kemudian ada juga ditanya berkaitan dengan kebocoran maklumat. Kita yakin bahawa perkara ini kita dapat bendung melalui ikatan kerjasama erat di kalangan negara-negara OECD. Contohnya, untuk kita pastikan bahawa maklumat-maklumat yang akan dibekalkan oleh mereka ini hanyalah bertujuan untuk secara rasmi, tidak ada pembocoran maklumat.

Jadi, pematuhan kepada pertukaran maklumat secara automatik dan perjanjian-perjanjian lain adalah terhad kepada maklumat cukai yang diperlukan di bawah perjanjian yang telah dipersetujui. Maklumat ini akan digunakan khusus untuk cukai pendapatan, dengan izin, *foreseeable relevance for tax purposes only*.

Kemudian, selain daripada itu Yang Berhormat juga bertanyakan, adakah ia akan menjejaskan imej negara? Sejak Labuan ditubuhkan pada tahun 1990, perundangan yang telah digubal mematuhi tahap piawaian yang diiktiraf di peringkat global. Labuan IBFC juga telah diterima sebagai ahli kepada beberapa badan dan agensi antarabangsa yang mengamalkan piawaian perundangan dan pengawalan yang tinggi serta berintegriti seperti Persatuan Antarabangsa Penyelia Insurans dan Kumpulan Antarabangsa Penyelia Pusat Kewangan. Seiring dengan pengiktirafan oleh badan-badan antarabangsa ini, imej dan reputasi Labuan sebagai IBFC sentiasa berada pada tahap positif di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan sebagai pengawal dan penyelia entiti Labuan sentiasa mematuhi aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan di Labuan bagi memastikan pematuhan berada di tahap yang tinggi.

Oleh sebab itulah Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rasional di sebalik cadangan pindaan undang-undang ini adalah kita hendak meletakkan satu kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengenakan penalti sampai- sehingga RM1 juta ataupun penjara selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya kepada mereka yang melanggar undang-undang yang telah pun dibuat.

Jadi, kita tidak mahu apabila mereka melanggar undang-undang, kalau dulu hanya dikenakan setakat RM1,000, maka sudah tentu ia menjadi tidak menarik dan mudah untuk mereka langgar. Jadi, kita harapkan dengan perubahan ini, kita masukkan tambahan kepada seksyen 21(2) ini, maka mudah-mudahan *Insyallah* hanya *genuine investor*, orang-orang yang betul-betul berniaga akan dapat mematuhi undang-undang dan tidak lari daripada undang-undang yang boleh dikenakan penalti yang tinggi.

Seterusnya, untuk makluman juga Ahli-ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan perkara-perkara yang soal pelan induk. Pelan induk Labuan ini sudah tentulah kita hendak supaya apabila Labuan ini kita wujudkan, kita mempunyai pelan induk untuk menjadikan Labuan sebagai satu pusat kewangan pesisir yang ternama. Kita hendak galakkan selain daripada apa yang sedia ada ini, kita melihat perkembangan-perkembangan yang begitu positif dan kita hendak supaya dari segi kawal selia ini dimantapkan lagi.

Kemudian kita hendak menarik pelabur-pelabur dan melabur serta menjalankan operasi di Labuan, khususnya berkaitan dengan mereka daripada Institusi Kewangan Antarabangsa. Kemudian kita hendak supaya pembangunan ICT diperkemas supaya sistem pendaftaran dan pelesenan ini

dapat kita buat dengan begitu cekap. Kemudian kita juga menggalakkan penubuhan wakaf antarabangsa sebagai sebahagian daripada usaha untuk membangunkan pentadbiran dana Islam di Labuan. Ini penting dan kita juga hendak mempromosikan Labuan sebagai produk dan perkhidmatan Labuan IBFC di kalangan satu pusat yang unggul di rantau ASEAN.

Kemudian berbalik kepada beberapa soalan lain. Saya juga ingin menyentuh tentang mekanisme pungutan cukai yang perlu diperkemas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri selaku *focal* agensi bertindak sebagai *data repository* maklumat pembayar cukai, termasuk di Labuan. Kadar cukai yang rendah- ini untuk mempromosikan Labuan. Ini sebenarnya matlamat awal tetapi aktiviti-aktiviti perniagaan mestilah dijalankan secara mempunyai substantif serta mempunyai kehadiran ataupun bahasa Inggeris kata, *significant presence*. Lembaga Hasil Dalam Negeri, SSM, LOFSA mempunyai kerangka kerja yang mantap, yang mempunyai maklumat-maklumat yang berintegriti. Kemudian tidak akan menggunakan maklumat seperti *artificial accounting* dan sebagainya.

Kita juga untuk makluman Dewan, mempunyai kita kata *our own internal Collective Information Arrangement* (CIA) di kalangan agensi-agensi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, SSM, LFSA. Kemudian kita juga dengan Kastam dan sebagainya. Ini juga sebagai langkah lagi untuk kita hendak memperkemas lagi hal-hal berkaitan kawal selia yang mantap di Labuan dan juga di seluruh negara. Kemudian berkaitan dengan pengenaan dividen. Dividen tidak dikenakan di Labuan. Kadar 3 *percent* ini adalah berkaitan cukai syarikat di bawah LOBATA 1990.

Seterusnya, ada sedikit mengapa 50 peratus *exemption* diberikan kepada pekerja syarikat Labuan? 50 peratus pengecualian di atas gaji pekerja bagi syarikat Labuan hanya terpakai kepada warga asing yang bekerja sebagai pengurus ke atas. Ini adalah kerana supaya Labuan dapat menarik pekerja-pekerja asing yang mempunyai kepakaran tinggi, adalah ini untuk jangka panjang bagi tujuan pembangunan Labuan sebagai IBFC yang bereputasi tinggi.

Seterusnya, yang pertama sekali tadi Yang Berhormat Datuk Rabiyah bertanyakan bagaimana pindaan akta ini boleh membantu fiskal dan juga perniagaan dalam talian dan sebagainya? Pertukaran maklumat merupakan amalan yang diperkenalkan oleh OECD dan diguna pakai di seluruh dunia. Malaysia menyertai inisiatif ini dan meminda undang-undang domestik bagi tujuan pengumpulan dan pertukaran maklumat berkaitan percukaian, termasuk seksyen 21(b) seperti yang kita bentang pada hari ini.

Saya ingat kawalan terhadap dokumen transaksi saham pindaan kerana di Labuan mengecualikan surat cara pemindahan syer. Kawalan terhadap dokumen transaksi pindaan saham adalah melalui penyerahan borang yang telah ditentukan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 ataupun *Labuan Company's Act 1990* kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan yang saya dapat jawab. Ada beberapa lagi soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim yang tidak ada dalam jawapan kepada saya sekarang ini, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

■1200

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Razali bin Ibrahim) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH (KAEDAH-KAEDAH PEMULAAN TINDAKAN SIVIL) 2016

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

12.03 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Mahkamah (Kaedah-kaedah Pemulaan Tindakan Sivil) 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebelum Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 digubal, prosiding Mahkamah Sivil di mahkamah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980. Di bawah kedua-dua kaedah-kaedah mahkamah tersebut, sesuatu tindakan sivil dimulakan dengan empat cara pemulaan prosiding iaitu *modes of commencement* iaitu melalui writ, saman pemula ataupun *originating summon*, usul pemula atau *originating motion* dan petisyen.

Walau bagaimanapun setelah berkuat kuasanya Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 pada 1 Ogos 2012, tatacara permulaan prosiding sivil di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi telah digabungkan kepada dua cara sahaja iaitu saman pemula atau writ.

Walaupun Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 telah menetapkan cara pemulaan prosiding sivil melalui saman pemula atau writ tetapi masih terdapat beberapa undang-undang spesifik yang menetapkan cara permulaan prosiding sivil dimulakan selain daripada saman pemula atau writ ini. Sebagai contoh, Akta Kebankrapan 1967 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 telah menetapkan cara pemulaan prosiding sivil adalah melalui petisyen serta Akta Pengambilan Tanah 1960 melalui permohonan bertulis menggunakan Borang N di bawah seksyen 38(1) bagi akta tersebut. Manakala

Akta Profesion Undang-undang 1976 pula menetapkan prosiding rayuan bagi perintah muktamad atau keputusan Lembaga Tata tertib adalah dimulakan dengan usul pemula.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Mahkamah (Kaedah-kaedah Pemulaan Tindakan Sivil) 2016 adalah suatu akta baru yang digubal bertujuan untuk menyeragamkan kaedah-kaedah pemulaan untuk tindakan sivil di mahkamah, termasuk bagi kes yang masih berjalan dan belum selesai. Rang undang-undang ini turut digubal bertujuan untuk mengurangkan kesilapan pemfailan, cara pemulaan sivil pihak pemula dalam tindakan sivil di mahkamah. Ini kerana kesilapan yang berlaku adalah satu kesilapan yang *fatal* kerana kesilapan tersebut boleh menyebabkan sesuatu kes itu dibuang oleh mahkamah, sekali gus menyebabkan kerugian kepada pihak-pihak dalam tindakan tersebut memandangkan ia melibatkan kos dan masa pihak-pihak termasuklah kepada pihak mahkamah.

Dengan adanya rang undang-undang ini, mana-mana tindakan sivil yang belum selesai di mahkamah yang menggunakan kaedah pemulaan selain writ dan saman pemula sebelum berkuat kuasanya rang undang-undang ini dan tidak dikecualikan dalam Lampiran 'C' Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, maka tindakan sivil tersebut adalah disifatkan atau dianggap telah dimulakan melalui saman pemula atau writ. Sebagai contoh, Akta Kesahtarafan 1961, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang sekarang ini menggunakan kaedah pemulaan tindakan melalui petisyen.

Oleh yang demikian, selepas berkuat kuasanya rang undang-undang ini, semua tindakan sivil di mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis adalah diseragamkan dengan menggunakan cara pemulaan prosiding iaitu saman pemula atau writ melainkan jika akta atau ordinan memberi pengecualian dan pengecualian tersebut dimasukkan dalam Lampiran C Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

Tuan Yang di-Pertua, sesi *engagement* di antara Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dengan semua kementerian, jabatan, agensi yang terlibat, termasuk Majlis Peguam Malaysia telah diadakan pada 19 Julai 2016 untuk mendapatkan maklum balas berkenaan dengan cadangan penggubalan dan pembentangan rang undang-undang ini. Sukacita dimaklumkan bahawa semua pihak telah bersetuju dan tiada halangan ke atas rang undang-undang ini. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menangani kaedah pemulaan dalam tindakan sivil yang belum selesai berbangkit daripada semakan semula kaedah pemulaan untuk tindakan sivil di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.

Fasal 4 bertujuan untuk memperuntukkan penyeragaman kaedah pemulaan untuk tindakan sivil berbangkit daripada semakan semula kaedah pemulaan untuk tindakan sivil di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.

Fasal 5 bertujuan untuk memberi Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang kuasa untuk menggantikan apa-apa sebutan mengenai kaedah pemulaan tindakan yang spesifik dalam mana-

mana undang-undang bertulis dengan kaedah pemulaan yang diperuntukkan di bawah mana-mana kaedah-kaedah mahkamah yang berkenaan melalui penyemakan undang-undang atau cetakan semula mana-mana undang-undang yang bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap penggubalan rang undang-undang ini dapat menangani permasalahan kaedah pemulaan atau *modes of commencement*, dengan izin, bagi tindakan sivil di mahkamah yang masih belum selesai dan sekali gus menyeragamkan kaedah pemulaan tersebut. Rang undang-undang ini juga diharap dapat memantapkan dan meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan badan kehakiman negara.

Oleh yang demikian, dengan penggubalan rang undang-undang ini, kaedah pemulaan untuk tindakan sivil akan menjadi lebih teratur, cepat dan sekali gus menjaga kepentingan pihak-pihak dalam tindakan tersebut secara khasnya. Selain daripada itu, apa yang lebih penting dan utama, tujuan penggubalan rang undang-undang ini adalah untuk mengurangkan kesilapan pemfailan, cara permulaan sivil prosiding pihak-pihak dalam tindakan sivil di mahkamah. Dengan adanya rang undang-undang kesilapan-kesilapan tersebut dapat diatasi dan menjimatkan masa serta kos pihak-pihak serta pihak mahkamah.

■1210

Sebelum saya mencadangkan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar Universiti Putra Malaysia ke Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi menangani kaedah-kaedah permulaan dalam tindakan sivil yang belum selesai dan menyeragamkan kaedah-kaedah permulaan bagi tindakan sivil bagi penyemakan dan percetakan semula yang berbangkit bagi undang-undang bertulis yang berkenaan dan bagi perkara yang berkaitan di bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

[*Tiada perbahasan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini di bacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui*]

[*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa*]

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa***]

[*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa*]

[***Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang*]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Chong Sin Woon) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.14 tgh.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971, ataupun Akta 45 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa perkara berkaitan pelantikan tempoh jawatan dan saraan seseorang hakim telah di peruntukkan dalam Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan fasal 6, Perkara 125, Perlembagaan Persekutuan, perkara berhubung saraan hakim di peruntukkan dalam Akta Saraan Hakim 1971, seksyen 3 [Akta 45] ini memperuntukkan seseorang hakim apabila bersara adalah berhak mendapat pencen dan faedah lain mengikut Akta 45 ini.

Seksyen 8, Akta 45 pula memperuntukkan keadaan bagi penentuan pencen dan ganjaran dalam hal persaraan tertentu, peletakan jawatan dan terhenti dalam memegang jawatan sebagai hakim.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2017 akan mencadangkan pindaan terhadap perenggan 8(c) dan penggantian seksyen 8C serta pindaan seksyen 4 dan seksyen 5 ekoran daripada penggantian seksyen 8C itu tadi.

Perenggan 8(c) sedia ada memperuntukkan hakim yang meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang daripada lima tahun berhak mendapat pencen dan ganjaran. Dalam pindaan yang di cadangkan kepada seksyen 8 adalah dengan menggantikan perenggan 8(c) di mana seseorang hakim boleh meletakkan jawatan kepada apa-apa umur tanpa kehilangan hak pencennya dengan syarat hakim tersebut telah memegang jawatan hakim untuk tempoh berterusan tidak kurang daripada lima tahun. Oleh itu, seseorang hakim boleh meletak jawatan sekiranya tidak lagi berupaya menjalankan tugas sebagai hakim dengan berkesan. Cadangan pindaan ini adalah untuk memelihara mengekalkan imej serta kredibiliti institusi kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, tugas sebagai hakim menuntut komitmen yang sangat tinggi, tahap kesihatan mental dan fizikal yang baik serta dapat menghasilkan alasan penghakiman yang berkualiti yang akan di nilai oleh pihak-pihak yang berkepentingan sama ada pengamal undang-undang,

masyarakat awam serta komuniti antarabangsa. Malah sesuatu keputusan yang di buat oleh seseorang hakim mahkamah atasan akan mengikat mahkamah yang lebih rendah oleh itu sebarang kelemahan akibat ketidakupayaan seseorang hakim akan menjejaskan kualiti serta kredibiliti institusi kehakiman di Malaysia.

Pindaan kepada perenggan 8(c) juga, bertujuan untuk membolehkan pengiraan tempoh perkhidmatan yang berterusan tidak kurang daripada lima tahun adalah termasuk tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebelum pelantikannya sebagai hakim. Malah sebelum ini beberapa pindaan telah di buat dalam Dewan yang mulia ini, berhubung di dalam perkhidmatan seseorang Pesuruhjaya Kehakiman antara lain bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebaik di lantikan sebagai hakim di ambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai hakim.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 122AB, Perlembagaan Persekutuan, telah memperuntukkan seseorang Pesuruhjaya Kehakiman mempunyai kuasa untuk menjalankan apa-apa fungsi Hakim Mahkamah Tinggi dan mempunyai kesahan dan kesan yang sama seolah-olah di lakukan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 juga telah di pinda dengan memasukkan Pesuruhjaya Kehakiman sebagai hakim mahkamah atasan dalam maksud Akta 695 tersebut. Memandangkan pindaan-pindaan yang lepas telah mengiktiraf dan mengambil kira perkhidmatan Pesuruhjaya Kehakiman bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran serta pelaksanaan peranan dan tugas seorang Hakim Mahkamah Tinggi, maka cadangan untuk memasukkan tempoh perkhidmatan seseorang Pesuruhjaya Kehakiman dalam pengiraan tempoh perkhidmatan sebagai seorang hakim merupakan satu cadangan yang wajar.

Seterusnya bagi penggantian seksyen 8C dengan izin, ketiadaan peruntukkan berhubung kedudukan hakim yang berumur melebihi 60 tahun yang melepaskan jawatannya untuk berkhidmat dalam satu jawatan yang lain selama apa-apa tempoh demi kepentingan negara merupakan kelompangan dalam undang-undang juga wajar di pinda. Oleh itu pindaan yang di cadangkan adalah tanpa menetapkan umur tertentu bagi hakim yang di kehendaki berkhidmat dalam jawatan lain demi kepentingan negara.

■1220

Selain itu, penambahbaikan turut dibuat di mana peruntukan seksyen 8C(1)(a) dicadangkan bagi membolehkan seseorang hakim yang sedang berkhidmat dilantik ke jawatan lain yang tidak bercanggah dengan tugas-tugas kehakiman dan kedudukannya sebagai hakim. Hakim juga boleh dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong untuk melepaskan jawatan sebagai hakim untuk berkhidmat dalam jawatan lain selama tempoh yang ditentukan oleh Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong jika jawatan lain tersebut dikhuatiri akan bercanggah dengan kedudukannya sebagai hakim. Bagi hakim yang melepaskan jawatannya sebagai hakim di bawah subseksyen 8C(1)(b), sub seksyen 5(2)(a), Akta 45 memperuntukkan di mana hakim tersebut apabila menamatkan perkhidmatannya dalam jawatan yang lain itu hendaklah dilantik semula serta-merta untuk memegang jawatan hakim.

Penambahbaikan yang dicadangkan pada subseksyen 8C(2), Akta 45 adalah bagi mana-mana hakim yang dikehendaki berkhidmat dalam jawatan lain demi kepentingan negara, saraan yang hakim itu berhak di bawah Akta 45 ini bagi sepanjang tempoh hakim itu berkhidmat dalam jawatan

lain tersebut akan dibayar oleh badan di mana hakim itu berkhidmat. Amaun saraan yang diterima di jawatan itu adalah tidak kurang baik daripada saraan yang diterima selaras dengan fasal (7), Perkara 125, Perlembagaan Persekutuan. Penambahbaikan turut dicadangkan pada subseksyen 8C(3) Akta 45 bagi hakim yang tidak dilantik semula untuk memegang jawatan hakim kerana tempoh perkhidmatan jawatan yang lain tersebut melampaui umur persaraannya sebagai hakim dengan memperuntukkan hakim tersebut disifatkan telah berkhidmat sebagai hakim sehingga umur 66 tahun dan bersara menurut perenggan 8(a) Akta 45.

Selain itu, seksyen 7(3) Akta 45 telah memperuntukkan bahawa jika apa-apa pencen atau ganjaran telah dibayar kepada seseorang hakim di bawah mana-mana undang-undang lain bagi tempoh yang sama dengan tempoh yang dikehendaki dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai hakim, pencen dan ganjaran di bawah akta ini hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang telah dibayar.

Ini bagi memastikan isu pengiraan pencen dua kali tidak akan berlaku. Bagi mengelakkan kekeliruan, seksyen 4, Akta 45 dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen (2) yang menggantikan bahawa bagi maksud menghitung pencen seorang hakim, tempoh perkhidmatan seorang hakim dalam satu jawatan yang lain di bawah seksyen 8C hendaklah dihitung sebagai tempoh perkhidmatan sebagai hakim. Selain itu, subseksyen 5(2), Akta 45 telah digantikan dengan yang baharu bagi menjelaskan tempoh perkhidmatan bagi pencen maksimum.

Sebagai kesimpulan, pindaan yang dibuat kepada Akta 45 adalah untuk mengatasi kelompangan dalam Akta 45 di samping menambah baik kaedah pemisahan dalam perkhidmatan kehakiman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 8, Akta 45.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2017 mengandungi lima fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 45 untuk memperuntukkan bahawa tempoh seseorang hakim berkhidmat dalam jawatan yang lain di bawah seksyen 8C hendaklah dihitung sebagai tempoh perkhidmatan sebagai hakim bagi maksud menghitung pencen hakim.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 5(2), Akta 45 yang berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 8C.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda perenggan 8(c), Akta 45 untuk membolehkan seseorang hakim meletakkan jawatan pada apa-apa umur tanpa kehilangan hak pencennya dengan syarat bahawa dia telah memegang jawatan hakim selama tempoh berterusan tidak kurang daripada lima tahun. Pindaan ini juga bertujuan menjelaskan bahawa tempoh perkhidmatan berterusan tidak kurang daripada lima tahun tadi adalah termasuk tempoh perkhidmatannya sebagai pesuruhjaya kehakiman sebaik sebelum pelantikannya sebagai seorang hakim.

Fasal 5 bertujuan untuk menggantikan seksyen 8C untuk meluaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menghendaki seseorang hakim berkhidmat dalam jawatan yang lain pada apa-apa umur sama ada tanpa melepaskan jawatannya sebagai hakim atau dengan melepaskan jawatannya sebagai hakim. Dalam hal keadaan jika seseorang hakim dikehendaki untuk berkhidmat dalam

jawatan yang lain demi kepentingan negara, saraan yang hakim itu berhak kepadanya di bawah akta dalam tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu hendaklah dibayar oleh badan yang hakim itu berkhidmat dalam jawatan yang lain itu. Sekiranya dia dikehendaki untuk melepaskan jawatannya sebagai hakim dan tidak dilantik semula sebagai hakim, dia hendaklah disifatkan telah berkhidmat sebagai hakim sehingga umur 66 tahun dan bersara menurut perenggan 8(a), Akta 45.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Tiada Yang Berhormat yang ingin berbahas?

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Chong Sin Woon) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 2016

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.09 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Insolvency Malaysia merupakan jabatan yang bertanggungjawab sebagai penerima, pengurus, pentadbir dan pemegang amanah bagi kes kebangkrutan individu mengikut Akta Kebankrutan 1967. Sehingga Februari 2017, Jabatan Insolvency Malaysia masih mentadbir sebanyak 292,086 kes kebangkrutan yang aktif dan bankrap yang masih belum dilepaskan.

Rang Undang-undang Kebankrutan (Pindaan) 2016 yang dibentangkan ini diyakini akan mendatangkan manfaat bukan sahaja kepada penghutang malah ia juga memberi manfaat kepada pihak pemiutang.

■1230

Terdapat satu peruntukan di mana penghutang boleh dilepaskan awal dalam tempoh yang singkat tertakluk kepada kemampuannya menyumbang kepada estet. Melalui sumbangan tersebut, pemiutang dapat memperoleh jumlah sumbangan yang munasabah yang akan ditetapkan oleh pihak Jabatan Insolvency Malaysia. Jabatan Insolvency Malaysia menyusun pandangan bahawa terdapat dalam kalangan mereka yang diisytiharkan bankrap disebabkan mereka menjadi penjamin kepada peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman. Golongan ini tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan sepenuhnya tanpa tindakan diambil terhadap peminjam prinsipal terlebih dahulu untuk menjelaskan pinjaman yang diambil.

Oleh yang demikian, Jabatan Insolvency Malaysia telah menjalankan kajian pembaharuan undang-undang kebangkrutan sejak tahun 2010. Hasil kajian telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Ekonomi pada 18 Mac 2013 yang telah bersetuju supaya Akta Kebankrutan 1967 ini dipinda dengan merangkumi cadangan pindaan seperti perubahan dasar berkaitan dengan mengambil kira kepentingan pihak penghutang dan pemiutang.

Dalam ucapan Bajet tahun 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara lain menyatakan bahawa kerajaan akan mengambil langkah positif untuk meminda Akta Kebankrutan 1967 mulai tahun 2017 berkaitan dengan mereka yang telah diisytiharkan bankrap terutama penjamin sosial, mereka yang menghidap penyakit kronik setelah disahkan oleh hospital kerajaan juga mereka yang telah berumur.

Tuan Yang di-Pertua. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Majlis Parlimen Ke-13 juga telah bertitah bahawa kerajaan sedang meminda Akta Kebankrutan 1967 bagi memberi peluang kepada golongan yang bankrap untuk bangkit semula memulakan kehidupan baru dan terus menyumbang semula kepada ekonomi negara.

Untuk makluman, Jabatan Insolvency Malaysia telah mempertimbangkan lapan perubahan dasar untuk meminda Akta Kebankrutan 1967 seperti yang berikut:

- (i) tindakan kebangkrutan tidak boleh diambil terhadap penjamin sosial. Walau bagaimanapun penjamin bukan sosial boleh dibankrapkan setelah mahkamah berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak pemiutang;
- (ii) menaikkan nilai minimum kebangkrutan dengan izin, *threshold*;
- (iii) seorang bankrap boleh dilepaskan awal daripada status kebangkrutan selepas tempoh tiga tahun daripada pemfailan Penyata Hal Ehwal (PHE);

- (iv) menetapkan keutamaan penyampaian notis kebangkrapan dan petisyen kebangkrapan secara sendiri dengan izin, *personal service* atau pos berdaftar dengan akuan terimaan penghutang;
- (v) mewujudkan mekanisme penyelamat, dengan izin, *rescue mechanism*;
- (vi) memperkenalkan sistem satu perintah, dengan izin, *single bankruptcy order* menggantikan perintah penerimaan dan perintah penghukuman;
- (vii) mewujudkan kumpulan wang bantuan insolvensi dengan izin *Insolvency Assistance Fund*; dan
- (viii) pelepasan daripada kebangkrapan tanpa prosedur bantahan oleh pemiutang bagi golongan bankrap sebagaimana yang berikut:
 - (a) penjamin sosial yang dibankrapkan di bawah Akta Kebankrapan 1967;
 - (b) bankrap yang telah meninggal dunia;
 - (c) bankrap yang disahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai seorang yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya; dan
 - (d) bankrap yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai penghidap penyakit kronik atau serius.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 adalah satu akta yang dicadangkan bagi memasukkan dasar-dasar sebagaimana yang dinyatakan di atas. Jabatan Insolvensi Malaysia turut mengambil beberapa inisiatif dan merangka strategi bagi mentransformasikan kerangka perundangan lama yang telah 14 tahun tidak dipinda.

Jabatan Insolvensi Malaysia telah menjalankan kajian menyeluruh seiring dengan proses konsultasi yang kompetitif, komprehensif di mana akan membawa perubahan dasar kepada kerangka perundangan kebangkrapan dan menambah baik prosedur-prosedur yang sedia ada. Di samping itu, kajian ini juga mengambil kira perkembangan dan kemajuan perundangan antarabangsa berkenaan insolvensi, tadbir urus korporat dan amalan baik.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Insolvensi Malaysia telah merangka Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 yang sesuai dengan peredaran terkini. Antara ciri-ciri penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) ini adalah seperti berikut:

- (i) tindakan kebangkrapan adalah pilihan terakhir untuk penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman. Prosiding kebangkrapan bukan pilihan pertama;
- (ii) mewujudkan kaedah alternatif kepada prosiding kebangkrapan sebelum seseorang individu dibankrapkan;
- (iii) seorang bankrap yang memenuhi kriteria pelepasan adalah berpotensi untuk dilepaskan dengan lebih cepat bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara, dan dalam masa yang sama pemiutang memperoleh manfaat apabila sumbangan yang munasabah dibuat oleh pihak pembangkang;

- (iv) mewujudkan masyarakat yang bijak dari segi pengurusan kewangan dan memberi kesedaran agar lebih bertanggungjawab mengenai pembayaran hutang serta memastikan pihak pemiutang lebih berhemah dalam memberikan kemudahan pembiayaan pinjaman;
- (v) mengurangkan kadar kes kebangkrapan; dan
- (vi) memudah cara prosiding kebangkrapan dan proses pentadbiran kes kebangkrapan.

Sesi *engagement* antara Jabatan Insolvensi Malaysia dengan pihak-pihak yang berkepentingan telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas. Maklum balas yang diterima daripada pihak-pihak berkepentingan telah diteliti oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia sebelum pembentangan ini dan telah dipertimbangkan di dalam Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016, pindaan-pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 adalah daripada fasal 1 hingga fasal 60 seperti yang terkandung dalam naskhah biru, rang undang-undang yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Secara keseluruhannya dari segi faktor ekonomi, Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini akan menyediakan mekanisme kepada pemiutang agar berpeluang atau berhak untuk mendapat peluang bayaran hutang semaksimum mungkin.

Selain daripada itu, institusi kewangan akan lebih berhemah dalam memberikan kemudahan pinjaman hanya kepada peminjam yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk membayar balik hutangnya. Dari segi sosial, kerangka perundangan pindaan ini juga lebih seimbang dalam menjaga kepentingan pihak-pihak seperti pemiutang dan penghutang.

Tambahan pula, ia akan memberikan peluang kedua kepada bankrap untuk bersama-sama memacu ekonomi negara dan berdaya saing serta menjadikan aspirasi negara ke arah negara maju. Bagi menjayakan pelaksanaan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini, satu transformasi minda diperlukan dari semua pihak bagi memastikan pentadbiran kes-kes kebangkrapan di Malaysia adalah bertaraf dunia dan menjadi model terbaik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris. Silakan.

12.38 tgh.

Puan Hajah Rahemah binti Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat

Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara. Salam 1Malaysia. salam negaraku Malaysia dan salam muafakat Johor.

Saya merafakkan syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya maka pada pagi ini kita dapat membincang dan mencari permuafakatan dalam urusan-urusan berkaitan dengan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kabinetnya kerana sikap penyayang dan prihatin kepada rakyat dengan membawa pindaan Rang Undang-undang Kebankrapan sebagai salah satu agenda utama pada sesi Dewan kali ini.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kebankrapan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin memaklumkan kembali statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi yang dibentangkan semasa Rang Undang-undang Kebankrapan Pindaan 2016 di Dewan Rakyat tempoh hari.

■1240

Sehingga Februari 2017, sebanyak 292,086 kes kebankrapan yang aktif dan yang sedang diuruskan oleh Jabatan Insolvensi.

Kedua, daripada jumlah itu, 58.57 peratus bersamaan dengan 171,074 orang adalah daripada kalangan yang berumur 25 tahun hingga ke 44 tahun. Jumlah yang membimbangkan ini menuntut kepada langkah kerajaan meminda Rang Undang-undang Kebankrapan 1967 (Pindaan) 2016 ini. Ianya memperlihatkan komitmen kerajaan mendukung nilai keadilan juga terus membantu menyejahterakan rakyat. Kerajaan yang ditunjangi oleh Barisan Nasional ini telah mempertimbangkan lapan perubahan dasar untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 ini dengan menyuntik enam ciri penting yang memberikan keadilan kepada semua iaitu:

- (i) kebankrapan sebagai pilihan terakhir untuk penguatkuasaan;
- (ii) mewujudkan kaedah alternatif kepada prosiding kebankrapan;
- (iii) seorang yang bankrap yang memenuhi kriteria pelepasan adalah berpotensi dilepaskan dengan lebih cepat;
- (iv) mewujudkan masyarakat yang bijak dan bertanggungjawab daripada segi pengurusan kewangan;
- (v) mengurangkan kadar kes kebankrapan; dan
- (vi) memudahkan prosiding kebankrapan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang telah dibentangkan ini dapatlah disimpulkan seperti berikut. Kita lihat had kebankrapan telah dinaikkan daripada RM30,000 kepada RM50,000.

Kedua, sebelum mesyuarat petisyen pemiutang, penghutang boleh memohon untuk memasuki Program Penyusunan Sukarela ataupun dengan kata lain, *Voluntary Arrangement* (VA) ataupun Pelan Pembayaran Semula, *Debt Repayment Plan* (DRP) melalui *nominee* berdaftar seperti peguam, juruaudit berlesen dan akauntan berdaftar atau sesiapa yang dilantik oleh Jabatan Insolvensi.

Penghutang boleh memohon ke mahkamah melalui Notis Niat untuk memasuki VA dan mahkamah akan mengeluarkan Perintah Interim ataupun *Interim Order* bagi tempoh tiga bulan untuk persetujuan pihak-pihak mengikat VA. Perintah Interim ini mempunyai kesan moratorium iaitu tiada prosiding kebangkrapan atau proses undang-undang boleh dimulakan atau diteruskan terhadap penghutang kecuali dengan kebenaran mahkamah.

Tiada lagi kebangkrapan bagi penjamin sosial iaitu penjamin yang tidak mendapat apa-apa faedah daripada jaminannya seperti:

- (i) penjamin biasiswa;
- (ii) penjamin kereta;
- (iii) penjamin rumah persendirian, yang bukan suami atau isteri peminjam iaitu dalam bahasa kasarnya, 'penjamin biawak hidup'.

Bagi penjamin yang lain juga, syarat-syarat untuk dibankrapkan ialah bank mesti membuktikan bahawa segala usaha telah dibuat daripada segi pelaksanaan undang-undang untuk mengutip hutang daripada peminjam. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, saya rasa selepas rang undang-undang ini diluluskan, kita tidak lagi khuatir untuk menjadi penjamin sosial.

Cara penyerahan notis kebangkrapan juga adalah lebih ketat iaitu penyerahan sendiri. Kita tak nak lagi penyerahan itu diletak sahaja dalam peti surat tetapi mesti sampai ke tangan yang tuan empunya dan hanya boleh penyampainya berganti jika penghutang dengan sengaja mengelak atau menerima penyerahan tersebut.

Keenam, pertimbangan untuk pelepasan si bankrap juga dipendekkan kepada tiga tahun dari lima tahun atau budi bicara Pengarah Jabatan Insolvensi jika si bankrap telah melaporkan diri atau menyerahkan borang pendapatan dan perbelanjaan dan telah membayar jumlah yang telah dipersetujui dengan Jabatan Insolvensi secara bulanan sehingga mencapai *target* jumlah tersebut.

Pelepasan juga akan diberikan kepada bankrap yang sudah meninggal dunia. Tuan Yang di-Pertua, selalunya kalau kita lihat, yang sudah meninggal pun dapat lagi surat daripada bankrap. Bayangkan yang dalam kubur pun sudah dapat surat bankrap. Jadi, bila perubahan rang undang-undang ini, yang telah meninggal dunia ini akan disenaraikan sebagai OKU, bankrap yang menghidap penyakit kritikal dan juga penjamin sosial.

Terakhir sekali, penjamin sosial bolehlah dibenarkan pelepasan daripada kebangkrapan atas budi bicara Pengarah Jabatan Insolvensi.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, apabila difahami dan diamati pindaan ini, kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional telah melaksanakan pelbagai usaha untuk kesejahteraan rakyat dari awal hinggalah sekarang. Sedikit demi sedikit pindaan dibuat kerana tuntutan semasa demi menjaga kepentingan semua pihak iaitu penghutang, pemiutang dan juga penjamin. Prosedur lapuk dinyahgunakan dan disuntik dengan dasar baru yang lebih mesra rakyat. Dengan pindaan baru ini, ianya dapat:

- (i) membantu kerajaan menguruskan dan mengurangkan kes-kes individu yang terlibat dalam dilema kebangkrapan;
- (ii) memberi peluang kedua kepada individu yang dijatuhkan hukuman bankrap dengan bantuan Kerajaan Barisan Nasional; dan

(iii) menjaga keharmonian rakyat terbanyak.

Di sini, saya ingin menyeru kepada institusi kewangan untuk lebih berhemah dan bertanggungjawab dalam memberi kemudahan pinjaman hanya kepada peminjam yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk membayar kembali hutang mereka.

Antara mekanisme yang boleh dicadangkan adalah menambah baik sistem saringan kelulusan pinjaman dengan memaksimumkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sebagai institusi penyaring dan konsultasi sebagai pemohon pinjaman yang mempunyai komitmen pinjaman yang tinggi. Janganlah dikejar keuntungan yang akhirnya ia akan merugikan banyak pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai konklusi, saya ingin ulangi kata-kata saya tempoh hari di dalam Dewan yang mulia ini, dasar baru yang disuntik dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan pentadbiran, memartabatkan perundangan, menjunjung kedaulatan serta menyejahterakan netizen. Sebelum saya mengakhiri perbahasan pada hari ini, ingin saya mengungkap kata-kata daripada IR. Sukarno berbunyi, *“Apabila di dalam dirinya seseorang itu ada rasa malu dan takut untuk berbuat sesuatu kebaikan, maka, jaminan bagi orang tersebut adalah tidak ada bertemannya ia dengan kemajuan selangkah pun”*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada usul Yang Berhormat Menteri?

Dato' Razali bin Ibrahim: Usul, usul. Belum menjawab lagi. Yang Berhormat Senator Shahanim dah bangun dah [*Ketawa*] Boleh sambung bahas.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017 yang tertera giliran ketujuh dalam Aturan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Khamis, 27 April 2017.”

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Silakan.

12.49 tgh.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit statistik berkenaan dengan kes-kes kebangkrapan tapi isu dia berlainan. Kalau kita tengok dari tahun ke tahun, kes-kes kebangkrapan sedang meningkat tetapi bukan semua kes kebangkrapan itu disebabkan oleh tindakan tidak bertanggungjawab peminjam. Ada juga lain-lain faktor yang menyebabkan kebangkrapan.

■1250

Sebagai contoh, saya ambil tahun 2016. Dari jumlah yang di-*declare* muflis tadi- angka-angka itu berkenaan dengan *cases* yang ada dalam Jabatan Insolvensi. Saya fokus kepada yang telah diisytiharkan muflis. Kalau kita ambil *figure* pada tahun 2016, sejumlah 82,383. Dari jumlah ini, hanya 40 peratus disebabkan oleh *poor financial planning* oleh peminjam. Yang lebih 52 peratus ini ialah lain-lain faktor. Sebagai contoh, kalau kita ambil 10 peratus daripada itu iaitu hampir 8,000 orang, diisytiharkan muflis kerana telah hilang pekerjaan atau mata pencarian mereka fasal dah *retrench*, maka dia orang tak boleh bayar hutang mereka. Dan juga ada lagi 8,000 lebih diisytiharkan muflis akibat dari tidak mampu bayar bil hospital sebab tinggi sangat bil hospital.

So, poin yang saya hendak cakap ini, saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan fasal kita perlu bantu orang-orang sedemikian.

Berbalik kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan, ada Yang Berhormat yang berbahas sebelum itu telah menyentuh dua tiga perkara, contohnya seksyen 5(3) berkaitan dengan *protection* kepada *social guarantors*. Ini saya pun mengalu-alukan *protection* kepada *social guarantors* yang pindaan kepada seksyen 5(3) ini. Cuma erti dia itu, *social guarantors* ini tidak boleh diisytiharkan muflis tetapi peminjam itu boleh ambil lain-lain tindakan untuk mengambil balik atau kutip balik dia punya duit seperti bekukan *bank account* dan sebagainya.

Begitu juga satu lagi saya hendak sentuh berkenaan seksyen 5 ialah peningkatan *minimum threshold*, kadar minimum atau nilai minimum dari RM30,000 ke RM50,000. Pada saya, saya pun menyokong itu fasal angka RM50,000 itu pada masa sekarang ini lebih sesuai berbanding dengan RM30,000.

Satu lagi seksyen yang disentuh tadi ialah berkenaan dengan *personally to a debtor*, kena hantar terus kepada orang yang *borrow in terms of service* itu. Itu pun saya mengalu-alukan, *personally to a debtor*, pindaan kepada seksyen 6(1). Akan tetapi mengenai seksyen 6, saya juga ingin menyokong pindaan-pindaan yang dibuat iaitu penambahan seksyen baru (1A), (1B), (1C) yang memperketat lagi prosedur-prosedur berkaitan dengan *substituted service*.

Cuma, yang ini semua *positive point*, tetapi saya juga ada satu atau dua *negative comment* secara ringkas, oleh kerana kekangan masa. Satu, berkenaan dengan seksyen 33C. Kalau kita baca seksyen 33C, dari segi *discharge* dari *bankruptcy*- (a), (b) dan sebagainya. *Discharge* dari *bankruptcy*. Kalau kita tengok seksyen 33C sekarang, *discharge* dari *bankruptcy*, dia *fixed* tiga tahun. Dahulu lima tahun. Dia kurang ke tiga tahun. Akan tetapi *question* yang timbul ialah kenapa tiga tahun selepas

penyerahan penyata-penyata? Pada saya, kalau dia dah *submit* semua penyata, *discharge* itu mesti secara automatiklah atau satu tempoh yang kurang dari tiga tahun ini. Saya kalau dah bayar, dah *settle* semua, dah *submit* semua akaun, lepas itu kena tunggu tiga tahun untuk *discharge*, itu saya rasa satu tempoh yang tidak berapa munasabah. Cuma satu *negative comment* seksyen 33C ini.

Akan tetapi yang seksyen 33B semua itu, saya mengalu-alukan yang beberapa kategori yang terlepas dari tindakan kebangkrutan seperti *social guarantor*, orang yang hilang upaya, orang yang meninggal, orang yang dah sakit dan sebagainya.

Lagi satu *negative comment* ialah seksyen 77A. Kalau kita tengok seksyen 77A, seksyen 77A ini berkenaan dengan *insolvency fund*. Kalau kita tengok seksyen 77A, dia *specify* di mana *insolvency fund* itu boleh digunakan. Cuma subseksyen (d) itu, dia pakai perkataan, "*as may be prescribed*". Cuma isu saya ialah *as may be prescribed by whom*? Dia tak *specify* siapa yang boleh *prescribed* itu. Adakah dia merujuk kepada Pengarah Jabatan Insolvensi? Fasal dia yang *authorize to disburse the funds*. Atau dia merujuk kepada Menteri?

Dan *as may be prescribed* ini, adakah dia boleh dibuat secara *administrative* atau kena melalui *regulation* melalui *Minister*? Ini yang- saya sokong, "*as may be prescribed*" fasal kita tak boleh ramalkan semua keadaan. Kita tak mahu supaya esok tersekat dan tak boleh pakai duit itu. Cuma saya nak lebih *clarity* kalau kita boleh *specify as may be prescribed by whom*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *Insolvency Assistance Fund*?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Tahmbirajah: Dia ada. Akta pindaan ini dia mencadangkan penubuhan satu *fund*, *insolvency fund* yang akan dikawal oleh Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, satu *new fund*. A *new fund* itu dia sebut macam mana *fund* itu boleh digunakan untuk tujuan-tujuan apa. Kalau tak salah, ada empat tujuan- (a), (b), (c), (d). Yang tak berapa *clear* ini (d) dalam seksyen 77A(d) ini. Dia cakap *fund* itu boleh digunakan *as may be prescribed*. Akan tetapi *prescribed by whom* sahaja soalan saya.

So, ini sahaja dua *negative comment*. Yang lain semua saya sokong dengan penuh akta ini fasal ia akan tolong banyak bankrap terutamanya *social guarantor*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng. Yang Berhormat dah kemaskan meja? Silakan.

12.57 tgh.

Tuan Chia Song Cheng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang untuk saya berbahas mengenai Rang Undang-undang Kebankrapan di Dewan yang mulia pada hari ini.

Secara keseluruhan, pindaan kepada Akta Kebankrapan ini adalah lama ditunggu dan juga sangat diperlukan dalam menangani isu-isu kebangkrutan di negara kita yang kini dihadapi. Dengan kelulusan pindaan rang undang-undang ini, ini dengan berkesan akan mengurangkan jumlah bankrap di negara kita dan juga memberi peluang kedua kepada bankrap semasa untuk membina semula kehidupan mereka dan juga menjadi balik ahli yang menyumbang kepada masyarakat.

Saya tidak akan secara terperinci meneliti ke dalam butir-butir dan aspek teknikal untuk mengemukakan kebaikan dan juga kelemahan rang undang-undang ini kerana saya percaya bahawa

rakan-rakan saya di Dewan ini telah atau pun akan bersungguh-sungguh membangkitkan ini dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh itu, perbahasan saya adalah ringkas, pendek dan juga terus membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan rang undang-undang ini untuk diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya hendak membangkitkan adalah kesenangan akses atau kelonggaran syarat yang ditetapkan untuk pinjaman kereta, pinjaman peribadi dan juga kad kredit. Jabatan Insolvensi telah menunjukkan tiga punca terbesar untuk kebangkrapan adalah disebabkan oleh pinjaman kereta yang merangkumi sebanyak 26.9 peratus, pinjaman peribadi sebanyak 18 peratus dan pinjaman rumah sebanyak 17.3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah pukul 1 tengah hari. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa dan salam negaraku. *Alhamdulillah*, kita sambung balik perbahasan kita.

Saya minta Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng terus sambung yang tadi.

2.32 ptg.

Tuan Chia Song Cheng: Tuan Yang di-Pertua, selamat petang, salam sejahtera. Terima kasih kerana telah membenarkan saya menyambung perbahasan saya pada petang ini.

Isu pertama yang saya hendak membangkitkan adalah kesenangan akses atau kelonggaran syarat yang ditetapkan untuk pinjaman kereta, pinjaman peribadi dan kad kredit. Jabatan Insolvensi telah menunjukkan punca tiga terbesar untuk kebangkrapan adalah disebabkan oleh pinjaman kereta- 26.9 peratus; pinjaman peribadi- 18 peratus; pinjaman rumah- 17.3 peratus; diikuti kad kredit- 17.3 peratus; pinjaman perniagaan- 11.6 peratus. Ini menggambarkan bahawa meskipun peminjam didapati tidak mempunyai keupayaan untuk membayar balik hutang mereka, namun pemiutang dan institusi pinjaman masih meneruskan mereka untuk meminjam.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita bergurau dengan diri sendiri untuk mengatakan bahawa pemiutang dan institusi pinjaman wujud untuk mendorong rakyat dengan keperluan kewangan mereka. Mereka wujud untuk satu tujuan sahaja dan iaitu untuk mendapatkan keuntungan melalui tiba-tiba faedah tinggi dan juga bercakap terus terang, mereka tidak peduli sama ada seseorang adalah upaya atau wajarkah mereka meminjam. Akan tetapi lebih mengambil berat kepada beberapa banyak mereka boleh mengira riba dan juga untung daripada peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita melihat syarat semasa ditawarkan oleh bank untuk pinjaman kereta. Sebagai contoh seseorang yang berpendapatan sebanyak RM1,000, RM1,800 sebulan boleh membeli sebuah kereta bernilai lebih daripada RM100,000 yang sepatutnya nampak tidak mampu dibeli. Ini adalah disebabkan oleh kelonggaran syarat pinjaman kereta yang membenarkan wang

pendahuluan yang rendah yang boleh sampai serendah 10 peratus daripada jumlah nilai kereta. Tempoh pinjaman yang lama yang boleh diringkaskan sehingga sembilan tahun untuk menarik dan juga memperdaya orang berfikir bahawa kereta tersebut adalah mampu beli walaupun bukan.

Adalah juga kes yang saya dengar bahawa pinjaman kereta 100 peratus tanpa wang pendahuluan diperlukan turut diberikan. Sekali lagi saya berfikir punca utama untuk kebangkrapan adalah disebabkan oleh pinjaman kereta terutamanya dalam golongan belia. Negara lain seperti Singapura telah menetapkan mandat untuk memerlukan pembeli kereta meletakkan wang pendahuluan minimum sebanyak 40 peratus kepada nilai kereta dan hanya boleh meminjam paling lama tujuh tahun sahaja demi untuk memastikan hanya orang yang benar-benar mampu membeli kereta dapat membeli. Sementara kita tidak perlu mengikut mandat yang begitu keterlaluan, pada pandangan saya kerajaan sekurang-kurangnya harus meningkatkan syarat keperluan semasa untuk pinjaman kereta.

Satu lagi contoh adalah demi untuk menjadi berdaya saing dalam industri perbankan runcit. Bank-bank tersebut telah secara agresif kejar orang untuk melanggan kad kredit di pusat beli belah, dengan izin, dan juga *mail* kad kredit percuma ke rumah orang. Untuk menggalakkan orang menggunakan kad kredit tanpa mengira keupayaan seorang untuk mengguna dan juga membayar hutang kad kredit tersebut.

Ini adalah bagaimana banyak graduan baru yang baru dapat kerja pertama dan juga orang lain yang tidak cukup makan untuk menggunakan kad kredit secara berhemah jatuh ke dalam hutang kad kredit yang mudarat dan menghadapi risiko kebangkrapan. Dengan itu saya hendak bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan sedar dengan amaran ini? Apakah langkah kerajaan dalam membendung atau sekurang-kurangnya mengawal amaran pemangsa seperti ini. Bagaimana kita boleh pastikan hanya mereka yang keupayaan dapat akses kepada kemudahan kredit.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya hendak membangkitkan adalah isu pinjaman sosial.

■1440

Saya bermula dengan berterima kasih kepada kerajaan dalam cadangan pindaan untuk memberi perlindungan penuh kepada peminjam sosial daripada kebangkrapan. Oleh kerana ini ia akan dengan berkesan mengurangkan jumlah bankrap di negara kita. Selepas kelulusan rang undang-undang pindaan ini dan dikuatkuasakan dengan serta-merta, melepaskan pinjaman sosial semasa yang pada pendapat saya tidak wajar diisytiharkan bankrap daripada kebangkrapan. Walaupun begitu, pinjaman sosial masih bertanggungjawab atas hutang atau pinjaman yang telah dijamin oleh mereka. Pemiutang masih boleh mengambil tindakan undang-undang untuk menyaman mereka atau menyita aset mereka.

Pada asasnya, apabila seseorang peminjam memungkiri pinjaman mereka, peminjam sosial mereka menjadi penjamin pinjaman tersebut. AKPK atau dipanggil Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit melaporkan pertemuan membimbangkan daripada mereka bahawa banyak penjamin sosial tidak menyedari implikasi seperti ini. Banyak klien AKPK tanpa disedari menjadi penjamin sosial kepada hutang ahli keluarga atau kawan mereka dan sekarang menghadapi masalah apabila peminjam lari atau hutang mereka dan pemiutang mengambil tindakan terhadap penjamin

sosial tersebut. Sebagai contoh, seseorang pelajar yang telah memohon pinjaman pelajaran daripada institusi pinjaman bukan PTPTN dengan seseorang penjamin sosial, kemudian tidak dapat membayar balik pinjaman tersebut oleh sebab tidak dapat kerja atau tidak dapat menghabiskan pelajaran. Penjamin sosial itu kenalah tindakan undang-undang daripada pemiutang dan juga tidak dapat mendapatkan pinjaman lain daripada institusi pinjaman.

Khususnya kepada contoh ini, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan sedar dengan insiden yang serupa dan juga apakah kerajaan sedang lakukan untuk mendalangi isu ini dan juga ini adalah disebabkan oleh kekurangan kesedaran dan itu membawa kepada isu seterusnya. Pada akhirnya, kita mendapati punca asas yang menyebabkan kebangkrapan adalah kerana kekurangan pendidikan dan juga kesedaran tentang kecelikan kewangan. Walaupun kerajaan telah menyedari dan juga sedang menangani isu ini melalui pelbagai cara dan juga institusi awam seperti KWSP dan juga AKPK. Ia seolah-olah masih tidak mencukupi dan juga setanding dengan jangkakan ramai yang masih mempunyai celik kewangan yang lemah dan juga terdedah kepada tabiat meminjam duit lebih daripada keupayaan mereka.

Saya berfikir dengan isu ini dan oleh itu telah menyedari satu cadangan selain daripada hanya bergantung kepada pihak kerajaan untuk memupuk kesedaran dan juga mendidik celik kewangan kepada rakyat, kerajaan boleh meletakkan mandat atau sekurang-kurangnya memberi insentif kepada institusi pinjaman dan juga kewangan untuk memainkan peranan tersebut sebelum memberi pinjaman. Jika cadangan ini dapat dilaksanakan dengan efektif, kita boleh menyelesaikan agar masalah kebangkrapan dan iaitu dengan pergi ke sumber asas kredit dan juga pinjaman diberikan. Jika orang dapat dinasihati oleh agen bank pada kos sebenarnya satu pinjaman, mereka akan berfikir dengan lebih teliti sebelum mahu dapat satu pinjaman kereta atau satu kad kredit.

Ini akan memberi mereka lebih kesedaran dan juga membolehkan mereka untuk membuat keputusan dan komitmen kewangan yang lebih baik yang akan menghalang mereka daripada menanggung beban hutang yang tidak dapat ditanggung dan oleh itu menghadapi risiko kebangkrapan. Seseorang yang layak untuk mendapatkan satu kad kredit tidaklah bermakna bahawa orang itu mempunyai keupayaan atau disiplin untuk menggunakan kad kredit dengan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, justeru saya menyeru kepada kerajaan supaya untuk mempertimbangkan kemungkinan rancangan ini untuk memberi mandat atau sekurang-kurangnya memberi insentif kepada institusi kewangan dan pinjaman untuk memainkan peranan mereka sebagai pemiutang yang beretika dan juga meningkatkan usaha pendidikan kewangan mereka kepada bakal klien mereka.

Akhir sekali, saya ingin menimbulkan persoalan penting dan juga isu-isu asas lain berkenaan dengan rang undang-undang ini yang kerajaan perlu memberi perhatian, harga rumah yang melambung kepada tahap yang sangat tidak mampu. Bermakna, kerajaan perlulah mengkaji dan juga meneliti semula dasar perumahan untuk memahami mengapa dasar semasa seolah-olah tidak cukup berkesan untuk menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi kepada rakyat. Sekurang-kurangnya, walaupun rang undang-undang ini adalah satu langkah ke hadapan dalam menangani isu kebangkrapan. Kita perlulah menyedari bahawa satu pindaan dalam satu akta adalah tidak mencukupi dalam menyelesaikan isu kebangkrapan.

Secara keseluruhan di negara kita, kita perlulah melihat isu ini secara holistik. Kita perlulah melaksanakan satu kajian yang terperinci dan juga menyeluruh, khususnya untuk memahami mengapa banyak orang terperangkap dalam hutang dan akhirnya terpaksa kebankrapan. Bagaimanakah kita dapat menangani atau sekurang-kurangnya mengurangkan berterusan isu ini. Kita juga perlu mengubah dasar-dasar yang boleh berfungsi sebagai pelengkap kepada Akta Kebankrapan ini dan harapannya dapatlah menangani isu ini dengan holistik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa kerajaan memberi perhatian dan juga mempertimbangkan isu dan juga cadangan yang saya bangkitkan di sini. Dengan kata-kata ini, saya mengakhiri perbahasan saya dengan menyokong Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng. Seterusnya, saya jemput pula Yang Berhormat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib.

2.49 ptg.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam negara ku Malaysia. Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut seta membahaskan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 untuk mengukuhkan peruntukan yang berhubung dengan penjamin, terutamanya penjamin sosial dan memberi peluang kedua kepada individu yang diisytiharkan bankrap. Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia, sebanyak 292,086 kes kebankrapan yang aktif dan bankrap yang belum dilepaskan.

■1450

Daripada jumlah itu, 58.57 peratus adalah terdiri daripada golongan muda yang berumur 25 hingga 44 tahun. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, yang begitu prihatin dengan pelbagai isu kebankrapan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunaikan janji untuk mengemukakan pindaan Akta Kebankrapan 1967 semasa pembentangan Bajet 2017 lalu. Hari ini Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] melalui transformasi yang tepat masanya dalam keadaan negara yang sedang menuju negara maju berpendapatan tinggi. Setiap individu rakyat negara ini adalah penting dalam membangunkan ekonomi negara yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 12 pindaan Akta 360 ini iaitu pindaan seksyen 5, dan subseksyen (3), yang menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen (3)(a), pemiutang tidak boleh mengambil tindakan kebankrapan kepada penjamin sosial. Pindaan ini adalah penting kerana penjamin sosial menjalankan tanggungjawab, umpamanya menjadi penjamin kepada pinjaman pendidikan.

Langkah pindaan ini adalah wajar memandangkan di masa lalu agak sukar untuk mendapatkan penjamin bagi pinjaman pelajaran kerana khuatir peminjam akan gagal membuat bayaran balik menyebabkan penjamin dikenakan tindakan kebankrapan. Pindaan seksyen ini juga boleh memastikan peminjam tidak mudah lepas tangan dan membiarkan penjamin terpaksa

menanggung pinjaman. Dalam hubungan ini, penjamin prinsipal sewajarnya dipertanggungjawabkan di atas pinjaman yang telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh fasal 14 yang bertujuan meminda seksyen 7, Akta 360 yang memperuntukkan mahkamah tidak boleh menghukum seorang pekongsi firma bankrap melainkan jika pekongsi itu dibuktikan sebagai pekongsi firma melalui pengakuan atau keterangan secara bersumpah. Tindakan ini adalah wajar kerana terdapat firma seperti firma guaman yang mempunyai ahli atau *associate member* yang bukan perkongsian atau *partner*. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan adakah pekongsi yang punyai jumlah atau peratus saham minoriti juga akan ditakrifkan pekongsi dan boleh dikenakan tindakan kebangkrapan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 360 ini memberikan manfaat kepada beberapa golongan yang sewajarnya diberikan pelepasan kebangkrapan di antaranya bankrap yang telah meninggal dunia dikategorikan sebagai OKU dan disahkan sebagai penghidap penyakit kronik dan serius. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah golongan warga emas berusia 60 tahun akan juga dilepaskan bankrap?

Akhirnya saya melihat pindaan Akta Kebankrapan 1967 sebagai langkah yang tepat melindungi individu bankrap daripada terus terbelenggu dalam kebangkrapan sebaliknya tindakan kebangkrapan sebagai pilihan terakhir, mewujudkan alternatif sebagai prosiding kebangkrapan. Menyediakan kaedah pelepasan pilihan dan akhirnya mewujudkan masyarakat yang bijak menguruskan kewangan dan bertanggungjawab dalam pembayaran pinjaman. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. *Waalai kumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib. Seterusnya saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

2.54 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa dan salam negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, yang membawakan pindaan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini yang membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap pelbagai isu berhubung dengan kebangkrapan yang menjejaskan rakyat antaranya termasuklah penjamin sosial, nilai minimum kebangkrapan dan pemufliis muda.

Saya amat bersetuju bahawa antara isu utama kebangkrapan ini adalah tindakan kebangkrapan yang diambil terhadap penjamin kerana menjadi penjamin kepada peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman. Sedangkan peminjam sepatutnya dipertanggungjawabkan terlebih dahulu untuk menjelaskan pinjaman sebelum tindakan mengisytiharkan mufliis kepada penjamin yang pertama. Pada masa ini terdapat klausa di dalam surat perjanjian pinjaman yang menyatakan bahawa tindakan

boleh diambil secara bersama atau berasingan menyebabkan pemiutang mengambil jalan mudah dengan terus mengambil tindakan kebangkrapan ke atas penjamin. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan klausa ini bagi melindungi penjamin dan memastikan pemiutang mengambil tindakan kepada peminjam prinsipal sebelum mengambil tindakan kebangkrapan kepada penjamin.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa kebanyakan institusi kewangan yang memberi pinjaman ini tidak menerangkan perkara yang sebenarnya sewaktu menandatangani perjanjian itu. Tidak menerangkan secara *detail* terma dan syarat pinjaman. Hanya yang diceritakan ialah *percent*, ataupun kadar peratus pinjaman sama ada kereta atau rumah dan tempoh bayaran balik. Itu sahaja yang diterangkan. Selain daripada itu, sebarang surat menyurat yang berkaitan dengan guaman dan mahkamah juga dibebani kepada peminjam dan ini tidak adil dan perjanjian ini saya nampak sebagai berat sebelah. Saya suka mencadangkan supaya urusan saman, surat-menyurat peguam dan caj mahkamah ini ditanggung oleh pihak institusi kewangan ataupun separuh seorang, 50:50.

Dalam hubungan ini, pindaan Akta Kebankrapan 1967 ini, adalah tepat masanya dan menunjukkan kerajaan berpandangan jauh dalam membina negara dan memperkasa golongan muda. Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sewajarnya diberikan penghargaan dengan mengumumkan meminda Akta Kebankrapan 1967 ini semasa ucapan Bajet 2017 yang lalu, selari dengan dasar dan agenda transformasi negara yang memerlukan golongan muda untuk memacu negara ini. Bagaimanapun golongan muda 25 tahun sehingga 40 tahun ini adalah golongan yang ramai diisytiharkan mufliis sedangkan kumpulan ini adalah kumpulan yang amat diperlukan oleh negara dan kerajaan bukan sahaja dari segi tenaga untuk membangunkan negara, tetapi juga untuk menyumbang dari segi hasil dan cukai negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini kali ini meliputi 60 fasal pindaan merangkumi pelbagai aspek kebangkrapan secara komprehensif dan menyeluruh bertujuan antaranya ialah untuk mengukuhkan peruntukan yang berhubung dengan penjamin dan penjamin sosial. Menaikkan nilai hutang minimum bagi memfailkan petisyen kebangkrapan dan memasukkan kaedah pelepasan seperti pelepasan automatik.

Pertamanya saya ingin menyentuh fasal 2 yang memperuntukkan Akta 360 ini dengan ketidaksolvenan dan kebangkrapan seseorang individu itu bertujuan memasukkan suatu mekanisme penyelamat baru yang dinamakan pengiraan sukarela atas pilihan penghutang sebelum perintah kebangkrapan dibuat oleh mahkamah terhadapnya.

■1500

Langkah ini menjadikan Akta Kebankrapan 1997 yakni Akta 360 ini mengikut amalan standard antarabangsa di kalangan negara maju seperti *United Kingdom* dan Singapura. Pindaan ini memberikan peluang kepada individu secara sukarela mengemukakan *voluntary arrangement*, dengan izin, sebelum diisytiharkan bankrap. Pindaan ini memberikan peluang kepada si berhutang untuk berbincang dengan pemiutang sebelum dibawa ke mahkamah.

Berhubung dengan pelepasan kebangkrapan ini juga saya ingin menyentuh fasal 37 bertujuan memasukkan seksyen baharu 33C ke dalam Akta 360 untuk mengadakan pelepasan lain iaitu

pelepasan automatik. Saya difahamkan pelepasan automatik ini telah lama diamalkan di negara *United Kingdom*. Menurut peruntukan seksyen baharu ini, seseorang individu itu hendaklah dilepaskan dari kebangkrutan selepas tiga tahun dari tarikh penyerahan penyata hal ehwalnya dan mencapai sasaran sumbangannya sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

Pelepasan secara automatik ini adalah menunjukkan ciri negara maju. Sebelum ini pelepasan hanya diberikan selama selepas lima tahun. Saya juga ingin- saya juga telah mendapat maklum balas daripada orang ramai bahawa Jabatan Insolvensi ini sangat mesra dan budiman terhadap pemiutang atau golongan yang bankrap dalam membantu urusan yang berkaitan. Dalam hubungan ini, Ketua Pengarah Insolvensi menurut seksyen 33(2) hendaklah mengambil kira antaranya pendapatan semasa individu yang bankrap. Pendapatan isteri atau pasangan dan pendapatan akan datang yang dijangkakan dengan mengambil kira pendidikan dan latihan vokasional, kedudukan jawatan dan kedudukan ekonomi.

Selain itu, anggaran perbelanjaan yang munasabah dan harta milik pembankrap. Pindaan ini memberikan pelepasan kepada pembankrap untuk segera keluar dari belunggu mufliis dan mendapat peluang kedua untuk memulakan kehidupan baharu. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan setakat manakah sumbangan pasangan atau isteri ataupun suami diambil kira dalam perkiraan pelepasan bankrap ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pindaan fasal 12 yang meminda seksyen 5 Akta 360 ini dengan menaikkan nilai minimum hutang dari pemfailan petisyen kebangkrutan daripada RM30,000 kepada RM50,000. Langkah menaikkan nilai minimum ini sangat penting dan wajar kerana sebelum ini ramai peminjam dan penjamin telah diisytiharkan mufliis walaupun jumlah hutang sebanyak RM30,000 sahaja. Saya berpendapat nilai minimum RM50,000 ini yang dicadangkan dalam pindaan ini pun masih rendah memandangkan harga kenderaan sekarang kalau *Kancil* pun dekat RM50,000 sudah.

Begitu juga dengan harga rumah yang pada masa ini berharga dalam lingkungan RM150,000. Kalau pinjam Rumah Mesra Rakyat RM50,000, RM60,000 kalau tak bayar memang kena bankrap lah. Saya ingin mencadangkan agar nilai minimum hutang bagi pemfailan petisyen kebangkrutan ini dinaikkan daripada RM30,000 kepada RM100,000 mengambil kira pendapatan individu sekarang dan kemampuan individu untuk membuat dan membayar pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan syabas sekali lagi kepada kerajaan yang begitu prihatin membela rakyat yang dibelunggu dengan masalah kebangkrutan terutamanya dalam usaha kita melangkah untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi yang memerlukan kita untuk mengubah landskap kewangan negara, kewangan individu dan negara yang secara langsung akan memberi kesan kepada landskap negara dalam memperkukuhkan kedudukan kewangan semua rakyatnya. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam* dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik dipersilakan.

3.05 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberikan saya ruang yang sama untuk sama-sama membahaskan Akta Kebankrapan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat semua yang kita dengar sebelum ini menyatakan bahawa isu ini adalah isu yang penting dan perlu untuk kita berikan tumpuan kerana isu ini melibatkan bukan sahaja rakyat keseluruhannya tetapi ia juga memberikan kesan kepada golongan belia yang kita tahu kadar muflis ini hampir nilai peratusnya itu menunjukkan golongan belia adalah golongan yang paling terkesan dengan masalah kebangkrapan ini ataupun muflis yang mana menjejaskan mereka. Akan tetapi apa isunya?

Pertama Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum soal yang pertama yang sering menjejaskan golongan belia ataupun rakyat Malaysia dalam isu bankrap ini ialah pembelian kereta. Kalau kita tengok sekarang beli kereta, ya lah ekonomi itu tidak stabil, bila dia beli kereta waktu dia bekerja kadang-kadang bila dia sudah beli kereta dalam masa dua, tiga tahun dia diberhentikan kerja. Jadi ini juga menjadi faktor bagaimana ia membantu golongan ini untuk terdedah dengan gejala muflis ini.

Oleh sebab itu, saya nyatakan dalam isu pembelian kereta ini saya juga hendak memberikan tumpuan kepada soal penjamin sosial dalam isu pembelian kereta ini. Ada dilaporkan dalam *Sinar Harian* semalam saya tak sempat sebenarnya hendak dapatkan butirnya tetapi saya terbaca semalam. Ada seorang lelaki ini dari negeri Johor seingat saya, dia bangkitkan dalam *Sinar Harian* dia adalah penjamin sosial untuk kawan dia beli kereta. Kawan dia tak dapat bayar, masih berhutang RM19,000. Dia tidak ada duit dan dia adalah pesakit kanser tahap dua sekarang. Dia bangkitkan dalam isu ini ialah dia kata dia pergi ke Jabatan Insolvensi untuk dia dikeluarkan daripada senarai muflis dan dia beritahu boleh atau tidak dia teruskan dengan pembayaran secara bulanan mengikut gaji dia kerana dia adalah penjawat awam. Akan tetapi pejabat Insolvensi kata tak boleh kerana dia telah diisytiharkan muflis.

Ini telah mengganggu dia. Dia dalam keadaan kanser, masalah. Jadi mungkin boleh rujuk *Sinar Harian*. Saya minta sangat Menteri kalau boleh kita selesaikan masalah individu ini kerana permasalahan yang dihadapi. Akan tetapi inilah soal penjamin sosial ini. Saya bersetuju kalau Yang Berhormat Menteri kata tadi penjamin sosial ini dia tidak boleh dimuflikasikan tanpa sebab. Akan tetapi bila disebut tadi seseorang penjamin sosial boleh dianggap muflis sekiranya mahkamah menerima pakai sebab-sebab yang munasabah. Saya hendak tahu yang pertamanya soal sebab-sebab yang munasabah yang bagaimana yang boleh menjadikan penjamin sosial ini juga turut muflis sama seperti peminjam? Itu yang pertama.

Kedua, kalau rang undang-undang ini diluluskan, adakah ia hanya terpakai untuk masa ke hadapan ataupun kementerian boleh juga memikirkan untuk rang undang-undang ini terpakai kepada masa-masa yang lepas? Maksud saya apa, ramai penjamin sosial yang lalu yang sekarang berhadapan dengan isu ini. Mungkin kementerian atas ihsannya Kerajaan Malaysia boleh memikirkan untuk membantu kelompok-kelompok ini agar mereka juga diberi ruang yang sama seandainya rang undang-undang ini hanya terpakai untuk yang ke hadapan.

Kedua, isu perumahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok sekarang isu perumahan ini ialah isu yang paling membelenggu apabila dia beli rumah pemaju tak siapkan rumah terbengkalai. Kemudian dia diisytiharkan muflis sebab apa? Kos hutang. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian yang pertama dalam isu pembayaran daripada bank dan pemaju, bagaimana ia dilakukan sebab sebelum ini saya baca kos pembayaran itu dibuat mengikut peringkat *progress* rumah itu hendak disiapkan. Akan tetapi sekarang ada dinyatakan kepada saya dengan bukti-bukti menunjukkan bahawa bila dia beli rumah RM167,000 hutang dia walaupun rumah itu tidak siap dalam keadaan 30 atau 40 peratus tetap RM167,000.

Alasan daripada pihak bank apa dia? Dia sudah bayar *lump sum* kepada pemaju perumahan. Ini sebenarnya membantutkan institusi rakyat ini yang mana rumah tak dapat dia sudah bingung, hutang hendak kena tambah, muflis pula tu. Jadi saya minta yang pertama persoalan saya ialah ada atau tidak badan yang menyelia cara *progress* pembayaran di antara bank dan juga pemaju agar isu bankrap ini tidak dijadikan salah satu isu dalam isu rumah-rumah terbengkalai.

■1510

Kedua, saya juga nak tanya soal perumahan ini juga. Bagaimana pembayaran itu dibuat, adakah memang tertulis pembayaran dibuat mengikut *progress* rumah ataupun pembayaran itu dibuat secara *lump sum*.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, saya ini penekanan yang saya kira paling penting, orang ketiga di antara bank dan juga peminjam, orang ketiga di antara bank dan juga orang muflis. Orang yang diambil oleh sesuatu syarikat untuk jadi orang tengah. Ini Tuan Yang di-Pertua, banyak aduan saya terima. Lagaknya tidak ubah macam samseng, datang nak minta hutang itu ibarat macam dialah yang paling besar sehingga mengetepikan undang-undang sebab ini banyak terjadi di kalangan orang muda. Contohnya kalau kereta itu dengan nak tarik kereta, tengoklah lagak dia macam mana.

Akan tetapi dalam isu orang ketiga ini, saya nak sangat penekanan diberikan oleh kementerian. Apa perlu orang ketiga ini dijadikan orang ketiga? Tidak bolehkah kementerian mengeluarkan satu isyarat kepada bank ataupun mana-mana badan yang nak memungut hutang ini agar tidak melantik mana-mana orang ketiga. Dia boleh sahaja menggunakan akta dan lunas undang-undang yang sedia ada untuk meminta pembayaran ataupun meminta hutang daripada individu-individu yang sepatutnya.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Dato' Abdul Rahman tadi yang mengatakan bahawa kos prosedur mahkamah. Dia dipanggil ke mahkamah, dia hadir ke mahkamah, dia diisytiharkan muflis dan dia terpaksa membayar kos mahkamah. Ini bagi saya satu yang beban. Dia sudah keluar dia sudah tidak *happy*, dia sudah *down* kemudian dibebankan lagi dengan kos mahkamah yang nilai dia kita tidak tahu berapa. Jadi saya minta kementerian untuk teliti semula agar isu kos prosedur mahkamah ini juga dititikberatkan. Kalau tidak perlu kena ada standard yang bersesuaian dengan peminjam ataupun mangsa pada ketika itu.

Keenam, akhir Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya kepada pihak kementerian. Seandainya ada individu-individu yang nak mengerjakan, maksud saya bukan peminjamlah, yang penjamin sosial yang diisytiharkan muflis kerana menjamin. Dia nak kerjakan umrah dan juga haji, adakah pihak kementerian boleh membantu individu-individu ini untuk mendapatkan kelonggaran agar dia

dibenarkan ke luar negara untuk menunaikan ibadah umrah dan haji. Ini kerana ada banyak kes isu PTPTN dan sebagainya yang dibangkitkan oleh rakyat bawahan ialah bagaimana mereka ini ialah penjamin, mangsa teraniaya bila nak kena keluar negara nak tunaikan umrah dan haji, tidak boleh sebab apa, muflis.

Jadi saya minta sangat kementerian kalau boleh teliti semula untuk mungkin memberikan sedikit kelonggaran kepada individu-individu ini. Kalau kita boleh tengok mesti ada *track record*. Dalam sistem Tuan Yang di-Pertua, mesti ada *track record* yang kita boleh lihat sama ada orang ini dia nak pergi ke luar negara nak lari ataupun sebagainya. Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, yang saya minta sangat untuk diperlihatkan oleh kementerian agar bukan sahaja negara ini baik, nak capai TN50 pun kita kena keluarkan dulu golongan belia daripada kepompong muflis, kepompong hutang yang sedang dibebani oleh mereka.

Saya kira cukup setakat itu Tuan Yang di-Pertua, sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Aisyah binti Shaik Ismail.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

3.13 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016. Saya amat berbesar hati Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan dibahaskan sekarang untuk membantu individu yang menghadapi masalah hutang dan kebangkrapan di Malaysia. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Secara ringkasnya, persoalan yang ingin saya timbulkan adalah mengenai had minimum hutang bagi permulaan prosiding yang telah dinaikkan kepada RM50,000 dan beberapa isu dalam tatacara standard atau jumlah *interest* sehingga penyelesaian mutlak hutang. Caj perkhidmatan guaman dan Jabatan Insolvensi apabila pihak yang diperintah bankrap mempunyai bayaran penyelesaian muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 12 pindaan akta ini menyatakan bahawa permulaan petisyen boleh dimulakan apabila had minimum hutang mencapai RM50,000. Apa yang menjadi persoalan saya bagi kes penjamin sosial terutamanya iaitu penjawat awam, sekiranya penjamin sosial ini ingin membuat penyelesaian sukarela dan memohon rundingan dengan penghutang, mekanisme perkiraan sukarela, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pertamanya, jumlah *interest* minimum yang ditetapkan dalam akta kebangkrapan ini agar ia tidak membebankan penjamin sosial yang komited untuk melangsaikan tuntutan walaupun mereka bukan penerima *benefit* pemiutang. Kedua, julat atau had kos guaman dan proses tuntutan agar kos guaman pihak pembuat petisyen tidak sahaja ditanggung oleh penjamin sosial. Ketiganya, caj yang dikenakan

oleh Jabatan Insolvensi bagi mengurus dan mentadbir komitmen bayaran sukarela agar hak dan kepentingan penjamin sosial terbela dan tidak teraniaya.

Saya mohon menyokong pindaan akta kebangkrutan ini dan harapan saya semoga penambahbaikan beberapa peruntukan akta ini akan membela nasib penjamin sosial yang terbeban dengan *liability* hutang yang tidak dibuat oleh mereka. Akhirnya saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Aisyah tadi iaitu kalau sekiranya berlaku kebangkrutan ini kepada individu-individu tertentu sebab ini terjadi kepada kawan saya, yang nak ke luar negara terpaksa ditahan kerana berlakunya kebangkrutan ini. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Mahamad, dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

3.18 ptg.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum* dan salam sejahtera kepada sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Insolvensi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada rang undang-undang Akta Kebankrutan ini, saya melihat ia merupakan suatu talian hayat kepada penghutang. Saya sebut kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah *debtor*. Saya melihat cadangan pindaan ini melibatkan kepada dua perkara iaitu suatu perkara yang *substantive* dan *juga procedural*. Jadi kalau melihat kepada cadangan pindaan ini, dia melibatkan dua elemen ini. Jadi saya nak pisahkan dua segmen, satu ialah pra syaratnya dan juga satu lagi ialah tatacara untuk mengisytiharkan seseorang itu mufliis.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerajaan saya rasa dan saya memberikan penghargaan kepada kerajaan kerana membuat semakan untuk pemiutang. Kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, agak takut saya keliru antara penghutang, pemiutang. Kalau ada sekali skala saya akan sebut *debtor* dan *creditor*, minta, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Perkara pertama ialah pra syaratnya. Jadi saya nak membawa persoalan kepada kerajaan, pra syarat iaitu apa yang boleh dibawa oleh pemiutang yang mendapat *final order*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *final order judgement* daripada mahkamah.

■1520

Itu seseorang, sesiapa ataupun pihak kewangan, pihak institusi kewangan yang ingin membuat tindakan kebangkrutan ataupun mufliis ini perlu mendapat suatu *final judgement* ataupun hukuman yang akhir iaitu seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kebankrutan ini seseorang itu telah melakukan *acts of bankruptcy*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ataupun tindakan-tindakan yang boleh membawa kepada tindakan *bankruptcy* ini.

Okey. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua saya merujuk kepada seksyen 3(1) subseksyen (i). Kalau saya tidak silap (i) ialah memberi hak suatu peruntukan ini di mana cadangan pindaan kepada akta yang ada sekarang ini ialah kerana *acts of bankruptcy* itu berlaku di bawah subseksyen 3(1)(i). Jadi kalaulah sekiranya pemiutang, apabila segala proses prosiding mahkamah telah mendapat suatu hukuman ataupun suatu keputusan yang akhir, yang sudah proses prosiding mahkamah untuk mendapatkan *judgement* itu sudah berakhir. Maka, apabila telah dikemukakan kepada penghutang dan penghutang pula tidak mampu untuk menyelesaikan hukuman yang telah

dikeluarkan ke atasnya, maka saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Ini kerana cadangan pindaan kepada seksyen ini iaitu pra syaratnya jumlah minimum, nilai minimumnya sekurang-kurangnya RM50,000.

Jadi saya hendak tanya satu soalan, satu isu ialah kenapa angka RM50,000? Itu suatu saya ingin tahu kenapa angka RM50,000 yang telah dimasukkan sebagai sebagaimana disebut oleh rakan-rakan saya yang lain mungkin RM50,000 itu tidak cukup dalam keadaan pada hari ini. Akan tetapi kenapa angka RM50,000? Saya minta suatu penjelasan daripada kerajaan, kenapa angka RM50,000 itu dinaikkan dan bukan RM100,000 dan bukan angka-angka yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Selepas memenuhi keperluan di bawah seksyen 3(1) Akta Ibu, barulah pemiutang layak untuk membuat suatu petisyen. Saya rasa inilah yang telah menyebabkan keadaan ataupun tindakan kerajaan untuk meminda peruntukan di bawah Akta Kebankrapan iaitu Akta Ibu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini juga merupakan satu *double protection* dengan izin iaitu suatu pra syarat tadi mesti nilai minimumnya RM50,000. Kedua, mendapat kebenaran mahkamah. Jadi sebab itu ini ada pertelingkahan apabila pemiutang sudah dapat *final order*, dengan izin, selepas itu pemiutang pula perlu pergi kepada mahkamah untuk mendapat kebenaran ataupun *leave* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi adakah ini suatu yang telah difikirkan oleh kerajaan bahawa sewaktu tindakan ini apabila mendapat *final order*, dengan izin, mahkamah yang menghukum itu sudah *functus officio*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya pemiutang terpaksa pergi balik kepada mahkamah untuk mendapat kebenaran. Saya minta supaya kerajaan di masa hadapan untuk semakan yang berikut, untuk masa-masa mendatang ini tengok kepada peruntukan yang ini.

Saya juga hendak fokuskan kepada perkataan ataupun gantian iaitu di dalam cadangan pindaan ini juga ialah *adjudication order and receiving order* telah ditukarkan kalau dalam bahasa pengamal undang-undangnya ialah AORO. Jadi perkara ini telah dicadangkan untuk dipinda dan ditukar menjadi *bankruptcy order* sahaja. Saya ucapkan syabas kepada semakan yang begini kerana ia memudahkan segala proses. Selepas dikeluarkan notis *bankruptcy*, selepas itu dikeluarkan petisyen *bankruptcy*. Kemudian pergi pada masa sekarang ialah AORO. Jadi selepas ini akan jadi tiga prosesnyalah. *Bankruptcy notice*, selepas itu petisyen dan selepas itu *bankruptcy order* sahaja.

Jadi, saya hendak bawa juga selepas mendapat kebenaran daripada mahkamah saya hendak merujuk kepada cadangan pindaan kepada soal pelepasan automatik ini. Kalau di bawah seksyen 33A yang bukan dipinda. Yang dicadangkan dipinda ialah dengan memasukkan peruntukan baru 33C.

Di dalam 33A, ia meletakkan syarat penghutang boleh memohon pelepasan apabila mencapai hayat *bankruptcy* itu sudah lima tahun. Akan tetapi, di dalam cadangan seksyen 33C ini meletakkan tempohnya tiga tahun. Adakah ini akan berlakunya pertelingkahan antara lima tahun permohonan kepada Ketua Pengarah Insolvensi? Jadi, minta pihak kerajaan melihat kepada dua keadaan ini. Saya bimbang ia akan menjemput sebarang pertelingkahan ataupun sebarang hujah untuk mengetepikan tindakan *bankruptcy* yang dicadangkan oleh pemiutang. Berlakunya kontradiksi antara seksyen 33A, dan juga seksyen 33C yang baru ini.

Di bawah seksyen 33A, Akta Ibu ini Tuan Yang di-Pertua. Kuasa telah diberikan kepada Ketua Pengarah Insolvensi untuk bankrap ataupun seorang mufliis ini mendapat ataupun memohon

perlepasan. Akan tetapi, di manakah budi bicara Ketua Pengarah Insolvensi ini? Saya ada, ada pengadu telah memberitahu saya. Apabila beliau memohon kepada Ketua Pengarah Insolvensi, permohonan beliau tidak dilayan walaupun beliau sudah berumur lebih daripada 75 tahun.

Jadi, di manakah. Adakah suatu *standard operating procedure* di peringkat pejabat ketua pengarah ini untuk melayan ataupun menimbangkan sebarang permohonan untuk mendapat pelepasan? Jadi, kalaulah diletakkan sebagai suatu *standard operating procedure* (SOP), maka mudahlah bagi rakyat-rakyat yang muflis ini untuk mendapatkan pelepasan dan mengemukakan. Sebab mereka perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi. Jadi kalau sekarang ini tidak ada suatu yang pengetahuan sama ada di peringkat pengamal undang-undang mahupun rakyat, apa budi bicara yang akan dipakai oleh Ketua Pengarah Insolvensi untuk melepaskan seseorang itu daripada muflis.

Tambahan pula lagi, dengan cadangan yang seksyen 33C ini ia meletakkan soal selepas tiga tahun apabila *provable debt* atau, dengan izin, iaitu selepasnya sesuatu jumlah itu telah terbayar. Akan tetapi bagaimana pula dengan usia itu? Walaupun saya hormati bahawa keputusan ini *even* tindakan untuk muflis ini tidak boleh dibuat kepada si mati. Akan tetapi, semasa hayatnya. Misalnya hayat seorang individu yang berumur lebih daripada 70 tahun perlulah diberi perhatian dan semakan bahawa keadaan ini tidak memerlukan ataupun memberi suatu dan meletakkan juga sebagai kebenaran mahkamah kepada individu-individu yang berusia lebih daripada 70 tahun ataupun 75 tahun. Letakkanlah pra syarat itu dengan tambahan satu lagi untuk semakan di masa hadapan.

Aduan yang saya dapat daripada rakyat juga, Jabatan Insolvensi ini kurang mesra sedikit kepada rakyat. Jadi, dia meletakkan keadaan apabila seseorang seperti mana dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail kurang mesra sedikit dan juga disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin memang kurang mesra sedikitlah. Dengan keadaan seseorang itu sudah muflis, dia menghadapi pelbagai tekanan dan masalah. Ini kerana hidupnya, dia tidak mampu untuk menguruskan sendiri. Apatah lagi untuk mencari pendapatan tambahan untuk mengeluarkan dirinya daripada muflis.

■1530

Jadi saya mintalah Jabatan Insolvensi ini memberi ataupun menimbangkan secara yang lebih fleksibel apabila seseorang itu memohon untuk keluar daripada senarai kebangkrutan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita semua sedar bahawa tindakan *bankruptcy* ini adalah suatu *mode of execution* ataupun satu mod pelaksanaan hukuman. Kita sedar itulah perkara yang paling ditakuti oleh setiap individu mana pun apabila seseorang itu pada peringkat hendak diisytiharkan bankrap. Itu merupakan satu stigma ataupun satu perkara yang menekan kepada mana-mana rakyat.

Jadi saya harap dan saya pun memberi satu penghormatan kepada ataupun penghargaan kepada kerajaan kerana telah melayan hasrat rakyat-rakyat bawahan ataupun peniaga-peniaga kecil terutama sekali disebut ialah golongan muda ini yang telah oleh kerana pengurusan kewangan mereka ataupun di atas kecuaiannya, mereka tidak mampu untuk menguruskan soal kewangan sehinggalah keputusan ataupun hukuman telah diambil terhadap mereka ini.

Jadi kita harap untuk masa hadapan ini semakan juga harus dibuat mengikut peredaran masa. Sempena disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi pindaan ini sudah 14 tahun, jadi janganlah kita tunggu selepas 14 tahun. Mungkin kalau keperluannya mendesak mungkin setiap tahun kita pinda pun saya minta kerajaan menimbangkanlah supaya keadaan-keadaan ini diambil supaya fleksibel sedikit di dalam membuat pindaan ini yang memberi perlindungan.

Di samping kita melihat kepada perlindungan kepada individu-individu kita juga mestilah *balance* dengan institusi kewangan ataupun pemberi-pemberi hutang ini. Bukanlah itu merupakan suatu ini. Itu adalah suatu tindakan akhir di mana cadangan pindaan ini juga meletakkan syarat supaya pemiutang ini telah melakukan perkara-perkara sebelum pada ini. Misalnya dengan apa yang disebut di bawah seksyen tadi cadangan pindaan ini di bawah fasal 12 iaitu memasukkan fasal 12 sub fasal 6. Jadi ini merupakan suatu perlindungan yang baik kepada peminjam-peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit dari segi cara penyampaian notis. Ini ada dalam cadangan pindaan akta ibu iaitu penyampaian notis kebangkrapan. Kalau sekarang sebelum diluluskan undang-undang ini, maka setiap seseorang itu ataupun pemiutang bukan pemiutang Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut *debtor*, dengan izin, dia telah dimalukan ataupun suatu *dignity*, maruahnya tercemar sedikit apabila pemiutang, *creditor* ini dengan izin, telah membuat satu servis ataupun notis penyampaian kepadanya ini melalui iklan umum.

Misalnya di dalam keluar iklan di dalam surat-surat khabar. Jadi ia merupakan satu perkara yang memalukan dan sebagai untuk menjaga maruah individu-individu ini kita minta supaya notis penyampaian ini janganlah dikeluarkan di dalam surat-surat khabar. Ini saya faham dan saya sedar bahawa Jabatan Insolvensi tidak ada kuasa untuk ini. Kita cadangkanlah supaya pihak mahkamah untuk memberi satu hak membuat notis gantian penyampaian ini ataupun *subservice* ini, dengan izin. Janganlah dibiarkan nama-nama ini dipamerkan di dalam surat-surat khabar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah peluang untuk saya membahaskan cadangan pindaan RUU Akta Kebankrapan ini. Saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong cadangan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat iaitu Tuan Ramli bin Shariff. Saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Silakan.

3.35 ptg.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membahas rang undang-undang ini. Saya berpendapat rang undang-undang ini amat penting dalam usaha kita mengubah nasib seseorang. Pada masa yang sama ia juga akan memberi kesempatan dan ruang kepada kita untuk mencari jalan bagaimana untuk memastikan masalah bankrap atau muflis tidak terus menghantui rakyat negara ini terutamanya ketika berhadapan dengan situasi ekonomi yang tidak menentu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh tentang notis-notis kerana kawan-kawan pun sudah menyentuh. Cuma saya hendak menyentuh antara perkara utama yang saya hendak bentangkan di sini adalah salah satu sebab Tuan Yang di-Pertua mengapa ramai golongan muda

terperangkap dengan hutang hingga muflis ialah disebabkan gaya hidup. Ini termasuklah menggunakan kad kredit bagi melayani nafsu kehidupan. Kesudahannya apabila tiba masanya mereka tidak dapat membayar hutang berkenaan. Kad kredit merupakan antara dua jenis komitmen yang akhirnya menjadi beban kepada pengguna selain pembiayaan peribadi. Malah ramai individu diisytiharkan muflis akibat terbeban komitmen sedemikian.

Saya ingin menarik perhatian berhubung kajian yang dijalankan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang menunjukkan sejak agensi itu ditubuhkan pada April 2006, seramai hampir 500,000 lebih orang datang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan program pengurusan kredit. Daripada jumlah itu, golongan pertengahan umur antara 30 tahun hingga 40 tahun adalah paling ramai terbeban dengan komitmen bulanan yang tinggi iaitu 39.2 peratus sementara golongan berusia 20 tahun hingga 30 tahun pula berjumlah 15 peratus.

Faktor menyumbang kepada komitmen bulanan yang tinggi adalah penggunaan kad kredit iaitu 64.7 peratus dan pinjaman peribadi sebanyak 26.4 peratus. Paling malangnya dari segi jantina, lelaki lebih ramai berhutang berbanding wanita iaitu sebanyak 65.3 peratus dan mendukacitakan jika kita lihat jenis pinjaman yang diambil peringkat umur, status perkahwinan dan pendapatan rentetannya adalah ramai yang mengambil pinjaman peribadi untuk berkahwin.

Kenapa itu berlaku? Ini disebabkan kelemahan rakyat kita khususnya generasi muda untuk menguruskan kewangan. Oleh itu, pada pandangan saya sementara usaha meminda Akta Kebankrapan ini perlu disokong tetapi dalam masa yang sama saya ingin mencadangkan agar kerajaan melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab meningkatkan lagi kempen bagi mendidik generasi muda dalam menguruskan kewangan.

Dalam soal ini, saya ingin menggesa kerajaan supaya penjelasan ataupun nasihat menguruskan kewangan ini dilaksanakan di peringkat universiti lagi. Melalui cara itu seseorang penuntut universiti pengajian tinggi yang akan menempuh alam pekerjaan akan memahami bagaimana kaedah menguruskan kewangan apabila mereka bekerja kelak.

Selain itu kempen-kempen melalui media massa, cetak dan elektronik perlu ditingkatkan dalam memberi kesedaran kepada generasi muda supaya tidak terperangkap dengan hutang yang akhirnya menjerumuskan mereka dalam lembah kebangkrapan.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, turut perlu diberi perhatian ialah sikap bank-bank yang begitu mudah menawarkan kad kredit kepada orang ramai. Ketika ini, bank-bank berlumba-lumba mencari pelanggan seramai mungkin sehingga terlupa tanggungjawab mereka untuk memastikan seseorang itu tidak terperangkap dengan hutang.

Oleh itu, saya menggesa kerajaan mengkaji semula syarat-syarat yang ditetapkan oleh bank dalam soal permohonan kad kredit ini. Syarat-syarat yang lebih ketat perlu dikenakan. Tujuan kita bukanlah untuk menganiayai orang ramai tetapi bagi mengelak bank-bank mengambil kesempatan berikutan kelemahan individu menguruskan kewangan mereka dan mahu hidup mewah dengan berhutang.

Pendekatan kempen menggalakkan orang ramai berhutang dengan cara memiliki kad kredit juga harus dihalang. Dalam soal ini, pihak kerajaan dicadangkan mempertingkatkan kempen

berhubung ancaman kad kredit yang sepatutnya hanya dimiliki oleh mereka yang benar-benar mampu membayarnya semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang ini yang antara lain menetapkan keutamaan penyampaian notis kebangkrapan dan petisyen kebangkrapan secara profesional atau pos berdaftar dengan akaun terimaan penghutang.

Tuan Yang di-Pertua, hutang wajib dibayar. Dalam kalangan mereka yang berhutang ini, ada antaranya mempunyai simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Bagaimanapun, wang tersebut tidak boleh dikeluarkan selagi mereka tidak berusia 50 tahun ataupun 55 tahun.

Justeru itu, dalam usaha memastikan seseorang itu tidak diisytiharkan bankrap sedangkan ia mempunyai wang yang mencukupi dalam KWSP bagi menyelesaikan hutang berkenaan, maka saya mencadangkan agar KWSP membenarkan pencarum mengeluarkan wang simpanan untuk membayar hutang bagi mengelak daripada diisytiharkan muflis.

Oleh itu, akta sedia ada turut perlu dikaji bagi membolehkan individu yang terdesak menggunakan wang simpangan KWSP mereka bagi tujuan membayar hutang. Saya tidaklah mencadangkan supaya kesemua wang dalam simpanan KWSP seseorang itu dikeluarkan tetapi cukup dengan menetapkan kadar tertentu yang boleh membantu individu berkenaan tidak diisytiharkan bankrap. Setiap individu mempunyai hak untuk menggunakan wang simpanan KWSP mereka apabila keadaan terdesak dan ini bagi mengelakkan kehidupan seseorang itu menjadi kucar kacir.

Apa yang saya bimbang, jika wang simpanan KWSP tersebut tidak dapat dikeluarkan, seseorang itu mungkin terpaksa membuat pinjaman along yang akhirnya memudaratkan individu tersebut mahupun keluarga mereka. Oleh itu, saya berpendapat pihak penggubal undang-undang perlu melihat kembali keperluan ini yang dikira sebagai keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

3.44 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang dan ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas inisiatif dan usaha bagi meminda peruntukan berkaitan dengan isu kebangkrapan rakyat yang jelas menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan masalah sosial di kalangan masyarakat.

Secara ringkas berkaitan dengan pindaan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan bagaimanakah fungsi Jabatan Insolvensi yang memberi khidmat nasihat atau ruang kepada penjamin-penjamin sosial yang terperangkap dengan masalah prosiding kebangkrapan yang difailkan oleh pemiutang?

Saya sering berhadapan dengan pelbagai masalah yang dikemukakan oleh rakyat di bawah terutamanya kakitangan awam yang menjadi penjamin sosial. Penjamin koperasi atau penjamin peribadi institusi kewangan yang menekankan penjamin-penjamin sosial untuk melangsaikan tunggakan hutang yang dibuat oleh pemiutang gagal dengan pengiraan jumlah bayaran yang melebihi 50 peratus bagi melayakkan mereka mendapat pelepasan hakiki tuntutan petisyen kebangkrapan. Yang ini memang saya pun kena ini. Saya jamin orang beli kereta, lepas itu saya kena bayar. Bulan-bulan saya kena bayar RM500. Jadi dengan adanya pindaan ini, lebih baguslah.

Oleh itu, melalui pindaan ini, saya ingin mendapatkan perincian maksimum standard yang boleh dirangka Jabatan Insolvensi agar kes-kes tunggakan pinjaman sosial ini dapat distrukturkan. Pembayaran sukarela secara minimum sementara mendapatkan satu keputusan mutlak penghutang sebenar melunaskan pinjaman mereka.

Saya juga mohon perincian daripada Yang Berhormat Menteri tentang bagaimanakah tatacara dan syarat yang akan dibuat dan dikuatkuasakan bagi mengurus Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi yang ditubuhkan di bawah seksyen baru 77A agar lebih atau dividen dapat membantu seseorang yang diperintahkan muflis memuktamadkan perintah kebangkrapan dan menjalankan kehidupan tanpa hutang iaitu tanpa hutang tegar.

Saya sekali lagi menghargai inisiatif kerajaan dalam meningkatkan keperluan perundangan isu muflis di kalangan penjamin sosial ini. Harapan saya, dengan lulusnya pindaan ini, jumlah mereka yang muflis dapat dikurangkan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia lebih mampan.

Terima kasih. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan.

3.47 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini amat bermakna bagi saya serta masyarakat awam di luar sana yang sejak sekian lama menjadi mangsa di sebalik niat murni mereka yang ingin membantu. Malah, dalam senario menjadi penjamin sosial ini, niat baik mereka menolong serta tidak mendapat apa-apa imbuhan pun, malah akhirnya penjamin sosial ini terjerat sama sehingga menjejaskan kewangan mereka serta pertalian saudara. Individu yang bersalah masih bebas berbelanja di luar sana, namun penjamin sosial terperangkap dengan status muflis sehingga menjejaskan ekonomi keluarga sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya melihat Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 ini yang antara sebab utamanya ialah untuk memberi perlindungan kebangkrapan terhadap

penjamin sosial. Malah, rang undang-undang ini juga merupakan satu pembaharuan dalam usaha mewujudkan sistem yang lebih adil kepada golongan tersebut.

Kasihannya kepada nasib penjamin sosial ini. Mereka ini bukannya penjamin berasaskan keuntungan tetapi menjamin kerana pinjaman biasiswa, penyelidikan malah tiada keuntungan atau dengan izin, *profit gain* yang penjamin sosial ini peroleh. Mula-mula menjadi penjamin, semuanya dijanjikan indah, malah beberapa tahun selepas itu semuanya masih okey, tetapi apabila sudah tamat belajar, contohnya sudah bekerja, pinjaman pelajaran tidak dilunaskan.

■1550

Banyak baki tertunggak sehingga penjamin sosial turut diburu. Mungkin penjamin sosial ini selepas sekian lama, dia pun sudah lupa akan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, penjamin sosial masih berhadapan dengan proses undang-undang yang lain bagi mengelakkan mereka menyalahgunakan pindaan undang-undang ini. Mungkin dia tidak dibankrapkan tetapi tindakan lain masih berjalan. Akta ini tidak kata sebab dia penjamin sosial. Semua tindakan tidak boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga turut menyokong agar Kerajaan melalui agensi berkaitan iaitu Bank Negara Malaysia dan Jabatan Insolvensi Malaysia agar mempertimbangkan dan memberi pelepasan daripada kebangkrutan tanpa prosedur bantahan oleh pemiutang bagi golongan bankrap termasuk penjamin sosial yang telah meninggal dunia, orang kelainan upaya yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penghidap penyakit kronik yang disahkan pegawai perubatan.

Jika kita lihat statistik dari Jabatan Insolvensi Malaysia sehingga Februari 2017 iaitu terdapat 292,086 kes kebangkrutan aktif dan bankrap yang masih belum dilepaskan dengan 58.57 peratus berumur 25 tahun hingga 44 tahun. Ini satu angka yang tinggi, mengambil kira jumlah penduduk Malaysia serta golongan pekerja. Malah, yang lebih merisaukan ialah jumlah golongan belia yang mufliis iaitu hampir 58 peratus berumur 25 tahun hingga 44 tahun. Saya yakin pihak kerajaan tentunya mempunyai mekanisme tersendiri dalam isu kebangkrutan terutama mereka yang diisytiharkan bankrap disebabkan menjadi penjamin kepada peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman. Golongan ini tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan sepenuhnya.

Justeru, saranan dan cadangan saya, kerajaan perlu merangka strategi bagi mentransformasikan kerangka perundangan lama kepada perundangan moden sejajar dengan perkembangan perundangan antarabangsa dan peredaran semasa. Ini kerana perancangan strategik Kerajaan akan memberi impak kepada ekonomi negara dan masyarakat selaras dengan kerajaan dalam Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Di sini, saya ingin mengajukan beberapa persoalan. Peranan Jabatan Insolvensi Malaysia, AKPK dan Bank Negara Malaysia dalam proses memberi kesedaran kepada masyarakat awam. Sejauh manakah kes-kes pentadbiran dalam menangani kes-kes kebangkrutan di Malaysia mampu berada di taraf dunia dan menjadi model terbaik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul.

3.54 ptg.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016. Terlebih dahulu saya ucapkan selamat petang, salam sejahtera dan salam negaraku.

Saya ingin mulakan perbahasan saya dengan mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menimbang dan membantu rakyat dari segi mereka yang bankrap. Ini pernah diutarakan oleh Perdana Menteri sendiri semasa pembentangan bajet yang lalu dan hari ini dimanifestasikan oleh Yang Berhormat Menteri dengan pembentangan rang undang-undang pada hari ini.

Saya rasa antara sebab dibawa rang undang-undang ini adalah kerana angka bankrap ini sudah meningkat dengan mendadak. Pasti rakan-rakan saya telah mengemukakan statistik bilangan mereka yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau muflis. Kalau boleh kita mahu mengelak negara kita antara tersenarai sebagai negara yang mempunyai kadar bankrap tertinggi di dunia. Ini sebenarnya juga sebagai *key indicator* atau penentu untuk negara itu menjadi sebuah negara yang maju. Ini seterusnya akan menggalakkan lebih ramai pelabur untuk melabur. Sekiranya kita tidak mengawal kadar bankrap di Malaysia, saya risau kerana masalah ini boleh juga turut menyumbang kepada kadar jenayah.

Ini kerana orang yang berhutang akan menjadi orang yang terdesak dan apabila menjadi orang yang terdesak, akan berusaha untuk mencari jalan keluar untuk menyelesaikan masalahnya. Itu antara sebab kenapa rang undang-undang ini menjadi penting sekarang ini. Apabila saya membaca rang undang-undang ini, antara lain memberi kesedaran kepada rakyat agar lebih bertanggungjawab mengenai pembayaran hutang serta memastikan pihak pemiutang lebih berhemah dalam memberikan kemudahan pembiayaan pinjaman. Selain dari itu, dapat mengurangkan kadar kes kebangkrapan dan memudah cara prosiding kebangkrapan dan proses pentadbiran kes kebangkrapan.

Rang undang-undang ini ternyata mendatangkan manfaat bukan sahaja kepada penghutang malah kepada pemiutang. Ia menyediakan mekanisme kepada pemiutang supaya mempunyai peluang atau berhak untuk menjadi pulangan bayaran hutang semaksimum mungkin. Sesi *engagement* antara Jabatan Insolvensi Malaysia dan pihak-pihak yang berkepentingan telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas yang diterima daripada pihak-pihak berkepentingan oleh pihak Jabatan Insolvensi Malaysia sebelum pembentangan ini.

Soalan pertama saya, adakah rakyat Sabah juga diambil kira dalam perkara ini? Saya ingin tahu jumlah bilangan mereka yang diisytiharkan muflis di negeri Sabah. Bagi perkara ini, kementerian boleh memberi saya secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pohon dari Yang Berhormat Menteri untuk memberi data terperinci adakah impak kebangkrapan golongan ini dari segi hasil kutipan *income tax* kerajaan. Berapa ramai yang telah hilang kerja? Apakah impaknya kepada fiskal kita?

Saya menyokong dengan pengenalan mekanisme penyelamat iaitu, dengan izin, *voluntary in arrangement* kerana ia membolehkan penghutang untuk melindungi penyelesaian hutang dengan pemiutang mereka. Mekanisme ini adalah sejajar dengan amalan negara-negara maju seperti Singapura dan juga *United Kingdom*. Ini seterusnya akan memberi lebih ruang kepada penghutang untuk mengelakkan daripada perintah kebangkrapan dan juga mengelakkan kesan kebangkrapan seperti larangan keluar negara dan pembekuan akaun bank. Mekanisme yang baru ini juga akan membolehkan penghutang untuk menyelesaikan hutang mereka pada sekali gus dengan peningkatan semua hutang yang tertunggak kepada satu rancangan pembayaran sukarela.

Soalan saya, saya ingin tahu tempoh proses mekanisme penyelamat ini berfungsi. Maksud saya tempoh seseorang itu akan berjaya keluar dari masalah diisytiharkan sebagai bankrap. Di dalam rang undang-undang ini juga, dinyatakan akan mewujudkan Kumpulan Bantuan Wang Insolvensi. Saya pohon agar perkara ini diperincikan oleh Menteri dan bagaimanakah ia akan dilaksanakan di kawasan luar bandar dan khususnya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua sudah sedia maklum mengenai pihak CTOS. Mana tidaknya, mereka akan kumpulkan maklumat dan seterusnya masukkan dalam sistem *database* mereka dan akhirnya orang-orang ini disenaraihitamkan. Malangnya ramai rakyat akan menerima *bankruptcy notice* sahaja. Mereka telah pun dikenakan tindakan sehingga mereka tidak boleh pinjam dan sebagainya.

■1600

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, di manakah kewajaran seorang yang belum lagi diisytiharkan bankrap? Hanya dapat kata orang, diserahkan dengan *bankruptcy notice* sahaja, terus dimasukkan maklumat mereka dalam CTOS. Akhirnya, pihak bank menggunakan maklumat itu untuk walaupun mereka tidak senarai hitam tetapi itulah hakikatnya yang berlaku sekarang dan mereka terus di senarai hitamkan. Maka, saya berharap kepada pihak kerajaan supaya mengambil berat tentang soal ini. Oleh sebab ramai daripada mereka yang terlibat, seharusnya satu tindakan yang holistik harus diwujudkan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita melihat kepada RUU ini, ada disebut mengenai penubuhan satu jawatankuasa pilihan untuk memantau persediaan ke perkhidmatan kewangan, terutamanya berkenaan dengan pinjaman yang diberikan mereka. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Saya ingin tahu, siapakah mereka yang berada di dalam jawatankuasa pilihan ini? Adakah mereka terdiri dari penjawat awam atau pakar-pakar kewangan? Bagaimana pula dengan elaun yang mereka terima? Berapakah jumlahnya dan tempoh perkhidmatan mereka dalam jawatankuasa pilihan ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu perintah kebangkrapan menjadi seperti satu hukuman penjara seumur hidup. Dengan izin, *it becomes a life sentence*. Kalau mereka tidak ada diberikan, dengan izin, *second chance*, mereka tidak akan dilepaskan menjadi seorang bankrap. Malangnya, saya lihat masyarakat mudah memandang serong apabila seseorang itu diisytiharkan sebagai muflis. Stigma

seperti ini harus ditangani dengan segera supaya ia tidak menjadi satu penyakit yang berbahaya dalam negara kita. Saya berdoa agar segala usaha dan keringat dari pihak Yang Berhormat Menteri hingga pegawai pelaksana dapat mengurangkan kadar bankrap di kalangan rakyat kita.

Bagi melaksanakan dan memastikan rang undang-undang ini berfungsi sepenuhnya, suatu transformasi minda diperlukan dari semua pihak bagi memastikan pentadbiran kes kebangkrapan di Malaysia adalah seimbang serta bertaraf dunia. Selain dari itu, menjadi model terbaik di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

4.03 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang membahaskan pemindaan Akta Kebankrapan 1967. Kita mendapati bahawa sebarang usaha untuk melindungi serta membela mangsa kebangkrapan haruslah disokong. Oleh kerana selalunya di dalam suatu perbalahan di antara peminjam dan penjaminnya, selalunya penjamin yang jadi mangsa. Dia kena tanggunglah apa yang dipinjam. Kadangkala yang pinjam wang itu bebas, yang diheret ke mahkamah dan diisytiharkan mufliis, penjamin. Ini saya hampir terkena dalam kes semacam ini.

Menurut pemindaan yang dicadangkan, seorang akan diisytiharkan bankrap sebaik sahaja jumlah hutangnya adalah RM50,000 dan bukan RM30,000. Saya sokonglah pemindaan ini kerana RM50,000 ini adalah munasabah. Akan tetapi saya ingin penjelasan tentang amaun ini. Adakah amaun RM50,000 ini amaun asal, *the principle sum* ataupun ditambah tokok dengan bunga dan lain-lain caj yang dikenakan? Oleh kerana seperti yang saya sedar, *credit card company* boleh cari kesempatan untuk kenakan caj tambahan dan lain-lain caj supaya dapat memerangkap, mengheret seorang yang di beban dengan hutang yang amat sukar dijelaskan kepada keadaan mufliis, senang berlaku.

Kita harus sedar bahawa dalam kelompok yang diisytiharkan bankrap, mereka yang berumur antara 35 tahun sehingga 44 tahun merupakan 35.24 peratus. Kumpulan kedua ialah mereka antara umur 25 sehingga 34 tahun iaitu 22.52 peratus. Akan tetapi kalau kita rujuk kepada angka ini lebih menarik lagi. Misalnya, pada tahun 1999, kebangkrapan ialah 70,000. Pada tahun 2003, meningkat kepada 106. Pada hari ini, jumlahnya ialah 160,000. Nampaknya meningkatlah. Oleh sebab itu, pemindaan kemudian yang dicadangkan adalah baik dan boleh melindungi dan membantu mereka yang menghadapi masalah kewangan. Sejauh mana yang dapat dalam pemindaan tersebut. Akan tetapi ada juga mereka yang terperangkap kerana kos hidup sedang meningkat dan belanjawan untuk hidup, termasuk bayaran untuk misalnya kos pendidikan, kesihatan, menjaga ibu bapa yang tua, uzur dan ini merupakan suatu beban keluarga.

Oleh sebab itu, saya hendak tanya, dengan izin, *because I'm curious*. Berapa ramai individu-individu yang diisytiharkan mufliis atau bankrap kerana tak dapat bayar PTPTN? Ini satu perkara yang saya ingin tahu. Di bawah peruntukan untuk *automatic discharge*, saya berpendapat bahawa di bawah

syarat-syarat yang ada, ini boleh dilonggarkan dengan mengurangkan penalti dan caj kewangan ke tahap yang boleh ditanggung. Ini penting. Soal jumlah hutang si penghutang haruslah ditentukan dengan cara yang adil. Kita sedia maklum bahawa jika si penghutang dikenakan pelbagai caj oleh syarikat, katalah syarikat *charge card* atau kredit kad, maka beliau akan menghadapi pelbagai kesulitan kewangan. Oleh sebab itu, saya cadangkan bahawa penalti kewangan yang dikenakan atasi pungutan haruslah dikurangkan kepada tahap yang munasabah dan berperi kemanusiaan. Walaupun *principle sum* tidak boleh dipertikaikan, ini saya terimalah. Akan tetapi jumlah bunga ataupun caj-caj haruslah dikurangkan kepada 10 peratus daripada *principle sum*. Ini yang saya hendak cadangkan.

Oleh kerana terdapat banyakkah kes-kes di mana walaupun jumlah hutang tidak begitu tinggi, akhirnya dengan ditokok tambah pelbagai caj dan penalti, jumlah hutang si penghutang akan bertambah sehingga sampai kepada suatu jumlah yang tak masuk akal. Satu kes yang saya tahu yang telah dirujuk kepada saya, ini di Pulau Pinang, ialah tentang kes penghutang caj kad. Pada mulanya hutangnya RM3,000. Akan tetapi oleh sebab dia tak dapat surat daripada caj kad *company*, lupa tentang apa yang dia hutang. Entah berapa tahun kemudian, tiba surat tuntutan, mereka menuntut RM100,000 dan ini disebabkan oleh caj penalti dan lain-lain yang dikenakan.

Itu sebabnya saya menyerulah bahawa dalam pelbagai usaha untuk meringankan beban penghutang dan juga mereka yang jadi penjamin, kita harus tengoklah cara kredit kad *company* dengan caj kad *company* kenakan caj-caj mereka, penalti mereka dan cubalah cari jalan atau satu formula untuk mengurangkan caj-caj ini kepada suatu tahap yang boleh dipikul oleh orang yang kena hutang itu. Sekian, terima kasih.

■1610

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kita yang- dan sekarang pula kita jemput- Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin sudah, sekarang juga Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

4.10 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membuat satu pindaan kepada Rang Undang-undang Kebankrapan yang merupakan satu tindakan yang saya kira agak wajar dalam keadaan ekonomi yang ada sekarang dan juga ia juga merupakan salah satu daripada usaha kerajaan untuk membantu menyejahterakan hidup rakyat. Di samping itu juga, melalui pindaan ini kita lihat dapat membantu bagi melindungi mereka yang telah pun terperangkap di dalam niat baik mereka untuk membantu sebagai penjamin kepada mereka yang hendak membuat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyentuh tentang tiga perkara melalui rang undang-undang ini. Pertama mengenai dengan pindaan kepada seksyen 5 iaitu yang menyentuh tentang peningkatan nilai maksimum kebankrapan iaitu *threshold*, dengan izin, daripada RM30,000 kepada RM50,000. Pindaan ini saya sangat sokong dan ia bertepatan dengan keadaan ekonomi yang saya kira agak sesuai dengan kos sara hidup yang agak tinggi dan juga dengan kadar inflasi yang semakin meningkat. Namun saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang

bagaimanakah dan apakah mekanisme yang digunakan bagi menetapkan nilai minimum ini kepada RM50,000.

Oleh sebab kita tahu bahawa nilai semasa akta ini digubal pada tahun 1967 ia merupakan nilai sebanyak RM30,000 tetapi setelah 50 tahun telah berlalu, maknanya pada tahun 2017 ini telah digubal dan ditingkatkan kepada RM50,000, adakah nilai RM30,000 yang digubal 50 tahun itu adalah merupakan satu nilai semasa yang sama dengan RM50,000 yang sekarang ini? Maknanya sudah 50 tahun sudah ini, so saya hendak tanyalah apakah mekanisme ataupun yang digunakan dalam menetapkan nilai minimum RM50,000 ini?

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh adalah mengenai dengan pindaan dengan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 77A yang menyentuh tentang *Insolvency Assistance Fund*. Saya menyokong penuh tentang pindaan ini kerana dengan mewujudkan Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi ini kita lihat akan dapat memperkasakan pentadbiran insolvensi terutamanya dalam meningkatkan *efficiency* seperti mana yang telah diamalkan di Singapura dan Hong Kong. Namun saya ingin bertanyakan dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang bagaimanakah dan apakah kumpulan wang ini daripada mana sumber yang digunakan untuk mewujudkan Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi ini? Supaya dengan wujudnya wang kumpulan ini tidak akan membebankan perbendaharaan kerajaan di kala ekonomi negara yang berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Perkara ketiga yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan pindaan mengenai penjamin sosial yang tidak akan dikenakan tindakan. Saya kira rata-rata kita dalam Dewan ini sangat bersetuju dan menyokong penuh kerana ia dapat menegakkan satu keadilan kepada mereka yang berniat baik terutamanya kepada penjamin-penjamin yang menjamin mereka seperti pinjaman pendidikan dan sebagainya. Namun saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri juga, apakah kesan yang akan berlaku apabila pindaan mengenai seksyen ini, seksyen penjamin sosial ini? Ini kerana saya khawatir dengan penggubalan akta ini nanti akan merumitkan lagi proses peminjaman. Oleh sebab apabila tidak ada penjamin, maknanya apabila penjamin itu tidak- penjamin yang menjamin di institusi pemiutang iaitu penjamin-penjamin kepada pinjaman tidak boleh ditarik.

Maknanya tidak boleh dibawa kepada keadilan untuk menyelesaikan hutang. So, maknanya contohnya macam katalah kita hendak buat pinjaman pendidikan akan ada satu *collateral* contohnya sebab apa kita tidak ada penjamin. Dengan adanya akta ini nanti, pastinya penjamin tidak boleh dibawa ke- dalam menyelesaikan hutang dan saya pasti dalam untuk menyelesaikan hutang pun kalau katalah penjamin tersebut hendak menyelesaikan hutang mulai prosedur yang lama. Prosedur lama untuk bank menerima balik, maknanya *to refund back whatever they have lend*. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Kebankrapan 1967. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin dan ini Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim tarik diri dan sekarang kita jempuit pula akhirnya Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim ya.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf tadi saya ada tulis kepada Tuan Yang di-Pertua saya tidak berbahas dalam rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih ya. Sekarang saya jemput akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

4.15 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan dan juga kebenaran kepada saya untuk sama-sama berkongsi dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360].

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar dalam perbahasan ini pandangan-pandangan daripada rakan-rakan yang terdahulu daripada saya. Saya tidak berhasrat untuk mengulangi apa yang telah mereka sampaikan kerana masa sangat mencemburui kita. Kita tidak rasanya telah- apa yang telah disampaikan itu cukuplah. Namun begitu saya ingin menyampaikan bahawa rang undang-undang ini dan pindaan ini sebenarnya ialah untuk memberi bantuan kepada mereka yang terperangkap di dalam kebangkrapan.

Bankrap merupakan salah satu daripada keadaan yang menyayat hati kerana orang yang telah bankrap ini tidak ada apa-apa lagi. Mereka tidak boleh membeli, apa lagi harta mereka kalau terpaksa disita dan sebagainya. Ini merupakan satu kepiluan kepada orang yang- penjamin umpamanya. Kalau orang yang berhutang itu... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Boleh tahan. Akan tetapi kalau penjamin dia sangat rasanya teraniaya sebab dia asalnya ialah untuk memberi pertolongan kepada orang lain tiba-tiba dia menjadi terperangkap di dalam situasi dalam keadaan yang ada.

Namun begitu, sebelumnya kepada penjamin dia kena tahu, dia kena sedar bahawa apabila dia ingin menjamin maknanya dia akan menjadi jaminan kepada pihak yang dijamin. Oleh kerana itu dia juga jangan perlu bersedih kerana dia telah sanggup lebih awal. Oleh kerana itulah dalam hubungan ini kita melihat bahawa penyelesaian yang telah dicadangkan ini tidak dikenakan kepada penjamin merupakan satu penyelesaian yang telah dinantikan oleh sekian lama kepada penjamin-penjamin. Mungkin sebelum ini orang yang takut dan bimbang untuk menjamin sekarang agak lega. Kemudian kita juga tahu bahawa dalam pengalaman kehidupan kita berapa ramai penjamin yang telah terpaksa membayar hutang-hutang. Tadi sebab kita dengar daripada Senator kita sendiri yang telah membayar sebanyak RM500 sebulan dan ada yang lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat hutang ini salah satu fenomena yang mengerikan apalagi bankrap. Ada enam perkara yang menjadi ketakutan kepada masyarakat manusia. Oleh kerana itu saya ingin berkongsi dengan tuan-tuan kalau saya boleh memetik sebuah hadis Rasulullah SAW. Rasulullah SAW sentiasa mengajar berdoa... [*Membaca sepotong doa*] Bermaksud, ya Allah aku mohon perlindungan dari Mu daripada kesusahan dan dukacita, dari lemah dan malas, dari penakut dan bakhil dan daripada bebanan hutang dan juga kekerasan manusia.

■1620

Bebanan hutang adalah sebagai satu daripada enam perkara yang menjadi kekangan atau menjadi ketakutan kepada manusia kerana itu kita melihat kalau seorang yang berhutang maka sudah pasti dia akan menghadapi macam-macam masalah apa lagi kalau di-*declare* sebagai orang bankrap.

Oleh kerana itu bankrap ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut juga bankrap ini bukan di dunia sahaja tetapi ia juga membawa ke akhirat ini yang paling menakutkan. Semua orang tidak kekal di dunia walaupun dia bankrap tetapi di dunia tetapi yang dahsyat lagi bankrap akhirat. Rasulullah pernah bertanya kepada para sahabatnya, kamu tahu tak siapa orang yang mufliis, *bankruptcy*? Mereka menjawab, orang bankrap adalah orang yang tidak ada duit satu dinar ataupun satu dirham, sudah bankrap habis. Namun Rasulullah memberi satu aspek lain, *angle* yang lain Baginda menyebutkan bahawa orang yang bankrap itu ialah bukan sahaja orang yang beban hutangnya besar sehingga tidak ada lagi wang tetapi ia juga termasuk orang yang bankrap itu ialah orang yang banyak amalan seperti solat, puasa, zakat dan macam-macam perbuatan baiknya yang lain namun ketika hidup di dunianya ia mengkhianati orang lain, membunuh orang, mengata orang, melakukan apa-apa pengkhianatan kepada orang lain.

Apabila di akhirat nanti, maka semua perbuatan baik tadi akan diambil dan akan di bayar sebagai hutang kepada orang yang dilakukan perbuatan buruk. Sehingga apabila amal baiknya sudah hilang semuanya habis semuanya, maka diambil perbuatan buruk orang-orang yang tidak dapat dibayar lagi akan di letakkan ke atasnya. Inilah bankrap yang sangat-sangat di takuti di dalam kehidupan sepanjang kehidupan manusia.

Bertolak dari situ Tuan Yang di-Pertua, saya hendak respons kepada apa yang telah ditulis di sini dan sebagai mana sahabat-sahabat saya sebut saya hendak sebut sikitlah. Minimumnya di angkat dari RM30,000 sehingga RM50,000 dan rata-rata orang yang berhutang dan tidak dapat membayar sekian jumlah, maka dengan kaedah-kaedah yang telah ditentukan dia akan diisytiharkan sebagai mufliis atau bankrap.

Saya melihat orang yang berhutang RM50,000 ini ramai iaitu orang yang meminjam PTPTN. Walaupun sahabat-sahabat teman-teman saya tadi telah menyebutkan tadi dalam *angle* lain-lain, saya ingin bertanya, berapa ramai mereka ini akan dikenakan dengan keadaan ini dan sekarang ini pun mereka telah disenaraihitamkan dan saya tidak tahu hendak tanyanya apakah mereka juga akan tergolong di kalangan mereka yang akan diisytiharkan bankrap nanti. Sebabnya mudah sahaja ada yang mereka tidak dapat pekerjaan sedangkan pinjaman telah mereka ambil dan untuk membayar pelajaran mereka.

Jadi kalau jumlah RM50,000 ini dijadikan sebagai titik angka, kita boleh bayangkan kemungkinan-kemungkinan jumlah golongan yang diisytiharkan bankrap itu akan meningkat dengan mendadak. Ini yang saya minta supaya sama-sama memikirkan hal ini adalah generasi muda yang mereka baru ingin menamatkan pelajaran tiba-tiba sudah bankrap. Kalau sudah bekerja pun susah hendak dapat sekarang ini kalau dapat tidak dapat beli apa-apa. Hendak beli kereta pun tidak boleh, hendak beli rumah pun apa lagi. Kalau boleh pun, boleh kahwin sajalah. Itu pun kalau ada jodoh.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini kalau kita boleh teliti kita perlu cari satu mekanisme. Antara institusi yang memberi pinjaman kepada peminjam tujuan perniagaan dengan institusi yang memberi

pinjaman tidak ada berniaga seperti PTPTN. Dia bukan berniaga, dia tidak berniaga. Dia untuk membantu. Jadi berbeza dengan institusi kewangan yang tujuannya ialah untuk mendapatkan pulangan atau perniagaan. Jadi di sini juga saya rasa kita boleh mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tentang kedudukan hal ini.

Satu yang telah bangkitkan juga tadi oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail berhubung golongan ketiga yang diberi sebagai pemungut hutang. Saya hendak tahu, adakah golongan ketiga ini seperti CTOS sebagainya dan golongan-golongan yang seumpamanya, adakah tertakluk di bawah mereka diberi kuasa untuk memungut hutang. Adakah mereka diberi kuasa di bawah peruntukkan ini atau mana-mana peruntukkan yang telah di luluskan? Pemungutan hutang ini juga seperti telefon, bil air dan juga yang lain-lain. Adakah ia termasuk di bawah hal-hal seperti ini?

Kita tengok apakah juga- saya ingin tahu RM50,000 ini hanyalah untuk individu ataupun juga termasuk syarikat? Syarikat-syarikat juga ada hutang dan juga mungkin syarikat-syarikat yang tidak mampu berjalan dia juga akan terlibat dengan pinjaman-pinjaman yang tidak dapat di langsaikan. Sudah tentu mereka akan terlibat dalam dengan bankrap dan seumpamanya. Adakah ini juga RM50,000 ini yang telah dicadangkan itu juga termasuk individu dan juga syarikat-syarikat dan seumpamanya?

Tuan Yang di-Pertua, saya- penggunaan, saya setuju beberapa pandangan tadi bahawa perlu di teliti dengan kemas untuk memberi pinjaman ini terutamanya kepada mereka yang tidak mampu dan apabila diberi pinjaman kepada mereka yang tidak mampu, ini akan menyebabkan berlaku bankrap seperti kad kredit. Kad kredit ini orang boleh belanja dia tidak tengok duit. Dia akan beli sahaja apa yang dia mahu dan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff tadi, ini gaya hidup. Ini merupakan satu daripada dorongan untuk berhutang dan saya sangat bimbang gaya hidup kita di Malaysia ini ialah gaya hidup berhutang. Beli rumah hutang, beli kereta hutang, beli bekalan harian pun berhutang dengan menggunakan kad kredit.

Jadi kita dikelilingi oleh hutang. Hutang tidak di dalam hutang. Jadi oleh sebab itulah kita merasakan masyarakat Malaysia khususnya perlu diberi ingatan dan juga pengajaran dan begitu juga apa-apa yang boleh mengingatkan supaya jangan terlalu mudah untuk berhutang. Berhutang hanyalah kalau terpaksa dan kalau sekiranya terpaksa itu di luar daripada apa yang kita dapat kawal kalau dia terpaksa. Akan tetapi kalau gaya hidup kita tidak meletakkan berhutang adalah gaya hidup yang kita lalui.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat hal ini akta ini sangat dinantikan saya sendiri pun menanti lama dah kerana saya juga sebagai seorang penjamin yang apabila sampai surat saman, saya gementar Tuan Yang di-Pertua. Terpaksa mencari orang-orang yang saya jamin sehingga dapat melangsaikan hutang itu sebenarnya bagi saya untuk mencari orang yang berhutang itu bukan penjaminnya bukan surat yang saman tetapi cari yang itu dulu. Walau bagaimanapun, itu yang telah berlaku saya sangat mengalu-alukan yang ini dan kalau boleh apa-apa yang telah dicadangkan tadi diberi perhatian dan diterima baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, silakan.

■1630

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 iaitu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah; Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng; Yang Berhormat Mulia Senator Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul; Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin; dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Pertama sekali saya mendengar dengan mendalam semua perbahasan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator dan saya mengucapkan terima kasih bagi pihak kerajaan kerana Yang Berhormat Senator memahami objektif dan asal kepada kenapa Akta Kebankrapan ini harus dipinda. Memang kita harus mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab beliau menyedari dan begitu prihatin kepada golongan-golongan bankrap dalam negara kita. Bukannya apa, kalau saya boleh saya hendak sentuh sikit terutamanya sekali dalam isu mereka yang lebih umur, hendak pergi umrah dengan haji susah, mereka yang sakit dan paling dizalimi ialah penjamin sosial.

Jadi sebelum saya menjawab semua yang dibawa oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, memang betul Akta Kebankrapan ini satu-satunya akta di dunia yang tidak membenarkan penjamin sosial dibankrapkan, di Malaysia sahaja. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional. Bagi saya bila Yang Berhormat Senator meluluskan akta ini, kita akan mewujudkan sejarah dalam dunia kepada kepekaan pemimpin politik negara kita kepada isu mereka yang dizalimi semasa menjadi penjamin sosial.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah telah membawa isu berkenaan tempoh mengapa tiga tahun untuk melepaskan sedangkan bankrap telah melangsaikan hutangnya lebih awal.

Untuk makluman Yang Berhormat- sebelum saya jawab Tuan Yang di-Pertua dengan izin, yang tidak ada dalam Dewan itu saya jawab secara bertulislah supaya kita- selepas ini saya ada Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Seksual Kanak-kanak yang saya rasa ramai yang hendak bahas. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada pelepasan tiga tahun tersebut ,terdapat dua jenis pelepasan yang lain iaitu pelepasan pertama adalah di bawah seksyen 105, Akta Kebankrapan 1997 di mana bankrap membuat permohonan pelepasan di mahkamah setelah hutang dibayar sepenuhnya tanpa perlu menunggu tempoh tiga tahun. Pelepasan kedua adalah melalui seksyen 33, Akta Kebankrapan di mana bankrap memohon pelepasan di mahkamah setelah membayar sekurang-kurangnya 50 peratus hutang tertakluk kepada bantahan pemiutang.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu *as may be prescribed* dalam seksyen 77A *Insolvency Assistance Fund*. Untuk makluman Yang Berhormat, perkataan *prescribed* telah ditafsirkan dalam fasal 6(d) rang undang-undang ini yang bermaksud *prescribed by the Minister by rules made under this Bankruptcy Act*.

Yang Berhormat Senator Chia membangkitkan tentang isu penjamin sosial yang tidak boleh diisytiharkan bankrap.

Untuk makluman Yang Berhormat, menurut seksyen 2, Akta Kebankrapan 1997, penjamin sosial bermakna seorang yang diberikan...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Cuma satu cadangan Dato' Sri, saya sedar bahawa untuk *discharge* dari *bankruptcy* ada peruntukan-peruntukan yang lain. Cuma *concern* saya kalau kita pakai 33C, *automatic discharge* ini, *automatic discharge* ini dari kos ini dia kurang pasal kita pergi terus kepada *Director General*. *Discharge* melalui mahkamah ini ada melibatkan kos. So, saya harap kerajaan boleh menimbang cadangan ini supaya *automatic discharge* tetapi kurang dari tiga tahun.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sebenarnya Yang Berhormat, saya mengambil kira pandangan Yang Berhormat tetapi saya cuba terangkan bila order kebangkrapan itu berlaku melalui mahkamah, pelepasan mesti melalui mahkamah. Dia bukan *natural death*. Maknanya kalau sudah lepas umur sudah lima tahun bankrap *automatic discharge*, dia tidak boleh. Ini sebab dia masih perlu diberikan kebebasan melalui proses mahkamah. Macam orang kahwin hendak cerai, selalunya kena lafaz kena pergi mahkamah, selalunya dia hendak lari daripada tanggungjawab. Akan tetapi, kebangkrapan ini tidak boleh sebab order itu sudah ada.

Itu sebabnya kuasa Ketua Pengarah Insolvensi itu, bila kita tengok budi bicara itu, budi bicara itu sebenarnya saya perlu membelah Ketua Pengarah Insolvensi, dia lebih kepada budi bicara dari segi pemprosesan, tetapi pemiutang, *creditor* itu dia masih boleh bantah. Ini sebab macam kata Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat tadi, memberikan perkataan tentang orang mufliis. Kadang-kadang *it's character building*, maknanya kalau bank ini dia tidak hendak lepaskan, macam mana pun dia tidak hendak lepaskan. Ini kerana orang hutang dia mesti lepaskan, maknanya kita kena dapatkan orang itu melepaskan secara ikhlas. Itu saya tidak hendak lagi orang itu dibankrapkan, disusahkan sebab itu kita kena pergi ke mahkamah. Akan tetapi, Ketua Pengarah Insolvensi itu dia akan bawa fail dan dia akan memaklumkan kepada mahkamah bahawa orang ini atas apa alasan perlu dibebaskan dan sebagainya. Itu sebenarnya.

Jadi saya sambung kepada Yang Berhormat Senator Chia Song Cheng, isu penjamin sosial yang tidak boleh diisytiharkan bankrap. Sebenarnya, seksyen 2 itu tentang definisi penjamin sosial tanpa mendapat sebarang keuntungan. Maknanya dia beri jaminan, dia tidak ada untung. Pinjaman pendidikan, pinjaman sewa beli dan pinjaman perumahan. Jadi kadang-kadang maknanya dia bagi pinjaman sebab dia kesian. Dia jadi penjamin sebab dia kesian dia hendak tolong dan mereka ini saling menjadi mangsa sebab dia kesian orang, dia pantau pembayaran balik tetapi yang kena bankrap dia. Sebab biasalah bank kalau dia hendak tangkap dia semua orang pukul maut, dia bukan kesah pun orang itu boleh bayar, tidak boleh bayar. Hah, engkau penjamin aku kejar kau! Lepas itu

penjamin kejar penjamin. Jadi bila hendak dapat pinjaman semua mulut manis boleh bayar Tuan Yang di-Pertua, lepas sudah dapat semua tidak hendak bayar, yang kena penjamin.

Itu sebab masalah sekarang kalau penjamin itu yang tidak bersalah, ini yang sebabnya kerajaan peka. Hari ini kerajaan Dato' Seri Najib, Kerajaan Barisan Nasional kata, hah kita tidak boleh lagi memberikan mereka keseksaan di dunialah. Itu cuba saya hendak terangkan, saya pun pernah jadi penjamin Tuan Yang di-Pertua. Pengsan saya sekejap. Bukan salah saya, kita kesian dekat orang, anak orang, tiba-tiba kita yang kena dibawa ke mahkamah. Itu sebabnya tetapi segala jenis *execution order* Tuan Yang di-Pertua, boleh. *Purchase and sale, auction*, apa-apa boleh buat tetapi jangan jadikan bankrap. Itu sahaja kita hendak sebut dalam akta ini, izinkan saya. Kategori ini tidak boleh diisytiharkan bankrap, namun tindakan pelaksanaan penguatkuasaan yang lain seperti saman hutang, penghakiman, jualan prosiding, semua itu jalan seperti biasa. Bukan maknanya penjamin sosial dibebaskan 100 peratus, tidak. Boleh tetapi tidak boleh dibankrapkan, itu sahaja.

Yang Berhormat juga tanya tentang kategori penjamin bukan sosial, *corporate guarantor*. Kategori ini boleh dibankrapkan dengan kebenaran mahkamah setelah mahkamah berpuas hati bahawa pemiutang telah mengambil semua tindakan pelaksanaan penguatkuasaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng tanya tentang membangkitkan tentang adakah kerajaan sedar penjamin sosial tidak mengetahui bahawa mereka diisytiharkan bankrap.

Untuk Makluman Yang Berhormat, kerajaan menyedari bahawa penjamin sosial perlu dilindungi memandangkan mereka merupakan penjamin yang tidak dapat sebarang keuntungan. Oleh hal yang demikian, pindaan dibuat bagi memastikan penjamin sosial tidak boleh dijatuhkan bankrap. Selain daripada itu, pindaan ini juga memperketat serahan diri. Maknanya kebankrapan tidak boleh *substitute service*, yang mana Yang Berhormat yang peguam ataupun berkahwin dengan peguamkah, berkawan dengan peguamkah, *substitute service* ini senang, dia main campak sahaja dekat pintu. Orang tidak ada dekat rumah, dia tidak tahu ada atau tidak ada *service*, kira 14 hari terus dia kata orang itu sudah dapat dan terus dikenakan tindakan.

Sekarang ini tidak, kita hendakkan *personal service*. Jadi dia kena carilah, sampai mana pun kena carilah. Lepas itu dia kena serah dan orang itu kena tahu adanya satu tindakan dimulakan. Jadi, sekurang-kurangnya dia boleh membela dirikah, telefonkah, dia boleh cari cuba hendak selesaikan. Kita tidak hendak keadaan di mana tiba-tiba sudah pindah tidak tahu dekat mana, tiba-tiba hendak pergi luar negara sudah dikatakan muflis. Itu kalau betul dia hutang, ini yang penjamin lain ini.

Itu sebabnya sekarang ini apa pun dalam keadaan bankrap pun, kerajaan kata kita hendakkan orang itu tahu. Ini sebab saya hendak cakap ini, mungkin orang bank marah sayalah tetapi bank ini Yang Berhormat Senator, apa yang dia rugi. Serah tidak serah, kes jalan. Dia *claim* balik, campur tolak dia *claim*, dia *processing service, lawyer claim*- saya pernah jadi peguam bela, peguam cara. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun pernah jadi peguam bela, peguam cara. Kita jadi peguam, kita bil. Bukan kita kesah orang itu dapat tidak dapat *service*. Akan tetapi dalam keadaan ini, ramai yang jadi bankrap sebab dia tidak tahu. Itu sebabnya kita kata mesti ada *personal service*.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin yang membangkitkan kenapa nilai hanya dinaikkan pada RM50,000 dan asas yang diguna pakai. Kita dulu RM30,000, sekarang kita naik RM50,000.

■1640

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai minimum kebangkrapan dinaikkan daripada RM30,000 ke RM50,000 mengambil kira faktor inflasi serta penurunan kuasa beli. Pengiraan berdasar pada data indeks harga pengguna Jabatan Perangkaan Malaysia dengan tahun 2010 sebagai tahun asas nilai RM30,000 pada tahun 2003 adalah sama dengan RM42,264.60 pada Januari 2017.

Oleh yang demikian kenaikan RM50,000 adalah wajar. Saya hendak bagi contoh negara-negara lain sebagai contoh. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai di Singapura SGD15000 duit kita RM46,000. Di Thailand, Baht dia lebih kurang satu juta, duit kita RM124,000. Brunei BND10,000 duit kita RM31,000. Australia AUD5,000 duit kita RM16,000. United Kingdom 5,000 pound duit kita RM27,000. Amerika Syarikat USD15,775 duit kita RM69,000. Ini campur tolaklah saya- maknanya kalau kita tengoklah RM30,000 ini boleh dilihat sebagai jumlah yang rendah dan kita tengok RM50,000 itu dalam kiraan. Akan tetapi, kalau sayalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya naikkan RM500,000 tetapi saya bukan Perdana Menteri. Saya Menteri kecil sahaja di Jabatan Perdana Menteri.

Akan tetapi, saya tahu dan saya terima hakikat sebab sekarang ini saya cakap mungkin Ketua Pengarah Insolvensi tidak puas hati Menteri cakap begini. Akan tetapi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, RM50,000 ini tolak campur ini memang dikira rendahlah. Kita pun tahu bukan murah sekarang. Itu yang sebabnya bagi kerajaan, saya tidak tahu mungkin dalam masa terdekat kita boleh buat pindaan tetapi inilah permulaannya. Kita buat pada RM50,000 dengan harapan sekurang-kurangnya tidak adalah RM30,000 terus dijadikan bankrap. Ini aniaya kes apabila rendah sangat. *Insyallah* kita tengoklah ya. Akan tetapi, saya berharaplah kerajaan Barisan Nasional menang pilihan raya akan datang lagi banyak kita akan dapat. Betul? Cantik. Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang kena ingatkan Yang Berhormat Senator walaupun Yang Berhormat Senator tidak bertanding ya. Kadang-kadang kena ingatkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin juga membangkitkan saya sudah jawab tadi ini tentang Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail membangkitkan berhubung dengan kelonggaran untuk membenarkan bankrap mengerjakan haji. Ini kita jangan susah hati. Memang diberikan kelonggaran tetapi dia ada syaratlah. Syarat-syarat dia itu ialah Pengarah Insolvensi dengan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Seksyen 38 seperti sumbangan, aku janji, dia ada bagi bond ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi. Tidakkannlah orang itu sudah bankrap kita bagi main lepas sahaja. Proses itu mesti dapat. Akan tetapi yang ingin saya menyatakan yang kita tidak setuju ini yang kaki penipu. Dia bukan pergi umrah dan haji dia pergi berjalan. Jalan boleh pula? Hutang orang dia tidak mahu bayar. Itu sebab saya beritahu Ketua Pengarah Insolvensi saya kalau orang itu kata dia hendak pergi mana-mana syarikat kita kena siasat betul-betul. Kalau dia boleh selesaikan hutang, selesaikanlah hutang jangan sibuk berjalan. Apabila sibuk hendak berjalan dia menganiayai bank-bank tersebut yang memberikan pinjaman kepada dia ataupun mana-mana pihak. Benda ini kenalah lebih peka ya.

Saya dengan Yang Berhormat banyak sebut tentang pegawai-pegawai insolvensi ini macam sikit apa ini- saya tidak tahulah ayat yang saya hendak guna tetapi saya tahulah apa yang kita hendak katakan. Saya pun kadang-kadang bukan hendak kata tidak setuju ataupun hendak kata saya setuju.

Akan tetapi bagi saya agaknya fail dia ini banyak. Tuan Yang di-Pertua, hendak lepaskan sekarang ini pakai sistem manual. Dia ambil fail turun naik, turun naik buat *checking*, telefon.

Saya tengok kadang-kadang hendak lepas dua tahun sekali, setahun pun tidak lepas. Itu sebabnya bagi saya hari ini saya harap selepas ini, kita hendak wujudkan sistem lebih kepada *internet savvy*. Contohnya saya arahkan mereka wujudkan aplikasi pakai bawah *download*, pakai *handphone* tahu status bankrap. Tidak payah pergi pada Jabatan Insolvensi. Ini hendak naik bas, naik teksi, naik *Uber*, naik *GrabCar* ini bukan murah Tuan Yang di-Pertua. Itu satu. Kedua, saya harap sistem perlepasan ini walaupun ada kuasa budi bicara adanya sistem ICT supaya borang-borang ini dapat.

Contohnya saya sudah sebut banyak kali sistem dekat Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua izinkan saya. Dia buat *application* Visa sebagai contoh. Di dalam sistem itu borang sudah isi secara online. Apabila sampai, borang sudah siap. Betul tidak? Dia *interview* sahaja. Tidak payah hendak ambilkan fail turun naik. Jadi, kita minta ini saya sudah beritahu Ketua Pengarah Insolvensi buat sistem yang lebih baik daripada sistem Visa tersebut. Maknanya kita buat permohonan *online*. Kemudian kita buat *credit rating online*.

Jadi, apabila dia pergi ke Jabatan Insolvensi tarikh temu janji telah ditentukan, dia sampai pegawai Ketua Pengarah insolvensi sudah ada, sudah tahu permohonan yang dia buat. Tidak perlu suruh dia datang balik. Sebab saya percaya hari ini kita tidak boleh menyusahkan rakyat. Saya dengar Yang Berhormat berbahas tadi memang betul kita tidak boleh menyusahkan rakyat. Kalaupun undang-undang ini ada tetapi aplikasi, *implementation*, pelaksanaannya masih sistem-sistem lama saya rasa tidak ada gunanya pindaan ini di bawa ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Perlunya perubahan dan kita perlu mengambil kesempatan daripada ICT sistem teknologi maklumat supaya keadaan lebih cepat dan supaya mereka yang pergi tahu dia tidak perlu pergi balik dan sebagainya. Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail ada? Tiada? Oh, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada. Ada

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tentang isu penyertaan penjamin sosial dalam sekiranya *voluntary arrangement* ataupun perkiraan sukarela serta faedah yang dikenakan bagi menyusun semula hutang selain daripada kes guaman dan caj-caj lain oleh Jabatan Insolvensi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengiraan sukarela *voluntary arrangement* yang diperkenalkan di bawah pindaan Akta Kebankrapan ini terbuka kepada semua individu tanpa mengira sama ada individu tersebut merupakan penjamin sosial ataupun tidak. Memandangkan pengiraan sukarela terpakai hanya sebelum berlakunya kebangkrapan segala yang berkaitan dengan faedah atau lain-lain caj berkaitan dengan perkiraan sukarela hendaklah dipersetujui bersama antara pemiutang-pemiutang dan individu itu sendiri. Jabatan Insolvensi tidak terlibat dalam sebarang penempatan caj atau kos. Proses pengiraan sukarela ini oleh *nominee* yang dilantik dikendalikan oleh penghutang.

Ini bererti sebelum dia di bankrapkan, Pindaan ini membenarkan *voluntary arrangement*. Maknanya kadang-kadang kita bagi dia peluang. Kadang-kadang dia tidak sedar dia dalam proses kebangkrapan. Kemungkinan dia dibankrapkan. Jadi, diberikan *voluntary arrangement* supaya dia boleh bincang. Kalau kita tengok sistem Amerika Syarikat, dia ada *Chapter 11* yang disebut sebagai orang itu sendiri yang menawarkan diri untuk menyelesaikan masalah kewangan dia. Dia *voluntary*. Dia pergi.

Jadi dalam sistem ini, kita mewujudkan *voluntary arrangement* supaya dia boleh sama-sama pergi dengan pihak bank, dia lantikan *nominee* untuk bincang penyelesaian sebelum dijatuhkan bankrap. Ini satu cara yang dapat menyelamatkan keadaan mereka daripada terus di bankrapkan.

Yang Berhormat Senator juga tanya tentang terpakai kebelakangan atau ke hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini dikuatkuasakan ke hadapan kecuali satu sahaja peruntukan yang terpakai kebelakangan iaitu fasal 36. Berhubung dengan bantahan pemiutang di bawah seksyen 33B yang tidak boleh dibuat terhadap empat kategori iaitu;

- (i) bankrap penjamin sosial,
- (ii) bankrap meninggal dunia,
- (iii) bankrap Orang Kurang Upaya; dan
- (iv) bankrap mengidap penyakit kronik ataupun serius.

Hanya kategori di atas sahajalah yang kebelakangan itu di pakai. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang apakah syarat-syarat yang membolehkan penjamin sosial di isytiharkan bankrap.

Untuk maklum Yang Berhormat di bawah pindaan ini, seorang penjamin sosial tidak boleh di isytiharkan bankrap oleh itu tidak timbul syarat-syarat yang membolehkan penjamin sosial di isytiharkan bankrap. Yang Berhormat Senator Yang Mulia Engku Naimah binti Engku Taib ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada. Ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat membangkitkan adakah pemegang saham di dalam *partnership* perkongsian boleh dibankrapkan?

Untuk makluman Yang Berhormat maksud perkongsian di bawah seksyen 3, Akta Perkongsian adalah berhubung dengan orang persendirian bagi menjalankan perniagaan bagi mendapatkan keuntungan. Oleh yang demikian, setiap pekongsi termasuk pemegang saham adalah perkongsian yang boleh dibankrapkan. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang golongan warga emas berumur 60 tahun. Adakah dilepaskan daripada kebankrapan?

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah fasal 33B rang undang-undang ini tiada peruntukan khas berkenaan dengan kategori ini. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Insolvensi boleh menimbangkan untuk memberikan pelepasan kepada golongan atau kategori ini di bawah seksyen 33A, Akta Kebankrapan dengan mengambil kira antaranya faktor usia lanjut bankrap dan tidak lagi mampu menyumbang kepada estet kebankrapannya dan pentadbiran atau usia kebankrapan telah mencukupi atau melebihi daripada lima tahun.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, ada? Yang Berhormat telah membangkitkan berhubung dengan apakah kriteria untuk Ketua Pengarah Insolvensi memberikan sijil pelepasan dalam menjalankan budi bicaranya. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa kriteria-kriteria yang dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi dalam menzahirkan sijil pelepasan antaranya ialah tempoh kebankrapan, kerjasama bankrap dengan Jabatan Insolvensi, jumlah hutang, kemampuan kewangan dan tanggungan bankrap.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, ada? Yang Berhormat membangkitkan tentang adakah pendapatan pasangan akan diambil kira dalam menentukan saranan sumbangan bagi pelepasan automatik.

■1650

Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada perenggan 33C(2)(c), pendapatan pasangan merupakan antara faktor yang akan dipertimbangkan dalam menentukan saranan, sumbangan, *target contribution* seorang bankrap dan bukannya faktor mandatori. Ini kerana faktor kewangan isi rumah juga harus mempengaruhi sumbangan yang akan dibuat oleh bankrap dalam sasaran tempoh masa tiga tahun.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tidak ada, saya bagi jawapan bertulis. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun? Oh, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat membangkitkan apakah syarat dan tatacara untuk menggunakan Tabung Bantuan Insolvensi. Untuk makluman Yang Berhormat, Tabung Bantuan Insolvensi yang akan diuruskan berdasarkan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Tabung bertujuan untuk kos-kos pentadbiran kes kebangkrapan. Tabung ini tidak digunakan untuk pembayaran hutang bankrap.

Yang Berhormat Dr. Ariffin? Ada.

Tuan Pengerusi: Ada, ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat membangkitkan sama ada nilai minimum RM50,000 akan dinaikkan hanya nilai aset atau termasuk faedah, *interest*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, nilai minimum RM50,000 ini adalah termasuk faedah.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul membangkitkan tentang adakah kebangkrapan ini memberikan impak kepada kutipan hasil cukai kerajaan?

Untuk makluman Yang Berhormat, seorang bankrap yang mempunyai pendapatan masih mempunyai kewajipan untuk membayar cukai pendapatan. Yang Berhormat Senator juga bertanya tentang berapa ramai jumlah bankrap yang terdapat di negeri Sabah? Setakat ini berdasarkan statistik Jabatan Insolvensi, setakat Februari 2017 terdapat seramai 12,101 orang bankrap di negeri Sabah.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariah, Setiausaha Puteri UMNO ya Tuan Yang di-Pertua? Dahulu saya ketua puteri, dia setiausaha kerja. Yang Berhormat membangkitkan berkenaan apakah akses kepada pembiayaan pinjaman akan berkurangan disebabkan syarat-syarat yang telah diperketat kesan daripada penjamin sosial tidak boleh dibankrapkan. Ini khususnya merujuk kepada kesukaran yang mungkin timbul kepada orang-orang yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pinjaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan percaya bahawa pihak bank seharusnya memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar layak sahaja diberikan pinjaman. Walaupun penjamin sosial tidak boleh dikenakan tindakan kebangkrapan tetapi tindakan penguat kuasa yang lain seperti *writ seizure*, *writ sita jualan saman* penghutang penghakiman *garnishment* boleh juga diguna pakai oleh pempetisyen atau pemiutang.

Sebenarnya Yang Berhormat, saya ingin tambah bahawa hari ini Bank Negara mempunyai sistem *credit rating* yang begitu ketat. Ia tidak macam 10 tahun, 20 tahun yang dahulu. Dahulu banyak bagi *credit card* RM10,000 ingat tidak? Macam *finance company* ya. Budak-budak *graduate* dibagi cepat, dia terus bagi, tidak payah minta pun dia bagi. Sekarang sudah kurang. Itu yang menyebabkan Akta Kebankrapan ini kita tengok akan selari dengan sistem Bank Negara hari ini dalam pemantauan, dalam pemberian kredit.

Yang Berhormat juga tanya tentang apakah nilai yang akan dinaikkan kepada RM50,000 dan asas diguna pakai, saya sudah jawab tadi. Kemudian tanya tentang bagaimana seorang yang mempunyai penyakit kronik- membangkitkan bagaimana sumber yang digunakan untuk menubuhkan Tabung Bantuan Insolvensi.

Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada subseksyen 77A(2), sumber kepada tabung ini adalah pertama faedah pelaburan di bawah seksyen 77, Akta Kebankrapan. Kedua, segala kos fi, caj dan wang yang diperolehi oleh Ketua Pengarah Insolvensi dan apa-apa prosiding yang diambil di bawah Akta Kebankrapan yang mana wang daripada tabung ini terpakai.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, apakah kadar minimum terpakai kepada individu ataupun terpakai kepada syarikat? Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Syarikat 2016, Menteri yang bertanggungjawab terhadap akta tersebut iaitu Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menetapkan RM10,000 sebagai nilai minimum penggulangan syarikat.

Saya percaya setakat ini sahaja yang saya dapat memberikan jawapan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya tidak sempat, kita akan memberi jawapan secara bertulis. Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa sokongan Yang Berhormat, cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan diambil kira. Saya berharap kita sama-sama akan dapat mewujudkan pindaan ini untuk membantu ramai rakyat Malaysia di luar sana. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih. *Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal 1 hingga 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Chong Sin Woon) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL
TERHADAP KANAK-KANAK 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.58 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Pihak insolvensi keluar, sekarang Jabatan Peguam Negara. Tuan Yang di-Pertua, masalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang berada di hadapan kita pada hari ini adalah satu masalah yang saya ibaratkan sebagai barah yang kalau tidak ditangani maka ianya akan menghancurkan masa depan negara. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa seperti yang saya nyatakan dalam Dewan Rakyat sebelum ini rang undang-undang ini hanyalah satu permulaan untuk menangani masalah ini dan bukannya satu penyelesaian yang total. Dengan izin seperti yang dikatakan oleh *Winston Churchill*, mantan Perdana Menteri *United Kingdom*, "*Now this is not the end, it is not even the beginning of the end but it is perhaps the end of the beginning*".

Izin saya untuk membawa perhatian Dewan yang mulia ini terhadap berapa kisah benar jenayah seksual kanak-kanak yang telah berlaku di negara kita sendiri. Ungkapan 'haruan makan anak' atau 'harapkan pegar, pegar makan padi' memang sudah cukup sinonim jika dikaitkan dengan isu jenayah seksual kanak-kanak yang melanda masyarakat kita pada hari ini. Saban hari banyak kes yang terpampang di dada-dada akhbar.

■1700

Baru-baru ini, seorang kanak-kanak perempuan yang baru berusia lapan tahun telah diperkosa, dipukul, dcederakan dan dirogol oleh bapa tirinya sendiri semata-mata untuk memenuhi keinginan nafsu. Malah, kanak-kanak itu telah diugut supaya terus berdiam diri sehinggakan pihak sekolah mendapat tahu dan seterusnya membuat laporan kepada pihak polis.

Selain daripada itu, terdapat satu kes lagi, seorang kanak-kanak yang hanya berusia empat tahun yang mana kemaluannya telah dimasukkan jari oleh seorang lelaki yang berusia 60 tahun ketika kanak-kanak itu membuang air kecil di rumahnya di mana lelaki itu adalah guru bagi kanak-kanak ini.

Lebih kejam lagi, seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 16 tahun telah dirogol oleh bapa kandungannya sendiri dan empat orang abang kandungnya dengan cara menarik mangsa ke dalam bilik kosong di dalam rumah sendiri secara paksa untuk merata tubuh kanak-kanak itu di rumahnya. Mereka yang berhati binatang ini seterusnya mengugut kanak-kanak ini dengan menggunakan pisau supaya tidak memberitahu perkara ini kepada sesiapa.

Kanak-kanak lelaki juga tidak terkecuali apabila jenayah seksual melibatkan mereka. Sebagai contohnya, terdapat dua orang pelajar sekolah kanak-kanak lelaki yang berusia lapan dan sembilan

tahun telah didera secara seksual oleh seorang pengawal keselamatan di sekolah mereka sendiri dengan memasukkan kemaluannya ke dalam dubur kanak-kanak ini. Lebih menyedihkan, kanak-kanak ini adalah anak yatim yang tinggal di bawah satu pusat penjagaan anak-anak yatim.

Saya memohon maaf Tuan Yang di-Pertua, sebab terpaksa memberikan naratif yang begitu jelas, kerana saya ingin menyatakan bahawa ini adalah perkara yang begitu serius dalam masyarakat kita dan perlu kita menyedari dan kita perlu sama-sama menyokong rang undang-undang ini supaya kanak-kanak di luar sana dalam saat saya berbahas, menjadi mangsa jenayah seksual di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa semua yang saya sebutkan adalah cerita benar. Dan kalau kita tahu bahawa bila seorang kanak-kanak menjadi mangsa jenayah, bukan sahaja ada yang kehilangan nyawa tetapi ramai lagi yang akan hidup dengan parut jenayah seumur hidup. Remaja belasan tahun, kanak-kanak di bangku sekolah dan kanak-kanak yang masih kecil terus menjadi mangsa golongan yang terkutuk ini. Mana letaknya perikemanusiaan mereka? Mana hilang pertimbangan diri dan waras akal fikiran?

Kanak-kanak yang tidak bersalah ini sedang berdepan dengan pelbagai jenayah seksual yang akan meninggalkan pelbagai kesan yang negatif terhadap mereka. Tidak kira latar belakang kanak-kanak ini, warna kulit, agama, jantina, setiap daripada mereka adalah anak-anak kita, tanggungjawab kita bersama.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam Seminar Kebangsaan Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan! yang diadakan pada 13 dan 14 Mac yang lepas, "*Apa gunanya negara kita mengejar kepesatan kemajuan jika legasi yakni anak-anak tidak terbelah nasibnya?*". Pada saat kita membahaskan rang undang-undang ini, jenayah sebegini masih sedang berlaku di luar sana. Kanak-kanak yang tidak bersalah yang tidak mampu mempertahankan diri terus menjadi mangsa kepada individu-individu bukan sahaja orang luar tetapi keluarga mereka sendiri.

Berdasarkan pada statistik PDRM, sejak tahun 2014 hingga tahun 2016, sebanyak 7,862 kanak-kanak menjadi mangsa kepada kes jenayah seksual. Sebanyak 813 mangsa daripadanya adalah golongan mereka yang berumur antara 16 hingga 18 tahun, sebanyak 1,079 mangsa daripadanya adalah golongan kanak-kanak yang berumur antara 13 hingga 15 tahun, dan sebanyak 4,342 kes kesalahan rogol dan sebanyak 2,194 kes kesalahan mencabul kehormatan.

Secara puratanya, boleh dikatakan hampir enam hingga tujuh kes penderaan seksual kanak-kanak berlaku pada setiap hari. Ini adalah berdasarkan kepada kes-kes yang telah dilaporkan sahaja. Bagaimana pula kes-kes yang tidak dilaporkan? Kerap kali jenayah seksual terhadap kanak-kanak tidak dilaporkan. Ramai mangsa kanak-kanak tidak memberitahu mengenai jenayah seksual yang dilakukan terhadapnya terutama apabila pemangsa adalah seorang yang dikenali atau anggota keluarganya atau yang mempunyai sesuatu status dalam komuniti.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mangsa memilih untuk berdiam diri dan menyimpan rahsia mengenai jenayah seksual terhadap mereka selama bertahun-tahun. Antaranya ialah kerana malu, kerana takut, kerana menyalahkan diri sendiri, dan kadang-kadang melindungi seseorang dan sebagainya.

Isu berhubung dengan jenayah seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak yang merupakan golongan rentan merupakan suatu isu yang amat serius dan menjadi satu ancaman terhadap institusi keluarga, sosial dan masa depan negara kita. Berbanding jenis jenayah lain, jenayah seksual terhadap kanak-kanak adalah bentuk kekejaman yang paling teruk dan terkutuk dan ia boleh memberi pelbagai kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada kanak-kanak tersebut.

Kini pelbagai bentuk ancaman seksual alaf baru juga turut membahayakan keselamatan anak-anak kita. Tidak ramai yang mengetahui akan wujudnya laman-laman sesawang di dunia siber yang lebih dikenali sebagai *the deep web* atau *the dark web*. Tambahan pula, bilangan laman web yang dikhaskan untuk pornografi kanak-kanak di seluruh dunia semakin bertambah terutama melalui rangkaian *peer-to-peer* atau *dark web* di mana rangkaian tersebut menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan kewujudan pelaku jenayah. Malahan, sebahagian daripada mereka menggunakan peranti media sosial untuk tujuan *sexual grooming* bagi meraih kepercayaan kanak-kanak sebelum memanipulasikan mereka.

Dari sudut perundangan, secara amnya peruntukan berhubung dengan jenayah seksual telah sedia ada dalam undang-undang kita. Kanun Keseksaan merupakan undang-undang am yang memperuntukkan mengenai kesalahan am termasuk jenayah seksual. Selain itu, terdapat juga perundangan yang secara spesifiknya memperuntukkan kesalahan yang dilakukan terhadap kanak-kanak. Antaranya ialah Akta Kanak-kanak 2001, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Penapisan Filem 2002.

Tahun 2016, Malaysia turut dikejutkan dengan kes yang melibatkan rakyat British, Richard Huckle yang telah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup oleh mahkamah di Britain atas tuduhan beberapa perlakuan jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia termasuk penganiayaan seksual dan pornografi kanak-kanak. Jika pemangsa seksual seperti ini sanggup bertopengkan personaliti sebagai seorang pendidik untuk menyusup masuk dan meraih kepercayaan masyarakat umum negara kita, kita berdepan dengan satu cabaran yang cukup genting di dalam mengenal pasti mereka yang boleh kita umpamakan sebagai musuh dalam selimut. Berikutan peningkatan kes jenayah seksual kanak-kanak yang semakin membimbangkan ini, maka pihak kerajaan berpandangan bahawa adalah wajar untuk mencari satu penyelesaian bagi menangani jenayah seksual kanak-kanak secara komprehensif dan holistik.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, pada 25 Ogos 2016 yang lalu bersempena dengan Hari Wanita Kebangsaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan satu *task force* untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan jenayah seksual kanak-kanak secara mendalam. Di dalam tempoh masa yang singkat, *task force* ini yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi kerajaan dan pelbagai badan bukan kerajaan telah bekerjasama untuk mencari satu penyelesaian terbaik kepada masalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam negara ini di mana satu undang-undang baru yang khusus berkenaan jenayah seksual kanak-kanak telah dicadangkan.

Task force tersebut terdiri daripada wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Majlis Peguam Negara,

Persatuan Peguam Syarie Malaysia, ahli akademik serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan seperti *National Council of Women Organization*, UNICEF Malaysia, *P.S the Children*, *Women's Centre for Change*, *Malaysian Association of Social Workers*, *International Women's Rights Action Watch Asia Pacific* dan sebagainya.

Bagi maksud penggubalan rang undang-undang ini, Jabatan Peguam Negara telah diamanahkan untuk meneliti cadangan penggubalan rang undang-undang berdasarkan model kerangka perundangan yang dicadangkan oleh *task force*. Hari ini, rang undang-undang yang sedang saya bantangkan ini adalah hasil dan usaha kerjasama semua pihak yang telah memberikan komitmen seluruhnya dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Kanak-kanak ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang tertentu dan hukumannya sebagai tambahan kepada kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang lain dan berhubung dengannya untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran keadilan bagi kanak-kanak dan perkara yang berkaitan.

Skop akta baharu tersebut adalah secara amnya mengandungi peruntukan yang lebih spesifik dan memperincikan lagi kesalahan yang terdapat dalam undang-undang sedia ada berhubung dengan kesalahan seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak. Peruntukan kesalahan tersebut mengandungi elemen yang lebih terperinci berbanding undang-undang sedia ada yang bersifat am. Akta ini juga memperuntukkan mengenai hukuman yang bersesuaian dengan undang-undang yang diperincikan tersebut.

Selain memperuntukkan mengenai kesalahan, aspek lain juga diambil kira dalam penggubalan akta tersebut termasuklah aspek penyiasatan, kebolehterimaan keterangan di mahkamah dan peruntukan lain yang bertujuan untuk menambah baik sistem pentadbiran keadilan jenayah bagi kanak-kanak. Ini semua bagi memastikan agar akta yang digubal ini dapat memenuhi objektif dan hasrat kerajaan untuk menangani jenayah seksual kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi tujuh bahagian, iaitu:

■1710

- (i) Bahagian I mengandungi peruntukan permulaan;
- (ii) Bahagian II mengandungi peruntukan kesalahan dengan pornografi kanak-kanak;
- (iii) Bahagian III peruntukan kesalahan berhubung dengan pengantunan kanak-kanak, *child grooming*;
- (iv) Bahagian IV, peruntukan mengenai kesalahan yang berhubung dengan amang seksual iaitu *sexual assault*;
- (v) Bahagian V mengandungi peruntukan mengenai hukuman yang dikenakan terhadap orang yang mempunyai hubungan kepercayaan dengan kanak-kanak bagi kesalahan yang dilakukan di bawah rang undang-undang, *offence by person in relationship of trust*;
- (vi) Bahagian VI mengandungi peruntukan mengenai kebolehpercayaan dan keterangan saksi kanak-kanak; dan,

(vii) Bahagian VII mengandungi peruntukan pelbagai.

Perincian tujuh bahagian adalah sebahagian yang terkandung dalam naskhah Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadual Pertama mengandungi senarai kesalahan yang berkait dengan kesalahan penggantungan kanak-kanak dan beberapa peruntukan lain dalam rang undang-undang ini yang bagi terpakainya antara lain seksyen 354, 372, 375, 375B, 376, 376A, 376B, 377A, 377B, 377C, 377CA, 377D, 377E atau 509 Kanun Keseksaan, seksyen 31 berhubungan dengan penderaan seksual dan seksyen 43, Akta Kanak-kanak 2001 serta seksyen 14 berhubungan dengan eksploitasi seks dan seksyen 15, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merupakan langkah serius Kerajaan untuk menangani salah laku yang melibatkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang semakin berleluasa dan selaras dengan perkembangan teknologi moden. Tambahan lagi, pada 2 April 2017, Malaysia bersetuju dengan dua protokol pilihan kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak atau CRC iaitu *Sale of Children*, *Child Prostitution* dan *Child Pornography* dan *Involvement of Children in Armed Conflict*. Tindakan ini juga adalah selaras dengan komitmen negara di bawah Artikel 34, Eksploitasi Seksual di bawah CRC yang menyatakan bahawa kerajaan perlu melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk eksploitasi dan penderaan seksual.

Selain itu kerajaan telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-kanak pada tahun 2009 yang bertujuan untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya. Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil semua pihak termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak khususnya daripada sebarang bentuk keganasan mental dan fizikal, kecederaan, pengaiban, penderaan atau eksploitasi dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak. Antara aspek utama yang diberi penekanan khusus di bawah dasar ini adalah advokasi pencegahan dan khidmat sokongan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan beliau semasa merasmikan Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan! pada 13 Mac 2017, telah mengumumkan mengenai penubuhan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual kanak-kanak yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa kepada jenayah seksual. Mahkamah ini berbeza dengan mahkamah kanak-kanak yang sedia ada di bawah Akta Kanak-kanak yang hanya mengendalikan kes-kes di mana pelaku jenayah adalah kanak-kanak.

Yang Amat Arif Tan Sri Md Raus Sharif, Ketua Hakim Negara yang baru secara prinsipnya telah bersetuju dengan cadangan penubuhan ini di mana Mahkamah Jenayah Khas yang pertama ini dijangka akan ditubuhkan pada bulan Jun 2017, tahun ini di Putrajaya. Mahkamah Jenayah Khas yang dicadangkan akan mempunyai seorang hakim dan juga pendakwa raya yang mempunyai kepakaran khusus dalam jenayah seksual kanak-kanak untuk membantu kerajaan mencapai hasratnya untuk melindungi kanak-kanak secara holistik.

Kewujudan mahkamah khas ini juga sekali gus akan mempercepatkan dan melancarkan prosiding dan perbicaraan kes yang melibatkan kanak-kanak di mana *circular* daripada Ketua

Pendaftar Mahkamah dalam negara kita memberikan arahan supaya kes-kes yang melibatkan kanak-kanak diselesaikan dalam masa setahun. Pegawai kehakiman yang bakal dilantik sebagai Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah Khas ini akan diberi latihan khusus dalam jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah penting untuk mewujudkan satu rangka undang-undang kesalahan seksual yang khusus terhadap kanak-kanak untuk membanteras kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Pada masa yang sama, semua pihak yang berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan masyarakat sivil haruslah sama-sama memperkukuh dan meneruskan kerjasama dan kolaborasi merentas disiplin dan sektor bagi melaksanakan tindakan untuk membantu mengurangkan jenayah dan menghapuskan jenayah terhadap kanak-kanak secara holistik, bersepadu dan berkesan.

Saya mohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua tetapi saya ingin menyatakan dan banyak kali telah saya menyatakan bahawa undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk menangani masalah jenayah seksual ini. *The law is not enough*. Malahan adalah yang lebih penting, masyarakat mesti mewujudkan kekuatan serta budi pekerti yang baik dan sempurna untuk berteraskan amalan yang positif untuk menghindar bangsa daripada terjerumus dalam pelbagai jenayah termasuk jenayah seksual kanak-kanak. Saya menyeru semua rakyat Malaysia tanpa mengira umur, bangsa, kaum, agama, kedudukan mahupun ideologi politik untuk bersatu dalam membanteras jenayah seksual ini dan menyokong rang undang-undang ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara yang akan terlibat dalam perbahasan ini dan saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sesiapa yang menentang kewujudan akta ini, rang undang-undang ini, saya lihat mereka dalam golongan yang kata Orang Putih, dengan izin, *"They are the category of perverts"*. Saya sendiri telah jadi mangsa Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini keluar dalam *Facebook*, kononnya saya menggalakkan- saya perlu mengatakan, menggalakkan supaya saya dicabuli, dirogol. Betul, kita boleh gelak tetapi kalau Menteri yang *black belt 8 Dan* pun dia boleh buat, *Fuh!* Saya rasa pendek umur dia... *[Ketawa]* Mana silat gayung. Tak ada... *[Tepuk]*

Ini saya Tuan Yang di-Pertua. Ini Timbalan Menteri Wanita, Datin Paduka Chew Mei Fun pun belum kahwin, takkan semua orang kahwin nak dirogol. Apa hal! Ini kan semua orang lelaki bujang pula akan disodomikan. Begini cetek pemikiran. *They think this is a joke* tetapi kita dewasa kita bercakap, ini kanak-kanak.

Saya akhiri Yang Berhormat Senator, video yang memaparkan di mana bayi enam bulan digunakan untuk dicabuli melalui anggota lelaki tersebut, anggota sulit, *six months baby*. Tak putuskah perut, tak putuskah badan? Itu sebabnya bila kanak-kanak, tadika, taska ini katanya- saya tak ada bukti bila adanya kematian, perlu disiasat *post-mortem*. Kadang-kadang orang kata dedak susu dan sebagainya tetapi kadang-kadang kemungkinan kerana jenayah seksual. *This is a serious matter*.

Jadi saya akhiri dengan ucapan saya mengatakan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator, saya berharap dan berdoa semua akan menyokong 100 peratus dan saya nak mengatakan kepada mereka yang di luar sana, mereka yang kata orang pemangsa-pemangsa ini *all these perpetrators*, hashtag saya Tuan Yang di-Pertua, *#youcanrunbutyoucannothide*.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak yang tertentu dan hukumannya sebagai tambahan kepada kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang lain dan hukumannya dalam undang-undang-undang bertulis yang lain dan berhubung dengannya untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran keadilan bagi kanak-kanak dan perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, silakan.

5.18 ptg.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya dibenarkan menyampaikan pandangan-pandangan terhadap rang undang-undang yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya telah diminta oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah sebentar tadi kerana kita baru menerima satu berita tentang penderaan yang telah dilakukan oleh seorang guru di sebuah sekolah agama di Johor yang bernama Mohamed Thaqif Amin Mohd Gaddafi telah pun meninggal dunia. Pohon izin untuk kita bacakan Al-Fatihah bagi Ahli-ahli Senator yang beragama Islam dan tafakur seminit apakah dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Kita bacakan Al-Fatihah kepada adik Mohamed Thaqif Amin Mohd Gaddafi dan kepada rakan-rakan Senator yang bukan beragama Islam untuk bertafakur satu minit. Dipersilakan. Al-Fatihah... [*Dewan bertafakur selama satu minit*] Terima kasih.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyampaikan hujahan-hujahan dalam masa yang ringkas kerana memandangkan ramai yang akan berbicara. Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan membaca sepotong ayat Al-Quran iaitu Surah An-Nisa', ayat 9, Allah SWT berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Antara maksud terjemahannya iaitu, dan hendaklah takut kepada Allah orang yang sekiranya mereka meninggalkan keturunan yang lemah di belakang mereka, yang mereka khuatir terhadap kesejahteraannya. Oleh sebab itu, hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka berbicara dengan tutur kata yang benar.

Demikianlah sepotong ayat Al-Quran yang begitu relevan dengan isu yang sedang kita hadapi saat ini dan kita bersetuju dan menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini dibahaskan dan dikuatkuasakan kerana mudaratnya, bahananya amat besar kepada rakyat dan negara Malaysia. Dalam konteks ini secara keseluruhan, rang undang-undang ini telah mengisi kelompongan undang-undang sedia ada berkaitan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Namun, beberapa

penambah baikkan boleh dilakukan pada masa hadapan. Antaranya berkaitan mekanisme pelaksanaan rang undang-undang ini seperti cadangan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak baru-baru ini untuk mewujudkan satu mahkamah jenayah khas bagi mengendalikan prosiding jenayah yang hanya akan melibatkan pesalah dan mangsa-mangsa seksual kanak-kanak.

Hakim dan pendakwa raya bagi kes ini adalah terdiri daripada mereka yang pakar dalam jenayah seksual selain menitik beratkan tempoh penyelesaian segera perbicaraan kes kesalahan seksual. Kita juga berdepan dengan beberapa komentar lain yang melihat hukuman sebatan dalam rang undang-undang ini tidak sewajarnya dilaksanakan kerana hukuman sebat ini tidak memberikan sebarang kesan kepada pesalah seksual. Ini satu pandangan. Namun, tidak semestinya kita terima dan kita bahaskan lagi. Kita boleh bersetuju seperti mana juga yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi bahawa undang-undang adalah undang-undang.

Namun, saya ingin mencadangkan supaya oleh kerana isu ini adalah satu isu yang berat dan perlu kita atasi dengan satu *political will*, dengan izin, maka pendekatan moral, pendekatan budi pekerti, pendekatan akhlak, pendekatan *nasihah* ataupun kaunseling dengan mengambil pendekatan *contemporary sciences*, dengan izin, dan juga mengambil pendekatan agama, bukan sahaja daripada agama Islam tetapi semua agama.

Bahkan, saya ingin menyebut kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa beberapa buah NGO Islam telah pun mengadakan perbincangan dengan NGO-NGO bukan Islam baru-baru ini untuk bersatu-padu mencari jalan menggunakan pendekatan kaunseling secara agama. Dalam Islam, *Buddhism*, *Hinduism*, *Christianity* dan sebagainya bagi mengatasi kejahatan moral yang sedang menyerang negara kita, terutama bagi generasi muda rakyat di negara ini.

Oleh yang demikian, satu lagi perkara yang ingin disentuh di sini Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya ialah isu yang berkaitan, dengan izin, *the sweetheart defense* atau *Romeo and Juliet Defense* yang menyaksikan sewajarnya pasangan ini dilindungi daripada sebarang dakwaan salah laku seksual kerana jarak umur pasangan yang tidak begitu jauh. Contohnya, percintaan pasangan yang berumur sekitar 19 dan 17 tahun, atau 16 dan 18 tahun. Persoalan yang ditimbulkan adalah gambaran bahawa pasangan ini sedang bercinta dan telah melakukan hubungan seksual. Adakah mereka wajar didakwa melakukan salah laku seksual?

Tuan Yang di-Pertua, isu lain yang dibangkitkan juga adalah berkaitan dengan kredibiliti saksi kanak-kanak. Dalam konteks penerimaan keterangan kanak-kanak, polemik yang berlegar adalah sama ada terma yang wajar digunakan adalah terma kompetensi atau kredibiliti. Kompetensi ini juga merujuk kepada ketidakbolehpercayaan. Sekiranya kanak-kanak tersebut telah mencapai umur *prudent*, dengan izin, serta boleh memahami proses dan prosedur undang-undang dan mahkamah, maka keterangan kanak-kanak tersebut boleh diterima tanpa keterangan tambahan atau sokongan.

Seorang kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat sebaliknya. Manakala dari segi kesaksian kanak-kanak, mahkamah boleh membenarkan keterangan tanpa sokongan kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya diterima.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu *age of consent*, dengan izin, juga dibangkitkan dalam polemik rang undang-undang ini. Di bawah rang undang-undang ini, definisi kanak-kanak adalah di bawah umur 18 tahun. Sedangkan *age of consent*, dengan izin, di bawah undang-undang negara adalah tatkala kanak-kanak tersebut berumur 16 tahun. *The age of consent* ini bermaksud peringkat umur di mana kanak-kanak dianggap secara undang-undang yang sah boleh memberikan kebenaran atau persetujuan terlibat dengan apa-apa aktiviti seksual. Persoalannya, bagaimanakah RUU yang dibentangkan ini mampu menjustifikasikannya dan membezakan kesalahan seksual dan bagaimana pembelaan di bawah *age of consent*, dengan izin, akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya adalah berkaitan dengan peruntukan keterangan, ejen provokasi yang boleh diterima di bawah rang undang-undang ini. Isu yang dibangkitkan adalah sama ada keterangan yang dikemukakan oleh ejen provokasi ini boleh dianggap sebagai satu pemerangkapan terhadap seseorang yang disyaki melakukan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Kita tahu bahawa dalam apa-apa tindakan undang-undang, keadilan adalah merupakan asas kepada penghakiman. Persoalan ini ditimbulkan dengan merujuk kepada proses *undercover* yang dibuat oleh para wartawan untuk mengenal pasti individu yang pernah terlibat dengan aktiviti seksual bersama kanak-kanak.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pada masa hadapan adalah dicadangkan agar Malaysia turut menandatangani dan meratifikasi *Optional Protocol on the sale of children, child prostitution and child pornography*, dengan izin, sebagai langkah proaktif kerajaan untuk menangani kesalahan pornografi kanak-kanak di negara ini.

Akhirnya, semoga rang undang-undang ini dapat direalisasikan dan dikuatkuasakan bagi memastikan keselamatan dan perlindungan lebih baik dapat diberikan kepada golongan kanak-kanak di negara ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib. Silakan.

5.28 ptg.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera dan salam negara ku Malaysia.

Terima kasih yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua, kerana diberikan kesempatan untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin dan mengambil berat terhadap isu kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Langkah kerajaan memperkenalkan akta ini adalah tepat waktunya kerana kes jenayah seksual semakin meningkat semenjak beberapa tahun ini.

PDRM menyatakan sejak tahun 2014 hingga 2016, terdapat 7,862 kanak-kanak menjadi mangsa kepada kes jenayah seksual. Sebanyak 1,079 mangsa adalah terdiri dari kanak-kanak berumur antara 13 hingga 15 tahun dan sebanyak 813 mangsa berusia antara 16 hingga 18 tahun. Sesungguhnya, statistik tersebut amat membimbangkan, lebih membimbangkan dilaporkan sebanyak 4,342 kes rogol dan 2,194 kes mencabul kehormatan.

■1730

Setiap hari purata enam hingga tujuh orang kanak-kanak menjadi mangsa penderaan seksual. Keadaan yang dinyatakan tadi bukan saja membimbangkan tetapi menggambarkan betapa rapuhnya institusi keluarga masa kini kerana kebanyakan mangsa mengenali pemangsa dan mempunyai hubungan kekeluargaan termasuk menjijikkan perbuatan terkutuk bapa yang melakukan jenayah seksual terhadap anaknya sendiri. Inilah sebabnya saat ini saya bangun untuk menyatakan sokongan kepada Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak ini memandangkan masalah ini perlu kepada penyelesaian yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membahaskan rang undang-undang ini, kejayaan jenayah seksual ke atas kanak-kanak sedang berlaku. Kanak-kanak adalah merupakan aset yang tidak ternilai kepada negara sebagai pelapis kepimpinan negara masa hadapan, sumber tenaga manusia dan penerus generasi untuk memaju dan membangunkan negara.

Pujian sewajarnya diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang peka dan cakna dengan isu jenayah seksual kanak-kanak ini sehingga menubuhkan satu *task force* pada 25 Ogos 2016 bersempena Hari Wanita Kebangsaan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan jenayah seksual kanak-kanak ini secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 17 yang menyentuh berhubung Bahagian V yang secara khususnya memperuntukkan jika seseorang yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah akta ini mempunyai perhubungan amanah dengan kanak-kanak itu sebagai tambahan kepada hukuman yang dikenakan. Dihukum pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan sebatan tidak kurang dua sebatan, kes seperti ini adalah kes yang serius, ibarat kes haruan makan anak.

Maka hukuman yang lebih berat perlu dikenakan. Seksyen 17(1) sepatutnya menetapkan hukuman tambahan penjara sekurang-kurangnya lima tahun dan bukan tidak melebihi lima tahun. Begitu juga sebatan, sepatutnya dua sebatan mandatori dan satu sebatan bagi setiap tahun hukuman penjara. Peruntukan ini adalah bertepatan dengan tujuan akta ini untuk mengadakan peruntukan hukuman tambahan kepada kesalahan jenayah seksual kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh fasal 25 yang mengadakan peruntukan bagi pengecualian pemakaian perenggan 289C Kanun Tatacara Jenayah. Peruntukan ini adalah penting memandangkan kesalahan sering kali juga dilakukan oleh lelaki yang berumur melebihi 50 tahun, maka hukuman sebat wajar dikenakan.

Seksyen 25 akta ini adalah perlu bagi memastikan pesalah tanpa mengira umur sama ada pesalah telah berumur melebihi 50 tahun, tidak terlepas daripada hukuman sebat. Peruntukan ini adalah wajar sebagai balasan di atas perbuatan jenayah seksual ke atas kanak-kanak yang dan telah dilakukan oleh si tua keladi ini memandangkan jenayah seksual kanak-kanak ini boleh menjejaskan masa depan kanak-kanak. Peruntukan di bawah seksyen 25 ini adalah bertepatan dengan tujuan rang undang-undang ini untuk memberikan keadilan dan kesaksamaan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 19 yang memperuntukkan kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak berhubung dengan apa-apa prosiding di bawah akta.

Mahkamah boleh membenarkan agar keterangan tanpa sokongan seksyen 19(1) membenarkan keterangan saksi kanak-kanak sama ada diberi dengan sumpah, *upon oath* atau tanpa sumpah, *without oath* boleh diterima. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan konflik di bawah seksyen 19(1), dengan seksyen 133A Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan keterangan kanak-kanak tanpa sumpah tidak boleh diterima. Saya berharap kerajaan memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, selain mengadakan peruntukan hukuman yang berat ke atas pesalah bagi kesalahan-kesalahan jenayah seksual ini seperti pemenjaraan dan sebat, saya ingin mencadangkan agar menyediakan peruntukan denda berbentuk kewangan sebagai ganti rugi kepada mangsa memandangkan mangsa terpaksa menghadapi masa depan yang tidak menentu. Itu saja, sekian terima kasih, saya mohon menyokong. Sekian. *Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Silakan.

3.35 ptg.

Tuan Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri bahawa masalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak adalah seperti satu kanser yang perlu ditangani. Saya juga setuju dengan *quotation* dari Sir Winston Churchill. *It's not* apa yang *quotation* dari Sir Winston Churchill yang *diquote* oleh Yang Berhormat Menteri tadi. *"This is not the end, not even the beginning of the end but perhaps it's only the end of the beginning"*. Satu *quotation* yang dibuat kalau tersalah lepas *after the battle of El Alamein* di mana *I mean Rommel was defeated by General Montgomery*.

Saya juga akan *start* dengan satu lagi *quotation* dari *the late* Sir Winston Churchill juga untuk *demonstrate* berapa seriusnya isu ini dan kenapa kerajaan perlu ambil tindakan. *I quote* dari Sir Winston Churchill. *"One ought never to turn one's back on the threatened danger and try to run away from it. If you do that, you will double the danger. But if you meet it promptly and without flinching, you will reduce the danger by half"*. Dari aspek ini, *I am* sebenarnya gembira bahawa akhirnya kerajaan telah mengambil tindakan positif untuk mengatasi atau menangani isu kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Fasal kalau kita tengok semasa pembentangan pindaan-pindaan kepada Akta Kanak-kanak masa itu, isu ini tertinggal. *The last time the Child Act was amended* ya, kalau kita tengok ini.

Now saya hendak fokus terus kepada pindaan-pindaan ini oleh kerana banyak lagi Yang Berhormat yang hendak bahas. Kalau kita tengok fokus utama, salah satu fokus utama rang undang-undang ini ialah dari segi berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pornografi kana-kanak. Sebenarnya sebanyak lapan seksyen yang ada berkaitan dengan pornografi.

Saya gembira akhirnya isu pornografi ini pun dapat perhatian sewajarnya. Seperti / cakap tadi kalau kita tengok pada, kalau tidak salah bulan Mei lepas semasa Akta Kanak-kanak dipinda, isu pornografi ini tidak dapat perhatian yang sewajarnya. Tapi dengan adanya rang undang-undang ini, kelemahan ini dapat diatasi.

Tapi dalam soalan isu pornografi ini, saya cuma ada satu soalan saja. Ia sama ada akta-akta yang lain, yang ada berkaitan dengan pornografi. Contohnya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, sama ada akta-akta yang lain itu pun turut akan dipinda supaya dia akan ikut peruntukan rang undang-undang ini. Secara am saya tidak berhasrat untuk membahaskan pindaan yang ini fasal kalau / tengok dari segi keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu semuanya baik dan perlu disokong. So tahniah kepada kerajaan dari aspek ini. Tetapi saya sebaliknya saya akan fokus kepada apa yang saya rasa tertinggal dalam akta ini.

Isu yang pertama, saya ada dua atau tiga isu. Isu yang pertama ialah isu daftar pelaku jenayah atau *sexual offenders registry*. Ini berdasar kefahaman saya apa yang kita ada sekarang ialah satu daftar di bawah Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016. Akan tetapi akta itu dia hanya satu akta yang menyenaraikan butiran pesalah yang melibatkan kanak-kanak. Dia bukan satu senarai, pada saya dia tidak cukup ini, fasal dia bukan satu senarai atau daftar di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969, *which is the total different act*. Fasal kalau kita dapat masuk dalam Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini.

■1740

Dia akan mengandungi satu pangkalan data yang akan masuk bukan sahaja penjenayah macam ini tetapi termasuk juga perogol pun. Sebab apa yang saya faham sekarang daftar yang ada sekarang adalah tujuan semata-mata dia punya tujuan untuk mereka yang hendak kerja dekat *child care center*, *nursery* dan sebagainya dia boleh rujuk kepada kementerian. Tetapi apa yang saya minta adalah satu akta yang lebih luas. Kerajaan pun telah *handle* isu ini banyak kali kalau kita tengok baru-baru ini ada satu *statement* oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri dilaporkan berkata kelewatan untuk mewujudkan daftar ini disebabkan oleh kebimbangan akan melanggar *privacy* seseorang individu.

Saya mengakui susah hendak cari satu sistem di mana kita dapat *balance* atau satu mekanisme di mana kita dapat *balance* dan menjamin kepentingan kanak-kanak tanpa menyinggung perasaan individu. Dalam hal ini saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya kerajaan dapat bantuan dari UNICEF. Saya yakin UNICEF akan *anytime* dia kena *ready* untuk *share* dia punya *experience* dari negara-negara yang lain yang dapat melaksanakan daftar sedemikian. Pada saya ini lebih baik dan jangan kalau sahaja beri alasan sahaja, kita perlu tindakan yang lebih positif. Itu satu.

Kalau kita tengok seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan banyak dia fokus kepada pornografi, *sexual grooming*, *sexual assault* dan sebagainya. Banyak isu-isu kebajikan kanak-kanak. Itu tujuan kalau kita tengok dari segi tujuan utama tadi yang / cakap ini *sexual assault* ini secara khusus tetapi tujuan utama akta ini ialah untuk melindungi kepentingan dan kebajikan kanak-kanak. Dari segi aspek kepentingan dan kebajikan kanak-kanak, satu yang saya hendak sentuh ialah isu perkahwinan kanak-kanak yang pada pendapat saya dia juga akan *affect* kebajikan seorang kanak-kanak.

Isu perkahwinan kanak-kanak bukan satu isu yang baru kerana pernah bincang di Dewan ini, di Parlimen dan juga di beberapa banyak forum. Kalau kita tengok tadi seperti yang diterangkan semasa perbahasan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty berkenaan dengan umur *consent*, umur perkahwinan dan sebagainya. Saya tidak nak sentuh fasal umur ini. Fasal kita semua tahu apa dia punya umur lelaki, apa umur dia, perempuan apa umur dia dan orang yang beragama Islam apa umur dia, yang bukan beragama Islam apa umur dia, ini kita semua tahu.

Saya tidak menyoal kuasa ataupun kebijaksanaan mana-mana pihak tentang isu ini. Cuma saya rasa *concern* kalau kita tengok statistik-statistik sekarang. Sebagai contoh dari segi jumlah perkahwinan di bawah umur, dia memang agak berleluasa kalau kita tengok. Menurut satu laporan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, jumlah perkahwinan di bawah umur dari tahun 2010 hingga tahun 2015 berjumlah untuk mereka yang beragama Islam sebanyak 6,268 dan 2,775 yang bukan Islam. Pada saya kedua-dua *figure* ini satu tinggi dan statistik-statistik hanya menunjukkan betapa serius masalah ini. Kebimbangan saya bukan kepada statistik ini, tetapi akibat perkahwinan pada satu umur yang terlalu muda terutamanya kepada pasangan wanita.

Berapa kajian kalau kita tengok, berapa kajian telah menunjukkan kemungkinan besar wanita yang kahwin terlalu muda itu akan berhenti sekolah, lebih cenderung hidup dalam kemiskinan dan juga kemungkinan besar akan menghadapi risiko kesihatan akibat daripada kehamilan awal. So, banyak sangat isu. So, dalam hal ini, macam saya cakap tadi saya tidak hendak cerita pasal undang-undang sedia ada kuasa dan perbezaan antara konflik *between laws* dan sebagainya. Saya cuma ada satu soalan kepada kementerian berkenaan.

Soalan saya berkenaan dengan *task force* tu. *Task force* khas meneliti isu perkahwinan di bawah umur. Saya masih ingat semasa menjawab soalan saya di Dewan ini pada bulan Disember 2013, Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan atau telah memaklumkan bahawa kerajaan melalui majlis penyelarasan bagi perlindungan kanak-kanak telah menubuhkan *satu task force* untuk meneliti isu perkahwinan bawah umur. Antara lain masa tu, cadangan ialah untuk mengkaji, untuk meningkatkan umur perkahwinan dari 16 tahun ke 18 tahun. So, soalan saya, saya ingin tahu apa sudah jadi kepada *task force* itu sama ada *task force* itu masih wujud dan kalau wujud dah lepas tiga tahun. Apakah cadangan-cadangan *task force* itu?

Akhir sekali saya juga hendak menyentuh satu isu yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty ialah berkenaan *convention-convention*, *optional convention* dan sebagainya. Akan tetapi ini hendak fokus bukan kepada *optional convention*. Ini hendak fokus kepada *convention* CEDAW iaitu menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan *convention* CRC, *Child Right Convention*. Saya cuma hendak membawa keprihatinan kerajaan bahawa Malaysia adalah *state party*. Satu *state party* yang telah meratifikasi kedua-duanya, *optional convention* salah satu *optional convention* tu kita masih belum *ratify*. Akan tetapi, dua-dua *convention* ini kita sebagai *state party* telah *ratify convention* ini. Kalau kita telah me-*ratify convention* ini, maka adalah wajib dan mandatori untuk kerajaan, bukan sahaja tanggungjawab untuk melindungi golongan wanita dan kanak-kanak dari sebarang bentuk keganasan dan eksploitasi. Dari aspek ini pada saya, ini juga termasuk perkahwinan di bawah umur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman. Silakan.

5.47 ptg.

Datuk Jamilah binti Sulaiman: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam negaraku Malaysia.

Sama ada kita sedar atau tidak, kanak-kanak sering terdedah kepada pelbagai bahaya seperti kemalangan, penculikan, penderaan fizikal dan emosi serta kekejaman seksual. Berbanding jenis penderaan lain, jenayah seksual terhadap kanak-kanak adalah bentuk kekejaman yang paling teruk kerana mampu memberi kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada kanak-kanak. Penderaan seksual kepada kanak-kanak berlaku apabila seorang kanak-kanak dieksploitasi untuk kepuasan seksual orang dewasa. Kes melibatkan Richard Huckle kerana tidak langsung memberi kesedaran kepada kita mengenai ancaman serius seorang pedofilia.

Namun kita mampu menarik sedikit nafas lega apabila warga Britain itu dikenakan hukuman penjara seumur hidup di negaranya apabila dia didapati bersalah melakukan penderaan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia dan Kemboja. Di Malaysia, kanak-kanak mangsa penderaan seksual sukar mendapatkan keadilan kerana proses undang-undang yang terlalu membebankan. Undang-undang memerlukan terlalu banyak bukti sebelum suspek boleh didakwa. Contohnya mahkamah perlukan bukti forensik yang sukar didapatkan di samping bukti-bukti sokongan. Menurut Ketua Unit Siasatan Seksual Bukit Aman DSP Tan Gee Soon, hampir kesemua mangsa penderaan seksual mengenali mereka yang melakukan perbuatan terkutuk itu.

■1750

Statistik di antara 2005 dan 2015 menunjukkan secara konsisten bahawa 91 peratus pemangsa kanak-kanak ialah mereka yang dikenali mangsa. Kita sering mengingatkan anak-anak tentang bahaya yang bakal menimpa mereka jika mereka berkenalan dengan orang asing, sedangkan di sekeliling kita sebenarnya terdapat lebih ramai yang bersikap seperti musang berbulu ayam atau haruan makan anak. Dalam tempoh 10 tahun tersebut, kes sumbang mahram yang melibatkan bapa kandung merangkumi 23.9 peratus; diikuti bapa tiri sebanyak 23 peratus; bapa saudara sebanyak 18.7 peratus; abang kandung sebanyak 12.5 peratus; sepupu sebanyak 7.2 peratus; abang ipar sebanyak 5.3 peratus; abang saudara sebanyak empat peratus; datuk sebanyak 1.6 peratus; dan datuk tiri sebanyak 1 peratus.

Menurut data yang dikumpulkan pihak PDRM, mereka yang melakukan penderaan seksual terhadap kanak-kanak termasuk juga kenalan keluarga, jiran, guru, anggota polis dan tentera, guru agama dan pelbagai lagi. Walaupun sejumlah 10,575 kes penderaan seksual melibatkan kanak-kanak telah dilaporkan di antara 2013 dan Julai 2016, namun dipercayai lebih banyak kes yang berlaku tidak pernah dilaporkan kepada pihak polis atas pelbagai alasan. Ada kes penderaan seksual kanak-kanak, laporan polis lambat atau langsung tidak dibuat kerana mangsa atau ahli keluarga mahu menjaga nama baik mereka.

Bagi kes yang melibatkan bapa atau bapa tiri, kemungkinan besar laporan polis tidak dibuat kerana mereka bimbang akan kehilangan sumber pendapatan apabila ketua keluarga dikenakan tindakan undang-undang.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan sebanyak 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak direkodkan daripada 2010 hingga 2015 dengan purata kes sebanyak 963 kes setiap tahun.

Menurut statistik PDRM pula, merekodkan 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mahram, 1,423 kes mencabul kehormatan dan 422 kes luar tabii yang melibatkan mangsa di bawah 18 tahun bagi tempoh 2015 dan 2016.

Merujuk kepada kes-kes di atas, ia tidak sepatutnya berlaku. Kita tidak harus membiarkan kanak-kanak terus dijadikan mangsa eksploitasi oleh pemangsa-pemangsa seksual. Bayangkan penderaan yang terpaksa ditanggung oleh mangsa apabila kepercayaan yang diberi oleh mereka dibalas dengan penderitaan seksual yang kesannya kekal sehingga akhir hayat. Kanak-kanak yang didera secara seksual akan merasa kehidupan mereka berbeza dengan kanak-kanak lain. Kanak-kanak tersebut akan mengalami emosi yang berbeza. Jika trauma yang dihadapi mangsa tidak ditangani dengan betul, mereka akan mengalami pelbagai simptom seperti kemurungan, kegelisahan, masalah tidur, tidak selera makan, ketakutan, sukar mempercayai orang lain serta kecenderungan menjadi pendera apabila mereka dewasa kelak.

Tahun lepas kita turut dikejutkan dengan laporan media asing yang mendedahkan penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia kebanyakan tidak berakhir dengan pendakwaan kerana kelemahan undang-undang jenayah negara. Turut didedahkan kebanyakan maklumat mengenai penderaan seksual kanak-kanak tidak diketahui umum kerana terletak di bawah Akta Rahsia Rasmi. Kesimpulannya, kanak-kanak merupakan 1/3 daripada populasi negara kita Malaysia iaitu 29.8 peratus. Justeru itu, jenayah seksual sangat serius dan keprihatinan serta sikap lebih waspada oleh ibu bapa, keluarga, masyarakat dan pihak penguat kuasa haruslah dititikberatkan dalam menangani hal ini.

Saya amat mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menubuhkan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa. Mahkamah yang dikendalikan oleh hakim-hakim yang pakar isu ini dan sebarang kes mestilah diselesaikan dalam tempoh setahun, diharapkan akan menjadi kenyataan. Malaysia belum mempunyai undang-undang spesifik berkenaan pornografi kanak-kanak atau eksploitasi kanak-kanak untuk penghasilan pornografi. Seseorang yang memiliki bahan pornografi kanak-kanak bukan merupakan satu jenayah di negara ini. Ini juga penting memandangkan pornografi kanak-kanak telah dikenal pasti antara penyumbang kepada pedofilia dan jenayah seksual kanak-kanak.

Diharapkan agar penggubalan undang-undang baru ini mampu menyelesaikan masalah jenayah seksual kanak-kanak, sekali gus merealisasikan hasrat negara ini bagi melihat negara ini yang lebih selamat dan aman untuk didiami. Undang-undang dan hukuman berat tidak akan memberi makna sekiranya kita sebagai anggota masyarakat tidak mahu melaksanakan tanggungjawab untuk membantu pihak yang berkuasa. Ketegasan kerajaan untuk tidak bertolak ansur dengan perbuatan

mengeksploitasi dan mendera kanak-kanak secara seksual diharapkan akan memberhentikan jenayah yang amat kejam ini.

Kanak-kanak perlu dihormati sebagai individu yang mempunyai hak-hak sama seperti orang dewasa untuk mendapatkan perlindungan daripada sebarang ancaman. Kanak-kanak perlu diajar tentang mengasihi dan menghormati diri mereka sendiri dan bahawa terdapat peraturan tertentu mengenai apa yang orang dewasa boleh lakukan terhadap diri mereka. Ia juga penting untuk menekankan kepada kanak-kanak ini terhadap sentuhan yang betul dan sentuhan yang salah. Dengan itu, saya menyokong sepenuh-penuhnya.

Kalau tadi Yang Berhormat Menteri bilang sokong *100 percent* Tuan Yang di-Pertua, saya sokong *100 percent* ke atas rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

5.58 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin menyentuh sedikit berkait dengan statistik kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Ini di mana mengikut statistik walaupun jenayah rogol, sumbang muhrim dan mencabul kehormatan terhadap kanak-kanak memang tidak menunjukkan bilangan yang menaik iaitu kalau statistik yang saya dapat, pada tahun 2016 terdapat 1,350 kes rogol kanak-kanak, 202 kes sumbang mahram dan 660 kes cabul kehormatan. Namun, suka saya membacakan di sini iaitu statistik kesalahan hubungan luar tabii yang melibatkan mangsa di bawah umur 18 tahun daripada 2013 sehingga 2016 menunjukkan trend peningkatan iaitu *trend* menaik.

■1800

Iaitu jika kita lihat pada tahun 2013 terdapat 129 kes. Pada tahun 2014 terdapat 138 kes dan 2015, 203 kes. Seterusnya meningkat pada tahun 2016 terdapat 219 kes. Ini adalah statistik berhubung kesalahan hubungan luar tabii yang melibatkan mangsa kanak-kanak. Jadi saya kira, penggubalan rang undang-undang ini adalah tepat pada masanya bagi memastikan peruntukan undang-undang yang lebih memenuhi keperluan semasa memandangkan keadaan mangsa kanak-kanak yang saya kira begitu *fragile* yang memerlukan perlindungan perundangan yang lebih baik.

Tambahan pula apabila pesalah-pesalah atau pun tertuduh adalah kalangan orang-orang yang rapat dan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kanak-kanak yang menjadi mangsa di mana mereka selayaknya menjadi pelindung kepada mangsa. Ini semuanya memerlukan pendekatan holistik bagi menangani jenayah seksual kanak-kanak. Ini kerana statistik membuktikan hukuman berat sememangnya tidak menjamin kesalahan-kesalahan tertentu ataupun mana-mana kesalahan berkurangan. Perundangan dan hukuman adalah salah satu langkah pembasmian kesalahan. Langkah-langkah lain berbentuk pencegahan hendaklah seiring. Hukuman adalah aspek terakhir dengan penekanan paling penting adalah aspek pencegahan.

Faktor-faktor penyumbang kepada perlakuan jenayah seksual kanak-kanak saya cadangkan hendaklah dikaji dan dirangka jalan penyelesaian terbaik. Paling penting adalah pembinaan sahsiah dan jati diri individu dan keluarga. Gejala sosial berleluasa dan penularan video-video seks, jenayah dan sebagainya adalah antara faktor penyumbang. Keadaan-keadaan ini memungkinkan punca peningkatan kes-kes jenayah seksual kanak-kanak dan memerlukan semua pihak menyediakan perancangan-perancangan serta pelan tindakan ke arah menyokong perkembangan kanak-kanak dan keluarga.

Hari ini maklumat adalah di hujung jari. Perlakuan seks yang tidak terjangkau akal fikiran waras boleh dicapai sekelip mata. Ia menjadi racun dan dadah dalam akal dan jiwa. Justeru, perundangan berkait komunikasi, media elektronik, media cetak hendaklah dikaji dan dipinda dengan tindakan tegas ke arah mengelakkan pengeluaran, pemilikan dan penyebaran bahan-bahan lucah yang tidak senonoh khususnya berkait dengan kanak-kanak.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit berkait dengan fasal 2- pemakaian. Fasal 2- pemakaian adalah satu seksyen yang sangat penting dan ia perlu jelas dan tepat tanpa sebarang kesamaran. Tambahan pula rang undang-undang ini tidak mempunyai suatu fasal khas untuk pentafsiran atau pun pendefinisian.

Fasal 21 memperuntukkan akta ini hendaklah terpakai bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun. Adakah peruntukan ini bermaksud rang undang-undang ini hanya terpakai bagi pesalah yang berumur di bawah 18 tahun? Atau yang dimaksudkan adalah mangsa hendaklah berumur 18 tahun ke bawah. Peruntukan fasal ini tidak spesifik sehingga boleh dibaca dengan kedua-dua wajah. Saya berpandangan fasal ini hendaklah ditambah baik dan perlu lebih jelas dan nyata kerana ia adalah persoalan induk fasal pemakaian.

Seterusnya berkait dengan fasal 12 berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak. Fasal 12(3) memperuntukkan seseorang tidak boleh disabitkan atas kesalahan di bawah seksyen ini jika komunikasi itu adalah bagi maksud pendidikan, sains atau perubatan. Apakah skop atau ruang lingkup pendidikan, sains atau perubatan yang dimaksudkan memandangkan pendidikan, sains dan perubatan mempunyai skop yang sangat luas.

Perlu ada definisi atau pun ilustrasi yang lebih jelas berkait maksud pendidikan, sains atau perubatan melalui fasal ini. Bagaimana jika orang-orang yang rapat dengan kanak-kanak seperti penjaga berkomunikasi dengan kanak-kanak kononnya atas dasar pendidikan. Macam mana kita membezakan niat mereka sama ada berniat baik untuk pendidikan atau sebaliknya? Ini kerana ramai di kalangan pesalah adalah di kalangan mereka yang mempunyai hubungan rapat malah hubungan kekeluargaan dengan mangsa.

Seterusnya yang terakhir, berkait dengan perkahwinan bawah umur dalam Islam. Saya kira isu ini perlu juga saya sentuh kerana isu ini telah disentuh dalam sesi Dewan Rakyat dan juga sekali lagi disentuh dalam Dewan sebentar tadi. Perkahwinan bawah umur adalah perkahwinan yang dibenarkan melalui Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri. Ini adalah satu mekanisme memastikan aspek keturunan dan maruah iaitu sebahagian daripada aspek *maqasid syariah* terjaga.

Perkahwinan di bawah umur bukan suatu keadaan yang boleh diguna pakai sewenang-wenangnya. Ia memerlukan kebenaran khas bertulis dalam hal keadaan tertentu oleh Hakim Syarie

dan ia mesti melalui satu perbicaraan khas. Perbicaraan khas dengan pasangan perempuan bawah umur adalah satu prosedur wajib bagi memastikan tiada sama sekali elemen paksaan serta beberapa faktor lain yang dipertimbangkan oleh hakim berdasarkan fakta dan merit bagi setiap kes.

Tentu sekali para Hakim Syarie turut melihat kemaslahatan dan juga kebajikan pasangan-pasangan tersebut bagi jangka pendek dan juga jangka panjang. Perkahwinan bawah umur di kalangan orang Islam adalah suatu isu agama. Ia dibenarkan dalam keadaan dan peraturan ketat yang amat dikawal rapi agar tidak disalah gunakan.

Kebimbangan yang berada di hadapan dan isu sebenar kita hari ini adalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang berleluasa, zalim dan tiada perikemanusiaan yang perlu ditangani secara objektif dan holistik tanpa menyentuh isu-isu hak keagamaan yang telah pun dikawal selia rapi dalam suatu sistem khas.

Dengan demikian, saya menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

6.07 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya satu ruang untuk berbahas dalam isu yang sepenting ini yang membabitkan masa depan. Saya juga ada anak Tuan Yang di-Pertua dan ini pastinya isu yang paling diutamakan oleh ibu bapa di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita bercakap ini sempat juga tadi saya tengok di laman web satu lama portal melaporkan adegan dua orang kanak-kanak bawah umur, studen berperlakuan seksual di dalam MRT. Bercium, bercumbuan dalam keadaan publik. Ini yang kita sebut tadi. Saya sokong apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Dalam kita bercakap di sini, di luar sana banyak kes sedang berlaku. Kita tidak tahu sama ada akan mengenai batang hidung kita sendiri atau pun tidak. *Nauzubillah.*

Akan tetapi, apa yang kita hendak sebut sekarang Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita pergi kepada rang undang-undang ini antara penyebab-penyebab berlakunya isu ini ialah keruntuhan moral institusi rumah tangga. Kita lihat sekarang macam mana ibu bapa apabila mereka bertelagah masalah perkahwinan dan sebagainya, anak-anaklah yang menjadi mangsa. Ini memberikan kecenderungan apabila ibu bapa khususnya ibu dia bekerja Tuan Yang di-Pertua. Dia balik rumah pukul lapan malam, sembilan malam baru sampai. Dia lupa hendak jenguk anak dia dan tanya apa yang anak dia lalui pada hari itu.

Ini antara salah satu faktor yang menyebabkan anak-anak ini diam, lesu dan tidak bercerita. Akhirnya kes-kes ini boleh kita lihat dalam satu skop yang besar yang akhirnya menjejaskan negara.

Saya juga hendak bawa perhatian semua tentang kes-kes ibu bapa yang pujuk dan rayu. Dalam rang undang-undang ini saya tengok kalau ada mana-mana individu yang orang kata merahsiakan kes-kes seperti ini daripada pengetahuan umum, boleh dikenakan denda RM5,000. Saya hendak minta kementerian tambah lagi. Tidak cukup RM5,000 Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana

berlaku saya sempat buka. Mungkin teman-teman saya daripada Peguam Negara baru tengok laman web yang dikongsi oleh Wardina, seorang artis. Dia mengumpulkan cerita-cerita penderaan seksual yang dialami oleh rata-ratanya individu-individu masih kecil waktu umur kecil yang diceritakan semula yang mana mereka ini sudah ada anak dua, sudah ada anak tiga.

■1810

Dia ceritakan kerana dia kata, inilah saluran yang dia ada untuk dia ceritakan pengalaman dia sebab waktu kecil dahulu bila dia cerita dengan mak dan ayah dia, dia beritahu, "*Mak, ayah tadi sentuh kawasan ini, kawasan itu*". Mak dia kata, "*Janganlah besar-besarkan perkara ini, diam-diam sudah. Malu dekat orang*".

Jadi bila kita kuatkuasakan undang-undang ini kalau denda itu tinggi ia boleh membantu individu-individu agar dia jangan lagi takut. Maknanya ibu dia pun sendiri pun kena fikir dua kalilah. Kalau dia hendak terus merahsiakan individu yang menjadi mangsa hendak laporkan, dia juga boleh dikenakan tindakan. Jadi ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa harus dinaikkan lagi agar menjadi satu ketakutan kepada mereka.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut soal laman web ini. Saya puji kerajaan sebab berjaya menyekat laman-laman sesawang yang menjerumuskan kepada masalah seksual ini. Saya semalam cuba *click* juga Tuan Yang di-Pertua sebab hendak bukti yang sah tetapi alhamdulillah bila tekan tidak keluar. Akan tetapi harus kita sedari kita ada laman *YouTube* dan anak-anak muda ini benda yang kita tak nak itulah yang dia cari. Dia buat lagi 3GP, dia sesama dia rakam kemudian sebar dalam aplikasi yang boleh ditonton oleh majoriti rakyat Malaysia.

YouTube ini Tuan Yang di-Pertua, anak saya umur tiga tahun dia pandai main *phone*. Bila buka *YouTube* ramai ibu bapa yang menyatakan kegusaran mereka, anak tekan *Upin & Ipin* keluar *Upin & Ipin*, Kak Ros dengan lelaki lain. *Upin & Ipin* ini Tuan Yang di-Pertua, dia animasi orang Melayu, kanak-kanak ini suka. Tidak kisahlah semua bangsa pun dia suka *Upin & Ipin*. Akan tetapi bila dia tekan itu keluar versi yang lain. Ini juga perlu dijadikan pemantauan oleh pihak kementerian agar *YouTube* ini juga kalau perlu diwujudkan aplikasi *YouTube Junior* yang mana meletakkan aplikasi itu hanya untuk kartun-kartun ataupun cerita-cerita yang dibenarkan dan tidak mengandungi unsur-unsur seksual dan sebagainya.

Saya hendak sebut juga tentang persekitaran, Tuan Yang di-Pertua. Saya baca, saya tengok antara faktor-faktor yang menjerumuskan isu masalah seksual ini yang pertama disebut sekolah, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pemantauan kementerian. Apa berlaku diceritakan oleh seorang individu. Dia kata waktu itu dia Darjah 6 masuk kelas Sains. Cikgu dia ini memang suka guna perkataan-perkataan kesat. Kemudian, kalau kesat itu merujuk kepada perkara macam orang kata yang tidak bersifat seksual, tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi ini dia gunakan perkataan-perkataan kesat bersifat seksual.

Apa berlaku, budak ini balik dia beritahu mak dia, mak dia datang sekolah lapor kepada pengetua dan pengetua kata dengan jasa baik puan kami minta agar kes ini tidak dipanjangkan. Apa berlaku dengan guru ini? Dia tidak langsung diheret ke muka undang-undang, dia hanya dipindahkan sekolah.

Saya hendak berkongsi 2013 di Bekor, Kuala Kangsar, Perak. Itu kes yang saya ambil Tuan Yang di-Pertua melibatkan dua orang anak-anak kecil darjah empat dan darjah tiga. Dia bukan sahaja menjadi mangsa seksual yang biasa tetapi kritikal oleh gurunya sendiri. Bila kita turun dengan pihak kementerian- kalau hendakkan butiran kita boleh bagi. Bila kita turun kepada sekolah, sekolah kata, “*You tidak ada bukti you tidak boleh. Cakap-cakap budak-budak ini dia budak-budak apa dia tahu*”.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kami terpaksa mengambil jalan yang paling akhir bukan guru itu yang kena undang-undang, kanak-kanak ini yang terpaksa kami pindahkan sekolah untuk menjamin keselamatannya. Oleh sebab dia mak dan ayah dia bercerai, lari dua-dua orang dan dia tinggal dengan nenek dia. Ini Tuan Yang di-Pertua, itu sebab saya kata dalam isu persekolahan juga harus dinilai dan dilihat semula. Banyak kes sebenarnya yang dilaporkan di mana guru-guru ini menjadi sumber untuk perlakuan seks itu berlaku di sekolah.

Perkara kedua saya hendak sebut ialah tempat awam, Tuan Yang di-Pertua. Pergi ke Ipoh dahulu ada Dataran KTMB, dataran kereta api, Tuan Yang di-Pertua. Dahulu di situ semak-samun, Tuan Yang di-Pertua. Saya kalau balik daripada sekolah perpustakaan awam itu mesti saya lalu di hadapan itu. Pernah berlaku dilaporkan orang sakit ini, saya panggil orang sakitlah, berbogel duduk dalam semak, dia tunggu budak-budak lalu dia sergah. Dia sergah dalam keadaan dia tidak pakai baju, dalam keadaan dia tengah terangsang dia sergah. Bila kita waktu itu menjerit, ini apa yang kita lalui sendiri. Waktu itu bila kita menjerit adalah pondok polis yang berhampiran, polis tidak adapun dalam pondok itu, Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab saya kata bila pemantauan itu tidak ada akhirnya benda-benda begini berleluasa. Implikasinya, keadaan waktu itu bukan sahaja menyebabkan dua orang, tiga orang terkesan tetapi majoriti.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, pusat asuhan. Kita dengar banyak kes-kes anak-anak kecil yang dihantar ke pusat asuhan menjadi mangsa kerakusan suami-suami pengasuh itu sendiri. Oleh sebab itu saya nyatakan hari ini minta pihak kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengklasifikasikan pusat-pusat asuhan berdaftar ini, Tuan Yang di-Pertua. Keluarkan satu plak tampalkan di pusat asuhan, inilah pusat asuhan berdaftar di bawah kementerian agar ibu bapa yang hendak hantar anak dia itu, dia tahu bahawa pusat itu diselua sepenuhnya oleh kementerian. Makanya peluang untuk berlaku jenayah seksual itu boleh dikurangkan.

Saya hendak masuk yang kelima, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum terlupa, Tuan Yang di-Pertua rumah juga. Macam tadi Yang Berhormat Menteri sebut sudah ramai juga sebut rumah. Mak pergi tinggal kerja atas dasar percaya pada abang dan adik. Dia balik rumah tengok anak perempuan dia sudah hilang dara. Oleh sebab keadaan sosial di luar ini Tuan Yang di-Pertua saya boleh sebut amat membimbangkan. Pengaruh-pengaruh itu cukup besar dan akhirnya ini kembali kepada institusi rumah itu sendiri.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, drama, filem dan iklan. Tuan Yang di-Pertua, boleh *search* banyak iklan yang menggunakan *double meaning* sebagai pengantara mereka menjualkan produk-produk. Ini Tuan Yang di-Pertua, hendak laku produk guna *double meaning*, yang tengok anak-anak kita dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun. Dia pun tanya, “*Mak apa maksud itu?*” Kita pun hendak cakap macam mana? Jadi ini juga perlu pemantauan daripada pihak kementerian agar iklan-

iklan yang menggunakan *double meaning* ini disekat daripada disebarkan. Kalau dia tak nak akur, gunalah cara sendiri untuk promosi produk, sebab ini akhirnya kesan itu kepada anak-anak kita di luar sana.

Saya juga hendak masuk Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak sedikit sahaja lagi tentang *cyber cafe*. Kita maklum atau tidak maklum Tuan Yang di-Pertua, dia balik rumah hendak buka laman sesawang seksual tidak boleh. Dia hendak buka dari segi lain tidak boleh. Akhirnya di mana dia mengunjungi *cyber-cyber cafe*.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, *cyber-cyber cafe* ini adalah tempat paling mudah untuk akses benda-benda macam ini. Dia klik, mesti keluar sebab dalam *cyber cafe* dia ada komputer yang memang diprogramkan untuk perkara-perkara seperti itu. Pernah berlaku *viral* CCTV seorang budak umur lima tahun sedang beronani dalam *cyber cafe*. Saya terpaksa sebut ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini memberikan satu implikasi kepada kita bahawa generasi kita di luar sana dalam keadaan yang cukup tenat akibat daripada kebebasan kita dalam isu ini.

Oleh sebab itu saya kata sudah sampai masanya kita cepatkan rang undang-undang ini hari ini untuk kita tangkap orang-orang sakit ini Tuan Yang di-Pertua dan mereka kena dengan setimpal dengan perbuatan mereka.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada empat soalan iaitu yang pertama, apakah cara pemulihan yang dibuat kepada pesalah-pesalah seksual ini yang telah dipenjarakan atas kesalahan seksual, cara dan mekanisme agar mereka ini tidak mengulangi. Maksud saya, dia masuk penjara, apa yang kita buat dalam penjara untuk pastikan bila dia keluar nanti dia tidak mengulanginya lagi. Berapa kes yang melibatkan individu-individu yang masuk penjara, kita tarbiah pun macam mana, dia keluar dia buat lagi. Maksudnya kesalahan berulang-ulang. Saya hendak tahu berapa kes, Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, dalam jawatankuasa khas yang Perdana Menteri umumkan itu saya hendak tahu adakah keanggotaan itu melibatkan agamawan maksudnya bukan sahaja di kalangan ulama, ustaz dan sebagainya tetapi meliputi semua bangsa. Maknanya, sebab isu ini bukan isu orang Islam sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini isu kita semua.

Keempat, saya tidak tahu sama ada ini ada tetapi saya minta penjelasan. Persatuan Peguam Wanita memaklumkan bahawa di Malaysia ini kita tidak ada khidmat sokongan mangsa. Jadi saya minta penjelasan daripada Jabatan Peguam Negara dan kementerian ada atau tidak kita ini pusat sokongan. Oleh sebab di Malaysia kita ada pusat sokongan kepada yang merogol ataupun melakukan kesalahan tetapi dimaklumkan kepada saya di Malaysia kita tidak ada khidmat sokongan mangsa, ini tidak ada. Ini tidak ada jadi saya mintalah penjelasan daripada pihak kementerian.

■1820

Saya kira cukup setakat itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid, silakan.

6.20 ptg.

Tuan Isa bin Ab. Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak.

Kesalahan seksual kanak-kanak terhadap masyarakat Orang Asli agak terpendil dan tersembunyi kerana perkara-perkara begini agak jauh di pedalaman. Tetapi saya melihat dalam perbahasan ini ialah tentang perkahwinan bawah umur terhadap masyarakat Orang Asli. Perkahwinan bawah umur ini juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Chandra, dan Yang Berhormat Khairiah.

Perkahwinan bawah umur ini juga disebabkan masalah kekurangan pengetahuan dan kefahaman masyarakat Orang Asli terhadap kesalahan-kesalahan seksual kanak-kanak. Faktor keterdesakan hidup, ibu bapa hendak melepaskan tanggungjawab anak-anak perempuan kepada orang lain merupakan faktor-faktor menjadi kesalahan perkahwinan bawah umur. Mungkin dulu kita tidak kisah, masyarakat Orang Asli tidak kisah tentang perkahwinan bawah umur ini kerana pengaruh adat dan budaya masyarakat Orang Asli di pedalaman tetapi kini kanak-kanak di bawah umur perlu diberi ruang pembelajaran, pendidikan yang sepenuhnya kerana kanak-kanak masyarakat Orang Asli yang jauh di pedalaman tidak ada peluang lain dalam mengubah hidup dan masa depan kecuali melalui pendidikan.

Dicadangkan di sini supaya pihak kerajaan dan JAKOA untuk memantau dan memberi pendedahan, pengetahuan juga kefahaman kepada Tok-tok Batin dan JKK tentang larangan ataupun kesalahan-kesalahan perkahwinan bawah umur. Tok Batin dan JKK dan juga tok adat boleh didakwa jika mengahwini atau menjalankan upacara pernikahan di bawah umur yang tidak sepatutnya.

Saya telah menjumpai satu kes pada tahun 2014, seorang ibu tunggal Orang Asli berumur 14 tahun yang sedang mengandung tujuh bulan ke lapan bulan. Bayangkan, mungkin perkahwinannya di bawah umur 13 tahun. Jika perkara ini dilihat, betapa seriusnya perkahwinan bawah umur dalam masyarakat Orang Asli walaupun dalam pengaruh adat dan budaya yang mana ini dibenarkan.

Perkahwinan bawah umur ini sering terjadi juga melibatkan dengan warga asing. Dalam masyarakat Orang Asli, dalam Akta 134, seksyen 3(1)(c) mentakrifkan tentang Orang Asli. Anak-anak Orang Asli daripada mana-mana penyatuan antara perempuan Orang Asli dengan lelaki daripada kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap dan berbahasa serta budaya dalam masyarakat Orang Asli, maka ia masih menjadi anggota suatu masyarakat. Namun di sini, perkahwinan itu kebanyakan melibatkan buruh asing ataupun PATI.

Kita perlu mencari punca utama kesalahan seksual kanak-kanak pada hari ini yang merangkumi pelbagai masyarakat. Antaranya ialah keruntuhan sistem keluarga, kesalahan sumbang di kalangan ibu bapa dan anak-anak, budaya memiliki video lucah, e-mel lucah dalam keluarga yang disimpan di dalam rumah, tiada dan kurangnya roh keluarga bahagia, tiadanya solat jemaah, makan berjemaah, malah gaya hidup yang terlalu nafsu nafsi dalam budaya hari ini. Pengaruh media sosial, keadaan hidup yang mengejar kepada materialistik, ibu bapa yang saling curang mencurangi, anak yang terbiar dalam perpecahan keluarga, pelarian seksual dan gangguan seksual telah menyebabkan kesalahan-kesalahan seksual ini bertambah hari demi hari.

Keruntuhan sistem masyarakat juga mempengaruhi perkara ini. Istilah, “*jangan jaga tepi kain orang*” menjadikan masyarakat terlalu nafsi. Masyarakat kurang prihatin dengan nilai bermasyarakat terutamanya masyarakat timur dan masyarakat Melayu. Jiran tetangga tidak saling mengenali. Hanya bertegur sapa sekali sekala. Dahulunya, masyarakat kita, adik-beradik, anak-beranak boleh tegur-menegur, saling betul membetulkan kesilapan dan kesalahan. Kini, masyarakat kita terlalu hipokrit dan terlalu ber*selfie*, maka menghidupkan kita budaya *selfish*. Anak-anak, adik-beradik, saudara mara tak dapat ditegur, dilarang, lagi-lagilah kita dalam keluarga hari ini, perkara ini semakin terhakis.

Ketiga, keruntuhan nilai budaya. Tiada roh agama dalam masyarakat, amalan solat berjemaah yang saya katakan tadi, tiadanya hidup sunah seperti budaya makan bersama, pengasingan bilik anak lelaki dan perempuan, batas aurat anak lelaki dan anak perempuan. Perkara ini semakin kurang ditekankan.

Walaupun kita akan memperkasakan Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak yakni merupakan tanggungjawab dan komitmen Kerajaan Barisan Nasional terhadap negara kita tetapi yang pentingnya ialah memperkukuhkan dan memperkasakan nilai keagamaan, nilai kekeluargaan, nilai kemasyarakatan yang hendaklah sentiasa diamalkan sebagai cara hidup yang harmoni.

Kehidupan yang dibajai dengan kasih sayang dan tanggungjawab ibu bapa akan membentuk keluarga yang terjamin, selamat daripada ancaman luar dan ancaman dalam yang ingin merosakkan sistem sebuah keluarga. Justeru itu, disarankan kita memperkukuhkan kehidupan dengan nilai agama dan mencontohi kehidupan Nabi Muhammad SAW dengan mengikuti sunah-sunah nabi. Semoga kita dapat menghindari kesalahan-kesalahan seksual dalam diri kita, anak-anak dan keluarga kita.

Akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, silakan.

6.26 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Dalam Fasal 10 akta yang digubal ini, kerajaan menggunakan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan denda tidak melebihi RM10,000 dilihat tidak membantu keseriusan kita membendung perlakuan seksual terhadap kanak-kanak. Ini kerana takrifan kanak-kanak adalah di bawah 18 tahun dan masalah aktiviti seksual remaja berumur di antara 13 hingga 17 tahun merupakan masalah utama negara. Punca utama masalah sosial dan jenayah sosial ini adalah berpunca daripada kebanjiran bahan-bahan pornografi remaja di dalam media elektronik dan menjadi tumpuan kanak-kanak mengakses bahan pornografi ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha *CyberSecurity* dan SKMM menyekat laman-laman sesawang pornografi kanak-kanak tetapi sumbernya kini lebih parah apabila bahan ini dikongsi *viral* melalui aplikasi *WhatsApp*. Saya mendapat makluman, kebanyakan bahan porno kanak-kanak diperoleh apabila pelajar remaja mengambil gambar lucah rakannya sendiri dan berkongsi secara *viral* di *WhatsApp*. Isu ini sering kali berlaku apabila pelajar membawa *smartphone* ke sekolah. Sekarang ini pelajar dibenarkan membawa *gadget*, membawa tablet, *smartphone* yang semestinya mempunyai kamera dan mempunyai *prepaid* talian *cellular* yang mempunyai khidmat data jalur lebar. Justeru, banyaklah aksi terlarang pelajar dirakam. Jadi sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, *smartphone*, *gadget* ini sepatutnya diharamkan.

Oleh itu, dalam usaha membendung sepenuhnya isu ini, kita mohon penjelasan kerajaan bagaimana kita mencegah sumber pornografi kanak-kanak tempatan meliputi:

- (i) sekolah berasrama penuh ataupun sekolah harian;
- (ii) pusat jagaan kanak-kanak; dan
- (iii) pusat-pusat rekreasi ataupun institusi awam.

Oleh itu, marilah kita sama-sama tak kira fahaman politik seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Sri Azalina tadi, kita bekerjasama membanteras jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini kerana sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, kita tidak mahu zuriat keturunan kita yang kita hendak tinggal sebagai pelapis di negara nanti adalah zuriat yang lemah dan daif. Sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Hendaklah kita takut kepada Allah. Kita tinggalkan zuriat keturunan yang lemah.

■1830

Jadi sekian. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

6.31 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi saya peluang sebelum pukul 8 malam kerana pukul 8 malam saya kena menghadiri mesyuarat MT. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya patut mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang mengambil langkah yang serius untuk membanteras isu-isu yang telah kita bincangkan sejak pagi tadi iaitu kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Kita telah mendengar daripada hujah-hujah daripada sahabat-sahabat tadi memang dari segi statistik memang banyak kes ini berlaku.

Akan tetapi saya rasa yang kita tahu, yang kita tidak tahu saya merasakan adalah lebih banyak, apatah lagi kes-kes yang tidak dilaporkan seperti yang diterangkan tadi kes-kes di mana sesetengah jenayah seksual itu dilakukan oleh ahli keluarga ataupun kenalan mangsa sendiri. Sudah pasti mangsa merasa takut. Risau untuk melaporkan kejadian ini kepada keluarga ataupun kepada pihak polis.

Bagaimana pula kes-kes yang berkaitan dengan Romeo Juliet yang dikatakan pada pagi tadi dan kita telah mendengar hujah-hujah daripada beberapa Ahli Yang Berhormat. Pandangan-

pandangan mereka bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini melalui juga membenarkan mereka berkahwin sesama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mencadangkan supaya perkara ini dibuat sesuka hati tetapi dalam pengalaman kita sendiri kalau kita lihat dalam 30 tahun 40 tahun yang lepas, di kampung-kampung, perkara ini agak kerap juga berlaku di mana budak-budak yang muda di bawah umur bercinta dan di kampung biasalah di dalam semak di belakang rumah, mereka lakukan perkara ini dan akhirnya mereka ditangkap basah. Ditangkap basah pada masa itu dan dengan persetujuan ibu bapa, mereka berkahwin dengan kedua-duanya adalah di bawah umur dan banyak juga kes mereka mempunyai rumah tangga yang bahagia.

Saya mencadangkan ini juga kes yang perlu kita lihat secara serius iaitu pihak kerajaan kena menubuhkan satu *taskforce* meneliti kembali *pros and con*. Memang ada baik dan ada tidak baiknya tetapi dalam kes-kes tertentu yang melibatkan pasangan Romeo Juliet yang mana mereka sama-sama berkenalan, bukan kes paksa ataupun rogol. Itu lain. Ini yang suka sama suka yang melibatkan nama baik ibu bapa dan masyarakat dan juga melibatkan masa hadapan kanak-kanak yang terlibat walaupun mereka di bawah umur. Ini juga patut kita lihat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya cukup bimbang juga dari segi kes-kes yang berlaku terhadap kanak-kanak kelainan upaya. Kanak-kanak istimewa kerana kanak-kanak ini saya pun tidak pasti bagaimana mereka dapat melaporkan perkara ini dan bagaimana pula dengan prosedur untuk mangsa memberi keterangan kerana kebiasaannya kanak-kanak istimewa ini sukar untuk menerangkan kepada kita tentang apa yang berlaku terhadap mereka dan sudah pasti hasilnya, mereka akan menghadapi kesan dari segi fizikal malahan mental. Mental mereka akan terganggu impak daripada jenayah seksual itu.

Tadi saya mendengar kita mencadangkan supaya hukuman terhadap pelaku jenayah dilaksanakan tetapi saya juga rasa kita perlu melihat dari segi aspek pemulihan iaitu aspek pemulihan diri mangsa agar mereka boleh pulih dan menjalani hidup seperti biasa seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Aishah tadi sama ada kita ada satu bentuk langkah mewujudkan institusi-institusi tertentu, institusi khas untuk diberi peluang kepada mangsa ini supaya mereka boleh menjalani proses pemulihan. Sama ada perkara ini ada atau tidak ada, pada saya kita kena melihat secara serius iaitu kanak-kanak yang terlibat dalam kes ini sudah pasti wajib dibantu. Wajib dibantu agar mereka dapat kembali hidup seperti manusia biasa seperti rakan-rakan mereka di luar sana.

Maka dengan itu saya katakan tadi kalau belum ada, saya ingin mencadangkan agar program pemulihan kepada mangsa perilaku penjenayah seksual ini dijalankan oleh pihak kerajaan sebagai usaha memantau dan memberi perhatian agar mereka tidak berasa seperti diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diterangkan juga oleh rakan-rakan saya tadi pada hari ini, kemajuan teknologi bergerak cukup laju di negara kita. Penggunaan media sosial, *WhatsApp*, *Telegram*, *Wechat*, *Facebook*, *Instagram* menjadi satu keperluan kepada kita. Ini satu perkara yang tidak boleh kita tahan, tidak boleh kita elak dan kita faham ada kala kita pun tidak mahu memberikan *gadget* ini kepada anak-anak kita tetapi ia merupakan satu trend. Ini juga kita kena lihat secara serius

apakah langkah-langkah yang patut kita lakukan. Namun begitu, saya rasa buat sementara waktu, kemudahan media sosial ini patut kita kawal kerana kemudahan ini telah disalahgunakan oleh sesetengah pihak sebagai modus operandi mereka dalam jenayah seksual kanak-kanak ini. Jenayah seksual alaf baru dilihat lebih berbahaya kerana pelaku boleh berhubung secara terus kepada kanak-kanak pengguna media sosial ini.

Maka oleh itu, saya turut juga mencadangkan agar satu pasukan khas yang terdiri daripada PDRM, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta pakar teknologi dan media sosial ditubuhkan untuk memantau segala aktiviti jenayah berselindung di sebalik media sosial agar kadar jenayah di negara kita dapat dikurangkan. Dalam masa yang sama, saya juga menyeru agar pihak-pihak yang terlibat termasuk NGO-NGO sosial dapat menyumbang dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya penyalahgunaan media sosial khususnya di kalangan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha dalam menambah baik pelaksanaan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 ini, saya ingin memberi cadangan agar setiap pelaku jenayah seksual sebaik sahaja tamat menjalani hukuman, mereka perlu diletakkan di bawah pengawasan oleh pihak PDRM dalam satu tempoh tertentu. Hal ini bagi memastikan pelaku ini betul-betul selamat untuk bergaul dengan masyarakat setempat. Dalam masa yang sama, mereka juga tidak dibenarkan untuk menghampiri kawasan yang ramai kanak-kanak seperti sekolah, taman-taman permainan dan taska sehingga laporan daripada pihak PDRM dan masyarakat setempat menunjukkan bahawa mereka sudah berubah seterusnya tidak mengulangi jenayah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai penutup, sekali lagi saya ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia untuk bersatu dalam membanteras jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini dan saya juga patut mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada pihak kerajaan yang begitu mementingkan kebajikan seluruh rakyat Malaysia. Saya yakin kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berupaya membawa negara kita ke arah kemajuan dari aspek pembangunan mahupun sosial supaya Malaysia akan duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia.

Oleh yang demikian, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md. Nordin.

6.39 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas usaha untuk menggubal undang-undang yang saya kira agak komprehensif dalam melindungi anak-anak dan kanak-kanak yang tidak berdosa ini daripada diperlakukan satu perbuatan yang terkutuk yang kita rasa salah satu daripada masalah mental masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara yang saya hendak bahaskan sebenarnya telah pun disebutkan banyak oleh rakan-rakan Senator di dalam Dewan yang mulia ini. Cuma satu yang saya hendak kemukakan, tentang langkah-langkah yang akan digunakan oleh kerajaan bagi mengenal pasti ibu bapa yang cuba menyembunyikan kes-kes jenayah selain daripada melalui penarikan laporan polis. Ini kerana beberapa minggu yang lalu sebagaimana yang telah pernah saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini, saya pernah melawat satu rumah. Rumah yang di kenali sebagai Rumah Kita, yang merupakan satu pusat perlindungan remaja dan kanak-kanak yang mengandungi dan juga melahirkan anak yang statusnya tidak sah.

Di dalam lawatan saya pada ketika itu, saya berjumpa dan berbual dengan beberapa penghuni di situ yang ada kes yang mana pelajar berumur 16 tahun mengandungi kerana pada ketika itu dia baru main, balik daripada sekolah sukan. Dia tumpang rumah kawan dia untuk berehat, kemudian telah diletakkan dadah di dalam minumannya dan dia tak sedar. Dia tak tahu pun dia *pregnant*, dia tidak tahu pun dia mengandungi sehinggalah usia kandungannya berumur lima bulan, apabila dia merasakan, dia kata, dia cakap dengan emak dia, sebab dia kata kenapa dia gemuk. Kenapa dia rasakan sebab seorang ahli sukan, kenapa dia gemuk tetapi apabila dia pergi doktor, pergi *check*, disahkan mengandungi. Akan tetapi apa yang saya hendak katakan tadi, emaknya tidak mahu membuat laporan polis. Sebab apa, satu, anaknya mengandungi.

Lagi satu cerita, satu lagi kes, apabila saya berjumpa seorang remaja yang berusia 17 tahun yang juga dirogol oleh bapa kandungnya sendiri. Ini berlaku, kes ini di Pantai Timur, di salah satu negeri di Pantai Timur yang mana dia dirogol oleh bapanya beberapa kali. Apabila dia beritahu kepada emaknya, emak dia tak nak mengaku. Emak dia menidakkan walaupun sudah mengandungi. Akan tetapi walaupun dia tahu, bukan menidakkan. Dia tahu, dia menidakkan tidak mahu membuat laporan polis. Sebab apa, sebab itu bapa kandung, kerana mungkin sayangkan kah ataupun sebagainya.

Kalau tadi Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah ada mengatakan bahawa sama ada adakah satu institusi yang melindungi remaja ataupun kes-kes sebegini. Saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan sama ada adakah satu langkah untuk mengenal pasti ataupun langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah atau kes-kes yang tidak dilaporkan? Maksudnya, ibu yang menyembunyikan yang sehingga sudah berlaku pun tak nak melaporkan. Dah lapor pun tarik balik laporan polis dan sebagainya. Saya rasa itu sahaja dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, kepada Yang Berhormat Menteri di atas saya kira satu akta yang cukup komprehensif, *task force* yang telah bertungkus-lumus di dalam mewujudkan satu akta ini bagi melindungi anak-anak. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin dan saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Sila.

6.44 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan kepimpinan negara, khususnya kerajaan amnya yang telah mengambil berat terhadap masalah kesalahan seksual kanak-kanak yang begitu membimbangkan dan perlu ditangani segera.

Daripada statistik PDRM, begitu jelas ramai kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada kes jenayah seksual ini. Dari tahun 2014 sehingga tahun 2016 sahaja, seramai 7,000 lebih kanak-kanak terlibat menjadi mangsa seksual ini. Begitu juga kes kesalahan rogol sehingga melebihi 4,000 kes dan kes mencabul kehormatan kanak-kanak sehingga melebihi 2,000 kes. Oleh itu, langkah kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini adalah tindakan yang tepat dan wajar dan penting bagi menjaga dan melindungi generasi masa depan. Akta yang dicadangkan ini adalah penting untuk menangani keseriusan kesalahan seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak. Malah akta ini juga menyediakan peruntukan perlindungan yang lebih baik bagi kanak-kanak dari segi kepentingan kebajikan kanak-kanak serta mengadakan pencegahan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 2 yang memperuntukkan bahawa akta yang dicadangkan ini terpakai kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Seksyen 2(1) menyatakan dengan jelas bahawa akta ini terpakai kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.

Saya ingin mendapat penjelasan lanjut tentang penetapan umur yang berbeza dengan para 376(2)(d) Kanun Keseksaan iaitu umur kerelaan yang menyatakan 16 tahun ke atas. Apakah implikasi kepada peruntukan seksyen 2(1) bagi akta yang dicadangkan ini? Berhubung dengan umur ini juga saya ingin menarik perhatian kepada seksyen 21, berhubung dengan anggapan umur sebagai pembelaan di bawah akta ini dengan mempercayai mangsa berumur 18 tahun dan ke atas tidak boleh dijadikan pembelaan. Peruntukan ini adalah penting bagi memastikan tertuduh tidak mempunyai ruang untuk membela diri berdasarkan mangsa dianggap melebihi 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh fasal 3 berhubung dengan peruntukan luar Wilayah akta yang dicadangkan ini. Seksyen 3 menyatakan warga negara Malaysia yang melakukan kesalahan terhadap kanak-kanak di luar Malaysia boleh didakwa bagaikan kesalahan tersebut dilakukan di dalam Malaysia. Peruntukan ini amat penting bagi memastikan semua yang melakukan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak sama ada di dalam atau pun di luar negara tidak akan terlepas daripada didakwa. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi mendapatkan kerjasama dari luar negara untuk mengheret mereka yang melakukan kesalahan di luar negara ini?

Akhirnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan Bahagian II mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pornografi kanak-kanak meliputi fasal 4 hingga fasal 10 yang jelas menunjukkan kegiatan pornografi menjadi ancaman kepada kanak-kanak sekarang ini, di mana

kebanyakan negara mengharamkan pornografi kanak-kanak dan mereka yang terlibat boleh menerima hukuman yang berat di hampir kesemua negara barat. Akta yang dicadangkan ini merangkumi seksyen 4 hingga seksyen 11 bagi kesalahan berhubung dengan pornografi kanak-kanak.

Kesalahan membuat, menghasil, mengarah atau penghasilan dan sebagainya tentang berkaitan pornografi begitu mencakupi pelbagai aspek, termasuk juga penerbitan, akses dan penjualan pornografi kanak-kanak. Saya ingin mendapatkan maklum balas kerajaan, bilangan kes pornografi kanak-kanak bagi tempoh 2013 sehingga 2016, termasuklah dari segi penerbitan, pengedaran dan penjualan serta penyimpanan. Apakah langkah kerajaan bagi menyekat kegiatan pornografi kanak-kanak yang disebarkan melalui internet dan media sosial ini? Sejauh manakah keseriusan pornografi kanak-kanak di negara kita ini?

■1850

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini juga memberikan tanggungjawab kepada setiap individu sama ada pengarah, pengurus, setiausaha dan pegawai pertubuhan perbadanan yang secara cuai telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan akta yang dicadangkan ini. Saya sangat memuji langkah kerajaan yang memperuntukkan kesalahan di bawah seksyen 11 akta yang dicadangkan ini bagi memastikan setiap individu yang bertugas dengan pertubuhan perbadanan supaya tidak terlibat dengan pornografi kanak-kanak ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan rang undang-undang ini bagi menghalang dan menangani kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak termasuklah menangani kes pedofilia.

Saya yakin, rang undang-undang ini adalah langkah yang tepat sebagai pencegahan dan hukuman yang berat kepada pelaku jenayah seksual kanak-kanak. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara yang menyediakan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Mat Yasin.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Dipersilakan.

6.51 ptg.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberikan ruang dan peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 bagi menangani kes membabitkan jenayah seksual terhadap golongan ini di negara ini. Sebelum itu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada isteri Perdana Menteri Yang Berbahagia Datuk Seri Hajah Rosmah binti Mansor sebagai penaung PERMATA yang berjaya menganjurkan Seminar Kebangsaan Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan! pada 13 dan 14 Mac yang lalu walaupun banyak pihak-pihak yang membuat tohmahan sebelum ini.

Begitu juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah menunjukkan keprihatinan kerajaan bagi mewujudkan Mahkamah Jenayah Khas untuk kanak-kanak bagi melindungi golongan kanak-kanak hasil daripada seminar yang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak adalah generasi masa depan negara, mereka bagaikan permata yang dilahirkan bagi menyinari kehidupan sebuah keluarga. Akan tetapi malangnya dari semasa ke semasa kita terus menyaksikan bagaimana ada kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual. Dalam usia yang masih mentah, dan tidak mengerti apa-apa mereka terpaksa melalui satu pengalaman yang cukup mengerikan.

Oleh itu saya berpendapat rang undang-undang ini diwujudkan tepat pada masanya kerana kita tidak boleh selama-lamanya membiarkan ada kanak-kanak ini menjadi mangsa jenayah tersebut. Dalam memperkatakan perkara ini, selain pelakunya diheret ke mahkamah saya juga mencadangkan supaya peruntukan hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas pelaku-pelaku jenayah iaitu termasuklah mereka yang bersubahat.

Bagi saya sekadar hukuman denda sahaja tidak mencukupi. Sebaliknya pelaku dan mereka yang bersubahat perlu dikenakan hukuman penjara supaya ia memberikan pengajaran kepada orang lain supaya tidak melakukan jenayah yang boleh dianggap tidak bertamadun itu. Kepada yang melakukan jenayah ini, suka saya cadangkan pada pihak kerajaan kalau boleh dikasikan.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: *[Menyampuk]*

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Kenapa itu Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin?

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Sokong, sokong.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Kalau boleh dikasikan yang lelakinya tetapi yang perempuan tidak tahu Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Ada idea macam mana hendak buat?

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Ini saya kalau kasi saya bagi. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Saya bersetujulah dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff supaya dikasi ini, tetapi yang perempuan saya ingat saya pun tidak boleh fikir, kita minta Yang Berhormat Menteri nanti berikan ulasan. Yang Berhormat Menteri masuk *just on time*. Jadi boleh kita minta Yang Berhormat Menteri bagi satu pandangan tetapi yang bab kasi Tuan Yang di-Pertua, memang patutlah. Kalau tidak, dia akan buat berterusan-berterusan, cuma difikirkan takut nanti orang yang tidak buat didapati bersalah selepas itu sudah dikasi kesian dia macam mana hendak dipulihkan balik? Yang ini kita kena ambil kira juga. Pandangan saya untuk dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Datuk. Terima kasih.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Yang dikasi ini mestilah dipastikan betul-betul salah. Jangan tidak dipastikan dan dikasikan, sudah tidak boleh buat apa-apa pula. Kena pastikan benar-benar salah kerana perkara ini kalau kita tidak ada undang-undang, kalau ia tidak dilihat menakutkan ataupun tegas perkara ini akan sentiasa berlaku daripada semasa ke semasa. Apa yang mendukacitakan saya ada kes yang melibatkan kematian. Saya berpendapat dalam kes seumpama

ini mereka yang terlibat bukan sahaja perlu dihadapkan ke mahkamah dikasikan dan juga dibawa ke Mahkamah Syariah kerana sudah sah pasangan itu melakukan kesalahan dari segi syariah apabila bersekedudukan.

Dalam usaha memastikan pelaksanaan undang-undang ini berkesan dan benar-benar mampu melindungi kanak-kanak, saya mencadangkan agar pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar lebih agresif untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat. Ini termasuklah mengadakan program-program di kawasan luar bandar dan di semua peringkat dengan agresif supaya mereka ini dapat tahu apa yang berlaku dan mereka tahu apakah dia undang-undang yang telah pun kita bentangkan ini.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan beberapa perkara di dalam ucapan awalan saya sebelum ini berkaitan dengan *Apps Bigo* tetapi jawapan yang diberikan saya sebenarnya tidak berapa setuju. Hal ini kerana, *Apps Bigo* ini terdedah dengan kaedah-kaedah yang kita bincangkan ini dia begitu terdedah. Kanak-kanak pergi ke sekolah bawa telefon yang ada kamera. Kalau hendak bawa telefon pun pastikan telefon itu tidak ada kamera sekadar boleh telefon. Ini kerana di sekolah itu berbagai-bagai peristiwa berlaku. *Apps Bigo* satu *apps* yang boleh *encourage* budak-budak ini untuk pergi lebih jauh dari segi soal-soal yang tidak ada moral itu.

Akan tetapi, jawapan yang diberi seolah-olah saya dilihat sebagai tidak setuju dengan apa yang ada, itu media sosial. Saya bukan persoalkan media sosial. Saya mempersoalkan tentang *Apps Bigo* itu begitu bahaya untuk kita dan juga kepada kanak-kanak. Saya juga menceritakan tentang kerapuhan sistem kekeluargaan semuanya adalah antara punca-punca awalan yang mana kita lihat hari ini berbagai-bagai perkara berlaku. Jadi saya pada masa yang sama, kempen-kempen di peringkat sekolah rendah dan menengah juga perlu dilaksanakan bagi tujuan yang sama.

Kanak-kanak di peringkat tersebut harus diberi fahaman apa yang boleh mereka lakukan jika menjadi mangsa jenayah seksual. Saya ada pengalaman satu pengalaman ini Tuan Yang di-Pertua, di sebuah sekolah agama, saya terkejut apabila ibu bapa kanak-kanak yang mengaji datang memberitahu apa yang terjadi kepada kanak-kanak ini iaitu ustaz boleh tidur sama dengan kanak-kanak dan membuat perkara-perkara yang tidak elok. Dilakukan hampir sebulan dua baru ibu bapa itu datang cerita kepada saya kerana kanak-kanak ini segan hendak memberitahu kepada ibu bapa itu untuk menceritakan kepada saya.

Jadi saya melihat perkara ini akan menjadi satu penguatkuasaan tetapi apa yang berlaku tetap akan berlaku. Kita tidak boleh hendak ketepikan sama sekali kalau ia tidak ada satu undang-undang yang saya beritahu tadi iaitu dikasikan. Jadi saya mengharapkan supaya pandangan saya ini mendapat perhatian daripada pihak kerajaan kerana saya kasihan melihat kanak-kanak boleh sampai meninggal disebabkan tingkah laku yang tidak bertamadun ini.

■1900

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri kalau boleh perkara ini dapat di bawa dari segi undang-undang sama ada ia sesuai ataupun tidak untuk di lakukan. Jadi saya tidak ada untuk bercakap yang lain cuma saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini saya menyokong rang undang-undang ini dan saya mohon sekali lagi supaya rang undang-undang

ini di ketatkan dia punya penguatkuasaan supaya ianya tidak berlaku pada masa akan datang. Saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dan sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Silakan.

7.00 mlm.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk ikut serta di dalam perbahasan ini. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini bukan semata-mata ataupun bukan hendak menegur apa-apa *provision* di dalam rang undang-undang ini tapi lebih penting bagi saya ialah untuk menyatakan sokongan penuh saya di atas pembentangan rang undang-undang ini dan seterusnya menyatakan sokongan penuh juga kepada perlaksanaannya nanti sebagai satu undang-undang negara. Kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kita satu langkah yang terbaik bagi kita menangani satu masalah yang begitu besar di hadapi oleh masyarakat kita di negara kita pada masa ini.

Pada saya rang undang-undang ini di bentang di Dewan yang mulai ini atas realiti bahawa satu keadaan yang berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini. Satu keadaan yang perlu di perbetulkan dan perlu di bendung atas kepincangan-kepincangan dan kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini atas sebab-sebab ataupun perkara-perkara yang sungguh menyedihkan kita. Perkara-perkara seperti ini di lakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab, rendah akhlak mereka dan juga tidak mempunyai perikemanusiaan. Saya melihat perbahasan rang undang-undang ini bukan sahaja dalam ruang lingkup undang-undangnya tetapi melihatnya juga dari sudut lebih luas iaitu melibatkan kajian penyebab berlakunya kesalahan-kesalahan seperti ini sama ada dari segi tingkah laku sosial ataupun *social behavior* dan juga mengapa mereka sanggup melakukan sesuatu yang paling terkutuk seperti ini.

Adakah mereka ini mengalami apa yang di katakan mental dan *behavior disorder*. Mungkin juga dalam ruang lingkup ini satu kajian harus di buat bukan sahaja dari segi undang-undang tetapi juga oleh pihak-pihak yang terlibat melibatkan kementerian-kementerian yang lain yang mengkaji mengapa perkara-perkara seperti ini boleh wujud sama ada kesalahan ataupun kelemahan di dalam institusi keluarga kita, ada kelemahan dari segi masyarakat kita, dari segi pendidikan sosial dan moral termasuk juga lah pada hari ini ianya berlaku pada hari ini di mana pengaruh media sosial begitu meluas dan begitu besar pengaruh mereka kepada masyarakat kita. Bagaimanapun saya untuk melengkapkan perbahasan ini saya ingin juga untuk sama-sama ingin mengetahui apakah beberapa peruntukkan di dalam rang undang-undang ini seperti kesalahan bagi orang yang mengakses ataupun mempunyai bahan-bahan pornografi kanak-kanak.

Di mana kesalahannya dan juga ingin saya mendapatkan penjelasan dari kerajaan apakah implikasi ataupun kesan jika sekiranya berlaku pertikaian di antara pengurusan sekolah berasrama penuh atau sekolah berasrama atau pusat jagaan kanak-kanak yang menyimpan rekod-rekod CCTV yang mana mungkin imej-imej yang di takrif sebagai pornografi mungkin menjadi bahan pertikaian di antara ibu bapa, penjaga, guru dan pengurusan sekolah. Juga saya ingin tahu apakah langkah-

langkah positif yang boleh di ambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat serta agensi-agensi penguat kuasa yang lain seperti SKMM bagi membendung dan menghalang akses bahan pornografi kanak-kanak, bahan animasi filem, bahan multimedia kanak-kanak di laman web dan juga di media sosial yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga saya ingin tahu ialah tentang penguatkuasaan secara tegas kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan penyantunan kanak-kanak yang akan menyebabkan *fee* dan *charge* perkhidmatan taska ataupun tempat transit kanak-kanak sekolah yang mungkin mengalami peningkatan kerana apabila sesuatu kita hendak mengelakkan sesuatu seperti ini berlaku mungkin kita hendak juga memerlukan kecanggihan teknologi. Kita hendak pasang CCTV dan sebagainya ini boleh melibatkan kos yang besar dan boleh jadi akan meningkatkan *fee* untuk kita menghantar anak-anak kita di sekolah tadika, taska dan sebagainya.

Mereka juga akan memikirkan bahawa mereka *they are subject to litigation* kalau sekiranya sesuatu berlaku. Jadi sudah tentulah ini pun juga mempunyai satu implikasi kepada kita kalau masyarakat kita bila mana undang-undang ini nanti ia akan di kuatkuasakan jadi saya sedikit itu sahaja yang boleh saya komen dan ambil bahagian dalam perbincangan ini yang pentingnya saya mengambil bahagian ialah untuk menyokong penuh rang undang-undang ini.

Saya berharap bahawa pelaksanaannya nanti akan mendapat sokongan dan juga ketegasan daripada kerajaan serta juga daripada kerjasama yang sepenuhnya daripada masyarakat. Moga-moga kita dapat membentuk satu masyarakat yang pada satu ketika nanti akan betul-betul dapat kita mengubati masalah sosial yang di hadapi oleh masyarakat kita. Sekian Tuan Yang di-Pertua saya menyokong penuh rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Tiada ya? Alih ke nombor lain dan saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Baru balik tempat, sila.

7.07 mlm.

Dato' Jaspal Singh: Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya berbahas Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Saya telah meneliti rang undang-undang ini yang mempunyai 7 bahagian dan 26 fasal dan yang fokusnya adalah pada tiga aspek iaitu dengan izin *child pornography*, *child grooming* dan juga mengenai *relationship of trust*.

Apabila saya melihat kepada *report-report* yang ada pada laman web dan saya ingin merujuk kepada satu *report* yang telah di tulis oleh *law writers* tahun lalu. Di sini *headline* dia ialah *child sex abuse crime going unpunished* Malaysia dengan izin. Dalam *report* ini tertulis lah bahawa terdapat lebih kurang 13,000 kes pornografi ataupun *child sexual abuse* dan hanya daripada banyak-banyak kes ini 140 sahaja dapat di dakwa. Dari segi pornografi kanak-kanak terdapat *loophole* dalam undang-undang sekarang dan undang-undang yang sedia ada iaitu di bawah seksyen di bawah *penal code* seksyen 292 ialah mengenai penjualan dan *distribution of pornography*.

■1910

Jadi, terdapat banyakkah *loopholes* bagi mereka yang didakwa atau dibawa *report* mengenai *child pornography* tetapi mereka ini tidak dapat didakwa dan dengan itulah diberitahu sebagai *child pornography* ini *going unpunished* di Malaysia.

Saya juga terkejut melihat satu *report* menyatakan bahawa *transmission* dalam *dark web* mengenai *child pornography* di Malaysia dalam satu hari 24 jam. Terdapat lebih kurang 1,000 transmisi mengenai fotograf-fotograf ataupun gambar-gambar ataupun video-video mengenai pornografi kanak-kanak yang dihantar di seluruh dunia. Ini begitu membimbangkan kerana dalam masa dua setengah jam ini yang kita berucap, berbahas mengenai rang undang-undang ini, terdapat mungkin lebih kurang 100 transmisi sudah pun berlaku.

Jadi saya rasa dari segi rang undang-undang ini, saya hendak ucapkan tahniahlah kepada *AG Chamber* yang telah mengeluarkan, membawa satu rang undang-undang yang *complete* yang memberi komprehensif ke Dewan ini dan tahniah juga kepada Menteri. Hanya saya ada dua, tiga perkara yang saya hendak bawa ini, hendak minta keterangan sedikit daripada Menteri.

Nombor satu ialah mengenai *age of consent*. Apa yang saya tahu ini *age of consent* ini adalah 16 tahun. Jadi dari segi katakanlah misalnya seorang *tuition teacher*, dia mula mengajar pelajaranya berumur 14 tahun dan mempunyai *trust* dengan pelajar itu dan kemudian selepas dua, tiga tahun pelajar ini sudah jadi 17 tahun ke 16 setengah dan memberi *consent* untuk hubungan seks. Dari awalnya mungkin kita tidak tahu, mungkin daripada awalnya masa pelajar itu 14 tahun, guru ini memang mempunyai hasrat untuk melakukan sesuatu dan adakah undang-undang ini di mana kanak-kanak didefinisikan sebagai bawah 18 tahun dan *age of consent* 16 tahun *is there*. Adakah ini menjadi satu *loophole* untuk seseorang itu melakukan sesuatu.

Nombor dua, yang *groom* itu dan yang mengambil gambar itu mungkin seorang bukan orang dewasa. Saya lihat, banyak-banyak *report* yang saya lihat ini kadang-kadang mereka yang ambil gambar di *YouTube* ini yang *groom* orang ini, yang kanak-kanak ini mungkin dia masih 16 tahun, mungkin dia 15 tahun pun sudah pandai hendak buat benda-benda tidak betul. Kita sudah baca banyak. Saya tengok di Singapura, di negara-negara lain kadang-kadang dia bukan sahaja hendak *groom*, ada *teenagers* ini dia suka main *dare*, cabaran, *challenges*. Dia suka buat *challenges* dan di mana video telah diambil. Hari ini mereka kawan tetapi bila ada masalah-masalah sedikit, gambar-gambar ini daripada unsur-unsur pornografi akan *diviralkan*.

Jadi *treatments* ini semasa seseorang itu buat dalam *group*, tetapi mereka semua kurang umur daripada 18 tahun. Bagaimanakah akta ini akan diguna pakai kepada kumpulan-kumpulan ini?

Selain daripada soalan-soalan, saya hendak *touch* sedikit tentang *prevention*. Ini sebab saya berpendapat akta ini bagus sekali untuk pelaksanaannya setelah sesuatu itu berlaku tetapi dari pihak kerajaan, dari pihak Jabatan Perdana Menteri, saya berpendapat kita perlukan memberi tumpuan khas kepada *prevention* dia. Saya masih ingat semasa saya kecil ataupun apabila anak perempuan saya hendak pergi *shopping*, kita akan bagi dia *advice* sedikit. Kita beritahu bila you pergi ke mana-mana ikut kawan sahaja, jangan pergi *toilet* seorang, *don't talk to stranger*, macam-macam kita akan beritahu. Ini sebab kita takut bahawa bila dia keluar itu daripada rumah atau *environment* sekolah itu, dia mungkin dipengaruhi oleh orang yang dia temui.

Akan tetapi hari ini tidak payah keluar daripada rumah, tidak payah pergi sekolahkah, pergi ke *shopping mall*kah, ke *cinema*, benda itu boleh jadi di rumah kita sahaja. Dengan adanya *social media*, dia boleh berjumpa dengan satu *stranger* dalam *Facebook*kah, dalam *Twitter* dan berkawan dan *last* telah pun *dientice*, dengan izin, untuk melakukan sesuatu oleh orang yang dia berkawan itu. Saya percaya memberi pendidikan daripada pakar-pakar bukan sahaja guru atau PDRM membawa MCMC dengan orang yang tahu *psychologist*, membawa mereka ke sekolah membuat seminar dan memberi pendidikan seperti ini mesti dimulakan di sekolah dari awal sekali supaya kanak-kanak tahu risiko-risiko yang sedia ada dalam bidang sosial.

Selain daripada itu, bila kita turun ke kawasan, saya juga dapati bukan sahaja dari segi *child pornography* tetapi juga dari segi *child gangsterism*, dari segi *child drug pusher*, dengan izin, semua ini berlaku di tempat-tempat di mana kawasan itu teruk sekali. Di mana-mana kawasan-kawasan *flat* dia tidak dijaga, kawasan-kawasan perumahan yang bila kita masuk pun sudah tengok macam tidak bagus, benda-benda ini semua adalah punca-punca untuk *gangsterism* dan bermulalah di sini *child pornography* dan macam-macam dia bermula di sini ataupun ejen yang akan pergi mencari budak-budak ini datang ke tempat-tempat ini. Jadi saya hendak tahulah, saya minta keterangan daripada Menteri bahawa adakah kita mempunyai *databases hotspots* di mana berlakunya benda-benda seperti ini dan apakah rancangan kerajaan untuk mengurangkannya.

Akhir sekali, sebarang undang-undang ini daripada Jabatan Perdana Menteri, saya hendak ambil kesempatan hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada hari Ahad 23 April, beliau telah melancarkan *Malaysian Indian Blueprint* di *Putra World Trade Centre*. *Blueprint* ini *is very historical*, memang pertama kalinya kita mempunyai satu dokumen yang *diproduce* oleh Kerajaan Malaysia. Ini bukan dokumen daripada NGO ataupun *third parties*, tetapi satu dokumen yang komprehensif, 128 muka surat dengan pelbagai *research* yang telah diadakan dengan pelan-pelan tindakan khas untuk membawa orang-orang India bersama-sama dalam arus pembangunan negara kita. Saya rasa bagi pihak masyarakat kaum India, *we are very touched*, kita begitu *touch* sekali dan mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Perdana Menteri. Kami percaya dengan kepimpinan beliau, sudah tentulah masyarakat India boleh melihat satu masa depan yang lebih cerah dalam masa pelaksanaan *blueprint* ini.

■1920

Itu sahajalah, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Dato' Jaspal Singh dan saya nampak tadi Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan baru sampai dan dipersilakan.

7.20 mlm.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam bahas penuh Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kesalahan seksual terhadap kanak-kanak adalah satu fenomena yang serius, yang memberikan kesan buruk kepada kanak-kanak, masyarakat dan negara. Apabila ia

dilakukan kepada kanak-kanak yang kurang upaya, ia adalah suatu yang amat-amat serius. Di sini kanak-kanak kurang upaya ada di situasi yang lebih teruk pada apabila dibandingkan dengan kanak-kanak tipikal. Jadi mengikut masyarakat sivil dan juga Pertubuhan Kebajikan Kanak-kanak, kebanyakan aduan kesalahan terhadap aduan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia didapati tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya sebab beberapa kelemahan yang ada pada sistem kita. Nombor satu, ia selalunya tidak dilaporkan dan yang dilaporkan juga akhirnya tidak mendapat pengadilan yang sepatutnya.

Berdasarkan suatu laporan yang saya terbaca terdapat *data classified* yang di kumpul oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah dikongsi dengan pihak *Reuters*. *Reuters* adalah sebuah agensi wartawan yang terkenal dan didapati bahawa terdapat 12,987 kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang dilaporkan kepada polis antara Januari 2012 dan Julai 2016. Tuduhan yang di fail, antara kes-kes ini tuduhan yang di fail adalah sebanyak 2,189 kes sahaja yang mana akhirnya hanya 140 berakhir dengan sabitan. Data ini juga tidak menunjukkan berapa orang yang terlibat atau apa yang sebenarnya berlaku dalam kes-kes yang berakhir dengan tiadanya sabitan. Bagi kes-kes yang berakhir dengan sabitan tidak pula terdapat butiran yang terperinci atas apa yang berlaku.

Ini adalah kerana mengikut undang-undang yang ada sekarang adalah fakta ataupun kes-kes mengenai kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Data mengenai kes-kes ini di lindungi di bawah *Malaysian Official Secret Act*. Jadi ini menjadi suatu penghalang apabila kita sekarang ini hendak memperjuangkan, hendak mengadakan kempen untuk menghentikan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Jadi, saya menyeru kepada kerajaan supaya mengkaji semula perlindungan data ini di bawah *Malaysian Official Secret Act* untuk memberi ruang untuk kita mendedahkan kepada masyarakat umum tahap serius kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak ini.

Juga didapati bahawa kalau kita lihat keadaan di mana kanak-kanak adalah kumpulan rentan yang terdedah kepada risiko yang besar sebab mereka tidak dapat melindungi diri mereka dan dia juga tidak boleh memberi keterangan dengan jelas apabila kesalahan seksual berlaku kepadanya. Apabila kita banding dengan kumpulan kanak-kanak OKU, masalah ini berlipat ganda. Jadi, siapa yang akan melaporkan? Siapa yang akan bertanggungjawab membawa ini ke muka keadilan? Jadi, saya rasa kaedah-kaedah yang ada sekarang untuk menangani kesalahan seksual terhadap kanak-kanak perlu dikaji semula, perlu di halusi untuk juga membolehkan kes-kes kesalahan terhadap kanak-kanak OKU juga diberi pengadilan yang saksama.

Jadi, satu lagi apabila kes-kes ini sampai ke mahkamah, adakah sistem pengadilan yang ada sekarang mencukupi untuk memberi proses pengadilan yang saksama bagi kanak-kanak OKU? Adakah ia memberi perlindungan yang sama? Kita harus lihat dari segi mungkin kalau kanak-kanak pekak, mereka memerlukan bahasa isyarat iaitu apabila- kalau mereka sudah mempelajari bahasa isyarat. Macam mana dengan kanak-kanak yang belum mempelajari bahasa isyarat? Macam mana ia hendak tunjuk apa yang berlaku kepadanya dan kanak-kanak yang mengalami masalah intelektual-*down syndrome* yang ada masalah pertuturan.

Jadi, kita harus bukan sahaja mendidik- *I mean* memberi kesedaran tetapi juga kita harus memberi didikan kepada peguam, kepada *judge* yang mengadili kes-kes itu. Juga, kepada kesemua

yang terlibat dalam memberi pembelaan kepada kanak-kanak ini. Jadi, saya ingin- kita tidak selalu mendengar tentang kajian yang dibuat terhadap kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Akan tetapi, saya terbaca satu kajian yang telah dibuat oleh seorang pelajar yang membuat tesis ijazah sarjana sains di Universiti Sains Malaysia (USM) tahun 2009 dan tajuknya ialah Penderaan Kanak-kanak Kurang Upaya: Satu Kajian Prevalens (Pengalaman dan Persepsi Kanak-kanak) di institusi khas di Semenanjung Malaysia. Di dapati bahawa kajian itu dilakukan ke atas 315 studen dari program khas di bawah Kementerian Pelajaran yang mana ia terdiri dari beberapa kanak-kanak yang mengalami yang *deaf*, yang pekak. Kanak-kanak yang mengalami *intellectual disability* dan juga kanak-kanak yang *blind*.

Di dapati bahawa 18.3 peratus dari kanak-kanak yang pekak mengalami *abuse*. Ada kecederaan atau kelakuan- bukan kelakuan seksual tetapi ada jenayah *child abuse*, penderaan yang berlaku pada dia. Sejumlah 50.8 peratus dari mereka yang *intellectual disability* dan 20 peratus yang *blind*. Antara penderaan yang dilakukan termasuk juga penderaan seksual ataupun kesalahan seksual. Jadi, ini menunjukkan bahawa perkara ini memang wujud di institusi-institusi pengajian dan juga di pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. Jadi, kesalahan ke atas kanak-kanak OKU boleh berlaku juga di situasi rumah ataupun di pusat-pusat di mana mereka dijaga.

■1930

Ini kerana bagi kanak-kanak OKU, mereka memerlukan perhatian dan juga konteks jagaan dari segi keperluan seharian mereka dalam mengangkat dia, mandi dan juga *you know* untuk ia menjalani kehidupan seharian. Jadi mereka ini lebih banyak terdedah kepada risiko. Jadi saya harap dalam perancangan-perancangan yang akan dilaksanakan seperti mana yang dihuraikan oleh Menteri tadi juga kita boleh beri perhatian yang sewajarnya kepada kumpulan kanak-kanak OKU juga. Jadi saya harap itu sahajalah sumbangan saya dalam perbahasan RUU ini terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Akhirnya kita menjemput *last* sekali Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

7.31 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya walaupun menghantar nama *last minute* untuk berucap.

Pertama-tamanya saya hendak berterima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah kerana idenya inilah yang mengilhamkan supaya penjenayah seksual kanak-kanak ini dipinda dan dihukum dengan saksama dan dipinda undang-undang supaya jenayah ini dibasmi awal-awal lagi sebelum ia menjadi runtuh akhlak di akhir nanti. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dia begitu prihatin di atas masalah ini supaya ianya tidak menjadi lebih serius pada masa-masa akan datang.

Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, pertamanya perkara ini terjadi- dahulu tidak ada, masa dahulu tidak ada jenayah seksual ini. Baru-baru ini sejak akhir-akhir ini apabila ibu bapa semua sibuk, anak terbiar, didikan agama berkurang maka benda itu bila sudah lama-kelamaan akan menjadi bebas dan mungkin sudah didikan agama makin berkurang, dahulu tengok orang dewasa sahaja, dia

rasa syok. Sekarang tengok budak-budak pun rasa syok sekarang ini. Oleh sebab didikan agama kurang, mungkin syaitan dan iblis makin banyak dalam mata, dalam hati mungkin sudah jadi macam inilah.

Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, terjadinya benda-benda macam ini sebab saya tengok mungkin syarat hendak kahwin sekarang ini agak rumit sedikit. Hendak kahwin agak rumit, kemudian belanja mahal, kerja tidak ada, pendapatan rendah, saya ingat mungkin salah satu sebab. Dahulu tidak jadi sebab kahwin mudah, tidak ada syarat-syarat baca Rukun Iman, Rukun Islam tidak ada. Sekarang ini dengan syaratnya banyak, didikan agama kurang, budak-budak dia tidak tahu. Jadi ini yang menjurus ke arah itu.

Kemudian yang kedua kebanyakan jenayah seksual ini juga berlaku pada orang dewasa, orang tua-tua. Mungkin hendak kahwin lebih daripada satu dia takut, mungkin dia tidak mampu. Jadi oleh sebab kita minta kerajaan cuba tengok mungkin salah satu punca terjadinya macam ini hendak kahwin dua mungkin tidak berani atau yang kedua tidak mampu hendak kahwin lebih daripada satu. Maka inilah mungkin dia terpancang atau memberi peluang untuk melakukan jenayah seksual. Jadi saya tidak hendak cakap panjang, cuba tengok keadaan ini mungkin salah satu penyebab berlakunya jenayah seksual ini. Saya setuju jika ia dikenakan hukuman yang berat sebab *naya* budak-budak ini, umur enam bulan, setahun, lima tahun jadi masa depan dia gelaplah dari segi moral, masa depan, kehidupan dia saya rasa terganggu. Lebih-lebih lagi bila dia sudah tua, orang tahu ini dia kena rogol semasa umur enam tahun lagi mungkin hendak kahwin susah sikit.

Jadi saya minta kerajaan tengok, beri perhatian serius perkara-perkara ini dan Yang Berhormat Menteri cuba tengok perkara yang saya bincang ini, saya baru kata ini supaya ia mungkin boleh melonggarkan sedikit, beri kelonggaran syarat hendak kahwin awal, hendak kahwin lebih daripada satu ini supaya biar lebih sikit supaya jenayah seksual ini dapat dibendung ataupun dapat dikurangkan. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, akhir. Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 telah diperkatakan dan dibahaskan oleh 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Hari ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab, dipersilakan.

7.36 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty; Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah; Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah; Yang Berhormat Senator Tuan Isa; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal; Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili;

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; dan ada tidak saya tinggalkan? Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi.

Saya mengucapkan kepada semua berbilang-bilang keaguman kepada isu-isu yang dibawa. Selalu orang beritahu saya Tuan Yang di-Pertua apabila dalam Dewan Negara ini senang, boleh cop sahaja tidak payah hendak jawab banyak, tidak payah hendak terang banyak. Akan tetapi saya tengok dalam banyak isu dan banyak perbahasan sejak kebelakangan Yang Berhormat Senator banyak menimbulkan isu-isu yang lebih kurang sama dengan Dewan Rakyat dan juga penambahan isu-isu. Jadi saya mengucapkan terima kasih. Semua cadangan seperti saya kata tadi itu akan diambil kira.

Saya menjawab satu persatu. Saya harap Tuan Yang di-Pertua yang mana tidak ada ini saya boleh bagi jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty menimbulkan isu berkenaan dengan kebolehterimaan keterangan *agent provocateur* memberi ketidakadilan kepada tertuduh. Peruntukan berhubung dengan kebolehterimaan keterangan *agent provocateur* merupakan peruntukan yang lazimnya diperuntukkan dalam undang-undang di Malaysia seperti Akta Anti Pmerdagangan dan Anti Penyeludupan Migran 2007, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan beberapa perundangan lain.

Mengambil kira keseriusan kesalahan-kesalahan seksual dilakukan terhadap kanak-kanak, maka kerajaan berpandangan ia perlu dimasukkan kerana dalam beberapa keadaan *agent provocateur* digunakan untuk menangkap pesalah tegar. Ianya juga perlu bagi melindungi kanak-kanak sebenar menjadi mangsa kepada pesalah tegar tersebut. Yang Berhormat juga menanya tentang rang undang-undang ini terpakai kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun dan tidak mendapatkan *age of concern* bagi kesalahan tertentu.

Akta yang dicadangkan ini menempatkan agar pemakaian akta ini terpakai bagi kanak-kanak di bawah 18 tahun agar selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001 yang memberi takrif kanak-kanak sebagai seorang yang berumur di bawah 18 tahun. Memandangkan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak merupakan kesalahan yang serius, kerajaan berhasrat untuk melindungi kanak-kanak tanpa mengira umur termasuk kanak-kanak yang berumur 17 tahun dan oleh yang demikian tidak menempatkan *age of concern* bagi kesalahan-kesalahan tertentu. Harus diingatkan bahawa menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melindungi kanak-kanak keseluruhannya dan rang undang-undang ini bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada kesalahan-kesalahan seksual dan pencegahannya hendaklah dibuat secara berkesan.

Maka rang undang-undang ini hendaklah diluaskan pemakaiannya bagi semua kanak-kanak. Tambahan lagi hendaklah diingatkan bahawa pertuduhan bagi mana-mana kesalahan di bawah rang undang-undang ini bergantung kepada fakta bagi suatu kes dan bergantung kepada budi bicara pihak pendakwa raya untuk mendakwa pesalah bagi suatu kes mengambil kira pelbagai faktor dan sebagainya.

■1940

Yang Berhormat juga bertanya tentang mengapa rang undang-undang ini tidak mengecualikan kesalahan seksual yang dilakukan oleh pasangan kekasih, *sweetheart defense* atau sekurang-kurangnya mengenakan hukuman yang lebih ringan terhadap pesalah.

Matlamat utama penggubalan rang undang-undang ini adalah untuk melindungi mangsa kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah seksual dan bersifat pencegahan. Sekiranya rang undang-undang ini memperuntukkan peruntukan pengecualian terhadap pesalah jenayah seksual yang melakukan jenayah seksual ini dengan kerelaan mangsa kanak-kanak itu dan atas hubungan kasih sayang, ia akan bertentangan dengan matlamat utama penggubalan undang-undang ini.

Peruntukan itu seolah-olah membenarkan dan menggalakkan kanak-kanak melakukan hubungan seksual tanpa nikah dan ini adalah bersalahan dan bertentangan dengan agama, adat dan budaya rakyat Malaysia dan akan menyumbang kepada peningkatan masalah sosial yang lain.

Yang Berhormat juga bertanya tentang mengapa rang undang-undang ini memperuntukkan hukuman sebat bagi kesalahan di bawah akta yang dicadangkan, bukankah hukuman sebat merupakan hubungan yang menjatuhkan maruah, kejam dan tidak berperikemanusiaan. *Cruel, degrading and inhumane*, dengan izin.

Matlamat utama rang undang-undang ini adalah untuk melindungi mangsa kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah seksual dan bersifat pencegahan. Sebat merupakan salah satu langkah pencegahan yang berkesan untuk mengurangkan kadar jenayah. Selain itu, hukuman sebat diperuntukkan agar selaras dengan hukuman di bawah Kanun Keseksaan bagi kesalahan seksual seperti kesalahan rogol.

Yang Berhormat Engku Naimah ada ya?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Yang Berhormat, satu soalan. Cuma dari segi *clarification* sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dengan kebenaran.

Kalau sekarang kita tengok, ada konflik dari segi *applicability*, kalau kita tengok dari segi umur dan sebagainya. Saya ambil satu contoh dari segi *supremacy of the act*. Contoh kalau saya ambil *marriage by special license*. Dari segi undang-undang, memang sah *marriage by special license* itu *is a valid marriage* tetapi dia konflik dengan had umur yang ditetapkan di akta ini. *So*, macam mana dari segi konflik ini? Macam mana kerajaan hendak cadangkan hendak *settle* isu konflik? Bukan sahaja *special license* tetapi beberapa undang-undang yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini kalau hendak celah atas soalan yang dibangkitkan, boleh. Jangan pula celah atas soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Ini akan menjadi perbahasan semula. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sebenarnya saya tahu banyak orang berkata bahawa di bawah jenayah rogol di bawah *Penal Code*, umur 16, 17 dan 18 tahun boleh mewujudkan pembelaan *consent*. Saya percaya *that is the issue* yang banyak orang bercakap tetapi mungkin dia tidak akan dikenakan tuduhan di bawah rogol tetapi di bawah rang undang-undang ini, dia akan dikenakan tuduhan. Maknanya, *you may have defence for rape but you will still be charged for the offences of pornography or sexual grooming...* [Disampuk] *Special license is for marriage*. Kahwin itu lain...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: *Sorry?*

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, *with permission*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Tujukan soalan kepada saya. Jangan pula *you* ada perbualan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya hendak *explain special license* ini. Sebelum dia dapat *special license* untuk kahwin, sudah berlaku *sexual grooming*. Selepas itu sahaja dia pergi ke *special license*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tidak boleh. Dia macam ini, Yang Berhormat. Kalau kita curi kereta itu, Tuan Yang di-Pertua, selepas itu kita beli kereta, kita masih dikenakan tuduhan curi. *You can buy the car after you steal the car but you still be charged for stealing*. Jadi *in this case*, dalam *offences* kita, rang undang-undang ini agak berlainan sebab kita tidak mengambil pembelaan di pihak *defence*. Kita menggunakan rang undang-undang ini untuk *preventive*. Itu sebab kita berikan sebat, kita ada *relationship of of trust, very strict on the law* sebab kita hendak memberi mesej bahawa kerajaan tidak akan bertoleransi.

Now, kita tidak juga boleh menafikan kuasa budi bicara pendakwa raya. Dia akan mengambil semua fakta kes dan seperti yang mana Yang Berhormat Senator tahu, di belakang saya, ketua pendakwa bahagian seksual, *prosecution*, bahagian jenayah, dia akan menyatakan bahawa hendak *prosecute* atau tidak *prosecute*, memang tertakluk kepada beban bukti yang ada. Kalau dalam banyak kes, tiba-tiba mangsa pun tidak hendak memberi keterangan, takut ataupun lupa, macam mana hendak adanya tuduhan itu dilaksanakan? Itu sebabnya kita mahu wujudkan *preventive*. Itu sebabnya undang-undang ini agak berlainan sedikit. Saya harap yang lain semua puas hatilah, ya?

Okey, Yang Berhormat tanya juga tadi tentang rang undang-undang ini memperuntukkan hukuman sebat bagi kesalahan. Jadi saya hendak terangkan tadilah bahawa pencegahan bagi kesalahan.

Yang Berhormat Engku Naimah tanya tentang *collaboration of evidence of the child witness* bertentangan dengan seksyen 133A, *Evidence Act*, Akta Keterangan. Perkataan "*notwithstanding anything contrary in any written law*" jelas menyatakan *it is to exempt the application of section 133A in relation to evidence of child witness in sexual cases. This is the stand of the government*.

Maknanya kerajaan sekarang, kita tidak hendak mengatakan 133A *applies*. Dia ada *exception* di bawah rang undang-undang ini. Tiada konflik antara fasal 19 dengan seksyen 133A kerana kalau kita tengok dalam fasal 19, mana Yang Berhormat kalau ada rang undang-undang ini, fasal 19 menyebut tentang kegagalan- maaf, fasal 18, keterangan saksi kanak-kanak. "*Walau apa pun yang berlawanan daripada mana-mana undang-undang bertulis...*" saya rasa kita ada *18 on the table* bukan?... [Merujuk kepada pegawai] 18 kah 19- 18 ya?

Okey, kalau katakan 18 adalah *departure* daripada 133A Akta Keterangan. Di bawah seksyen 133A Akta Keterangan, keterangan seorang kanak-kanak mentah yang diberikan tanpa mengangkat sumpah dan tidak disokong, *uncollaborated*, tidak boleh digunakan oleh mahkamah untuk mensabitkan seseorang tertuduh. Namun, dengan fasal ini, keterangan kanak-kanak tidak kiralah diberikan secara bersumpah ataupun tidak dan walaupun tidak disokong, keterangan tersebut boleh digunakan oleh mahkamah untuk mensabitkan pesalah yang melakukan kesalahan di bawah akta ini dan mana-mana kesalahan di bawah Jadual.

Maknanya, akta ini dia agak, bukan kata dari segi keterangan kanak-kanak itu dia ringan tapi akta ini membenarkan keterangan saksi kanak-kanak itu. Izin saya baca, "*Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam apa-apa prosiding*

terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan ini atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual ini, jika mangsa ialah kanak-kanak, mahkamah boleh mensabitkan seorang itu bagi kesalahan itu berasaskan keterangan tanpa sokongan seorang kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.”

Jadi sebenarnya, kita bukan kata dia adalah *departure* tetapi kita membuatkan satu, bukan fleksibiliti tetapi mengambil kira situasi di mana kanak-kanak ini bila sesuatu kes berlaku terhadap kanak-kanak dan selalunya kenapa kanak-kanak senang menjadi mangsa, sebab takkan orang nak percaya kanak-kanak, Tuan Yang di-Pertua? Kalau tok imam yang *dok* belasah budak itu, takkan orang nak percaya? “*Eh, takkanlah tok imam, janggut dah panjang, sembahyang tak tinggal, dahi ada tanda hitam ini.*” Betul tak, Yang Berhormat Senator Seputeh? Ketua UMNO Bahagian Seputeh. Dia tahu. Beria-ia ustaz-ustaz ini. Dia dahulu imam, saf dekat belakang. Lepas sembahyang, imam dekat belakang, saf dekat depan. Betul? Mungkin Yang Berhormat tahulah maksud saya. Tapi bila kanak-kanak itu bercakap, orang tak percaya. “*Ish, takkanlah budak ini. Ish, betul ke? Ini budak, betul ke dia cakap?*”

Tapi daripada pakar-pakar menyatakan, selalunya kanak-kanak ini dia tak tipu, Tuan Yang di-Pertua. *Children never lie*. Itu sebab yang banyak kes kanak-kanak bila makin kecil, banyak yang diberikan- *they are being killed*. Dibunuh. Contohnya dalam TADIKA, TASKA, sebagai contoh. Sebab dia tahu kanak-kanak cakap memang betul. Takkan dia nak *imagine*? Macam mana dia nak *imagine* benda itu?

Itu sebab dalam kes sedemikian, kerajaan mengambil kesimpulan bahawa kita perlu mengambil kira tentang isu *evidence* dan ini dibawa oleh NGO-NGO dalam isu kanak-kanak. Dan saya berterima kasih kepada Tan Sri Peguam Negara, Tan Sri Apandi, sebab beliau menerima cadangan di peringkat bacaan selepas bacaan pertama dibawa dalam bacaan kedua di Dewan Rakyat, pindaan ini diwujudkan. Dia menerima bahawa ini adalah situasi yang kita perlu, bukan mewujudkan fleksibiliti tetapi *the departure* yang berlaku dalam *Evidence Act* itu. Jadi saya ucap terima kasihlah kepada Tan Sri Peguam Negara kerana kepekaan pihak Jabatan Peguam Negara dalam isu keterangan ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra tanya tentang rang undang-undang tidak diperuntukkan mengenai daftar pesalah seksual. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat, melalui pindaan Akta Kanak-kanak 2001, telah dimasukkan peruntukan mengenai daftar kanak-kanak yang termasuklah butiran mengenai pesalah yang melakukan apa-apa kesalahan terhadap kanak-kanak.

Selain itu, pihak PDRM sedang membuat kajian tentang kesesuaian cadangan mewujudkan akta berkaitan pendaftaran kesalahan seksual memandangkan kini telah ada Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-orang Yang Tidak Diingini 1969. Berhubung dengan isu privasi, kerajaan akan mengkaji cadangan tersebut.

■1950

Akan tapi saya kena sebut ya di mana apabila pakar dalam seminar jenayah seksual yang diadakan oleh PERMATA baru-baru ini, pakar daripada *United Kingdom* menyatakan dalam kes yang berlaku di *United Kingdom* daripada pengalaman dia, banyak pendaftaran *sexual offences* dia hilang

daripada pendaftaran, *disappear*, dia lari daripada masyarakat sebab dia tidak hendak tahu dia di mana. Itu sebabnya kadang-kadang mereka berpendapat pendaftaran ini tidak elok sebab bila dia tahu dia didaftarkan, dia akan hilang bawah radar supaya dia tahu orang tidak tahu dia ini siapa dan dia akan mengulang semula sifat-sifat dia. Akan tetapi ini perlu dikaji dan kementerian yang relevan adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam isu ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra juga menyatakan sama ada terdapat perundangan lain yang sedia ada yang berkait dengan pornografi kanak-kanak dan adakah undang-undang ini akan dipinda dengan adanya akta yang baru.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam ucapan saya tadi, rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang lebih spesifik dan memperincikan lagi kesalahan yang terdapat dalam undang-undang sedia ada. Seperti contohnya di bawah seksyen 292 Kanun Keseksaan, memperuntukkan mengenai *sale of obscene material* yang boleh termasuk juga pornografi kanak-kanak.

Namun dengan adanya rang undang-undang ini apabila ia berkuat kuasa kelak, kesalahan berhubung dengan pornografi kanak-kanak akan ditangani di bawah rang undang-undang ini. Seksyen 292 Kanun Keseksaan, *as it is*, dengan izin, boleh digunakan untuk menangani kesalahan berhubung *obscene material* yang lain yang tidak terjatuh di bawah takrif pornografi kanak-kanak. Namun, kerajaan dari semasa ke semasa akan meneliti perundangan sedia ada bagi maksud menambah baik peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu merujuk kepada Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator kepada definisi pornografi. Ini adalah akta yang pertama, akta yang dalam negara kita yang mewujudkan definisi pornografi kanak-kanak. Dalam semua undang-undang yang ada dalam negara kita ini tidak ada definisi *child pornography*. Ini adalah akta yang mana Yang Berhormat sebahagian daripada sejarah iaitu seksyen 4, pornografi kanak-kanak dalam akta ini definisi pornografi di mana adanya senario mengenai empat melakukan suatu kelakuan seksual mengenai seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak, imej realistik grafik kelihatan seperti kanak-kanak dan kelakuan seksual secara terang-terangan yang benar ataupun simulasi. Maknanya definisi dalam seksyen 4 ini, kalau kita tengok 4A, 4B, ini sebenarnya akan membantu Polis Diraja Malaysia dan juga pihak pendakwa untuk pergi kepada mereka yang terlibat dalam pornografi kanak-kanak. Kalau tidak, undang-undang yang ada dalam Kanun Keseksaan yang saya sebutkan tadi itu, tidak mencukupi, ia tidak lengkap. Ia sebut pornografi, ia tidak ada *child pornography*.

Itu sebabnya kita harus berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib kerana beliau mahu melihat rang undang-undang ini meliputi semua aspek untuk melindungi kanak-kanak yang bagi saya, kita sebagai pembuat undang-undang harus bersyukur bahawa keprihatinan beliau ini akan dapat membantu kanak-kanak yang di luar sana yang bukan menjadi penderaan secara *direct* tetapi secara tidak langsung, *indirect* melalui pendekatan pornografi.

Saya nak sebut kepada Yang Berhormat sedikit tentang *child pornography* yang mungkin kita tidak begitu faham. Saya dengar Yang Berhormat ada kata kita pergi *website* MCMC, memang hendak masuk memang tidak boleh. Sesiapa cuba pun tidak boleh tetapi dalam *Darknet* ini boleh. Pasal *Darknet* ini hendak masuk kena ada lesen. Lesen dia itu berapa banyak pornografi dia buat dengan

kanak-kanak, berapa banyak kanak-kanak dia ambil gambar, berapa banyak kanak-kanak dia sentuh, dia boleh dapat lesen hendak masuk dalam *Darknet*. Maksudnya dia buat *bidding* pada budak-budak ini. Jadi bila dia datang ke negara kita, kita tidak tahu mungkin dia datang sebagai pelancong, mungkin dia datang sebagai NGO, mungkin dia datang hendak ambil anak angkat, kita tak tahu.

Akan tetapi masalah sekarang ini, bila cakap tentang *child pornography*, saya sebut contohnya di Dewan Rakyat di mana Tuan Yang di-Pertua saya kena beritahu kepada Yang Berhormat Senator. Contohnya, kita sebut satu negara ini- saya cakap contoh ya. Saya rasa dalam sidang Dewan ini kita kena terang sebenarnya masalah. Contoh seperti yang berlaku di negara Jepun, dia suka tengok pornografi budak pakai baju sekolah tetapi bukan budak sekolah. Dia dewasa, macam budak sekolah. Rambut macam budak- macam *K-Pop*, Jepun, Jepun dengan *Korean*. Yang Berhormat Senator tahulah. Saya tidak pernah tengok, tidak tahu Yang Berhormat mungkin sudah tengoklah tetapi tidak apa kita dalam Dewan Negara ini ada imuniti, takkan dituduh di bawah rang undang-undang ini.

Akan tetapi maksudnya ialah dia suka tengok orang dewasa yang macam budak-budak. Jadi dia *dok* jogetkah, dia buat apa-apa macam. Jadi bila orang tengok, dia ghairah dan dia tengok Eh! Budak-budak boleh buat macam ini ya. Itu yang dia *dok* belasah budak-budak sebab dia punya pemikiran, *mental capacity* dia itu *these are sick people*, dengan izin. Juga kadang-kadang dia tahu bahawa kanak-kanak ini adalah mangsa yang paling baik sebab saya katakan tadi, orang takkan percaya pada kanak-kanak dan kanak-kanak ini bila digertak, dia takut. Mungkin mereka ini dalam *position of trust* itu sebab adanya rang undang-undang ini kita letak *position of trust*. Jadi kalau orang itu guru dia kah, cikgu jurulatih sukan kah, mereka ini yang akan kena teruk sebab mereka ini kena lindung kanak-kanak tetapi dia ambil kesempatan.

Jadi dalam perkara ini, bila kita bercakap tentang *child pornography*, kita mahu melihat pada aspek yang mana bukan sahaja kanak-kanak berpartisipasi tetapi proses yang mana Yang Berhormat kalau tengok dalam bahagian *child pornography* itu, kerajaan melihat kepada aspek membuat, menghasilkan, mengarah, persediaan untuk membuat, menghasilkan, mengarah menggunakan kanak-kanak untuk membuat, menghasilkan, mengarah, bertukar-tukar menerbitkan, menjual, mengakses- akses pun tidak boleh. Ini Yang Berhormat kalau dapat *child pornography* di dalam telefon, selepas rang undang-undang ini tolong buang, jangan simpan sebab PDRM belakang saya ini ada sistem forensik dengan MCMC.

Bila Yang Berhormat pergi luar negara Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan, di luar negara, dia ada sistem, dia akan tahu bila kita masuk kah atau tidak masuk *website* itu. Ini saya nak beritahu, amaran kepada masyarakat. Apa yang berlaku dalam kes Richard Huckle, mereka dah pantau dia lebih dari setahun, mereka tahu. Jadi bila kita pergi Australia kah, pergi United Kingdom, cap-cap pasport kita, kita jangan anggap mereka tidak tahu dan bila dia suspek kita adalah antara golongan yang seronok dalam bab-bab ini, *we will have a lot of problems* dalam aspek imigresen. Begitu sekali dia akan pantau.

Jadi inilah sebenarnya kita berikan amaran kepada masyarakat bahawa jangan main-main dalam isu pornografi kanak-kanak walaupun memang pornografi dewasa kita tidak benarkan, tetapi sistem internet dengan IP ini Tuan Yang di-Pertua, macam-macam kreativiti yang kita boleh buat.

Akan tetapi di-*highlight* aspek kanak-kanak, sebab dalam rang undang-undang ini, akses pun tidak boleh. Maknanya masuk dalam telefon kah, terbaca kah, orang terhantar kah, tolonglah padam tetapi kalau kita *dok* kumpul, kumpul, kumpul, buka, buka, buka, *forward, forward, forward*, gelak, gelak, gelak, *hashtag* saya, *#youcanrunbutyoucannothide* Tuan Yang di-Pertua. Kami akan cari dan kami akan tangkap. Itu begitu sekali rang undang-undang ini.

Jadi Yang Berhormat juga tanya tentang *option protocol to CRC on child pornography* dan *sale of children*, saya dah sebut tadi dalam pembukaan saya tadi, dalam pembentangan saya. Yang Berhormat tanya tentang *task force* perkahwinan di bawah umur, saya tidak dapat jawab kerana yang lebih elok untuk menjawab ini adalah KPWKM sebab saya adalah bukan pakar dalam bidang ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed tentang maksud pendidikan sains atau perubatan di bawah seksyen 2, berkomunikasi secara seksual. Timbalan pendakwa raya perlu melihat keseluruhan fakta, keadaan komunikasi dibuat, bagaimana ia boleh timbul ke arah apa komunikasi tersebut menjurus sama ada untuk mangsa kanak-kanak melakukan sesuatu perbuatan seperti mempamerkan bahagian sulit badan. Tujuan maksud pendidikan sains atau perubatan dimasukkan untuk memastikan pihak yang tidak bersalah yang tugasnya untuk mendidik dan berkongsi ilmu ini tidak dirangkumi sebagai pesalah. Ini seperti pengecualian di bawah seksyen 377 – saya rasa seksyen 377C(a) Kanun Keseksaan yang mengecualikan pegawai perubatan daripada kesalahan kerana memasukkan objek di dalam kemaluan untuk tujuan perubatan.

Maknanya Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita sebutkan di sini adalah *defenses* yang boleh diwujudkan. Bererti bila rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara selepas Dewan Rakyat ini, rang undang-undang ini begitu tegas dalam contohnya Bahagian III iaitu seksyen 11 tentang berkomunikasi secara seksual dan menggalakkan seorang. Jadi, kalau kita berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak pun tidak boleh.

Jadi, contohnya kalau kita pernah ada pengalaman pergi ke luar negara, kadang-kadang kalau kita berjalan tengok anak Orang Putih ini Tuan Yang di-Pertua, comel-comel kita cubit-cubit, *so cute, so cute* Orang Putih tidak suka bukan. Dia boleh panggil polis, dia boleh tangkap kita sebab kita sentuh anak dia. Dalam perkara ini, kita membuat pendekatan yang sama. Kalau kita berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak, kita akan boleh dikenakan tuduhan.

■2000

Jadi, kita kena berhati-hati bila kita bercakap dengan kanak-kanak. Oleh sebab apa yang berlaku contohnya, kita dapat contoh kes-kes cikgu-cikgu tadika, taska, cikgu sekolah rendah, dia tunjuk video pornografi, dia cakap benda-benda lucah pada kanak-kanak di sekolah, dia bisik-bisik. Dia bercakap, ya memang dia tak bersentuh, dia bercakap tetapi daripada bercakap itulah dia akan mula sentuhan.

Selalunya dalam kes jenayah seksual kanak-kanak ini, kanak-kanak kadang-kadang menjadi mangsa keadaan dari segi mental sebab mereka tidak tahu mana yang betul, mana yang salah. Itu sebabnya dalam banyak kes kanak-kanak itu dia tidak membuat laporan ataupun mengaku. Ada yang rasa tak selesa sebab mereka telah dididik di rumah dan sebagainya. Ada yang tidak. Dalam kes-kes tertentu, perkara ini berlaku kerana mereka menganggap bila orang itu sentuh, orang itu sayang dia.

Ini selalu berlaku dalam keadaan yang mana keluarga itu tidak berkomunikasi ataupun tidak mempunyai keluarga yang bersama dan mereka dalam kesepian.

Daripada Polis Diraja Malaysia memberikan penerangan tentang satu rakyat Malaysia yang telah ditangkap, dia bukan kata bela lah tetapi dia jaga dan dia sayang. Banyak anak-anak muda, 14, 15, 13, 10 tahun diberi makan, diberi gula-gula dan dalam golongan pedofilia ini Tuan Yang di-Pertua, budak-budak memang suka dekat dia sebab dia tak kasar. Dia macam budak-budak.

Jadi, dia anggap sebagai kawan tetapi dia tak tahu bila dia tak pakai baju, dia telanjang, dengan izin, dia melakukan beberapa perbuatan seksual, dia dilihat sebagai kononnya melakukan sesuatu yang okey, yang biasa. Itu sebab ada gambarnya dia dengan budak-budak ramai-ramai semua tak pakai baju, gelak-gelak, seronok sebab mereka tidak melihatnya sebagai ancaman. Ini masalahnya. Itu sebabnya komunikasi secara seksual pun kita akan memberikan panduan supaya tidak boleh, kecuali yang mana Yang Berhormat tanya itu tentang *defenses* yang ada.

Akan tetapi ya lah, walaupun *defenses* setakat nak mengajar itu sahaja hari-hari pun masalah juga ye tak? Tiba-tiba nak ajar, suruh ajar, tak ada benda-benda lain dalam kelas Sains, ajar benda itu sahaja, tak ada ajar benda lain. Ini kadang orang yang tak waras pun macam itu juga lah. Dia suka cakap benda itu, berulang-ulang, suka cakap, suka cakap. Itu sebab orang kata definisi "*perversion*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga menyatakan akta ini tidak memperuntukkan mengenai tafsiran *interpretation* tetapi di sebaliknya memperuntukkan pemakaian *application*. Menurut G. C Thornton dalam *Legislative Drafting, Fifth Edition* di muka surat 255, dengan izin. "*An application section may give an early indication of any area of application of a statute, such a section may serve to remove uncertainties and solve problems as to the manner in which a new law is to affect the variety of complete and incomplete situations and transactions existing at the moment in time when the law comes into force. Application provision may concern the application or the legislature to:*

- (a) *the circumstances existing when the legislature comes into force;*
- (b) *a territorial area;*
- (c) *specific person or thing; or*
- (d) *the ground or the government."*

Menurut Thornton lagi dalam definisi di muka surat 167, "*a definition may be of a great value, but on the other hand it has no clear function, it may only act to difficulties of construction. Before drafting a definition, therefore the drafter must be quite sure of the intended purpose of the definition*".

Berdasarkan peruntukan di atas, maka akta ini memasukkan peruntukan pemakaian dan bukannya tafsiran untuk menjelaskan dan menegaskan skop akta iaitu mengenai kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan oleh itu memperuntukkan pemakaian merujuk kepada mangsa kanak-kanak dan bukanlah merujuk kepada pesalah.

Yang Berhormat juga bertanya tentang peruntukan mengenai pemakaian bagi kanak-kanak di bawah 18 tahun, adakah ini bermaksud akta ini terpakai bagi pesalah di umur 18 tahun sahaja, pesalah kanak-kanak. Peruntukan pemakaian merujuk kepada umur mangsa kanak-kanak dan bukan

umur pesalah. Sekiranya Fasal 2 merujuk kepada umur pesalah, maka ia tidak menepati objektif untuk menangani jenayah seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak.

Jadi maknanya Yang Berhormat, kalau katakan yang pesalah itu adalah kanak-kanak, dia akan dibawa tuduhan di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Maknanya, bila kanak-kanak itu yang melakukan beberapa kesalahan, dia akan dibuatkan tuduhan di bawah Akta Kanak-kanak yang mempunyai Mahkamah Kanak-kanak. Jadi, hukuman dia berlainan sedikit. Oleh sebab inilah yang dipersetujui oleh kerajaan dan di bawah Akta Kanak-kanak ini, Kementerian Wanita dan Keluarga yang bertanggungjawab.

Akan tetapi dalam rang undang-undang kita ini, kita fokus bila mangsa itu adalah kanak-kanak. Jadi, bila pesalah itu kanak-kanak, Akta Kanak-kanak 2001 akan masuk gear lah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi ini adalah untuk mangsa. Yang Berhormat Senator Siti Aishah binti Shaik Ismail, mengapakah kesalahan bagi *failure to give information* di bawah Fasal 20 hanya ditetapkan RM5,000 sahaja? Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Fasal 20 itu dimasukkan dengan merujuk kepada seksyen 13, Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan mengenai kewajipan yang sama. Namun, seksyen 13, Kanun Tatacara Jenayah tidak memperuntukkan mengenai apa-apa penalti. Rujukan juga dibuat kepada seksyen 29A, Akta Kanak-kanak 2001 yang mengenakan kewajipan untuk mana-mana orang memberitahu Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya dia mengesyaki bahawa seorang kanak-kanak memerlukan perlindungan.

Untuk makluman, seksyen 29A, Akta Kanak-kanak juga tidak mengenakan apa-apa penalti. Oleh itu, mengambil kira peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanak-kanak yang tidak mengenakan apa-apa penalti, maka penalti sebanyak RM5,000 yang dikira jumlah yang bersesuaian sebagai suatu hukuman bagi kesalahan ini, tambahan lagi kerajaan tidak mahu *deter*, dengan izin, orang daripada memberi maklumat kerana penalti yang tidak bersesuaian.

Saya sebenarnya Yang Berhormat Senator, rujuk kepada undang-undang ini berkenaan dengan kegagalan memberi maklumat. Jadi, sebenarnya kita nak mewujudkan galakan. Senario ini boleh berlaku kalau katakan di rumah itu berlakunya jenayah seksual oleh, katakan bapa sebagai contoh. Akan tetapi mak dia tahu, abang dia tahu, kakak dia tahu, semua tak nak cakap. Kita berhadapan bila kanak-kanak itu dia akan dalam keadaan yang dia tak tahu nak cakap kah, dia tak nak cakap ataupun dia takut kerana dia yang bertanggungjawab memasukkan keluarga ke penjara. Akan tetapi apa yang kita wujudkan di sini ialah kita kena wajib menghukumkan mereka yang tahu. Contohnya, sebagai ahli keluarga ataupun jiran. Kalau dia tahu, dia kena cakap. Kalau dia tak bercakap, dia diam, mangsa itu akan sentiasa menjadi mangsa sampai satu hari nanti mungkin akan membawa kepada kematian sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam perkara ini memanglah kalau saya pun, saya tak nak letak RM5,000. Kalau saya, saya hendak hukum sebanyak banyak yang boleh. Akan tetapi kita pun mesti tengok tentang apa yang disebut sebagai isu galakan. *We want them to come forward*. Kalau kita terlampau hukum sangat, masuk penjara dan sebat, satu keluarga masuk penjara, budak itu seorang-seorang siapa nak jaga pula? Contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itu sebab saya katakan, ini adalah lebih kepada rang undang-undang yang boleh dianggap sebagai *deterrence* iaitu mencegah.

Yang Berhormat Siti Aishah binti Shaik Ismail bertanya tentang Jawatankuasa Khas *Task Force* yang ditubuhkan oleh kerajaan turut dianggotai oleh para ahli agama daripada pejabat agama. Sebagaimana yang dinyatakan dalam ucapan saya, *task force* tersebut dianggotai oleh wakil-wakil Jabatan Peguam Negara, KPWKM, PDRM, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie dan beberapa NGO yang lain. Walaupun keanggotaan *task force* ini tidak secara spesifiknya dianggotai oleh ahli-ahli agama, namun langkah-langkah atau usaha yang diambil oleh *task force* ini mengambil kira pandangan dari sudut agama dan sensitiviti agama semua kaum di Malaysia.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Senator, memang *task force* ini adalah *task force* undang-undang. Lebih kepada undang-undang yang telah diarah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan Hari Wanita 2016. Jadi, Hari Wanita 2016, Yang Amat Berhormat berucap dan kita hari ini pada bulan April, nak masuk bulan Mei minggu depan, kita berjaya *insya-Allah* bila Yang Berhormat dah luluskan akta ini, kita boleh mendapat satu undang-undang baru untuk kanak-kanak, untuk melindungi kanak-kanak sebelum Hari Wanita 2017.

Begitu hebatnya Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini yang dapat menggerakkan dengan pantas undang-undang untuk melindungi kanak-kanak. Saya bukan cakap kerana kempen pilihan raya ya. Itu pun saya cakaplah kempen pilihan raya tetapi lebih kepada keprihatinan Perdana Menteri Malaysia. Saya kena cakap sebab yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, daripada dia sendiri sebut pada *task force* dan diwujudkan *task force* dan hari ini dengan adanya mahkamah khas pada bulan Jun nanti, dengan adanya undang-undang ini, sesuatu yang begitu laju.

Saya ucap terima kasih kepada Jabatan Peguam Negara kerana begitu- saya beritahu yang di belakang-belakang saya itu, saya rasa suami pun dah tak kenal dah lepas ini, kasihan. Siang pagi, malam petang, beria-ia, tujuh hari, lapan hari seminggu kalau boleh nak mengeluarkan. Ini bukan perkara yang mudah sebab mereka kena mengkaji semua aspek, *comparative* dengan negara lain. Baca dengan undang-undang yang ada.

Saya sekali lagi nak mengucapkan terima kasih sangat kepada Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara kerana begitu sensitif dan peka. Inilah kolaborasi *teamwork* yang kita nak daripada pihak kerajaan. Jangan orang kata kerajaan selalu lambat, orang politik ini cakap. Ini tidak, orang politik cakap, kerajaan laksana.

■2010

Inilah aspirasi yang kita tengok pada hari ini. Itu sebabnya saya sentiasa mengatakan apa yang kita buat, undang-undang yang kita buat hari ini, tidak ada negara lain yang buat. Inilah kejayaan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib...
[Tepuk]

Terima kasih Abang Lah. Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah juga mengatakan statistik individu yang dimasukkan dalam penjara mengulangi kesalahan yang sama. Saya kena beri jawapan bertulis yang sebab daripada Polis Diraja Malaysia. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah tidak ada sebab dia kena pergi pada Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang mana saya kena pergi tapi saya tidak boleh pergi, saya kena selesaikan rang undang-undang ini... [Disampuk] Berkorban? Jadi saya rasa akan memberikan dia jawapan bertulis Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua minta maaf, itu Tan Sri...

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Mencelah sikit Yang Berhormat Menteri. Tadi saya ada tanya tentang satu badan yang diwujudkan, yang spesifik untuk kanak-kanak ini sebab kalau tengok pada jawapan Yang Berhormat Menteri *One-Stop Crisis Centre* semua ini kita sudah maklum tetapi yang spesifik. Apa yang saya bangkitkan tadi yang Persatuan Peguam Wanita bangkitkan itu tidak ada satu yang disebut sebagai tempat untuk mangsa ini di selenggara. Jadi saya minta jawapan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat saya tidak dapat jawab ya sebab saya bukan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam hal bidang kaunseling ya, saya bukan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kaunseling selalunya datang daripada kementerian yang bertanggungjawab. Akan tetapi yang mana Yang Berhormat Senator timbulkan itu, saya perlu menyatakan di sini salah satu daripada cabaran ya ialah di mana di serata dunia, masa seminar ini Tuan Yang di-Pertua ialah banyak-banyak kes laporan, satu lapor, mungkin dua atau tiga yang tidak lapor. Itu satu senario.

Senario yang kedua ialah bila pergi ke mahkamah, mahkamah banyak kes dan mahkamah-mahkamah jenayah bila tangguh, tangguh, tangguh, tujuh tahun daripada umur belum baligh, sudah jadi akal baligh. Daripada umur tujuh atau lapan tahun, tangguh, tangguh, sudah jadi belasan tahun, dia sudah malu. Dia sudah lupa.

Jadi mangsa kadang-kadang dia tidak menjadi mangsa yang boleh memberi keterangan yang terbaiknya. Itu sebab bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebutkan Mahkamah Jenayah Khas, kerana kita hendak selesaikan yang saya sebut tadi dalam masa setahun. Ini supaya saksi dan juga mangsa ini diberikan keadilan sebanyak-banyaknya dan juga keadilan kepada yang dituduh. Sebab dalam kes ini, lebih elok diselesaikan kes secepat mungkin daripada kita tangguh, tangguh, tangguh.

Jadi dalam aspek tentang khidmat sokongan, saya mendapat jawapan daripada Polis Diraja Malaysia, saya boleh jawab bagi pihak tapi saya bukan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab. Akan tetapi PDRM mempunyai khidmat sokongan mangsa di semua kontinjen di negara ini, saya dimaklumkan dan terdapat *Victim Care Centre* (VCC) di semua kontinjen dan terdapat pegawai khidmat sokongan mangsa ditempatkan untuk memberi khidmat sokongan pada mangsa. JKM pula, Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi khidmat sokongan melalui khidmat kaunseling yang diberikan bukan saja kepada mangsa tetapi diberikan pada ahli keluarga.

Sebenarnya ini adalah situasi yang diwujudkan oleh kerajaan. Akan tetapi saya hendak sebut di sini dalam perkara-perkara kaunseling dan sebagainya, kalau kita tengok di bawah rang undang-undang ini, saya hendak merujuk kepada jenis hukuman yang mana kita tambah selepas bacaan pertama ya Tuan Yang di-Pertua, kita tambah pada seksyen 26, kaunseling pemulihan dan seksyen 27, pengawasan polis ya. Ini keputusan oleh Jemaah Menteri selepas pembentangan bacaan pertama rang undang-undang ini kerana banyak berpendapat bahawa kalau tidak adanya kaunseling pemulihan kepada pesalah, kalau pesalah itu adalah ahli keluarga, dia hendak kembali kepada keluarga dia, dia akan mewujudkan satu keadaan yang begitu susah untuk diterima pakai sebab kanak-kanak itu dalam keluarga tersebut.

Jadi macam mana kita hendak situasi ini diselesaikan. Kalau tidak memikirkan ahli keluarga dimasukkan penjara disebabkan oleh laporan polis, saya rasa banyak kanak-kanak tidak mahu

diberikan beban tanggungjawab tersebut ya. *Forever to be accuse of breaking up the family*, dengan izin. Itu sebab dalam banyak kes kadang-kadang contohnya ibu banyak akan jemput macam kata Yang Berhormat Senatorlah dalam perbincangan tadi banyak pujuk kata jangan, jangan, jangan, sebab dia hendak keluarga itu berpecah. Itu sebabnya kaunseling pemulihan yang disebut oleh rang undang-undang ini yang dipersetujui selepas bacaan pertama kerana Kabinet bersetuju bahawa perlu kita memberikan mereka bantuan supaya kembali kepada keluarga.

Ini satu pendekatan bagi saya pendekatan yang baik sebab kalau tidak, tidak ada galakan untuk membuat laporan dan ini adalah pendekatan yang sama dipakai dalam jenayah keganasan rumah tangga, *domestic violence sex*. Dalam semua pengamal undang-undang seluruh dunia, dalam kes keganasan rumah tangga mesti ada kaunseling pemulihan. Kalau tidak, dia tidak akan lapor, ialah sayang anak, tangan-tangankan ya, sayang isteri tinggal-tinggalkan Tuan Yang di-Pertua, sayang suami lapor-laporkan. Itu sebab saya tidak kahwin. Jadi tidak payah orang hendak saya lapor Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak mengantuk, sudah pukul 8.15 malam *[Ketawa]*

Jadi dalam perkara ini saya hendak terangkan bahawa kaunseling pemulihan itu adalah sesuatu perkara yang memang baik dan bila kanak-kanak tahu, datuk dia kena kaunseling kah, pak saudara dia hendak kena kaunseling, itu kelebihan hendak memberi laporan jadi saksi itu sejuk sikit keluarga itu. Sebagai contohlah. Kadang orang ini sebab saya kata tadi banyak ini kes ini kepala tidak betul, sebab kepala tidak betul. Jadi saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal tentang kata hendak bagi kasi. Kasi selalunya kucing, anjing kasi senanglah. Dok beranak-beranak, siapa hendak bela. Akan tetapi hendak kasinya manusia, senang cakap tapi kalau salah keputusan, hendak pasang balik macam mana. Fasal sudah hilang sudah. Betul tidak Abang Lah.

Itu Yang Berhormat tanya saya, Yang Berhormat Senator silat kita pun tidak ada. Dia pun cakap suruh saya jawab, saya jawab-jawab. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tanya sebab Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, "*Kasi sahaja Sir, Yang Amat Berhormat kasi sahaja*". Betul, boleh tapi bila salah itu, hendak ganti, hendak pakaikan siapa punya hendak ganti. Bukan boleh main potong ganti, potong ganti. Kalau anjing, kucing lain. Dia sudah potong itu, hendak tampal macam mana. Kasi maknanya sudah hilang sudah, separuh itu hilang, kan.

Saya pun tidak tahu, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari tengok saya, saya benda ini tidak pernah tengok... *[Disampuk]* Itu yang suruh kahwin. Ini yang masalah. Akan tetapi dalam perempuan hendak kasi ini macam mana. Kalau lelaki kasi, perempuan hendak buat apa. Ini yang masalah sebabnya dalam perkara ini saya bukan apa, sebenarnya sebagai pengamal undang-undang kita selalu melihat bahawa dari segi hukuman, hukuman undang-undang digubal untuk membenarkan hukuman pesalah hendak di pasti melalui proses. Contohnya Mahkamah Sesyen kata bersalah, dia buat rayuan Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi kata salah, dia buat rayuan dekat Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan.

Jadi rayu dok rayu, potong dok potong, tampal dok tampal, jadi kes aniaya. Jadi, jadi kes lain lepas itu nanti kerajaan kena saman RM100 juta, RM200 juta, RM300 juta. Duit itu eloklah kita bagi-bagi hendak jaga kawasan. Ini bukan perkara yang mudah. Fasal banyak kes-kes ini dok potong-potong salah ini, kerajaan akan didenda, dikenakan penalti. Jadi dalam perkara ini, saya Yang

Berhormat dari segi etika perubatan sama ada benar dan tidak benar, saya rasa setakat ini tidak digalakkanlah. Akan tetapi kalau ini dapat mengurangkan saya rasa susahlah kalau macam itu sebab susah kita hendak tahu macam mana betul kah ini dapat membantu. Lebih daripada itu mungkin Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh jawab ya.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah, Puteri UMNO, ibu yang tidak membuat laporan ataupun menarik balik. Jika yang tidak membuat laporan polis atau menarik balik perlu disiasat kenapa ibu bertindak demikian. Jika tujuan ialah untuk menghalang kanak-kanak itu daripada trauma yang berterusan seperti disoal oleh polis, pegawai perubatan dan seterusnya perlu hadir ke mahkamah untuk memberi keterangan, maka pihak pendakwa akan melihat keseluruhan sebelum membuat keputusan tuduhan ini. Jika tujuannya ialah untuk melindungi pesalah maka amat wajar ibu yang dituduh kerana gagal memberikan maklumat. Kalau tidak dia tidak bolehlah sebab Yang Berhormat mesti tahu bila kita buat laporan polis, kita hendak tarik balik laporan, dia tidak macam itu, kita punya sistem ini, buat laporan polis dekat balai, susah hendak tarik balik. Dia akan siasat sebab kalau satu kesalahan itu adalah satu kesalahan.

Akan tetapi tertakluk kepada Pendakwa Raya lah sekali lagi saya kata. Selepas pendakwa raya, tertakluk kepada hakim yang menentukan kes. Kadang-kadang kalau bukti tidak cukup, hakim pun dalam banyak kes, dia mungkin akan mengatakan tidak ada kesalahan berlaku sebab jenayah, tidak kisah jenayah seksual ialah seperti mana Tuan Yang di-Pertua tahu, beban bukti ialah *beyond any reasonable doubt*, tanpa apa-apa keraguan, beban bukti yang begitu ketat. Ini satu perkara yang perlu dibuktikan melalui proses undang-undang. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman tanya *age of consent*. Rang undang-undang ini bercanggah dengan *age of consent* di bawah Kanun Keseksaan.

Saya sudah terang tadi ialah, undang-undang ini *preventive in nature*, tidak semesti meletak *age of consent* yang sama dilaporkan. Saya rasa jawapan saya itu ialah *is more of a preventive law* dan kalaupun tidak bawah Penal Code, dia dibuat tuduhan, kahwin kah, dia tidak kahwin, dia akan dikenakan tuduhan di bawah mungkin Akta Kanak-kanak ataupun tuduhan di bawah rang undang-undang ini.

■2020

Yang Berhormat juga bertanya tentang fasal 3 mengenai pemakaian luar wilayah *extraterritorial provision*. Bagaimana ia akan dilaksana dan apakah caranya. Ini panjang sikit jawapannya. Peruntukan rang undang-undang ini diadakan bertujuan memilih mana warganegara Malaysia yang melakukan kesalahan seksual di bawah rang undang-undang ini atau mana-mana kesalahan yang disenaraikan di dalam jadual terhadap mana-mana kanak-kanak tidak mengira warganegara kanak-kanak itu di luar Malaysia boleh dihadapkan di mahkamah di Malaysia. Ini adalah berasas kepada Perkara 73 Perlembagaan Persekutuan *extent of federal in state laws*, "In exercising the legislative powers conferred on it by this Constitution a Parliament may make laws for the whole or any part of the Federation and laws having effect outside as well as within the Federation". Selain itu, daripada aspek undang-undang antarabangsa *nationality principal* membenarkan sesuatu negara menjalankan bidang kuasanya terhadap warganya bagi kesalahan yang dilakukan di mana-mana sahaja di luar negara.

Namun bagi maksud pelaksanaan fasal 3 rang undang-undang ini ia turut melibatkan pemakaian undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 dan Akta Ekstradisi. Ini adalah kerana berdasarkan *nationality principal* walaupun sesuatu negara boleh menjalankan bidang kuasanya terhadap rakyatnya bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang itu di mana-mana sahaja, namun bidang kuasa tersebut tidak dapat dilaksanakan melainkan jika warganegara itu berada di dalam negara itu.

Bagi maksud mendapatkan keterangan luar negara, peruntukkan dalam Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai dan bagi maksud ekstradisi peruntukkan dalam Akta Ekstradisi. Kedua-dua akta ini dilaksanakan dengan kewujudan triti di antara dua-dua negara. Walau bagaimanapun sekiranya tidak ada triti di antara kedua-dua negara bantuan masih boleh diberikan melalui arahan khas. Kesimpulannya peruntukkan ini menunjukkan keseriusan kerajaan untuk memerangi kesalahan seksual dilakukan terhadap kanak-kanak tidak kira di mana mereka berada.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bertanya tentang CCTV mengandungi pornografi kanak-kanak di sekolah asrama. CCTV adalah alat penting untuk tujuan pembuktian di mahkamah, jika dikesan oleh pihak pengurusan sekolah CCTV mengandungi pornografi kanak-kanak dan pelaku serta mangsa dapat dikenal pasti, maka menjadi satu tanggungjawab ke atas pihak sekolah untuk melaporkannya kepada pihak polis dan mengarahkan CCTV rakaman pornografi ini kepada pihak polis untuk tujuan siasatan termasuk juga untuk tujuan rawatan dan perlindungan mangsa.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal tanya tentang kesalahan seperti *child grooming* dilakukan oleh pesalah kanak-kanak, bagaimana akta ini boleh diguna pakai pada kumpulan ini. Prinsip umum kanak-kanak yang melakukan kesalahan di bawah tuduhan bagi kanak-kanak, walau bagaimanapun pertimbangan pendakwa raya bertimbang sewajarnya ada pada fakta kes, kanak-kanak boleh dituduh dalam kesalahan dalam rang undang-undang ini. Namun sekiranya kesalahan tersebut dilakukan oleh kanak-kanak itu seorang diri maka perintah akan diberikan di bawah seksyen 91 Akta Kanak-kanak dan bukannya hukuman ini bawah rang undang-undang ini kerana penama pesalah tersebut adalah kanak-kanak yang dituduh seorang diri tanpa melibatkan pesalah dewasa.

Seksyen 91 contohnya Akta Kanak-kanak, saya baca kepada Yang Berhormat Senator, dia melakukan *powers of court for children on proof of offence*. Jadi dia boleh *admonish and discharge the child* ataupun *discharge the child* dan kemudian dia boleh *order the child to pay fund make a provision order, order the child to be sent to approved school, or Henry Gurney school, order the child, if a male to be whipped with not more than ten strokes of a light cane*. Jadi ini sebenarnya yang akan memantau hukuman terhadap pesalah kanak-kanak.

Yang Berhormat juga tanya apa itu *database hotspot* di mana kesalahan jenayah seksual dilakukan terhadap kanak-kanak. Untuk makluman Yang Berhormat, PDRM memaklumkan terdapat statistik pecahan kesalahan dilakukan mengikut tempat kesalahan *locality*. Namun kita akan berikan jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat, Senator Puan Bathmavathi berhubung dengan fakta bahawa PDRM berkongsi statistik dengan *relators* merupakan maklumat yang dilindungi di bawah OSA. Sesuatu maklumat yang dikatakan tertakluk kepada OSA hendaklah diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia melalui tatacara yang diperuntukkan di bawah OSA. Berhubung dengan statistik PDRM tersebut

sekiranya ia diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia di bawah OSA maka ia tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak. Akan tetapi, saya boleh memberikan jawapan ini lebih mendalam secara bertulis ya, Yang Berhormat.

Yang Berhormat timbul berkenaan dengan penderaan kanak-kanak kurang upaya dan Yang Berhormat telah merujuk kepada tesis. Saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat dan saya rasa soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat akan diberikan jawapan secara bertulis berkenaan penderaan kanak-kanak kurang upaya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam kes bawah Akta Keterangan, kalau kanak-kanak itu adalah kanak-kanak kurang upaya memang adanya prosedur-prosedur yang tertentu yang akan diikuti untuk membantu mendapatkan maklumat daripada kanak-kanak tersebut. Bererti kita tidak mewujudkan diskriminasi kepada kanak-kanak yang kurang upaya kalau mereka menjadi mangsa dalam apa-apa kes sekalipun sama ada kes jenayah seksual, atau apa-apa kes. Saya akan beri jawapan bertulis untuk lebih terperinci.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin berkenaan dengan *presumption of aged*. Dalam beberapa keadaan tertuduh yang melakukan kesalahan terhadap kanak-kanak akan menggunakan pembelaan bahawa dia tidak tahu bahawa mangsa itu seorang kanak-kanak. Ini dalam keadaan apabila ciri-ciri fizikal kanak-kanak itu menyerupai seorang dewasa. Bagi mengekang pembelaan ini dimasukkan oleh tertuduh maka peruntukkan *presumption of aged* dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini untuk menghalang tertuduh menggunakan pembelaan bahawa dia tidak tahu mangsa itu adalah seorang kanak-kanak. Melainkan jika dia telah mengambil usaha yang munasabah untuk menentukan umur kanak-kanak itu. Jadi sekiranya tertuduh ingin melakukan pembiayaan ini dia harus menunjukkan bahawa dia telah mengambil langkah tertentu untuk menentukan bahawa mangsa itu bukan kanak-kanak. Peruntukkan *presumption of aged* boleh dilihat dalam beberapa undang-undang di negara lain seperti *Criminal Code* di Kanada sebagai contoh.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam perkara ini *ignorance of the law is no excuses*. Tuan Yang di-Pertua pun tahu sebagai pengamal undang-undang. Jadi sebenarnya perlulah tanggungjawab untuk mendapat semua maklumat. Saya pun tahu yang mana banyak Yang Berhormat kata kadang-kadang budak-budak sekarang ini nampak macam dewasa kan, tetapi itu bukan alasan dialah. Undang-undang ini dia tidak lihat pada perkara tersebut. Apa yang kita lihat adalah perlu dikenakan. Kalau Akta Kanak-kanak mendefinisikan kanak-kanak 18 tahun ke bawah undang-undang ini terpakai. Kecualilah Akta Kanak-kanak membuat pindaan dan definisikan kanak-kanak 16 tahun ke bawah, akta ini akan terpakai pada definisi tersebut. Namun setakat ini kita masih pegang 18 tahun ke bawah.

Sekali lagi saya kata bahawa pembelaan dalam seksyen lain, dalam kanun lain, Akta ibu lain tidak akan terpakai dalam rang undang-undang ini. Dengan itu saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Kami pihak kerajaan akan mengambil maklum atas segala cadangan dan saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih, terutamanya sekali kepada Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri atas kepekaan, tetapi kepada PERMATA ya. Ada yang buat saya tertanya-tanya tentang promosi. Saya ingin memaklumkan memang undang-undang ini hanyalah undang-undang. Undang-undang ini boleh dipakai ke atas pesalah tetapi perlu adanya kepekaan. *It must be awareness*. Itu sebabnya PERMATA...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya sikit, penjelasan. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu saya tak berapa jelas di sini. Hukuman yang paling ringan dan hukuman yang paling berat di dalam akta ini. Boleh Yang Berhormat Menteri terangkan sedikit. Dalam semualah, dalam semua. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Soalannya?

Tuan Yang di-Pertua: Hukuman yang ringan dan hukuman yang berat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Oh. Dia macam ini, dia bila hakim hendak hukum maksimum katakan dia boleh hendak masukkan penjara katakan 30 tahun. Maknanya maksimum 30 tahun, kalau satu hari penjara pun boleh... *[Disampuk]* Ada. Maknanya itu cara kita baca undang-undang. Dia macam sebat juga, dia kata sebat lima kali tidak lebih daripada lima, so satu pun boleh. Satu setengah saya rasa tidak boleh. Akan tetapi, undang-undang ini bagi pada maksimum. Memang kita uar-uarkan maksimum 30 tahun, maksimum 20 tahun sebab kita mewujudkan pencegahan. Paling berat 30 tahun, enam kali sebat. Minimum *fine* dia RM5,000. Akan tetapi dalam sini banyak orang kritik bila Majlis Peguam, saya pun agak terperanjatlah kritik tentang sebat untuk umur. Umur lebihan.

Dia kata takkanlah lebih daripada berapa umur pun boleh dikenakan hukuman sebat. Saya tidak nak jawab sebagai peguam, saya hendak jawab sebagai orang politiklah. Bila buat dia tidak fikir pula, yang dia cederakan budak itu, dia melakukan jenayah seksual, dia mangsakan budak tu, dia tidak fikir pula, tua tidak tua. Main belasah sahaja. Akan tetapi bila dia hendak kena hukum takkan kita hendak fikir umur dia. Eh umur ini tidak boleh sebat, umur itu boleh sebat. Saya rasa dalam perkara ini kerajaan memang tak akan berganjak daripada keputusan ini sebab salah tetap salah dan kalau diberikan undang-undang untuk menghukum sebat tidak kisah berapa umur dia, kita sebat. Siapa suruh dia buat, fikirlah betul-betul sebelum dia nak laksanakan jenayah dan sebagainya.

■2030

Akhir sekali, saya sebut tadi tentang PERMATA sebab saya kena memberikan terima kasih kami kepada PERMATA sebab PERMATA menganjurkan Seminar Jenayah Seksual dan PERMATA akan membuat *roadshow* di negeri-negeri dan baru-baru ini dengan kerajaan Pahang sebagai contoh. Mewujudkan kepekaan, sebab kepekaan ini yang penting supaya masyarakat tahu ada undang-undang ini, masyarakat boleh terima dan PERMATA berjaya dalam *early childhood education* sebagai contoh di peringkat tadika, taska terutama sekali kes kanak-kanak di bawah empat tahun, kanak-kanak pendidikan awal, kanak-kanak di bawah empat tahun yang mana PERMATA boleh membawa ini dan saya dimaklumkan akan diberikan selepas undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara dan kita mendapat *seal* daripada Yang di-Pertuan Agong, maka akan diwujudkan kerjasama dengan semua kementerian yang relevan, tetapi lebih dibawa oleh PERMATA ke negeri-negeri untuk diwujudkan kepekaan bagi semua masyarakat, terutama sekali *stakeholders* dalam perkara ini.

Saya ucap terima kasih kerana undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk menapis gejala ini. Dengan itu, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua NGO yang berkaitan, terima kasih kepada Jabatan Peguam Negara, terima kasih kepada kementerian-kementerian relevan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, terima kasih kepada semua NGO di dalam negara dan juga peringkat antarabangsa yang membantu kerajaan dalam mewujudkan rang undang-undang ini.

Saya berharap segala yang baik datang daripada Allah SWT, dengan itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-Senator. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan) dan diluluskan].

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan penghargaan khas kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pejabat Peguam Negara di atas usul menjayakan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak. Syabas. Terima kasih daun keladi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.36 mlm

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat malam, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Timbang dan Sukat 1972 [Akta 71] digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan selaras dengan hasrat kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna serta mengawal selia ke atas alat timbang atau sukat atau timbangan atau sukatan yang digunakan untuk tujuan perdagangan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 71 tersebut. Selain itu, Akta 71 ini juga mempunyai objektif seperti berikut:

- (i) memastikan timbang dan sukat yang digunakan menepati reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan oleh penyimpanan timbang dan sukat (Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan);
- (ii) memastikan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan ditentusahkan;
- (iii) mengawal selia lesen yang dikeluarkan kepada pembuat, pembaik dan penjual alat-alat timbang dan sukat; dan
- (iv) mengawal selia syarikat berlesen untuk menjalankan perkhidmatan penentusahan alat-alat timbang dan sukat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil pendekatan yang serius akan pelanggaran oleh mana-mana peniaga terhadap ketidakpatuhan sukatan dan timbangan atau alat timbang atau sukat yang kurang tepat atau tidak ditentusahkan kerana ia merupakan satu bentuk penipuan atau penyelewengan terhadap pengguna. Justeru itu, dengan mengambil kira pendekatan tersebut dan peningkatan dalam kes yang melibatkan pematuhan kepada alat timbang atau sukat atau timbangan atau sukatan, maka pindaan telah dicadangkan bagi meningkatkan hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang melanggar Akta 71 supaya dapat mengelak apa-apa penyelewengan atau manipulasi ke atas alat timbang atau sukat atau timbangan atau sukatan.

Selain daripada peningkatan dalam hukuman yang sedia ada, skop cadangan pindaan kepada Akta 71 juga bertujuan untuk menjelaskan lagi kuasa Menteri dalam membuat peraturan-peraturan dan memasukkan seksyen baru untuk memberi kuasa kepada inspektor timbang dan sukat bagi beberapa perkara yang berkaitan dengan akta ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■ 2040

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 15 Februari 2017 antara lain juga telah bersetuju agar Akta 71 ini dipinda berdasarkan keperluan kepada pematuhan penggunaan alat timbang atau sukat atau timbangan atau sukatan yang tepat.

Persediaan ke atas perkembangan teknologi timbangan atau sukatan membanteras manipulasi kepada maksimum timbangan atau sukatan dan juga meningkatkan kadar penalti denda. Antara ciri-ciri utama kepada cadangan pindaan ini adalah seperti berikut:

- (i) untuk memberi punca kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berhubung alat timbang atau sukat atau timbangan atau sukatan;

- (ii) memberi kuasa tambahan kepada inspektor timbang dan sukat untuk menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang yang gagal menzahirkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang berkaitan atau memberikan apa-apa maklumat dokumen atau keterangan yang dia tahu atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan bagi maksud pemeriksaan timbang dan sukat;
- (iii) mencadangkan agar terma yang diguna pakai dan dipraktikkan antarabangsa diadaptasi oleh negara ini bagi mengelakkan kekeliruan industri dalam penggunaan terma-terma pengukuran alat timbang atau sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan; dan
- (iv) meningkatkan penalti denda bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan *fraud* atau penipuan dalam timbangan atau sukatan atau penipuan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan adalah seperti berikut:

- (i) memasukkan seksyen baru 2A untuk memberi kuasa kepada Menteri supaya unit sukatan linear dapat diperluaskan tanpa pindaan kepada Akta 71. Pindaan ini juga bagi memudahkan unit sukatan pada jadual kedua boleh ditambah atau dipinda pada bila-bila masa melalui perintah yang dibuat melalui warta;
- (ii) memasukkan subseksyen baru 28(3) untuk menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang yang gagal menzahirkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat dokumen atau keterangan yang berkaitan atau memberikan apa-apa maklumat dokumen atau keterangan yang dia tahu atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan bagi maksud pemeriksaan timbang dan sukat;
- (iii) menaikkan amaun denda yang dikenakan kepada kesalahan-kesalahan di bawah subseksyen 12(3) dan subseksyen 28(2) serta subseksyen 14, 14B, 16, 17, 18, 19, 20 dan 20A Akta 71 sudah tidak lagi relevan pada masa ini dan tidak pernah dikaji sejak tahun 1972. Kenaikan denda antara RM5,000 hingga RM50,000;
- (iv) memasukkan perenggan baru 29(2)(gj) bagi membolehkan menteri menetapkan penalti bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini; dan
- (v) menggubal semula subseksyen 30 untuk mengguna pakai terma dan dipraktikkan antarabangsa diadaptasi oleh negara ini bagi mengelakkan kekeliruan industri dalam penggunaan terma-terma pengukuran alat timbang atau sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong? Sila, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:

Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya panggil nombor satu Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

8.46 mlm.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana meminda akta yang menjadi tulang belakang utama dalam aktiviti perdagangan harian. Untuk itu, melalui pindaan ini di mana penalti yang lebih berat dikenakan mengikut pindaan fasal 2 meliputi cadangan pindaan seksyen 12 adalah disokong. Denda yang bakal dikenakan sehingga maksimum RM50,000 di dalam fasal 2(b) membuktikan bahawa kerajaan benar-benar prihatin dan responsif terhadap kebajikan dan kepentingan perlindungan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua. Jika dilihat dalam perkembangan penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat ini, kita masih lagi tertinggal apabila kita membuat ukuran timbang dan sukat beberapa perkara pengukuran yang melibatkan unit timbang dan sukat yang perlu dikawal selia oleh kementerian kerana ia mempunyai kepentingan rakyat.

Isu yang ingin saya kemukakan untuk mendapatkan perincian jawapan dan tindakan kementerian adalah berhubung dengan perkara seperti berikut:

- (i) kawalan sukat bagi meter pengukuran penggunaan elektrik dan julat masa blok penggunaan yang digariskan dalam peraturan akta bekalan elektrik;
- (ii) kawalan sukat bagi meter pengukuran sukat isi padu bekalan air bersih serta julat masa blok penggunaan yang digariskan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 serta Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) bagi negeri-negeri di seluruh negara; dan
- (iii) kawalan sukat bagi meter pengukuran jualan *chilled water*, *steam* atau *dry air* yang mana pertubuhan loji *cooling* dan *generation plant* ini terus meningkat seiring pertumbuhan industri tenaga petrokimia dan kawasan perindustrian strategik seperti penentu ukuran pengukuran sukat *cogen plant* di KLCC, Putrajaya, KLIA dan mungkin beberapa kawasan perindustrian yang mana tenaga *chilled water* atau *steam industry* dijual oleh *cogen plant operator*.

Tuan Yang di-Pertua, yang ditimbulkan oleh kebanyakan pengguna dalam kes ketidakpuasan hati pengguna apabila beberapa pertikaian berikut dikemukakan dan pihak regular seperti Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Badan Kawal Selia Air Negeri terkekang untuk menguatkuasakan peraturan sukat kerana kekangan beberapa peruntukan akta yang tidak ada dalam Akta Timbang dan Sukat 1972.

■2050

Justeru, kira bahawa revolusi sistem pengukuran antarabangsa dan legitimasi sistem pengukuran standard Malaysia yang melalui tempoh pewartaan Akta Sistem Pengukuran

Kebangsaan 2007, saya ingin mendapatkan persoalan bagaimana isu perlindungan pengguna dapat dipelihara dalam beberapa isu ini.

Pertama, ketetapan pengukuran jualan tenaga elektrik dan integriti meter pengukuran bagi memastikan rekod bacaan meter sukat tenaga elektrik tidak dieksploitasi oleh syarikat utiliti seperti TNB, SESCO, SCSB atau pihak ketiga agar pematuhan kitaran blok masa pengukuran pengambilan kepada pengguna yang tidak boleh dipertikai dan meminimumkan ralat pengukuran dan perbezaan *factor energy loses*.

Dalam kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, kita berbahas ini kita tidak dapat lari dari kita melindungi kepentingan pengguna-pengguna elektrik bila mana perkhidmatan bekalan elektrik yang sering terganggu, *blackout* tanpa notis. Bila bekalan elektrik terganggu maka banyaklah kerumitan, kesulitan, kesusahan dan kerugian yang dialami oleh pengguna. Apa tindakan yang harus diambil oleh syarikat pembekal elektrik apabila pengguna berhadapan dengan keadaan seperti ini?

Dalam hal ini boleh kiranya diambil kira dalam rang undang-undang ini bagi soal bukan sahaja kuantum kuantiti tetapi juga kuantum kualiti serta dengan *social responsibility*. Maksud saya bilamana kepentingan pengguna terjejas disebabkan terputusnya bekalan elektrik misalnya secara tiba-tiba tanpa notis, maka syarikat bekalan elektrik boleh berhadapan dengan tindakan oleh kerajaan kerana mengabaikan tanggungjawab kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, ketetapan dan kecekapan pita pengukuran isi padu jualan air terawat bersih kerana dalam bekalan air nisbah komposisi isi padu bekalan air terawat berbanding *pressurize dry air* perlu ditangani dengan segera. Ini kerana saya mendapat maklum balas awam bahawa kebanyakan meter bil terawat mengalami penokokan kiraan isi paduan walaupun bekalan air terhenti tetapi saluran paip hanya terisi *pressurize dry air* semasa tempoh lucut hak perkhidmatan apabila loji atau rumah pam air menjalani penjanaan rutin.

Ketiga, saya mahu perincian jawapan ialah penetapan unit standard dalam peraturan timbang dan sukat apabila perniagaan berasaskan *cell water*, stim dan apa-apa gas atau tenaga ditetapkan dalam pelbagai siri perundangan yang dikuatkuasakan oleh *regulator* seperti Suruhanjaya Tenaga atau badan berkuasa lain agar kepentingan pengguna dan integriti alat pengukuran dipelihara dan keperluan legitimasi diambil kira dalam Akta Timbang dan Sukat ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan penuh saya kepada pindaan ini, semoga pindaan yang dibuat ini dan isu-isu yang saya kemukakan tadi dapat melindungi dan menjaga kepentingan rakyat sebagai pengguna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin haji Suhaili dan sekarang nombor dua saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd. Sultan.

8.54 mlm.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya untuk turut sama berbahas Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017.

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat ini bermatlamat meminda Akta Timbang dan Sukat 1972. Ini ekoran penipuan semasa urus niaga sering kali dilaporkan ekoran terdapat segelintir peniaga yang mengambil kesempatan mengubahsuai alat penimbang bagi mengaburi mata pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 mewajibkan peniaga menghantar alat penimbang berat untuk penentuan ukur setiap tahun, namun arahan ini kurang diberi perhatian oleh kebanyakan peniaga. Ini ekoran kurangnya penguatkuasaan oleh pihak kementerian dan jika adapun hanya ketika musim perayaan. Penguatkuasaan lebih ke arah memeriksa harga siling makanan, tiada tanda harga, kes menyorok stok bahan makanan, maka pemeriksaan alat timbang dan sukat kurang diberi perhatian yang khusus.

Maka saya melihat akta ini digubal bertujuan untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 demi melindungi kepentingan pengguna, menaikkan jumlah denda serta memastikan perniagaan menggunakan alat penimbang yang sesuai dengan bentuk perniagaan serta mematuhi piawaian yang ditetapkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017 ini dipinda bagi mengelak penyelewengan dan manipulasi proses timbangan dan sukatan dalam perdagangan. Antara ciri utama pindaan itu ialah meningkatkan penalti denda bagi kesalahan melibatkan penipuan dalam timbangan dan sukatan terhadap pengguna. Antara penambahbaikan utama ialah kenaikan hukuman denda bagi peniaga yang mengelirukan pengguna dengan penggunaan alat timbangan yang tidak mematuhi standard yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

Antara bentuk penipuan yang sering dilaporkan, alat timbang yang menggunakan alat penimbang berat mekanikal tidak tepat iaitu timbang dua muka. Terdapat alat penimbang berat yang memaparkan pelekat penentu ukur tidak dipaparkan kepada pengguna. Sepatutnya pelekat penentu ukur itu perlu atau dapat dilihat pengguna supaya mereka pasti akan ketetapan alat penimbang berat itu. Mengubahsuai jarum penunjuk agar tidak bermula dari kosong atau sifar dan kadangkala jarum pada permukaan plastik yang telus itu juga kotor dan kabur menyebabkan bacaan pada jarum itu menjadi sukar.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada beberapa alasan utama mengapa isu ini masih berterusan. Mentaliti peniaga sendiri yang mahu mengejar keuntungan segera tanpa memikirkan nilai moral dan tuntutan agama. Sikap tidak apa pengguna kerana walaupun mengetahui hak mereka sebagai pengguna di manipulasi, mereka memilih untuk tidak melaporkan kepada pihak penguat kuasa. Mungkin atas alasan hanya penipuan kecil dan tidak berbaloi untuk dipanjangkan kepada pihak berkuasa.

Kurangnya pengetahuan dan kesedaran di kalangan masyarakat awam berkaitan hak-hak sebagai seorang pengguna. Penguatkuasaan yang longgar pihak berwajib kemungkinan kurang kakitangan untuk turun padang serta lebih menumpukan kepada isu-isu berbanding penipuan timbang dan sukat ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd. Sultan dan sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat.

8.59 mlm.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam negaraku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan nama saya sebenarnya Datuk *Surveyor* Haji Hanafi bukan Datuk Seri itu, 'Sr.' itu *surveyor [Ketawa]* Dia macam- kalau arkitek- Ar; kalau jurutera- Ir.; kalau doktor- Dr.; dan *surveyor* ini- Sr. Itu yang hendak dibetulkan. Orang keliru nanti, orang *report* kepada polis kata saya tipu pula. Saya bukan Datuk Seri. Saya Datuk sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam membahas Rang Undang-undang Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017.

■2100

Seperti dimaklumkan oleh dua rakan saya tadi, rakyat ataupun pengguna sering tertipu dengan timbang dan sukat barang-barang keperluan harian ataupun meter ataupun pelbagai peralatan yang digunakan yang berkaitan dengan timbang dan sukat. Perkara ini selalunya berpanjangan oleh kerana *naivety* kita ataupun kita terlalu naif dan tidak mempedulikan hal-hal berkaitan dengan timbang dan sukat. Contohnya, pengguna biasa pergi ke *supermarket* ataupun ke kedai-kedai, mereka tidak perlu ambil tahu, tidak pernah mengambil tahu tentang berapa betul kah ukuran ataupun timbangan itu. Lebih-lebih lagi, sekarang kesemuanya telah dipakej ataupun dipaketkan, tidak perlu ditimbang lagi. Jadi kita hanya mengetahui jikalau ada orang yang mengambil inisiatif untuk menimbang, barulah kita tahu bahawasanya ianya tidak cukup timbangan. Demikianlah berlaku seharian dan saya kira ianya masih lagi berlaku.

Justeru itu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah mengadakan pindaan kepada undang-undang ini dengan menambah baik di atas perkara-perkara berkaitan dengan penalti dan kebanyakannya berkaitan dengan penalti sahaja. Yang lain-lain, ianya tidak begitu terubah.

Saya sangat setuju dengan cadangan-cadangan untuk kerajaan memastikan meter yang kita gunakan betul-betul menepati piawai dan sering dipantau oleh pihak KPDNKK. Cuma, saya hendak tahu sama ada meter elektrik dan meter air di rumah kita itu juga di bawah penyeliaan KPDNKK? Ini kerana saya sering dimaklumkan oleh rakyat ataupun orang kampung, kadang-kadang bil elektrik dia meningkat dengan mendadak dan kita tidak tahu sama ada meter yang berada di rumah kita dikalibrasikan dan kita tidak tahu sama ada KPDNKK pernah datang ke rumah kita untuk menyemak dan melihat sama ada kalibrasinya betul kerana semenjak diletakkan meter di rumah, berpuluh tahun ianya kekal begitu, tidak pernah ditukar. Ini satu perkara yang jelas yang berlaku di kalangan masyarakat kita.

Demikian juga meter air. Di Kelantan, Air Kelantan pasang meter, dia tinggalkan begitu, hanya datang sebulan sekali untuk membaca meter dan tidak pernah ada orang yang datang untuk mengkalibrasikan sama ada betul ataupun sudah rosak ataupun sebagainya. Sebab itu sering kali bayaran caj air meningkat. Tetapi, Air Kelantan mengatakan itu sebab ketirisan ataupun kebocoran sedangkan bagi saya, saya mengesyaki bahawa meter ini tidak pernah dikalibrasi. Justeru kalau rosak pun, kita tidak mengetahui. Jadi eloklah kalau boleh Menteri menjelaskan kepada kita sama ada ini juga di bawah tanggungjawab mereka untuk melihat.

Seterusnya, saya juga ingin memaklumkan bahawa dalam sukat ini, bukan sahaja kita sukat timbang, ada juga sukat linear, ada luas, ada isi padu, ada muatan dan pelbagai lagi proses sukatan. Dalam ukuran linear, saya nak tahu tanggungjawab KPDNKK untuk memantau nak pastikan ukuran itu benar. Saya sering ditanya oleh mereka-mereka yang mendiami kondominium ataupun apartmen. Dia kata, "*Betul kah ini ukuran rumah kita ini? Betul kah tidak kita bayar caj? Betul kah tidak kita bayar mengikut keluasan?*" Itu satu soalan.

Yang lain-lain juga bertanya tentang masalah-masalah berkaitan dengan ukuran yang kita tidak tahu kesahihannya seperti meter teksis dan sebagainya. Ini juga satu perkara yang rakyat ingin mengetahui sama ada ini di bawah seliaan KPDNKK ataupun kementerian.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pindaan beberapa seksyen yang saya rasa saya ingin tahu lebih mendalam seperti pindaan pada seksyen 16. Ia berkait dengan mengguna alat tidak seimbang. Denda dulu hanya RM400 dinaikkan kepada RM40,000. Jadi soalan saya, mengapa dinaikkan angka RM40,000? Mengapa tidak RM50,000? Jarang sekali kita tengok caj ataupun penalti ataupun denda yang diberikan di mana-mana kesalahan, angkanya tidak julat ataupun angkanya menimbulkan tanda tanya seperti RM40,000, RM30,000. Mengapa tidak RM50,000? Itu soalan sayalah. Tetapi, ianya ada kebaikannya kerana mengguna alat tidak seimbang ini menjurus kepada penipuan yang sangat ketara.

Demikian juga di seksyen 17, kesalahan mengguna, memiliki alat timbang palsu dan *fraud*. Saya tengok penalti dinaikkan kepada RM50,000. Saya fikir kalau terlibat dengan *fraud* penaltinya RM50,000, ia tidak akan mengajar peniaga itu dengan berkesan. Saya rasa perlu dinaikkan lebih tinggi lagi.

Demikian juga di seksyen 18. Pindaan ini juga tidak memberi kesan yang menakutkan kepada orang-orang yang hendak menipu kita, menipu rakyat. Dalam seksyen ini iaitu membuat, menjual dan membaiki timbang palsu. Orang itu dah buat mesin timbang, lepas itu dia menjual mesin timbang dan dia membaiki mesin timbang tetapi mesin timbang itu palsu. Denda hanya RM40,000. Saya fikir kita perlu menaikkan denda sebanyak RM100,000 untuk mengajar mereka kerana kesan terhadap ekonomi, kesan terhadap rakyat dan pengguna sangat-sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tengok dalam senarai pindaan ini, ia berkait dengan peningkatan denda dan saya rasa kerajaan perlu melihat semula denda-denda ini kerana saya rasa ianya tidak mencukupi untuk menghalang penjenayah perdagangan ini melakukan jenayah seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada lagi yang saya hendak perkatalkan tentang pindaan ini kerana saya lihat...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon menceleh, Yang Berhormat.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Boleh, boleh. Silakan.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya tertarik dengan Yang Berhormat menyebut tadi bil elektrik dan juga bil air. Saya terbaca, apabila saya tengok dalam artikel ini, saya terbaca di Sarawak, alat timbang kenderaan, dia katakan di sini KPDNKK Sarawak merampas indikator meter alat penimbang kenderaan di kedua-dua premis perniagaan kerana didapati telah diubahsuai dan tidak ditentusahkan oleh pihak Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. Bila disebut sendirian

berhad di sini, dia mengupas balik MCM itu. MCM merupakan sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Timbang Sukat 1972 dan mengambil alih tugas penentusahkan alat timbang dan sukat daripada KPDNKK sejak 4 April 2005.

Saya tertarik juga, Yang Berhormat, kerana bila sebut sendirian berhad ini, sendirian berhad ini kalau objektif dia, *profit*. *Profit maximization* dia punya objektif dia dan dia punya hala tuju dia ke arah itu. Kalau kita melantik sebuah syarikat untuk membuat kerja-kerja sebegini, kita bimbang dan takut berlaku penipuan ataupun salah guna kuasa kerana melihat kepada *profit margin* yang tinggi.

Jadi saya nak bertanya, nak tumpang bertanya dengan Yang Berhormat, sama ada, ada kebetulan tak dengan bil elektrik tadi dengan bil air tadi diadakan *corporation* yang begini juga, sama ada di bawah KPDNKK? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya mendapat maklum ataupun melalui pengetahuan saya, syarikat Metrology ini seolah-olah macam syarikat konsesi yang diberi tanggungjawab oleh kementerian untuk menentusahkan alat-alat sukat dan timbang. Saya rasa lepas ini boleh jadi Menteri akan beri penjelasan.

▪ **2110**

Saya dimaklumkan hanya ini sahaja syarikat yang memantau penentusahan di seluruh negara. Itu pun saya hendak pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau betul, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi kerana kalau dalam kes-kes sebegini, kalau kita serahkan tanggungjawab kepada hanya satu sahaja syarikat, ia boleh menimbulkan syak wasangka ataupun boleh menarik kepada tuduhan-tuduhan yang syarikat ini tidak menjalankan tugas dengan betul mengikut kehendak Kerajaan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator tadi dan kita harap pihak kementerian dapat beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang ingin saya perkatikan dan saya mohon supaya kerajaan terus memberi penekanan kepada pemantauan hal-hal berkaitan dengan timbang dan sukat kerana ia menjejaskan pengguna dan rakyat keseluruhan. Dengan itu saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff. Dipersilakan.

9.21 mlm.

Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kongsi sedikit. Saya adalah pengusaha stesen minyak. Jadi perkongsian saya ini, pam minyak, sukatan *liter diverify*, dengan izin, oleh Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. seperti yang Yang Berhormat Dato' Suhaimi kata tadi. Jadi minyak di stesen saya ini, selepas *diverify* oleh pihak Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. dia kena *stamping* setiap kali *calibration pump* dibuat. Jadi memang betul, Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Semua stesen

minyak di Malaysia ini memang kena bayar kepada Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. dan kita pihak stesen minyak pun membayarliah kepada Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan denda bagi semua kesalahan kecurangan peniaga mengisytiharkan butiran sukat dan timbang akan merencatkan integriti dagangan dan perniagaan negara. Selaras dengan tafsiran seksyen 2(1) dalam konteks alat timbang dan sukat awam, saya ingin mengemukakan integriti atau kawal selia pengukuran berikut. Ada tiga perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak katakan di sini.

- (i) sukatan data jalur lebar;
- (ii) barang kemas dan permata; dan
- (iii) hala tuju bandingan dalam AES dan *camera speed trap*.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pertikaian sukatan data jalur lebar, masalah caj berganda jalur lebar. Apabila tetapan perayauan antarabangsa menjadi pertikaian dan masalah hilang kredit prepaid talian selular. Seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan akses internet sebagai pasaran baru digital (DFTZ), saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

- (i) apakah kawalan sukatan data jalur lebar gigabait;
- (ii) apakah perlu beberapa pindaan dibuat pada akta ini atau Akta Standard Pengukuran Malaysia 2001; dan
- (iii) bagaimanakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) merangka kerangka kerja dalam menyelesaikan kes-kes pertikaian jalur lebar dengan syarikat telco.

Tuan Yang di-Pertua, semaklum sayalah, pada tahun 2013, Persatuan Pemilik Telefon Bimbit menyatakan seramai 100,000 disenarai hitam CTOS kerana hutang bil telco. Jadi saya mohon pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk memberi maklumat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin kemukakan adalah isu penentu ukuran ketulenan barang kemas. Isu ini amat penting, Yang Berhormat Menteri, kerana pada masa kini kita tidak tahu bagaimanakah pengguna dapat menentukan kesahihan, ketulenan barangan kemas, barangan permata berharga. Saya mohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk memberi sedikit pencerahan. Saya hendak bagi contoh. Kadang-kadang orang kampung ini, dia datang rumah, dia sembang-sembang, sepuluh tahun, 12 tahun dulu dia beli barang kemas. Jadi yang kita faham barang kemas yang boleh dijual atau digadai hanyalah emas 916, 850, 835 dan 750 akan tetapi makcik ini dia pergi beli barang kemas, dalam sepuluh hingga 12 tahun, surat beli itu sudah tidak ada tetapi apabila dia ada *financial problem* atau masalah kewangan, dia pergi ke pajak gadai untuk jual barang kemas. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, apabila dia pergi ke pajak gadai, pajak gadai tidak dapat terima sebab emas yang dia beli itu adalah emas 505. Jadi dia sudah tertipu di situ.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir dari saya, dalam pindaan Akta Timbang dan Sukat ini, saya ingin mendapatkan penjelasan. Yang ini pentinglah bagi saya iaitu penjelasan bagaimanakah alat perangkap laju JPJ dan PDRM ditentu ukur. Ini kerana had laju bandingan yang disukat dan

pesalah trafik yang dikesan perlu mendapatkan kesahihan ukuran sukatan had laju bandingan agar isu teknikal dalam undang-undang pengangkutan jalan tidak dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin tahulah bagi ketiga-tiga isu ini yang saya kemukakan tadi adakah Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mempunyai kaedah bagi verifikasi dan re-verifikasi sukatan. Itu sahaja dari saya. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Akhirnya, kita jemput juga Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Dipersilakan.

9.17 mlm.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya tengok setiap pindaan undang-undang ini ke arah kebaikan. Jadi saya hendak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Betullah slogan, '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'. Dalam hal ini, saya melihat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ini satu kementerian yang *direct* dengan pengguna, dengan rakyat bawahan. Jadi kebaikan pindaan undang-undang ini memang betul.

Cuma dalam perkara hendak pinda undang-undang ini, memang kita setuju ke arah kebaikan cuma dari segi penguatkuasaan. Saya tengok memang undang-undang ini baik, peraturan memang cukup bagus untuk kerajaan membantu rakyat tetapi dari segi penguatkuasaan. Saya tengok Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ini kakitangannya kurang. Bila dia hendak kuat kuasa itu, saya lebih suka kalau pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ini jangan pakai uniform kalau hendak pergi buat *enforcement*. Kena pakai *style special branch* (SB). Barulah dapat tangkap orang yang tipu-tipu ini. Timbang dan sukat ini biasanya kalau penguat kuasa pergi, dia letak yang betul. Kalau penguat kuasa balik, dia letak yang tidak betul. Orang kampung, bila pergi beli itu, mana hendak timbang letak. Mana dia tengok. Dia cuma tahu bayar sahaja. Berapa? Terus bayar.

Jadi saya hendak dalam perkara ini, undang-undang ini betul. Peraturan itu molek untuk rakyat tetapi penguatkuasaan. Jadi saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) cuba mengambil maklum perkara ini. Dari segi penguatkuasaan itu, biar sistematik dan biar berahsia. Jangan hendak pergi buat *enforcement* itu, buat rombongan 20 hingga 30 orang sekali pergi. Itu memang orang larilah. Dia pun memang letak yang betul. Kalau hendak pergi, pergi *style special branch*. Hari ini pergi *check* dulu, tengok dulu. Esok, ngap dia, lagi bagus. Ini pergi 20 hingga 30 orang. Memang dia letak yang betullah. Kalau tahu hendak pergi esok, kedai pun tutuplah. Jadi dari segi penguatkuasaan, undang-undang ini betul, bagus. Peraturan bagus tetapi penguatkuasaan supaya biar benda ini menjadi realiti dan betul-betul hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional hendak bantu rakyat, tolong rakyat.

■ 2120

Begitu juga tadi Yang Berhormat Datuk Haji Sr. Hanafi kata soal air. Saya puas dah. Contohnya di Kelantan sekarang ini, air muat muat saya biasa RM5, dia dah nak RM60, RM70. Dia pun hairan macam mana harga boleh naik. Jadi, minta pihak KPDNKK jangan sukat timbang yang dekat kedai kopi sahaja, cuba sukat timbang dekat meter air pun kena tengok juga. Meter air, meter api pun kena tengok juga. Sebab ini dia ini pengguna.

Jadi, KPDNKK ini kepenggunaan. Jadi, kita ini adalah *consumer*, pengguna. Jadi, tolong *check* juga meter air, meter api dan juga timbang, kalau dekat Kelantan itu yang tokeh-tokeh getah ini. Kebanyakan orangnya pergi timbang getah, timbang macam itu sahaja. Basi dia timbang 80 kilo, basi 20 kilo, 60 kilo sahaja. Jadi, cuba ambil maklum supaya biar penduduk, rakyat tidak dibebani oleh penipuan oleh orang yang ber*authority*, yang ada *pitih*, yang ada duit ini. Jadi, minta...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya hendak mohon mencelah sikit Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Oh, ada lagi?

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Ya, penguatkuasaan Yang Berhormat kata tadi itu sampai 20, 30 orang pergi itu kita bersetuju. Akan tetapi rakyat yang di bawah ini, dia tak tahu ini, sukatan-sukatan. Kadang-kadang dia pun tak faham. Macam Yang Berhormat kata timbang basi getah tadi pun dia tak faham. Kadang-kadang hak yang pi bendang pun sama juga Yang Berhormat. Dia potong beras basah, dia potong dipanggil *hampa* dan sebagainya. Dia tak faham ini. Potongan itu pula Yang berhormat, kadang-kadang ditipu sahaja.

Jadi, saya hendak mencadangkan kepada KPDNKK kalau Yang Berhormat bersetujulah, tumpang Yang Berhormat punya perbincangan ini, supaya di tiap-tiap masjid, semasa khutbah itu, selitkan sedikit berhubung dengan pengumuman atau penerangan berhubung dengan sukatan ini, alat penimbang ini atau cara mana penipuan-penipuan boleh dilakukan kepada rakyat. Jadi, supaya mereka ini faham dan bila orang kampung faham, saya percaya dan yakin mereka ini akan bangkit untuk melaporkan kepada KPDNKK. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Semangat betul Dato' Haji Mohd. Suhaimi, saya setuju. Betul Dato' Haji Mohd. Suhaimi. Kalau rakyat faham dan saya setuju jika di umum di masjid begitu. Oleh sebab kalau di kampung, contohnya timbang getah, timbang orang Kelantan panggil pok getah. Dia soal basi itu saya ingat ikut sedap dia. Orang kampung tak tahu. Orang kampung janji dia pergi, dapat duit *cash* sahaja, selesai masalah. Jadi, saya nak tanya kementerianlah, saya minta penguat kuasa ini direalisasikan supaya rakyat kampung ini tidak dibebani dengan penipuan. Mungkin rakyat boleh dapat hasil banyak lagi, jika kalau tipu pun tak banyak, tipu sikit-sikit tak apalah. Tipu banyak itu menjadi beban kepada rakyat di kampung. Saya minta supaya perkara ini dikaji, diteliti dan diambil tindakan agar rakyat tidak terbeban oleh penipuan timbang dan sukat ini.

Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Sekarang perbincangan kita lima orang ambil bahagian dan sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

9.24 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mulakan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh yang lima orang Yang Berhormat Senator bermula daripada Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili yang membangkitkan isu perlindungan pengguna. Pertama, dari segi penetapan pengurusan elektrik dan integriti meter elektrik bagi mengelakkan eksploitasi oleh pembekal seperti TNB. Kedua, tanggungjawab pembekal kepada pengguna bila bekalan terganggu. Terima kasih Yang Berhormat. TNB dan juga *regulator-regulator* lain berhubung dengan elektrik adalah dipantau oleh pihak Suruhanjaya Tenaga. Semua agensi yang ada menggunakan apa-apa alat timbang atau sukat adalah masih tertakluk di bawah Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 iaitu berhubung dengan penetapan unit dalam sukatan.

Seterusnya, menimbulkan isu timbang sukat dalam perniagaan berasaskan *chill water*. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap mesin *chill water* yang menyediakan air minuman, ditentu sahkan setiap tahun jika alat tersebut digunakan untuk jualan ataupun perdagangan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator menyokong pindaan yang dibawa iaitu mengenai kawalan sukat bagi penggunaan meter elektrik, kawalan sukat meter isi padu air, kawalan sukat bagi *chill water*. Terima kasih Yang Berhormat. Menurut Perintah Timbang dan Sukat 1995, pengecualian ataupun penentuan dan pemeriksaan untuk meter elektrik diletakkan di bawah Suruhanjaya Tenaga untuk meter. Air diletakkan di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Mereka akan menguatkuasakan sendiri ke atas meter-meter yang tersebut di atas.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan membangkitkan isu mengenai-beliau mengulas semula punca-punca berlakunya penyelewengan. Pertama, peniaga wajib buat penentusahan sekurang-kurangnya sekali setahun. Penguatkuasaan kurang dan penguat kuasa hanya dibuat secara bermusim bila musim perayaan.

Isu kedua, mengelak penyelewengan, penimbang berat tidak tepat, mengubah jarum penimbang. Sikap pengguna yang tidak ambil peduli. Seterusnya, Yang Berhormat menyokong sepenuhnya pindaan rang undang-undang yang dibawa. Kementerian mengucapkan terima kasih kerana menyokong dan memberikan pandangan berhubung cadangan rang undang-undang ini. Segala cadangan dan pandangan Yang Berhormat akan diambil maklum dan diberi perhatian.

Yang Berhormat Senator Datuk Hanafi Haji Mamat juga menyokong pindaan, terutamanya berkaitan penalti. Kedua, status meter air dan elektrik. Adakah ia di bawah KPDNKK? Mengikut Perintah-perintah Timbang dan Sukat (Pengecualian) 1995, meter air diletakkan di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air, sementara meter elektrik diletakkan di bawah Suruhanjaya Tenaga...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Henry Sum Agong: Ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Interrupt* sikit, boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Henry Sum Agong: Ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tadi kalau elektrik bawah Suruhanjaya Tenaga, itu elektrik. Ini bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air sebab kita ini pengguna. Kita hendak

cadangkan, boleh tak kementerian *take care* atau ambil tahu juga fasal kita ini pengguna, pengguna elektrik, pengguna air. Bermakna, kalau boleh letak di bawah ini juga, di bawah KPDNKK untuk membela rakyat yang mungkin dari segi timbang sukat ini tak betul. Bil api, kadang-kadang bil itu, meter itu dah 30 tahun. Meter pun dah jadi gila dia.

■2130

Jadi, kadang-kadang banyak keadaan bil itu banyak sikit menurun menaik jadi ini membebankan rakyat. Jadi kalau bolehlah, KPDNKK *take care* juga pengguna di bawah air dan juga elektrik ini. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat pihak kementerian akan mengambil maklum perkara ini. Mungkin di bawah NBOS semua pihak yang ada kaitan ini akan berunding tentang perkara ini nanti. Baik terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan sedikit ataupun *guidelines*. Ini berlaku di Sarawak kita lihat bahawa SESCO yang membekal elektrik di negeri Sarawak ada kalanya mereka ada mengadakan satu operasi untuk menukar meter-meter elektrik di rumah kediaman. Selepas ditukar mereka minta tuan rumah *sign* dan mereka bawa meter itu balik ke stor SESCO, mereka pasang meter baru dan mereka bawa meter lama ke stor SESCO. Dua, tiga bulan selepas itu mereka ada kalanya mengeluarkan satu notis mengatakan bahawa tuan punya meter itu telah *tamped* telah mengubah meter itu dan didapati bahawa perjalanan meter itu katanya lambat.

Jadi dalam hal ini tidak ada pihak yang dapat *calibrate* bagaimana meter itu disahkan? Akhirnya pengguna dikatakan mencuri elektrik, meter jadi lambat dan akhirnya mereka mempunyai tunggakan sehingga RM3,000, RM2,000, RM4,000. Jadi di dalam aspek ini bagaimana peranan kementerian untuk melindungi kepentingan pengguna seperti ini? Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi maklumat seperti mana yang dikatakan tadi dan pihak kementerian mungkin belum mendapat apa-apa makluman mengenai perkara ini dan pihak kementerian akan menyiasat dan akan mendapat tahu bagaimanakah perkara ini berlaku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Dato' Henry Sum Agong: Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat telah membangkitkan isu- beliau sebenarnya menyokong pindaan terutamanya, ini mengenai penalti tadi ya? Status meter air dan elektrik, adakah ia di bawah KPDNKK? Ini saya sudah beritahu tadi.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat juga mencadangkan supaya ditingkatkan denda lebih daripada RM5,000. Kedua beliau juga mengatakan denda RM50,000 juga tidak mencukupi untuk menghalang jenayah alat timbang palsu dan seterusnya perlu dipertimbangkan supaya ditingkatkan.

Pada masa ini pihak kementerian berpandangan kadar denda tersebut adalah memadai dengan kenaikan kadar denda yang menjadi pengajaran kepada peniaga. Kenaikan denda adalah hampir sepuluh kali ganda berbanding kadar denda asal. Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji, ini mengenai linear, ingin tahu tanggungjawab KPDNKK dalam menentukan alat pengukur linear, dan juga mengadakan meter teksi juga di bawah KPDNKK.

Untuk makluman Yang Berhormat alat sukat linear merupakan salah satu alat yang wajib ditentusahkan setiap 12 bulan. Menurut Perintah Timbang dan Sukat Pengecualian 1995, meter teksis diletakkan di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan.

Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat membangkitkan sama ada Metrology Corporation Malaysia merupakan satu-satunya syarikat yang dilesenkan oleh KPDNKK. Untuk makluman Yang Berhormat Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. dilesenkan di bawah seksyen 26A, Akta Timbang dan Sukat. Buat masa ini, hanya syarikat ini yang mempunyai autoriti untuk membuat ujian penentusahan kepada semua alat timbang dan sukat di Malaysia. Namun begitu, syarikat-syarikat lain boleh memohon kepada KPDNKK sekiranya didapati syarikat-syarikat yang memohon tersebut mempunyai kepekaan dalam mengendalikan alat-alat ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat juga menanyakan bagaimana untuk memastikan syarikat yang dilesenkan iaitu Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. (MCM) tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi integriti Syarikat MCM Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang diberi konsesi untuk menjalankan tugas-tugas penentusahan sebelum sesuatu alat ditentusahkan alat timbang dan sukat akan di kalibrasi oleh pihak lain iaitu dengan izin, *repaired* dan tanggungjawab dan tugas yang berbeza ini adalah untuk memastikan alat-alat tidak di manipulasi.

Selain itu setiap tugas yang dilaksanakan oleh MCM Sdn. Bhd. adalah di pantau oleh pegawai-pegawai penguat kuasa KPDNKK. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff yang membangkitkan beliau mengatakan pengusahaan stesen minyak ini tadi, meter *diverify* oleh Metrology Corporation Malaysia sukatan tata jalur lebar ataupun sukatan data barang kemas dan permata. Untuk makluman pam *dispenser* di stesen-stesen minyak merupakan salah satu alat yang perlu ditentusahkan oleh KPDNKK melalui Syarikat Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd.

Sukatan data jalur lebar dan meter telekomunikasi adalah di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Alat-alat timbang yang digunakan dalam perniagaan emas adalah tertakluk kepada penentusahan setiap dua bulan untuk oleh KPDNKK. AES bukanlah ataupun tidak termasuk sebagai alat di bawah bidang kuasa KPDNKK.

■2140

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasin juga menyentuh tentang rang undang-undang ini yang di bawah tetapi penguatkuasaan kakitangan kurang. Ini yang disentuh tadi buat *enforcement* tanpa guna pakaian uniform merupakan cadangan guna pendekatan *special branch* lebih bijak berahsia. KPDNKK untuk makluman ambil maklum akan cadangan tersebut dan sentiasa mempelbagaikan cara dalam menguatkuasakan Akta Timbang dan Sukat ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff, ini berkaitan barang kemas dan permata bagaimana KPDNKK boleh mengesahkan ketulenan barang kemas dan seterusnya minta penjelasan bagaimana alat perangkap had laju JPJ, PDRM ditentusahkan. Terima kasih Yang Berhormat tujuan penentu sah alat timbang adalah untuk memastikan ketepatan alat timbang. Alat timbang tidak boleh digunakan untuk menguji ketulenan emas walau bagaimana pun

ketulenan emas masih boleh diuji dengan menghantar emas yang disyaki palsu ke Jabatan Mineral dan Geosains sekiranya barang kemas sememangnya palsu tindakan boleh di ambil di bawah akta lain yang dikuatkuasakan oleh KPDNKK iaitu Akta Perihal Dagangan.

Selanjutnya penggunaan alat kamera JPJ, PDRM akan ditentu sah terlebih dahulu oleh Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan 2007. Alat ini tidak tertakluk di bawah KPDNKK namun ia adalah *valid* selagi mana telah ditentusahkan bagi tujuan penguatkuasaan pihak JPJ, PDRM.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah mencelah tadi memberi penerangan kepada rakyat supaya memahami akan peraturan timbang dan sukat. Untuk makluman KPDNKK mengambil maklum dalam menyebarkan penerangan kepada rakyat termasuklah dengan menggunakan medium-medium seperti khutbah Jumaat seperti yang telah dilakukan pada 14 April 2017 baru-baru ini.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dibangkit dan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu dan juga terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi di putuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini di bacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.40 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang.

■2150

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta 599. Tujuan utama pindaan adalah untuk melindungi kepentingan pengguna yang membeli barang melalui urus niaga jualan kredit. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperkukuh kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 599. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengadakan konsultasi dengan persatuan pengguna dan industri-industri berkenaan di mana hasil perbincangan menunjukkan bahawa tiada bantahan daripada pihak industri terhadap cadangan untuk menambah baik Akta 599 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 12 Oktober 2016, telah bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bersama Jabatan Peguam Negara segera mengambil tindakan bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menggunakan kuasa di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 untuk melindungi pengguna daripada eksploitasi dalam pembelian secara ansuran mudah bagi membolehkan inisiatif ini diumumkan semasa pembentangan Bajet 2017.

Pada 31 Mac 2017, Jemaah Menteri telah meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017 untuk dibentangkan di Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan adalah seperti berikut:

- (i) meminda seksyen 3 dengan memotong takrif 'surat cara kredit';
- (ii) memasukkan bahagian baharu IIIB yang memperkatakan berkenaan urus niaga jualan kredit;
- (iii) memasukkan seksyen baru 24K untuk memperuntukkan berkenaan pemakaian dan ketidakpakaian Bahagian IIIB yang dicadangkan;
- (iv) memasukkan seksyen baru 24L untuk memperuntukkan takrif 'amaun keseluruhan yang belum dijelaskan yang kena dibayar', 'barang', 'caj terma', 'kemudahan kredit', 'pemberi kemudahan kredit', 'pengedar', 'penjual', 'perjanjian jualan kredit', 'rebat berkanun', dan 'urus niaga jualan kredit' yang digunakan dalam Bahagian IIIB yang dicadangkan;
- (v) memasukkan seksyen baru 24M untuk memperuntukkan bahawa suatu perjanjian jualan kredit hanya boleh dibuat berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (vi) memasukkan seksyen baru 24N untuk memperuntukkan prasyarat perjanjian jualan kredit. Antara lain, seksyen 24N yang dicadangkan mengehendaki sebelum sesuatu perjanjian jualan kredit dibuat antara pembeli dengan pemberi kemudahan kredit, suatu pernyataan bertulis yang berhubungan

dengan ringkasan obligasi kewangan bakal pembeli dan suatu pernyataan bertulis yang berhubungan dengan persetujuan pemberi kemudahan kredit untuk memberikan kemudahan kredit kepada bakal pembeli diserahkan sendiri kepada bakal pembeli. Seksyen 24N yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperuntukkan tempoh bertenang selama 10 hari bekerja sebelum suatu perjanjian jualan kredit boleh dibuat. Walau apa pun tempoh bertenang itu, bakal pembeli boleh memilih untuk membuat sesuatu perjanjian jualan kredit selepas tiga hari bekerja dari tarikh penyerahan pernyataan bertulis yang berhubungan dengan persetujuan pemberi kemudahan kredit. Tempoh bertenang selama 10 hari dan tiga hari bekerja itu akan memberikan masa yang munasabah kepada bakal pembeli untuk mempertimbangkan pembelian barang itu;

- (vii) memasukkan seksyen baharu 24O yang menghendaki suatu perjanjian jualan kredit dibuat secara bertulis dan sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris. Suatu perjanjian jualan kredit yang melanggar kehendak ini adalah tidak sah dan pelanggaran kehendak ini juga menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 599;
- (viii) memasukkan seksyen baharu 24P yang menghendaki suatu perjanjian jualan kredit untuk mengandungi maklumat tertentu yang hendaklah termasuk bilangan ansuran bulanan yang perlu dibayar, hak dan obligasi pembeli dan pemberi kemudahan kredit, caj, terma, jumlah amaun yang kena dibayar dan sebagainya. Perjanjian jualan kredit yang melanggar peruntukan ini adalah tidak sah dan pelanggaran yang dikehendaki ini menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 599;
- (ix) memasukkan seksyen baharu 24Q yang memperuntukkan bahawa pemunyaan barang yang dibeli hendaklah berpindah kepada pembeli apabila perjanjian jualan kredit ditandatangani;
- (x) memasukkan seksyen baharu 24R yang memperuntukkan hak dan obligasi pembeli di bawah perjanjian jualan kredit. Antara lain, pembeli berhak kepada gerenti tersirat bahawa dia hendaklah mempunyai dan menikmati milikan aman barang yang dibeli dan pembeli mempunyai obligasi untuk memaklumkan pemberi kemudahan kredit secara bertulis di mana barang yang dibeli itu disimpan atau digunakan atau jika barang itu tiada dalam milikannya kepada siapa dia telah menghantar serahkan barang itu atau hal keadaan yang dia telah kehilangan milikan barang itu;
- (xi) memasukkan seksyen baharu 24S yang memperuntukkan hak dan obligasi pemberi kemudahan kredit di bawah perjanjian jualan kredit. Antara lain, pemberi kemudahan kredit berhak untuk menyebabkan supaya barang yang dibeli diinsuranskan atas nama pembeli terhadap apa-apa risiko yang difikirkan patut oleh pemberi kemudahan kredit itu dan untuk memungut apa-

apa fi tempahan atau deposit daripada pembeli. Pemberi kemudahan kredit mempunyai obligasi antara lain untuk membekalkan kepada pembeli dalam masa 21 hari dari tarikh penerimaan oleh pemberi kemudahan kredit itu suatu permintaan secara bertulis daripada pembeli suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir tertentu termasuklah jumlah amaun yang telah dibayar oleh pembeli, amaun yang akan kena dibayar di bawah perjanjian itu dan amaun yang diperoleh daripada caj terma bagi ansuran yang lampau tempoh. Kegagalan untuk menunaikan obligasi di bawah seksyen 24S yang dicadangkan menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 599;

- (xii) memasukkan seksyen baharu 24T yang menghendaki bahawa kadar caj terma berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang di bawah suatu perjanjian jualan kredit sebagaimana yang dikira mengikut formula yang ditetapkan tidak boleh melebihi kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 599.

■2200

Seksyen 24T yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika suatu perjanjian jualan kredit yang dibuat dengan melanggar kehendak itu, pembeli boleh memilih untuk menganggap perjanjian itu sebagai tidak sah atau supaya amaun lebih itu dikurangkan daripada jumlah amaun caj terma yang kena dibayar jika caj terma itu melebihi kadar yang ditetapkan. Seksyen 24T yang dicadangkan juga memperuntukkan tatacara yang perlu diikuti selepas pembeli membuat pemilihan itu.

- (xiii) memasukkan seksyen baharu 24U yang bertujuan untuk mengehadkan tempoh bayaran ansuran yang tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Menteri dan untuk mengehadkan kadar caj bayaran lewat yang tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan juga oleh Menteri. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 599.
- (xiv) memasukkan seksyen baharu 24V yang memperkatakan kemungkiran pembayaran ansuran oleh pembeli. Apabila suatu notis daripada pemberi kemudahan kredit diterima bahawa pembeli telah mungkir pembayaran dua ansuran berturut-turut, pembeli boleh dalam masa 21 hari memilih untuk membayar ansuran lampau tempoh dan caj bayaran lewat itu kepada pemberi kemudahan kredit untuk membuat penyelesaian awal atau untuk menamatkan perjanjian jualan kredit itu dan menyerahkan balik barang yang dibeli kepada pemberi kemudahan kredit.
- (xv) memasukkan seksyen baharu 24W yang membenarkan pembeli pada bila-bila masa atau apabila membuat pemilihan untuk menamatkan perjanjian jualan kredit untuk menyerahkan balik barang yang dibeli kepada pemberi kemudahan kredit. Bagi maksud menyerahkan balik barang yang dibeli,

seksyen 24W yang dicadangkan juga memperuntukkan tatacara yang perlu diikuti oleh pembeli dan pemberi kemudahan kredit.

- (xvi) memasukkan seksyen baharu 24X yang bertujuan untuk mengehendkan pemberi kemudahan kredit daripada mendedahkan atau mengedarkan data peribadi pembeli yang diperoleh di bawah urus niaga jualan kredit kepada pihak ketiga melainkan jika pembeli itu telah dimaklumkan tujuan pendedahan atau penyedaran itu dan suatu kebenaran bertulis daripada pembeli itu telah diperoleh.
- (xvii) memasukkan seksyen baharu 24Y yang bertujuan untuk melarang pemberi kemudahan kredit daripada mengambil semula milik barang yang dibeli daripada pembeli pada bila-bila masa sama ada atas kemungkinan pembayaran ansuran atau selainnya.
- (xviii) memasukkan seksyen baharu 24Z yang memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggaran terhadap seksyen 24X dan 24Y yang dicadangkan menjadi suatu kesalahan.
- (xix) memasukkan seksyen baharu 24AA yang bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan urus niaga jualan kredit dan perjanjian jualan kredit.
- (xx) meminda seksyen 123 Akta 599 untuk memperuntukkan bahawa Penolong Pengawal yang menyiasat apa-apa perlakuan kesalahan di bawah Akta 599 boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah.
- (xxi) memasukkan seksyen baharu 123A untuk memberikan kuasa kepada Penolong Pengawal untuk menjalankan penyiasatan terhadap mana-mana orang yang telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan apabila mendapat aduan daripada seseorang.
- (xxii) memasukkan seksyen baharu 124A, 124B, 124C, 124D dan 124E untuk memberikan kuasa kepada Penolong Pengawal dalam menjalankan siasatan. Seksyen 124A dimasukkan bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk mengarahkan mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen, atau untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat atau dokumen itu berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Penolong Pengawal di bawah Akta 599. Apa-apa keengganan atau kegagalan untuk mematuhi arahan yang dibuat sedemikian oleh Penolong Pengawal menjadi suatu kesalahan.
Seksyen 124B dimasukkan bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa mengambil dan memegang simpanan milik mana-mana dokumen yang diperoleh di bawah Akta 599.

Seksyen 124C dimasukkan bagi memberi Penolong Pengawal kuasa mengarahkan mana-mana orang untuk membenarkan Penolong Pengawal mendapat akses kepada buku, rekod, dokumen, benda atau perkaranya bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Penolong Pengawal di bawah Akta 599. Ketidapatuhan pada arahan itu menjadi suatu kesalahan.

Seksyen 124D dimasukkan bagi memberi Penolong Pengawal kuasa untuk memasuki mana-mana premis, selain premis yang hanya digunakan untuk rumah kediaman, untuk memeriksa atau menentusahkan apa-apa barang atau dokumen, untuk mengambil sampel barang atau rekod, atau untuk membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, dokumen, rekod atau benda lain yang dijumpai di dalam premis itu.

Seksyen 124E dimasukkan bagi memberi Penolong Pengawal kuasa untuk membuat tangkapan tanpa waran bagi mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau sedang cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 14, 16, 20 atau 23, Akta 599. Walau bagaimanapun, Penolong Pengawal yang membuat tangkapan itu hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada pegawai polis atau balai polis yang paling hampir.

- (xxiii) meminda seksyen 125, Akta 599 untuk memberi Penolong Pengawal kuasa bagi maksud menyiasat suatu kesalahan, untuk memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu dan menyita atau mengambil milikan dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda selain pakaian yang perlu yang dijumpai pada orang itu. Benda yang berkenaan dengannya yang terdapat sebab untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan mengenai kesalahan itu boleh ditahan sehingga suatu perintah mahkamah dibuat untuk pelupusannya.

■2210

- (xxiv) memasukkan seksyen baharu 126A bertujuan memperuntukkan waran geledah yang dikeluarkan di bawah akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan mana-mana buku, rekod, dokumen, barang atau benda yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta 599.
- (xxv) memasukkan seksyen baharu 126B yang bertujuan untuk menghendaki akses diberi kepada penolong pengawal bagi apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer atau berdigital, sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya semasa menjalankan kuasanya di bawah seksyen 125 atau 126 Akta 599.
- (xxvi) memotong seksyen 128 kerana seksyen 128 telah digubal semula dan dinomborkan semula sebagai seksyen 124A untuk memperkukuhkan kuasa

seorang penolong pengawal dalam pengumpulan maklumat yang berhubungan dengan kesalahan di bawah Akta 599.

- (xxvii) memotong seksyen 129 kerana kuasa untuk memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu boleh dijalankan oleh penolong pengawal mengikut subseksyen 123(2) yang dicadangkan selaras dengan seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah.
- (xxviii) memotong seksyen 130 supaya selaras dengan seksyen 113 Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan bahawa tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada pegawai polis semasa siasatan polis boleh digunakan sebagai keterangan.
- (xxix) meminda subseksyen 131(5) Akta 599 untuk menghendaki penolong pengawal merujuk tuntutan oleh mana-mana orang bahawa dia ialah pemunya barang atau benda lain yang disita kepada pengawal yang boleh mengarahkan bahawa barang atau benda lain itu dilepaskan atau dilucuthakkan atau boleh mengarahkan penolong pengawal untuk merujuk perkara itu kepada majistret bagi suatu keputusan.
Subseksyen 131(7) dipinda bagi menghendaki pelupusan barangan atau benda lain yang dilucuthakkan untuk dilupuskan mengikut arahan pengawal. Pindaan ini memberi kuasa pada pengawal untuk melupuskan atau mengembalikan *exhibit* kes berbanding dengan peruntukan asal yang hanya memberikan kuasa tersebut kepada majistret.
- (xxx) memasukkan seksyen baharu 134A yang bertujuan untuk memperkatakan kebolehterimaan keterangan yang diberikan oleh *agent provocateur* di mahkamah. Seksyen baharu 134B dimasukkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika apa-apa barang yang menjadi hal, perkara suatu kesalahan di bawah Akta 599 dijumpai di dalam dua atau lebih bungkusan atau bekas yang sama perihalnya, hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa semua bungkusan atau bekas itu mengandungi barang yang sama jenis, kuantiti dan kualiti dan adalah mencukupi untuk hanya membuka dan memeriksa satu peratus atau tidak kurang daripada lima sampel, mengikut mana-mana yang lebih kurang, daripada kandungan setiap bungkusan atau bekas yang disita itu.
- (xxxi) memasukkan seksyen baharu 135A untuk memperuntukkan kesalahan bagi pemberian maklumat. Dalam hal ini, mana-mana orang yang mendedahkan kepada mana-mana orang lain apa-apa maklumat atau perkara lain yang mungkin akan menjejaskan apa-apa penyiasatan atau penyiasatan yang dicadangkan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta 599 melakukan suatu kesalahan. Ini adalah untuk memastikan serbuan yang dilakukan oleh penolong pengawal adalah berkesan dan tiada kebocoran maklumat berhubung dengan serbuan yang bakal dilakukan.

- (xxxii) meminda seksyen 136 untuk memperkatakan kesalahan berhubung dengan pemusnahan, penyembunyian, pencatatan dan pengubahan rekod dan sebagainya dengan niat untuk memfraud penolong pengawal atau untuk mencegah, melengahkan atau menghalang perjalanan suatu penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa penolong pengawal di bawah Akta 599.
- (xxxiii) meminda perenggan 137(1)(a) untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk mengemukakan maklumat yang mengelirukan dalam apa-apa permohonan, laporan atau dokumen lain di bawah Akta 599.
- (xxxiv) meminda seksyen 138 Akta 599 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan memberi penolong pengawal akses kepada mana-mana premis, untuk mengamang, menghalang, menggagalkan atau melengahkan kemasukan penolong pengawal ke dalam premis itu, atau untuk enggan memberi penolong pengawal apa-apa maklumat yang berhubung dengan suatu kesalahan di bawah Akta 599.
- (xxxv) meminda subseksyen 139(1) Akta 599 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk mendedahkan apa-apa maklumat sulit yang diperoleh menurut peruntukan Akta 599. Memasukkan perenggan baharu 139(2)(ca), (cb) dan (cc) ke dalam Akta 599. Dengan pindaan ini, pendedahan maklumat sulit boleh dibuat jika pendedahan itu dibuat dengan persetujuan orang yang daripadanya maklumat itu diperoleh atau pendedahan itu dibuat dalam hal keadaan maklumat yang diberikan itu dirangka dengan cara yang sebegitu rupa sehingga sumber maklumat itu tidak dapat dipastikan. Pendedahan maklumat sulit juga boleh dibuat jika maklumat itu telah sedia ada dalam domain awam.
- (xxxvi) meminda perenggan 146(3)(b) untuk memperuntukkan bahawa jika suatu kesalahan telah dikompaun, apa-apa barang, benda, buku, dokumen, rekod atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan sebagaimana yang diarahkan oleh pengawal. Perkara ini diperlukan terutamanya melibatkan kesalahan berhubung kegagalan mematuhi standard keselamatan dan barang yang diisytiharkan tidak selamat di bawah seksyen 20, dan seksyen 23, Akta 599.

■2220

- (xxxvii) memasukkan subseksyen baru 150(3) untuk membolehkan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 599 untuk memperuntukkan apa-apa kesalahan dan penalti denda yang tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan untuk kesalahan kali kedua dan kesalahan kemudiannya, denda tidak melebihi RM250,000 atau pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.
- (xxxviii) mengadakan peruntukan kecualian yang berhubung dengan perjanjian jualan kredit yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Nampaknya tidak ada yang hendak dibahaskan. Saya pergi kepada lain iaitu...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Sila.

10.21 mlm.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya lah kalau bahas pun, cuma satu soalan sahaja fasal sudah pukul 10 lebih sudah. Ini berkenaan dengan seksyen 24K. Balik kepada seksyen 24K(1) dan (2). Saya cuma hendak tahu implikasi *credit sale agreement* atas *Hire Purchase Act*. Sama ada *hire purchase*- kalau kita tengok seksyen 24K ini, *Contract Act* di-specify, *Special Relief Act* di-specify, *Sale of Goods Act* di-specify tetapi *hire purchase agreement* tidak specify. So saya cuma hendak tahu implikasinya atas *hire purchase agreement* pasal *hire purchase agreement* pun *credit sale agreement*. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

10.22 mlm.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut maklumat yang ada, tiada sebarang implikasi, ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kepada para wira-wira yang ada di Dewan ini, daripada 10 pagi *start* sampai hari ini jam 10.30 malam, kita masih lagi berjuang. Jadi inilah hasil daripada kesetiaan kita kepada negara kita... *[Tepuk]* Dan kita berjuang dengan penuh integriti. Itu dia. Tahniah dan syabas. Bak kata pantun orang Melayu.

*Sudah lama kita menanti,
Anak gadis main di taman,
Jadilah orang yang dihormati,
Integriti dan kesetiaan itu jadi pedoman... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat hingga jam 10 pagi, hari Khamis, 27 April 2017. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.27 malam]